



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**NEGERI SELANGOR
TAHUN 2003**



**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
<u>KATA PENDAHULUAN</u>	<u>iv</u>
<u>INTISARI LAPORAN</u>	<u>ix</u>
<u>BAHAGIAN I : PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003</u>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>1</u>
<u>Pengesahan</u> Penyata Akaun Awam	<u>3</u>
<u>Analisis</u> Terhadap Penyata Akaun Awam	<u>3</u>
<u>Kemajuan</u> Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK8	<u>16</u>
<u>Rumusan</u> Dan Syor Audit	<u>19</u>
<u>BAHAGIAN II : PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI</u>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>20</u>
<u>Perbendaharaan</u> Negeri	<u>20</u>
<u>Pengurusan</u> Kewangan Jabatan Negeri	<u>56</u>
<u>Program</u> <i>Audit Presence</i>	<u>66</u>
<u>Program</u> Anak Angkat	<u>71</u>
<u>BAHAGIAN III : AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS</u>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>76</u>
<u>Jabatan</u> Perhutanan	
<u>Pengurusan</u> Pembalakan	<u>76</u>
<u>Pejabat</u> Setiausaha Kerajaan Negeri	
<u>Penswastaan</u> Kutipan Tunggakan Cukai Tanah	<u>98</u>
<u>Jabatan</u> Kebajikan Masyarakat	
<u>Pengurusan</u> Bantuan Am	<u>124</u>
<u>Jabatan</u> Perkhidmatan Haiwan	
Projek Ternakan Ayam Daging	<u>152</u>

PERKARA**MUKA SURAT****BAHAGIAN IV : BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

<u>Pendahuluan</u>	<u>171</u>
<u>Pengauditan</u> Penyata Kewangan	<u>171</u>
<u>Kedudukan</u> Penyerahan Penyata Kewangan	<u>172</u>
<u>Persijilan</u> Penyata Kewangan	<u>172</u>
<u>Pembentangan</u> Penyata Kewangan	<u>172</u>
<u>Prestasi</u> Kewangan	<u>173</u>
<u>Majlis</u> Bandaraya Shah Alam Pengurusan Kewangan	<u>177</u>
<u>Perbadanan</u> Kemajuan Pertanian Selangor Pengurusan Kewangan	<u>193</u>
<u>Perbadanan</u> Kemajuan Negeri Selangor Program Penempatan Semula Setinggan	<u>212</u>
<u>Majlis</u> Perbandaran Petaling Jaya Projek Komuniti IT	<u>238</u>

BAHAGIAN V : PERKARA AM

<u>Pendahuluan</u>	<u>259</u>
<u>Kedudukan</u> Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002	<u>259</u>
<u>Perkara</u> Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai	<u>265</u>
<u>Pembentangan</u> Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan	<u>269</u>
<u>Mesyuarat</u> Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	<u>269</u>

PERKARA	MUKA SURAT
<u>PENUTUP</u>	<u>272</u>
<u>LAMPIRAN</u>	
I <u>Sijil Ketua Audit Negara</u>	<u>273</u>
II <u>Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum Dan</u> <u>Penyata Hasil Disatukan</u>	<u>274</u>
III <u>Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri</u> <u>Sehingga 31 Julai 2004</u>	<u>277</u>
IV <u>Pensijilan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2003</u>	<u>278</u>
V <u>Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri</u> <u>Sehingga 31 Julai 2004</u>	<u>280</u>

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan DYMM Sultan Selangor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala DYMM Sultan Selangor menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Selangor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut:

- 1.1 **Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 1.2 **Pengauditan Pengurusan Kewangan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/ dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.
- 1.3 **Pengauditan Prestasi** - untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/ Agensi Negeri sepanjang tahun 2003 melalui 3 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun

Awam Kerajaan Negeri Tahun 2003, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri dengan turut mengadakan pemeriksaan di 125 pusat tanggungjawab. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 991 baucar bayaran bernilai RM729.56 juta, sebanyak 831 penyata pemungut bernilai RM22.95 juta dan 120 baucar jurnal bernilai RM666.51 juta. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 8 Jabatan/Agensi Negeri dan 6 pengauditan prestasi telah dijalankan. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/ aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan pengurusan tunggakan cukai tanah, pengurusan hutan, program ternakan, program sosial dan pembangunan teknologi maklumat.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2002 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan

4. Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap, menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta juga menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktivitinya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan, penyeliaan yang kurang rapi serta ketiadaan pemantauan masih berterusan berlaku.

5. Jabatan Audit Negara terus mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktivitinya. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :

5.1 Program Anak Angat. Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan yang bersifat '*fault finder*' – hanya mencari kesalahan kepada sifat *developmental*. Melalui program ini, empat pejabat telah dipilih untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Sehingga akhir bulan Julai 2004, sebanyak 2 daripada 4 telah berjaya mengikuti program ini dan diberi sijil penyertaan. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing. Laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

5.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan. Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

5.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer. Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khasnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

6. Laporan ini disediakan dalam 5 Bahagian seperti berikut :

Bahagian I : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri

Bahagian III : Aktiviti Jabatan Dan Kajian Khas

Bahagian IV : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan

Bahagian V : Perkara Am

7. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

3 September 2004

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

1. Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri pada tahun 2003 telah dapat disahkan dengan rekod dan dokumen sokongan yang mencukupi. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 berdasarkan Lembaran Imbangan adalah kukuh di mana aset yang berjumlah RM709.32 juta dapat menampung tanggungan berjumlah RM479.20 juta yang terdiri daripada Akaun Kena Bayar, Deposit/Amanah dan bayaran balik pinjaman.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Pengauditan yang dijalankan di Perbendaharaan Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan Hulu Langat, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Mufti, Pejabat Dewan Undangan Negeri dan Pejabat D.Y.M.M Sultan Selangor mendapati masih wujud kelemahan dalam pengurusan kewangan. Prosedur kewangan mengenai pengurusan hasil dan perbelanjaan, amanah, pelaburan, harta modal dan stor serta penyelenggaraan rekod kewangan tidak dipatuhi sepenuhnya.

BAHAGIAN III - AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

JABATAN PERHUTANAN

- Pengurusan Pembalakan

3. Pengurusan pembalakan di Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah dirancang dan dilaksanakan dengan memuaskan. Kaedah pemberian kawasan serta pengurusan hutan telah dibuat dengan sistematik dan disesuaikan dengan keadaan semasa. Walaupun begitu, pengurusan hutan akan dapat dipertingkatkan

sekiranya kelemahan yang wujud dapat diatasi. Jabatan perlu menimbang dengan serius keutamaan memberi kawasan pembalakan secara tender yang lebih menguntungkan Kerajaan Negeri berbanding secara konsesi dan kurnia yang dipraktikkan sekarang ini.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Penswastaan Tuggakan Cukai Tanah

4. Kerajaan Negeri telah menswastakan perkhidmatan kutipan tuggakan cukai tanah di Negeri Selangor mulai tahun 2001. Program penswastaan ini telah berjaya mencapai matlamatnya untuk membantu Kerajaan Negeri mengutip cukai tanah yang tertunggak sekian lama. Meskipun perancangan khusus bagi program ini tidak disediakan, ia telah dapat dilaksanakan walaupun wujud beberapa masalah. Antara masalah yang dikenal pasti ialah tidak wujud koordinasi antara Unit Hasil dan Unit Pendaftaran di Pejabat Tanah serta masalah data yang tidak kemas kini di Pusat ICT.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

- Pengurusan Bantuan Am

5. Bantuan Am yang diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat diberikan kepada individu/ keluarga yang tidak berkemampuan untuk meringankan beban kesulitan kewangan mereka buat sementara waktu sehingga mereka dapat berdikari. Semua aspek berkaitan pengurusan Bantuan Am seperti kaedah permohonan, kriteria kelayakan, kadar dan prosedur agihan telah digariskan dengan terperinci. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, beberapa masalah telah dikenal pasti seperti sistem penyelenggaraan fail yang kurang sempurna, kelewatan dalam proses siasatan dan kelulusan permohonan serta kekurangan kemudahan kepada kakitangan dan penerima bantuan. Pada amnya, Jabatan telah berjaya melaksanakan tanggungjawab sosial ini dengan baik. Namun penambahbaikan yang berterusan perlu dilaksanakan bagi menghasilkan perkhidmatan yang lebih berkualiti.

JABATAN PERHIDMATAN HAIWAN

- Projek Ternakan Ayam Daging

6. Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah melaksanakan projek ternakan ayam daging memandangkan kadar permintaan ayam yang meningkat setiap tahun manakala kadar pengeluarannya tidak dapat menampung permintaan tersebut. Projek ini dijalankan melalui 2 konsep. Konsep pertama adalah penternakan ayam secara tradisional iaitu menggunakan kaedah reban terbuka. Konsep kedua pula ialah kaedah pembinaan reban secara tertutup dengan penggunaan teknologi moden. Secara keseluruhannya, projek ini telah dapat mengurangkan masalah bekalan ayam tempatan serta mengubah corak penternakan ke arah penggunaan peralatan berteknologi tinggi dan mesra alam.

BAHAGIAN IV - BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

MAJLIS PERBANDARAN SHAH ALAM

- Pengurusan Kewangan

7. Pemeriksaan Audit mendapati pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Shah Alam mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diperbetulkan. Majlis disaran menjalankan pemeriksaan mengejut ke atas wang tunai yang dikutip dikaunter. Majlis perlu memberi perhatian terhadap pengeluaran inden serta kaedah penawaran tender dan sebut harga supaya lebih telus dan adil. Selain itu, Majlis perlu memastikan semua bil yang diterima dikawal dan dibayar dalam tempoh yang ditetapkan. Kekosongan jawatan perlu diisi untuk meningkatkan prestasi Majlis.

PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

- Pengurusan Kewangan

8. Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan Perbadanan perlu diperbaiki terutamanya dalam kawalan pengurusan, kawalan hasil dan perbelanjaan. Perbadanan perlu mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

supaya dapat memantau dan membincangkan perkara mengenai pengurusan kewangan di samping memastikan Peraturan Perakaunan Dan Kewangan Perbadanan yang ditetapkan dipatuhi. Manakala pengurusan pinjaman dan pengurusan aset masih boleh diperkemaskan lagi supaya semua prosedur kewangan dapat dipatuhi. Walaupun begitu, pengurusan pelaburan, akaun amanah dan deposit Perbadanan adalah memuaskan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

- Program Penempatan Semula Setinggan

9. Melalui Rancangan Malaysia Kelapan (RMK 8) antara matlamat Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk mencapai kadar setinggan sifar menjelang tahun 2005. Selain daripada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, Perbadanan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Program Penempatan Semula Setinggan yang menduduki tanah milik Kerajaan Negeri. Kajian Audit mendapati Perbadanan adalah berkeupayaan menyediakan rumah kos rendah yang diperlukan. Perbadanan juga mempunyai guna tenaga yang mencukupi dan berpengalaman. Semua projek pembinaan rumah kos rendah dilaksanakan oleh anak syarikat Perbadanan. Pihak Audit berpendapat Perbadanan perlu mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membiayai projek disebabkan Perbadanan tidak mendapat sebarang bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri melainkan tanah yang dianugerahkan untuk dimajukan sebagai kawasan perumahan.

MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA

- Projek Komuniti IT

10. Pusat Komuniti IT merupakan program sosial Kerajaan Negeri dalam usaha merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat bandar dan luar bandar untuk mewujudkan pembangunan IT yang seimbang. Majlis Perbandaran Petaling Jaya bertanggungjawab terhadap 5 program PKIT yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri di samping 4 PKIT yang diusahakan oleh Majlis. Kajian Audit mendapati akibat kelemahan perancangan dan pelaksanaan program serta kurang pemantauan, program ini tidak mencapai matlamatnya. Pihak pengurusan Majlis dan Persatuan/Jawatankuasa Penduduk haruslah lebih komited untuk menjayakan program ini.

BAHAGIAN I
PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

1. PENDAHULUAN

Penyata Akaun Awam yang berkembar bersama-sama Laporan ini mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum serta Penyata Hasil dan Perbelanjaan yang menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2003.

Selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dikehendaki menyediakan Penyata Akaun Awam secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 kepada Jabatan Audit Negara pada 16 Julai 2004.

Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Dalam menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah *material*, faktor yang diambil kira ialah jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak (*nature*) kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu berlaku. Kesilapan, ketinggalan dalam akaun dan ketiadaan dokumen sokongan yang *material* dilaporkan dalam **Bahagian** ini.

Bagi memastikan pengurusan kewangan dapat dipertingkatkan, Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan 2 pekeliling kepada semua Ketua Jabatan Negeri iaitu mengenai Tatacara Perakaunan Pungutan dan Peraturan Penutupan Akaun Tahun Kewangan 2003. Seperti di tahun yang lalu, Perbendaharaan Negeri dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengadakan program latihan untuk pegawai dan kakitangan di semua pejabat secara berkala. Pada tahun 2003, sejumlah 16 kursus telah diadakan berkaitan dengan perkhidmatan, peningkatan kecekapan dan pengurusan kewangan. Selain itu, bagi memantau pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi, Jawatankuasa Induk Pengurusan Kewangan, Akaun Dan Audit yang ditubuhkan pada bulan Jun 1999 telah mengadakan 2 mesyuarat pada tahun 2003 bagi membincangkan masalah pengurusan kewangan di Jabatan Negeri. Perpendaharaan Negeri juga dengan kerjasama Jabatan dan Agensi Negeri telah menyediakan memorandum jawapan terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002 untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

Seksyen Audit Dalam di bawah Bahagian Audit Dalam Dan Pengaduan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah disusun semula pada tahun 2003 dengan penambahan 5 jawatan. Sepanjang tahun 2003, sejumlah 6 kajian prestasi dan 8 pengurusan kewangan yang telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara terhadap Jabatan di Negeri Selangor telah dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit Pengurusan. Setakat ini, hanya 2 daripada 7 Badan Berkanun Negeri mempunyai Unit Audit Dalam. Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan hanya 5 daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan telah menubuhkannya. Pada tahun 2003, tidak ada Agensi tersebut yang menubuhkan Unit Audit Dalam.

Selain itu, sejajar dengan hasrat untuk menerapkan budaya kualiti dalam sistem pentadbiran Kerajaan Negeri, Bahagian Kewangan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Audit Dalam Dan Pengaduan Awam dan Pusat Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang memperolehi anugerah MS ISO 9002 pada tahun 2002 sedang berusaha untuk memperolehi sijil MS ISO 9002 Versi 2000.

Seperti di tahun yang lalu, Jabatan Audit Negara turut memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan kewangannya. Pada tahun 2003, pegawai Jabatan Audit Negara telah dilantik menjadi ahli panel Anugerah Pengurusan Kewangan dan Anugerah Kaunter Berkualiti bagi Jabatan dan Agensi. Sejumlah 7 taklimat dan ceramah telah diberikan oleh pegawai Jabatan Audit Negara kepada Jabatan dan Agensi melalui kursus serta latihan pengurusan kewangan anjuran Kerajaan Negeri. Pegawai Jabatan Audit Negara juga menjadi

Ahli Jawatankuasa Pembangunan Negeri, Jawatankuasa Pengkomputeran Sistem Pungutan Hasil Tanah dan Jawatankuasa Pengkomputeran Sistem Perakaunan bagi 4 Majlis Daerah.

2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM

Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2003.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I dan II.**

Prestasi persembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini hendaklah dikekalkan supaya sijil tanpa teguran masih dapat dikeluarkan pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri terus dipertingkatkan.

3. ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM

Analisis Penyata Akaun Awam dibuat bagi menilai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada akhir tahun 2003 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2002. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada 2 jenis penyata utama iaitu Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Kedua penyata ini memberikan gambaran berbeza di mana Lembaran Imbangan menunjukkan keadaan sebenar kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun berkenaan yang berasaskan tunai, sementara Penyata Akaun Memorandum merupakan memorandum untuk memaklumkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang lebih bercorak jangka panjang dan ke arah perakaunan asas akruan.

3.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Kedudukan kewangan sesebuah Negeri dapat dinilai daripada maklumat kewangan yang terkandung di Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan digunakan untuk mengakaunkan Kumpulan Wang Disatukan yang ditubuhkan melalui Perkara 97(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada akhir Disember 2003 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Mengikut
Lembaran Imbangan

Bil	Butiran	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	650.23	536.84	(113.39)
2.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri daripada: <i>i) Kumpulan Wang Pembangunan</i> <i>ii) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i> <i>iii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i> <i>iv) Deposit</i> <i>v) Kumpulan Wang Pembangunan Hutan</i> <i>v) Akaun Kena Bayar</i>	179.66 (254.64) 42.36 86.71 176.76 (2.28) 130.75	172.48 (169.17) 50.42 93.58 87.43 (1.98) 112.20	(7.18) 85.47 8.06 6.87 (89.33) 0.30 (18.55)
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	-	-	-
Jumlah		829.89	709.32	(120.57)

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Selangor

Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2003 adalah RM709.32 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM342.56 juta dan pelaburan sejumlah

RM366.76 juta. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami pengurangan berjumlah RM120.57 juta iaitu daripada RM829.89 juta pada tahun 2002 menjadi RM709.32 juta pada tahun 2003. Punca utama pengurangan ini adalah disebabkan oleh kemerosotan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM113.39 juta. Dari segi kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah kukuh di mana aset yang berjumlah RM709.32 juta dapat menampung tanggungan berjumlah RM479.20 juta yang terdiri daripada Akaun Kena Bayar sejumlah RM112.20 juta, deposit sejumlah RM87.43 juta, Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM93.58 juta dan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM185.99 juta.

Mengikut Penyata Akaun Memorandum, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Aset Dan Tanggungan
Mengikut Kedudukan Penyata Akaun Memorandum

Bil	Butiran	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Aset Penyata Hasil Belum Terima	135.60	378.26	242.66
	Pinjaman Boleh Dituntut	334.19	337.32	3.13
	Pelaburan	211.51	211.52	0.01
	Jumlah Aset	681.30	927.10	245.80
2.	Tanggungan Hutang Kerajaan Negeri	1,056.76	1,055.76	(1.00)
	Jumlah Tanggungan	1,056.76	1,055.76	(1.00)

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Selangor

Jumlah aset yang ditunjuk dalam Penyata Akaun Memorandum telah meningkat sejumlah RM245.80 juta iaitu daripada RM681.30 juta pada tahun 2002 menjadi RM927.10 juta pada tahun 2003. Peningkatan ini berpunca daripada tunggakan hasil yang bertambah sejumlah RM242.66 juta. Selain tunggakan hasil, aset ini juga terdiri daripada Pinjaman Boleh Tuntut dan Pelaburan yang masing-masing berjumlah RM337.32 juta dan RM211.52 juta.

Pada pandangan Audit, walaupun kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 menurun jika dibandingkan dengan tahun 2002, aset berjumlah RM709.32 juta masih mencukupi untuk menampung Tanggungan berjumlah RM479.20 juta. Analisis lengkap berkenaan komponen Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum ditunjuk di perenggan berikutnya.

LEMBARAN IMBANGAN

3.2 AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2003 dengan defisit berjumlah RM113.39 juta. Defisit ini berpunca daripada perbelanjaan Kerajaan Negeri berjumlah RM1,073.39 juta berbanding hasil yang diperolehi berjumlah RM960 juta pada tahun 2003.

3.2.1 Hasil

Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2003 berjumlah RM960 juta iaitu meningkat sejumlah RM89.47 juta berbanding tahun 2002 berjumlah RM870.53 juta. Jumlah hasil mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Pungutan Hasil Tahun 2002 Dan 2003

Bil	Kategori	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Lebihan/ (Kurangan) (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	332.39	340.35	7.96
2.	Hasil Bukan Cukai	403.69	412.97	9.28
3.	Terimaan Bukan Hasil	134.45	206.68	72.23
	Jumlah	870.53	960.00	89.47

Sumber : Penyata Akaun Awam Negeri Selangor

Analisis Audit mendapati sebanyak 54 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM169.21 juta dan sebanyak 41 butiran

mengalami penurunan berjumlah RM79.74 juta. Berikut adalah peningkatan dan penurunan yang ketara bagi butiran hasil tersebut.

i) Peningkatan Hasil Yang Ketara

a) Hasil Yang Meragukan

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah menerima hasil berjumlah RM12.02 juta yang dikategorikan sebagai Hasil Yang Meragukan. Hasil ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM6.21 juta berbanding dengan RM5.81 juta pada tahun 2002. Butiran hasil yang baru diwujudkan pada tahun 2002 ini adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.5 Tahun 2002. Pekeliling ini menyatakan pengasingan perlu dibuat bagi hasil Kerajaan yang dianggap meragukan mengikut hukum syarak seperti Lesen Pendaftaran Anjing, Mesin Hiburan Elektronik, Snooker dan lain-lain.

b) Premium Geran Tanah

Pada tahun 2003, Premium Geran Tanah merupakan penyumbang utama iaitu sejumlah 29% daripada hasil Kerajaan Negeri. Kutipan pada tahun 2003 berjumlah RM284.87 juta meningkat sejumlah RM25.31 juta berbanding RM259.56 juta pada tahun 2002. Pejabat yang membuat kutipan tertinggi ialah Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling, Hulu Langat dan Gombak. Peningkatan ini adalah disebabkan pengeluaran geran baru dan pertukaran syarat penggunaan tanah selaras dengan pertumbuhan pesat sektor ekonomi seperti hartanah dan perindustrian.

c) Pelbagai Hasil Tahun Lalu

Terimaan hasil ini meningkat sejumlah RM99.78 juta menjadi RM114.97 juta pada tahun 2003 berbanding RM15.19 juta pada tahun 2002. Antara faktor utama peningkatan ini adalah disebabkan terimaan sejumlah

RM81.25 juta yang merupakan pindahan daripada akaun deposit bagi tahun 1960 hingga 2002 ke akaun hasil. Selain itu, sejumlah RM10.23 juta adalah Bayaran Perkhidmatan 2002 Kepada Kerajaan Negeri Bagi Projek Persekutuan yang diterima pada tahun 2003.

d) Pindahan Daripada Kira-kira Amanah

Baki Pindahan Daripada Kira-kira Amanah yang hanya berjumlah RM372,306 pada tahun 2002 mengalami peningkatan yang ketara menjadi RM6.69 juta pada tahun 2003. Pejabat yang menunjukkan peningkatan paling ketara ialah Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat. Peningkatan sejumlah RM6.32 juta tersebut adalah disebabkan pindahan deposit tahun lalu dari akaun amanah telah tersilap diakaunkan ke hasil ini.

ii) Penurunan Hasil Yang Ketara

a) Faedah Daripada Penanaman Modal/ Pertaruhan Tetap

Faedah daripada Penanaman Modal/Pertaruhan Tetap yang dikutip pada tahun 2002 sejumlah RM27.80 juta telah menurun sejumlah RM15.14 juta menjadi RM12.66 juta pada tahun 2003. Penurunan ini terutamanya disebabkan Kerajaan Negeri telah mencairkan simpanan tetapnya bernilai RM65 juta pada bulan Oktober dan November 2003 untuk menanggung perbelanjaan mengurus.

b) Faedah Daripada Pinjaman Kepada Badan Berkanun

Pada tahun 2002 kutipan Faedah Daripada Pinjaman Kepada Badan Berkanun adalah sejumlah RM10.45 juta manakala tiada sebarang hasil diperolehi pada tahun 2003. Penurunan ini adalah berikutan tiada bayaran balik diterima daripada Badan Berkanun kecuali daripada Majlis

Perbandaran Ampang Jaya yang mana tiada faedah dikenakan bagi pinjaman tersebut.

c) Pemberian Pertambahan Hasil Dan Pemberian 50% Kos Urus Kerajaan Negeri

Pada tahun 2002, terimaan bagi Pemberian Pertambahan Hasil dan Pemberian 50% Kos Urus Kerajaan Negeri masing-masing berjumlah RM10.13 juta dan RM26.11 juta. Penurunan bagi Pemberian Pertambahan Hasil dan Pemberian 50% Kos Urus Kerajaan Negeri adalah kerana pemberian sedemikian tidak diterima pada tahun 2003 tetapi hanya diterima pada bulan Januari 2004.

3.2.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri secara keseluruhannya menurun sejumlah RM173.20 juta daripada RM1.25 bilion pada tahun 2002 menjadi RM1.07 bilion pada tahun 2003. Perbelanjaan ini terdiri daripada 5 kategori iaitu Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Pelbagai Perbelanjaan. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut kategori bagi tahun 2003 berbanding tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2002 Dan 2003

Bil	Kategori Perbelanjaan	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Emolumen	140.67	143.52	2.85
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	477.68	189.28	(288.40)
3.	Aset	8.99	8.47	(0.52)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	602.33	730.33	128.00
5.	Pelbagai Perbelanjaan	16.92	1.79	(15.13)
Jumlah		1,246.59	1,073.39	(173.20)

Sumber : Penyata Akaun Awam Negeri Selangor

Analisis Audit selanjutnya mendedahkan antara butiran perbelanjaan yang menunjukkan peningkatan dan penurunan ketara adalah seperti berikut:

i) Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara

a) Pemberian Dalam Negeri

Perbelanjaan bagi Pemberian Dalam Negeri pada tahun 2003 berjumlah RM717.46 juta iaitu 66% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus tahun 2003. Perbelanjaan ini telah meningkat sejumlah RM135.09 juta berbanding RM582.37 juta pada tahun 2002. Antara punca utama peningkatan perbelanjaan ini adalah pertambahan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan yang meningkat sejumlah RM130.90 juta iaitu daripada RM479.15 juta pada tahun 2002 menjadi RM610.05 juta pada tahun 2003. Peningkatan perbelanjaan butiran Pemberian Dalam Negeri juga disebabkan pembayaran sejumlah RM7.18 juta kepada 2 firma swasta yang dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk mengutip tunggakan hasil cukai tanah yang lama tertunggak. Selain itu, Kerajaan Negeri telah melaraskan sejumlah RM5 juta sumbangan yang telah tersalah diambil kira sebagai Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan Lain pada tahun 2001.

ii) Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara

a) Perkhidmatan Ikhtisas Dan Lain Perkhidmatan Yang Dibeli

Pada tahun 2003, perbelanjaan bagi butiran ini menurun sejumlah RM291.78 juta menjadi RM67.52 juta berbanding RM359.30 juta pada tahun 2002. Semakan Audit mendapati punca utama penurunan sejumlah 81% ini disebabkan Kerajaan Negeri pada tahun 2002 telah membantu Jabatan Bekalan Air untuk menjelaskan tunggakan bayaran pembelian air bersih kepada 3

syarikat pemprosesan air berjumlah RM300 juta. Pada bulan Mac 2003, Jabatan berkenaan telah dikorporatkan sebagai Perbadanan Urus Air Selangor Berhad (PUAS) dan segala urusan air akan ditanggung oleh Perbadanan.

b) Faedah, Dividen Dan Kenaan Bayaran Hutang Negeri

Pada tahun 2003, perbelanjaan ini yang berjumlah RM1.14 juta telah berkurangan sejumlah RM6.59 juta berbanding RM7.73 juta pada tahun 2002. Pihak Audit mendapati pengurangan sejumlah 85% ini disebabkan oleh Kerajaan Negeri tidak menjelaskan sebahagian besar tunggakan hutangnya kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM185.99 juta.

3.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Semua Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Acara Kewangan 1957 termasuk deposit yang diterima daripada orang awam diakaunkan di bawah Akaun Amanah Disatukan.

3.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan

Pada tahun 2003, Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri telah mencatat lebihan sejumlah RM85.47 juta berbanding lebihan berjumlah RM3.13 juta pada tahun 2002. Dengan lebihan ini, baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2003 berjumlah RM169.17 juta. Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2003 berjumlah RM558.72 juta berbanding RM581.23 juta pada tahun 2002. Daripada 8 pejabat yang terlibat dengan perbelanjaan pembangunan ini, empat pejabat telah membelanjakan jumlah yang tertinggi iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM193.92 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM150.31 juta, Perbadanan Negeri berjumlah RM98.69 juta dan Jabatan Agama Islam berjumlah RM52.35 juta. Ini bermakna empat pejabat

ini telah membelanjakan sejumlah RM495.27 juta atau 89% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan. Sejumlah RM98.19 juta daripada RM98.69 juta yang dibelanjakan oleh Perbendaharaan Negeri adalah perbelanjaan di bawah Simpanan Luar Jangka yang digunakan bagi membiayai kekurangan peruntukan projek yang telah sedia untuk pembayaran atau di peringkat hampir siap. Antara projek terlibat adalah menaikkan taraf dan pembinaan jalan, menampung pembayaran sekolah Agama dan masjid serta meningkatkan taraf sistem saliran.

3.3.2 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2003 adalah berjumlah RM50.42 juta berbanding pada akhir tahun 2002 berjumlah RM42.36 juta iaitu peningkatan sejumlah RM8.06 juta. Analisis Audit mendapati Akaun Kumpulan Wang Mendirikan Rumah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang ditunjukkan di bawah Kumpulan Wang Khas dan 67 akaun pelbagai potongan gaji yang ditunjukkan di bawah Deposit Dan Wang Amanah Yang Lain pada tahun 2002 diklasifikasikan di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Sementara itu, akaun Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan yang ditunjukkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2002 diklasifikasikan di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam.

3.3.3 Kumpulan Wang Amanah Awam

Mengikut Penyata Akaun Awam, baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2003 berjumlah RM93.58 juta berbanding RM86.71 juta pada akhir tahun 2002 iaitu peningkatan sejumlah RM6.87 juta. Peningkatan yang ketara adalah bagi akaun Kumpulan Wang Amanah Khas melibatkan baki Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan. Baki Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan ini pada akhir tahun 2003 adalah RM29.07 juta berbanding RM7.45 juta pada akhir tahun 2002 iaitu peningkatan sejumlah RM21.62 juta. Peningkatan ini adalah akibat daripada peningkatan pemberian jalan raya oleh Kerajaan Persekutuan iaitu daripada

RM150.37 juta pada tahun 2002 menjadi RM152.75 juta pada tahun 2003. Selain itu, perbelanjaan penyelenggaraan jalan dapat dikurangkan sejumlah RM11.79 juta pada tahun 2003 yang berjumlah RM131.13 juta berbanding RM142.92 juta pada tahun 2002.

3.3.4 Deposit

Baki deposit pada akhir tahun 2003 berjumlah RM87.43 juta telah menurun sejumlah RM89.33 juta berbanding tahun 2002 berjumlah RM176.76 juta. Analisis Audit menunjukkan penurunan yang ketara melibatkan Akaun Deposit Lelong. Baki Akaun Deposit Lelong menurun daripada RM133.44 juta pada tahun 2002 menjadi RM42.42 juta pada tahun 2003 iaitu penurunan sejumlah RM91.02 juta. Penurunan Deposit Lelong yang paling ketara ialah bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat serta Gombak. Penurunan ini adalah disebabkan Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat serta Gombak telah mengambil tindakan pewartaan terhadap deposit yang tidak dituntut sejak tahun 1976 hingga 2002 dan telah melaraskan deposit tersebut ke Akaun Pelbagai Hasil Tahun Lalu.

3.3.5 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan diwujudkan mengikut Akta Perhutanan Negara 1985. Tujuan Kumpulan Wang ini ditubuhkan adalah untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini diperolehi daripada peruntukan Kerajaan Negeri, ses pembangunan hutan dan pinjaman Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2003, Kumpulan Wang menerima caruman daripada Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM3.72 juta dan hasil kutipan ses berjumlah RM217,864. Perbelanjaan Kumpulan Wang ini berjumlah RM3.64 juta pada tahun 2003 berkurangan sejumlah RM2.26 juta berbanding RM5.90 juta pada tahun 2002. Pada akhir tahun 2003 Kumpulan Wang ini berbaki defisit berjumlah RM1.98 juta.

3.3.6 Akaun Kena Bayar

Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada akhir tahun yang perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Pada akhir tahun 2003 baki akaun ini ialah RM112.20 juta berbanding RM130.75 juta pada tahun 2002. Mengikut analisis Audit penurunan sejumlah RM18.55 juta adalah disebabkan tindakan yang telah diambil oleh Pegawai Kewangan Negeri yang mana baucar Akaun Kena Bayar hendaklah dikemukakan pada awal bulan Januari 2004 dan baucar yang diterima lewat akan dikembalikan untuk dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Antara Jabatan yang mempunyai 80% daripada keseluruhan perbelanjaan Akaun Kena Bayar adalah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM34.32 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM33.41 juta, Jabatan Pengairan Dan Saliran berjumlah RM9.82 juta, Jabatan Agama Islam berjumlah RM5.35 juta, Jabatan Pertanian berjumlah RM3.51 juta dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor berjumlah RM3.02 juta.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

3.4 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

Baki akaun ini pada akhir tahun 2003 berjumlah RM337.32 juta. Pada tahun 2003, daripada 6 agensi terlibat hanya Majlis Perbandaran Ampang Jaya sahaja yang telah menjelaskan ansuran bayaran balik berjumlah RM500,000. Selain itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM8 juta pinjaman kepada Kolej Islam Darul Ehsan dan telah mengeluarkan sejumlah RM4 juta daripada jumlah pinjaman tersebut pada tahun 2003.

3.5 PELABURAN

Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan perbelanjaan mengurus ditunjuk di Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2003 saham di Penyata Akaun Memorandum berjumlah RM211.52 juta iaitu pelaburan saham melalui Perbadanan Menteri Besar sejumlah RM210.69 juta,

saham dalam PERNAS sejumlah RM500,000 dan melalui pengurus portfolio sejumlah RM334,042. Analisis Audit menunjukkan pelaburan ini meningkat sejumlah RM11,470 berbanding RM211.51 juta pada tahun 2002 disebabkan pertambahan pelaburan saham melalui pengurus portfolio.

3.6 TUNGGAKAN HASIL

Pada tahun 2003, tunggakan hasil bagi 31 pemungut berjumlah RM356.26 juta. Tunggakan tersebut menunjukkan peningkatan sejumlah RM242.66 juta jika dibandingkan dengan tunggakan pada tahun 2002 berjumlah RM113.60 juta. Pihak Audit mendapati antara Pejabat yang menunjukkan peningkatan tunggakan ialah Pejabat Daerah Dan Tanah Klang, Hulu Selangor dan Petaling. Pejabat Daerah Dan Tanah tersebut mempunyai tunggakan hasil masing-masing sejumlah RM91.24 juta, RM48 juta dan RM101.15 juta.

Daripada jumlah tunggakan hasil tersebut, sejumlah RM349.72 juta atau 98% adalah tunggakan hasil cukai tanah. Walaupun pihak Kerajaan Negeri telah melantik firma swasta untuk mengutip tunggakan hasil cukai tanah dan menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2002, namun tunggakan berkenaan meningkat semula pada tahun 2003. Sebab peningkatan tunggakan ini seperti berikut:

- i) Tiada penyelarasan antara Unit Hasil dengan Unit Pendaftaran di Pejabat Daerah Dan Tanah yang mana perubahan seperti pertukaran hak milik, pemecahan atau penggabungan geran dan pertukaran syarat tanah tidak dimaklumkan oleh Unit Pendaftaran kepada Unit Hasil;
- ii) Ada pejabat yang melaporkan tunggakan pada tahun 2002 hanyalah tunggakan bagi tanah yang berjenis Hak Milik Sementara Mukim sahaja manakala pada tahun 2003 tunggakan tersebut termasuk tanah berjenis Hak Milik Sementara Daerah dan Hak Milik Sementara Mukim; dan
- iii) Kesilapan sistem komputer mengeluarkan maklumat yang diragui dalam bil seperti tunggakan yang tidak kemas kini dan alamat yang salah dan tidak lengkap.

Butiran tunggakan hasil tahun semasa berbanding tahun lepas adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2002 Dan 2003

Bil	Jenis Hasil	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	107.44	349.72	242.28
2.	Lain-lain Hasil	6.16	6.39	0.23
3.	Hasil Hutan	-	0.15	0.15
Jumlah		113.60	356.26	242.66

Sumber : Penyata Tunggakan Hasil

3.7 HUTANG KERAJAAN NEGERI

Penyata Akaun Awam menunjukkan hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.06 bilion pada tahun 2003. Pada tahun 2003, tiada pinjaman baru yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Pihak Audit mendapati sejumlah RM998,143 ansuran pinjaman ladang hutan telah dijelaskan pada tahun ini. Manakala tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2003 berjumlah RM185.99 juta.

4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK8

Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) Negeri Selangor untuk tempoh 5 tahun (2001-2005) merupakan perancangan fasa pertama Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga bagi Negeri Selangor. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Selangor. Ia juga signifikan jika dilihat dari perspektif ke arah menggerakkan Negeri Selangor mencapai status negeri maju pada tahun 2005 berbanding Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) yang lebih menjurus kepada menyegerakan pemulihan ekonomi daripada kegawatan.

Bagi menjayakan RMK8, sejumlah RM5.18 bilion telah diperuntukkan bagi tempoh 5 tahun. Pada tahun 2003, sejumlah RM606.34 juta telah diperuntukkan bagi

8 Jabatan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM558.72 juta atau 92% telah dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan bagi tempoh 2001 hingga 2003 di bawah RMK8 adalah berjumlah RM1.69 bilion atau 33% daripada peruntukan RMK8. Analisis Audit menunjukkan daripada 8 Jabatan yang terlibat, Perbendaharaan Negeri telah membelanjakan RM229.30 juta melebihi dua kali ganda daripada peruntukannya. Sebahagian besar perbelanjaan adalah di bawah Simpanan Luar Jangka yang digunakan bagi menampung perbelanjaan tambahan atau perbelanjaan projek yang tiada peruntukan tetapi terpaksa dilaksanakan. Bagi Jabatan lain, prestasi perbelanjaannya adalah antara 4% hingga 40%. Prestasi perbelanjaan bagi setiap Jabatan di bawah RMK8 adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK8

Bil	Nama Kementerian/Jabatan	Peruntukan Diluluskan RMK8 Tahun 2001-2005 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2003 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1,587.63	631.34	40
2.	Perbendaharaan Negeri	102.50	229.30	224
3.	Jabatan Pertanian	116.87	30.95	26
4.	Jabatan Kerja Raya	1,733.86	490.00	28
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	659.02	102.47	15
6.	Jabatan Agama Islam	911.36	196.01	21
7.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	18.06	0.65	4
8.	Jabatan Haiwan	51.40	12.46	24
Jumlah		5,180.69	1,693.18	33

Sumber : Rekod Jabatan Negeri

Peruntukan yang disediakan pada tahun ini adalah untuk membiayai 952 projek. Sebahagian daripada projek tersebut merupakan projek sambungan daripada RMK7. Daripada jumlah tersebut pihak Audit mendapati 383 projek atau 40% telah siap

dilaksanakan sepenuhnya. Antara projek besar yang telah siap dilaksanakan ialah Foyer/Banquet Istana Alam Shah bernilai RM75.50 juta, Pusat Latihan Teknikal Kuala Selangor bernilai RM30 juta dan Rumah Kakitangan Istana Alam Shah bernilai RM25 juta. Manakala 213 projek atau 22% masih dalam pelaksanaan. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah Pusat Tumbuhan Sungai Long Sabak Bernam bernilai RM70 juta, Kompleks Islam Selangor bernilai RM44 juta. Selain itu, sebanyak 356 projek masih belum dimulakan lagi kerana ketiadaan peruntukan, lewat menerima waran peruntukan, masalah tanah, tapak projek dan pemindahan setinggan. Antara projek yang belum bermula ialah Kompleks Pertanian Shah Alam bernilai RM20 juta, Kompleks Sukan Sepang bernilai RM15 juta dan Rancangan Rumah Kos Rendah Hulu Selangor bernilai RM10.90 juta. Status pelaksanaan projek RMK8 adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Status Pelaksanaan Projek RMK8 Setakat 31 Disember 2003

Bil	Nama Kementerian/Jabatan	Bil Projek	Status Pelaksanaan		
			Siap	Sedang Dilaksana	Belum Mula
1.	Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	120	85	21	14
2.	Perbendaharaan Negeri	1	1	-	-
3.	Jabatan Pertanian	34	30	2	2
4.	Jabatan Kerja Raya	236	52	65	119
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	210	97	36	77
6.	Jabatan Agama Islam	321	96	85	140
7.	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	9	2	3	4
8.	Jabatan Haiwan	21	20	1	-
Jumlah		952	383	213	356

Sumber : Rekod Jabatan Negeri

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pihak Audit berpendapat penyediaan Penyata Akaun Awam Tahun 2003 adalah bertambah baik dan rekod perakaunan telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Butiran yang *material* dalam Penyata Kewangan Negeri telah dapat disahkan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri masih kukuh walaupun aset pada tahun 2003 menurun sejumlah RM120.57 juta jika dibandingkan dengan tahun 2002. Bagi mempertingkatkan kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri hendaklah berusaha mengutip tunggakan hasil yang masih tinggi dan meneruskan perbelanjaan berhemah.

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

6. PENDAHULUAN

Selain mengesahkan Penyata Akaun Awam, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap beberapa Jabatan yang dipilih. Pengauditan pengurusan kewangan adalah untuk menentukan sama ada Jabatan mematuhi peraturan kewangan dan rekod berkaitan diselenggarakan dengan baik. Bagi Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan, pihak Audit melaksanakan *Audit Presence*. Program *Audit Presence* ini memberi penekanan kepada kawalan dalaman dan penyelenggaraan rekod kewangan. Pemilihan Jabatan untuk *Audit Presence* dibuat mengikut keutamaan iaitu Jabatan yang belum pernah dilawati atau tidak diaudit melebihi 3 tahun. Dari pemeriksaan dan lawatan Audit ke Jabatan adalah didapati ada di antaranya mempunyai berbagai masalah dan kelemahan dalam pengurusan kewangan. Jabatan ini perlu dibantu dan diberi bimbingan supaya tahap pengurusan kewangannya dapat diperbaiki. Untuk tujuan ini, Jabatan Audit Negara pada tahun 2003 telah memperkenalkan program Anak Angkat.

PERBENDAHARAAN NEGERI

7. LATAR BELAKANG

Perbendaharaan Negeri adalah Jabatan yang bertanggungjawab menetapkan dasar dan peraturan kewangan Kerajaan Negeri. Tanggungjawab ini juga termasuk mengawal selia Jabatan Negeri dengan memastikan segala bayaran dan terimaan dibuat mengikut peraturan kewangan. Selain itu, Perbendaharaan Negeri juga memantau dan membuat tindakan susulan terhadap Jabatan bagi memastikan rekod hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan rekod kewangan lain diselenggarakan dengan lengkap dan teratur. Pada tahun 2003 Perbendaharaan Negeri menggunakan sistem perakaunan berkomputer yang baru iaitu Sistem Perakaunan

Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Tujuan sistem ini diguna pakai ialah untuk melicinkan pengurusan kewangan dan mempercepatkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri mengikut masa yang ditetapkan. Sistem ini juga diharap dapat mempertingkatkan kualiti Penyata Kewangan dan mengurangkan kelemahan dalam pengurusan kewangan Negeri yang sering dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara.

Pejabat Perbendaharaan Negeri yang diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri dibahagikan kepada 2 aktiviti utama iaitu Pentadbiran/Kewangan dan Perkhidmatan Pengiraan. Antara Aktiviti Pentadbiran/Kewangan ialah mengawal dan menyelia supaya peraturan kewangan dipatuhi oleh Jabatan Negeri serta bertanggungjawab dalam penyediaan bajet Kerajaan Negeri. Beberapa bahagian dan unit telah diwujudkan di bawah aktiviti ini seperti Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Bahagian Belanjawan, Unit Cukai Hiburan, Unit Pelaburan Dan Pinjaman. Aktiviti Perkhidmatan Pengiraan pula bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan pengiraan dan perakaunan bagi semua urusan kewangan Kerajaan Negeri. Aktiviti ini juga menyimpan dan menyelenggara akaun hasil dan perbelanjaan serta menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Di bawah Aktiviti ini terdapat Unit Hasil, Bayaran, Gaji, Akaun, Komputer dan Unit Audit Tunai.

Sejumlah 114 perjawatan telah diluluskan bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri iaitu 9 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 105 bagi Kumpulan Sokongan. Selain itu, seramai 31 orang kakitangan telah dilantik secara kontrak dan sambilan. Sehingga bulan Disember 2003, sebanyak 29 kekosongan jawatan berlaku disebabkan oleh kenaikan pangkat, pertukaran dan persaraan. Pejabat Perbendaharaan Negeri telah menyediakan carta organisasi yang kemas kini dengan menunjukkan secara lengkap struktur dan perjawatannya. Selain itu, pegawai yang terlibat dengan tugas kewangan telah diberi latihan sewajarnya. Sepanjang tahun 2003, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun telah bermesyuarat sebanyak 2 kali.

8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada undang-undang dan peraturan telah dipatuhi serta wujud kawalan dalaman yang berkesan bagi mengawal pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Selain itu, pengauditan juga adalah untuk menentukan sama ada rekod kewangan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagi mencapai objektif pengauditan, rekod kewangan dan daftar bagi tahun 2003 di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan lain telah disemak. Antaranya ialah laporan serta daftar berkaitan hasil, perbelanjaan, amanah, pelaburan dan pinjaman. Pengauditan terhadap penyata pemungut, baucar bayaran, baucar jurnal dan transaksi perakaunan lain dibuat berdasarkan persampelan dengan mengambil kira materialiti sesuatu urus niaga. Selain itu, perbincangan dan temubual dengan pegawai Perbandaran Negeri telah diadakan.

9. PENEMUAN AUDIT

9.1 KAWALAN BAJET

Mengikut Undang-undang Tubuh Negeri Selangor dan Seksyen 15 Akta Acara Kewangan 1957, bajet hendaklah disedia dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan. Kawalan bajet yang baik dapat melicinkan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan dan pengurusan kewangan Negeri. Sejak tahun 2002, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Sistem Bajet Ubahsuai bagi mempertingkatkan pengurusan program kerajaan selaras dengan konsep *Let Managers Manage*. Bagi memudahkan pengurusan kawalan bajet tahunan, Perbendaharaan telah mengeluarkan arahan penyediaan bajet 2003 pada bulan April 2002 melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2002.

9.1.1 Kedudukan Bajet

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar bajet berimbang iaitu perbelanjaan tidak melebihi hasil berbanding bajet tahun 2002 yang mana Kerajaan Negeri telah menyediakan bajet defisit. Mengikut bajet 2003 Kerajaan Negeri menganggarkan perolehan hasil berjumlah RM1.05 bilion iaitu terdiri daripada hasil

cukai sejumlah RM310 juta, hasil bukan cukai RM407 juta dan pelbagai hasil RM330 juta. Perbelanjaan mengurus tahun 2003 dianggarkan bersamaan dengan hasil yang akan diperolehi iaitu berjumlah RM1.05 bilion. Anggaran ini merangkumi perbelanjaan emolumen sejumlah RM151.34 juta dan perbelanjaan lain berjumlah RM895.66 juta termasuk Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan RM441.34 juta dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan RM3.71 juta. Pada tahun 2003, pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah dianggarkan berjumlah RM496.36 juta. Sebahagian besar pendapatan ini iaitu 89% adalah daripada Caruman Kumpulan Wang Hasil Disatukan berjumlah RM441.34 juta. Daripada anggaran pendapatan tersebut, sejumlah RM441.34 juta telah dianggarkan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Berdasarkan kedudukan ini pada akhir tahun 2003, Kumpulan Wang Pembangunan akan memperolehi lebihan pendapatan berjumlah RM55.02 juta.

9.1.2 Pembentangan Bajet

Bajet yang disediakan itu telah dibentang dan diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada akhir bulan Oktober 2002. Waran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan telah ditandatangani oleh Menteri Besar pada akhir bulan Disember 2002 bagi membolehkan pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan. Pada bulan Ogos 2003, anggaran tambahan berjumlah RM165 juta telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Anggaran tambahan tersebut adalah untuk perbelanjaan pembangunan.

Pada pendapat Audit, penyediaan bajet Kerajaan Negeri tahun 2003 telah dilaksanakan dengan sempurna dan mendapat kelulusan daripada Dewan Undangan Negeri.

9.2 KAWALAN HASIL

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah mengutip hasil berjumlah RM960 juta iaitu meningkat sejumlah RM89.47 juta berbanding hasil pada tahun 2002

yang berjumlah RM870.53 juta. Antara sumber hasil utama ialah cukai tanah, premium tanah dan pulangan balik belanja am yang berjumlah RM695.13 juta bersamaan 72% daripada jumlah hasil tahun 2003. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

9.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan

Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab untuk memeriksa Akaun Tunai Bulanan yang dihantar oleh Pemungut Hasil. Arahan Perbendaharaan 145 menetapkan supaya Pegawai Perakaunan atau Pemungut Hasil mengemukakan Akaun Tunai Bulanan kepada Bendahari Negeri secepat mungkin iaitu dalam tempoh 10 hari selepas akhir setiap bulan. Ini bertujuan untuk menentukan semua kutipan diakaunkan dengan segera dan tepat. Pemeriksaan Audit bagi tahun 2003 terhadap Buku Daftar Terimaan Akaun Tunai Bulanan di Perbendaharaan Negeri menunjukkan 32 Pemungut Hasil lewat menghantar 125 Akaun Tunai Bulanan antara 1 hingga 7 bulan kepada Perbendaharaan Negeri. Keadaan ini menunjukkan prestasi yang merosot berbanding tahun 2002 yang mana hanya 13 Pemungut Hasil lewat menghantar 23 Akaun Tunai Bulanan. Isu kelewatan penyerahan ini sering dibangkitkan dalam Laporan Audit setiap tahun tetapi prestasi kawalan dan pemantauan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan masih tidak memuaskan. Pemungut hendaklah memberi perhatian sewajarnya untuk mengatasi masalah kelewatan ini. Selain mengemukakan surat peringatan pada setiap bulan, Perbendaharaan Negeri hendaklah mempertingkatkan lawatan ke Pejabat Pemungut yang bermasalah. Walaupun begitu, tiada pemungut hasil yang gagal menghantar Akaun Tunai Bulanan mereka.

9.2.2 Penyerahan Penyata Pemungut

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 79(c), Perbendaharaan Negeri telah menetapkan setiap Pejabat Pemungut mengemukakan penyata pemungut selewat-lewatnya 2 hari selepas hasil pungutan dimasukkan ke bank. Walaupun begitu, mulai bulan Ogos 2001, Perbendaharaan Negeri telah menyerahkan tanggungjawab ini kepada pihak bank untuk menghantar penyata pemungut setiap minggu dan

tidak lagi diserahkan oleh Pejabat Pemungut. Penghantaran Penyata Pemungut oleh pihak bank hendaklah dilaksanakan pada setiap hari Isnin berserta dengan penyata pemungut mingguan, penyata kutipan bulanan dan tahunan. Walaupun usaha Perbendaharaan Negeri ini telah dapat mengurangkan masalah kelewatan penyerahan penyata pemungut, analisis Audit terhadap 831 penyata pemungut berjumlah RM22.95 juta mendapati berlaku kelewatan penyerahan antara 1 hingga 8 minggu. Ini mengakibatkan Perbendaharaan Negeri tidak dapat mengakaunkan hasil kutipan dengan segera ke dalam Buku Tunai Perbendaharaan Negeri. Penyata pemungut yang sering lewat diterima adalah serahan daripada bank yang terletak di Daerah Gombak dan Daerah Kuala Langat. Namun begitu, Perbendaharaan Negeri telah mengambil tindakan selanjutnya seperti memberi peringatan kepada pihak bank melalui surat atau panggilan telefon dan mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa untuk mengatasi masalah kelewatan ini.

9.2.3 Kelewatan Mengakaunkan Pelbagai Terimaan

Pengauditan terhadap Penyata Penyesuaian Bank berakhir 31 Disember 2003 mendapati sejumlah RM24.41 juta terimaan yang telah dikreditkan di akaun bank semasa Perbendaharaan Negeri tidak diakaunkan ke Kumpulan Wang Disatukan Negeri. Terimaan tersebut adalah terdiri daripada faedah akaun semasa berjumlah RM946,624 dan sejumlah RM23.46 juta lagi adalah merupakan pelbagai jenis terimaan lain yang tidak dapat dikenal pasti. Walaupun begitu, setelah menerima teguran Audit, Perbendaharaan Negeri telah mengakaunkan faedah akaun semasa tersebut ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam tahun kewangan 2004. Selain itu, pada tahun 2003 Perbendaharaan Negeri juga telah melaraskan sejumlah RM23.35 juta terimaan tahun 2002 yang tiada penyata pemungut sebagai pelbagai hasil tahun lalu. Perbendaharaan Negeri hendaklah melakukan pemantauan yang lebih berkesan terhadap penghantaran penyata pemungut supaya terimaan dapat dikenal pasti dan seterusnya diakaunkan dengan segera.

9.2.4 Penyata Penyesuaian Hasil

Arahan Perbendaharaan 143(b) menghendaki Pegawai Pengawal menyesuaikan dan mengesahkan rekod hasil jabatannya dengan Laporan Terperinci Hasil yang dihantar setiap bulan oleh Perbendaharaan Negeri. Penyesuaian ini perlu disediakan supaya hasil yang dipungut telah diakuan dengan tepat dan betul. Penyata penyesuaian tersebut perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 14 hari dari tarikh Laporan Terperinci Hasil diterima. Perbendaharaan Negeri telah mengendalikan kursus penyediaan penyata penyesuaian hasil untuk Pegawai Pengawal. Pengauditan bagi tahun 2003 mendapati 75 daripada 125 Pegawai Pengawal belum mengemukakan 625 penyata penyesuaian hasil untuk tempoh 1 hingga 12 bulan ke Perbendaharaan Negeri. Dari jumlah tersebut, sebanyak 38 Pejabat Pemungut masih tidak menyediakan sebarang penyata penyesuaian hasil bagi tahun 2003 untuk tindakan Perbendaharaan Negeri. Antara alasan yang diberikan oleh Pegawai Pengawal yang gagal menyediakan penyata ini adalah kerana tidak menerima Laporan Terperinci Hasil daripada Pejabat Perbendaharaan, tiada kutipan hasil dan masih dalam proses menyediakan penyata tersebut. Selain mengendalikan kursus, mengadakan perbincangan dan menghantar surat peringatan kepada pejabat pemungut, tindakan tegas selanjutnya perlu diambil oleh Perbendaharaan Negeri terhadap Jabatan yang gagal mematuhi peraturan tersebut agar kelemahan yang sering dilaporkan ini tidak berterusan.

9.2.5 Penyata Penyesuaian Bank

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bank bulanan yang ditandatangani oleh Bendahari Negeri dan mengemukakan salinan kepada Audit selewat-lewatnya 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Semakan Audit mendapati Perbendaharaan Negeri telah menyediakan penyata penyesuaian bank berserta dokumen sokongan yang lengkap. Walaupun begitu, berlaku kelewatkan menyediakan penyata tersebut antara 2 hingga 7 bulan. Kelewatkan ini berlaku kerana pada tahun 2003 pihak Perbendaharaan Negeri baru memulakan

penyediaan penyata penyesuaian bank menggunakan Sistem Perakaunan Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) mengakibatkan pegawai mengambil sedikit masa untuk menyesuaikan diri dengan sistem baru. **Pada pendapat Audit, penyediaan penyata penyesuaian bank melalui sistem SPEKS akan lebih mudah dan cepat sekiranya pegawai yang terlibat diberikan latihan yang mencukupi dan pemantauan yang berkesan dilakukan oleh pegawai atasan.**

9.2.6 Cek Tidak Laku

Cek tidak laku merupakan cek terimaan yang tidak dapat ditunaikan oleh Perbendaharaan Negeri kerana kesilapan tertentu seperti tidak mempunyai baki tunai yang mencukupi, tidak ditandatangani dan kesilapan lain pada cek. Semakan Audit terhadap penyata penyesuaian bank bulan Disember 2003 mendapati sejumlah RM4.69 juta cek tidak laku belum dilaraskan. Cek tersebut adalah bagi tahun 2001, 2002 dan 2003 masing-masing berjumlah RM2.25 juta, RM642,341 dan RM1.74 juta. Tindakan melaraskan semula hasil yang berkaitan dan mendapatkan cek gantian hendaklah dilakukan supaya terimaan dapat diakaunkan dengan tepat. Pada tahun 2003, Perbendaharaan Negeri hanya melaraskan sejumlah RM34,396 sahaja cek tidak laku bagi tahun semasa. Semakan Audit terhadap Daftar Cek Tidak Laku mendapati jenis terimaan yang terlibat telah dapat dikenal pasti tetapi masih tidak dibuat pelarasan. Kegagalan melaraskan cek tidak laku tersebut akan mengakibatkan kedudukan baki buku tunai terlebih dinyatakan. **Pada pendapat Audit, pihak Perbendaharaan Negeri boleh melaksanakan pelarasan tersebut jika ada pemantauan dan penyeliaan yang lebih berkesan.**

9.2.7 Tunggakan Hasil

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986, semua Pemungut Hasil dikehendaki mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil setiap tahun kepada Perbendaharaan Negeri sebelum akhir bulan Februari tahun berikutnya. Semakan Audit mendapati kesemua pemungut hasil telah mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil

kepada Perbendaharaan Negeri. Berdasarkan Penyata Tunggakan Hasil yang diterima, tunggakan hasil pada akhir tahun 2003 berjumlah RM356.26 juta. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM242.66 juta berbanding tunggakan hasil tahun 2002 yang berjumlah RM113.60 juta.

Sebahagian besar daripada tunggakan hasil tersebut iaitu sejumlah RM349.72 juta atau 98% adalah tunggakan cukai tanah. Walaupun Kerajaan Negeri telah melantik firma swasta untuk mengutip tunggakan cukai tanah dan menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2002, namun tunggakan berkenaan meningkat semula pada tahun 2003. Dalam menangani masalah tunggakan cukai tanah yang semakin meningkat, pihak berkuasa Pejabat Daerah Dan Tanah telah dan sedang mengambil langkah berikut:

- i) Mengadakan perbincangan dengan syarikat yang dilantik untuk membangunkan sistem kutipan cukai tanah tentang ketepatan maklumat yang dikeluarkan.
- ii) Mengenal pasti dan mengasingkan akaun yang mana hakmilik tanah telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri sebagai usaha untuk melaksanakan hapus kira tunggakan hasil.
- iii) Memastikan pelaksanaan terhadap aktiviti kutipan tunggakan cukai tanah melalui dasar penswastaan seperti pengeluaran notis peringatan dan notis perampasan tanah dibuat dengan cekap dan berkesan.
- iv) Mempergiat usaha yang sedia ada seperti mengadakan kempen dan publisiti, membuka kaunter sementara terutama di kawasan pendalam dan meneruskan sistem *on line* yang dapat memudahkan penghutang cukai membuat bayaran di mana-mana daerah dalam Negeri.

Pada pandangan Audit, secara amnya kawalan hasil adalah baik. Walaupun begitu, tindakan yang berkesan perlu diambil bagi menangani kelemahan yang masih berulang dan dilaporkan dalam Laporan Audit terdahulu.

9.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab mengawal perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan oleh semua Jabatan Negeri. Pada tahun 2003, sejumlah RM1.07 bilion telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus. Ini termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan sejumlah RM610.05 juta. Manakala sejumlah RM558.72 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan projek pembangunan.

9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Bekalan, Pemilikan Harta Modal, Pemberian dan Bayaran Tetap serta Pelbagai Perbelanjaan. Sejumlah RM1.21 bilion telah diperuntukkan bagi perbelanjaan tahun 2003. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM1.07 bilion atau 88% telah dibelanjakan. Kedudukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2003 berbanding dengan peruntukan yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2003

Bil	Maksud Perbelanjaan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian %
1.	Emolumen	148.06	143.52	97
2.	Perkhidmatan Bekalan	197.18	189.28	96
3.	Pemilikan Harta Modal	13.96	8.47	61
4.	Pemberian Dan Bayaran Tetap	848.44	730.33	86
5.	Pelbagai Perbelanjaan	4.36	1.79	41
Jumlah		1,212.00	1,073.39	88

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri

i) Peruntukan Tidak Dibelanjakan Langsung

Pihak Audit mendapati daripada jumlah peruntukan yang diluluskan, perbelanjaan bagi 9 butiran berjumlah RM5.04 juta tidak dibelanjakan langsung. Antara peruntukan

ketara yang tidak dibelanjakan adalah peruntukan bekalan iaitu Caruman Kepada Badan Berkanun bagi maksud Pemilikan Harta Modal di bawah butiran pinjaman berjumlah RM5 juta. Perbendaharaan Negeri perlu mengkaji semula peruntukan bagi butiran pinjaman ini.

ii) Perbelanjaan Kurang 50% Daripada Peruntukan Yang Dibenarkan

Adalah didapati 17 butiran perbelanjaan berjumlah RM3.28 juta melibatkan 13 Jabatan telah kurang belanja 50% daripada peruntukan yang dibenarkan berjumlah RM105.29 juta. Perbelanjaan yang paling kurang dibelanjakan adalah sejumlah RM1.14 juta atau 1% daripada RM95 juta peruntukan yang diluluskan bagi butiran Faedah, Kenaan Dan Bayaran Hutang Negeri. Pengurangan perbelanjaan ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri menangguh bayaran balik hutangnya kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM185.99 juta.

iii) Pindah Peruntukan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 51 dan Seksyen 15(4) Akta Acara Kewangan 1957, pindah peruntukan boleh dibuat di bawah pelbagai butiran perbelanjaan dengan syarat ia tidak melebihi jumlah yang diperuntukkan. Pada tahun 2003, sebanyak 348 Waran Pindah Peruntukan berjumlah RM20.68 juta telah diluluskan. Semakan Audit mendapati 179 daripada Waran Pindah Peruntukan tersebut berjumlah RM9 juta merupakan Waran yang diluluskan pada bulan Januari hingga Julai 2004. Selain itu, semakan Audit mendapati pindah peruntukan bagi 22 butiran untuk 12 Jabatan berjumlah RM2.24 juta tidak perlu kerana peruntukan asal berjumlah RM12.21 juta adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar berjumlah RM8.31 juta. Faktor utama yang mendorong kepada pindah peruntukan adalah untuk

menampung peningkatan perbelanjaan berkaitan dengan perkhidmatan dan bekalan.

9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2003 berjumlah RM558.72 juta iaitu 92% daripada peruntukan berjumlah RM606.34 juta. Semakan Audit mendapati kawalan peruntukan perbelanjaan pembangunan adalah memuaskan kerana kedudukan peruntukan tidak dibelanja atau perbelanjaan kurang 50% adalah tidak ketara.

9.3.3 Kawalan Pembayaran

i) Pengesahan Perbelanjaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987, Pegawai Pengawal hendaklah menyemak setiap bulan rekod perbelanjaannya dengan Laporan Terperinci Perbelanjaan yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri. Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian perlu disedia dan dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri dalam tempoh dua minggu dari tarikh Laporan diterima. Daripada 72 pejabat di peringkat negeri dan daerah yang direkod di dalam Daftar Laporan Perbelanjaan Bulanan tahun 2003, sejumlah 30 pejabat telah mengemukakan Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian manakala 42 pejabat lagi tidak mengemukakannya. Semakan Audit terhadap Sijil Pengesahan yang dikemukakan mendapati tidak semua sijil tersebut dikemukakan setiap bulan seperti yang dikehendaki oleh peraturan. Daripada 140 Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian yang dikemukakan adalah didapati sijil dan penyata tersebut lewat dikemukakan antara 2 hingga 40 minggu. Antara sebab kelewatan ini adalah kekurangan kakitangan dan pemantauan oleh Pegawai Pengawal.

ii) Kawalan Cek

Mengikut Arahan Perbendaharaan 116, stok cek yang tidak digunakan hendaklah disimpan dalam peti besi dan kuncinya dipegang oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan

Audit mendapati Perbendaharaan Negeri telah mematuhi arahan tersebut. Sebagai satu kawalan terhadap cek yang belum digunakan, satu daftar untuknya telah disediakan. Adalah didapati daftar tersebut telah diselenggarakan dengan sempurna dan kemas kini. Semua terimaan dan keluaran cek juga telah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan Audit juga mendapati cek yang telah ditandatangani tetapi belum dipos, dikawal dan disimpan dengan baik.

iii) Kawalan Cek Batal

Cek batal adalah cek bayaran yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri yang tidak dapat ditunaikan oleh penerima kerana terdapat kesilapan tertentu seperti kesilapan ejaan nama, nombor kad pengenalan dan catatan jumlah cek bayaran. Selain itu, cek batal juga berlaku sekiranya cek tidak ditunaikan selepas tamat tempoh lakunya. Perbendaharaan Negeri menyelenggarakan satu daftar bagi merekod cek batal. Semakan Audit mendapati 2,450 cek batal bagi tempoh bulan April hingga Disember 2003 telah diganti semula. Tempoh penggantian cek adalah antara 1 hari hingga 1 bulan.

iv) Perbelanjaan Tidak Diakaunkan

Perbendaharaan Negeri telah membuat pembayaran melalui draf bank untuk perbelanjaan di luar negara manakala pemindahan telegrafik pula adalah untuk perbelanjaan dalam negara yang memerlukan pembayaran segera. Pihak Audit mendapati sehingga bulan Disember 2003, pembelian bank draf dan pemindahan telegrafik berjumlah RM1.71 juta tidak diakaunkan dalam Buku Tunai Perbendaharaan Negeri. Jumlah ini termasuk RM102,447 bagi tahun 1992 hingga 1993, RM1.68 juta bagi tahun 1995 hingga 2001 dan RM24,370 bagi tahun 2003. Perkara ini berlaku kerana pada tahun berkenaan pengeluaran bank draf dan pemindahan telegrafik tidak disertai dengan baucar bayaran. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Audit Tahun 2002 dan pihak Perbendaharaan Negeri

telah memaklumkan perbelanjaan tersebut akan dilaraskan pada tahun 2003. Walaupun begitu, pada tahun 2003 tindakan pelarasan tersebut masih tidak dilakukan. Pada tahun 2003, Perbendaharaan Negeri telah membuat perbelanjaan luar negara melalui bank draf berjumlah RM169,240 dan pelaburan dalam simpanan tetap melalui pemindahan telegrafik berjumlah RM40 juta. Semakan Audit menunjukkan segala perbelanjaan tersebut telah diakaunkan di Buku Tunai Perbendaharaan Negeri.

v) **Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

Peraturan kewangan membenarkan Perbendaharaan Negeri membayar baucar yang dikemukakan selepas bulan Januari tahun kewangan semasa bagi tanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum bulan Disember tahun sebelumnya. Arahan Perbendaharaan 58(a) menetapkan pembayaran bagi baucar tersebut boleh dibuat sekiranya Jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun perbelanjaan tersebut kena dibayar. Bagi tujuan ini, Perbendaharaan Negeri menyediakan daftar khas untuk merekodkan setiap baucar yang dikemukakan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Semakan baki peruntukan akan dilakukan untuk memastikan setiap permohonan untuk pembayaran mempunyai baki peruntukan sebelum kelulusan diberi. Pihak Audit mendapati Perbendaharaan Negeri pada tahun 2003 tidak menerima baucar pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

vi) **Pembayaran Secara Tunai**

Arahan Perbendaharaan 96 membenarkan Ketua Jabatan membuat bayaran secara tunai dengan menggunakan baucar yang disokong dengan senarai nama penerima. Sekiranya bayaran tidak diagihkan dalam tempoh 21 hari, baucar tersebut dan senarai nama penerima berserta wang yang tidak dapat dibayar hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Perbendaharaan Negeri. Semakan Audit mendapati Pejabat

Perbendaharaan Negeri tidak menyediakan sebuah daftar bagi bayaran sedemikian untuk memastikan pejabat yang membuat bayaran secara tunai mematuhi peraturan ini. Antara Jabatan yang membuat bayaran secara tunai ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

vii) **Baucar Bayaran**

Baucar yang telah disempurnakan pembayarannya hendaklah disimpan dengan selamat dan disusun mengikut nombor siri pendaftarannya. Kawalan dan penyusunannya adalah penting untuk memudahkan rujukan dan pengesahan terhadap baucar berkenaan. Pada tahun 2003, sebanyak 1,341 baucar bernilai RM546.35 juta telah dipilih untuk pengesahan Audit. Walaupun begitu, sebanyak 141 baucar bayaran bernilai RM89.39 juta tidak dapat dikemukakan untuk pengauditan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kewajaran bayaran tersebut.

viii) **Akaun Kena Bayar**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 103 semua bil hendaklah dibayar dengan segera iaitu tidak lewat 30 hari daripada bil diterima. Bagi bil untuk perkhidmatan atau bekalan yang telah disempurnakan pada atau sebelum akhir tahun 2003 adalah dibenarkan dibayar di bawah Akaun Kena Bayar. Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan arahan pada bulan Oktober 2003 membenarkan bayaran bagi perbelanjaan tahun 2003 di bawah Akaun Kena Bayar dibuat sehingga awal Januari 2004 sahaja. Penerimaan baucar Akaun Kena Bayar selepas tarikh tersebut adalah dianggap sebagai pembayaran lewat dan dikembalikan kepada jabatan berkenaan untuk dibatalkan dan dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Pada tahun 2003, sebanyak 10,413 baucar bayaran yang berjumlah RM112.20 juta telah dikenakan kepada Akaun Kena Bayar. Semakan Audit terhadap 64 baucar bernilai RM377,393 yang dibayar di bawah Akaun Kena Bayar mendapati bayaran tersebut adalah perbelanjaan bagi tempoh bulan Mac hingga

Oktober 2003. Perbelanjaan tersebut dijelaskan di bawah Akaun Kena Bayar kerana baucar tersebut lewat dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri.

Pada keseluruhannya kelemahan kawalan perbelanjaan masih berlaku seperti mana yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lalu. Perbendaharaan Negeri perlu mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan.

9.4 PENGURUSAN PINJAMAN

Kerajaan Negeri boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan lain setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri seperti yang dinyatakan dalam Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Negeri juga boleh memberi pinjaman kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menampung perbelanjaan masing-masing. Semakan Audit terhadap rekod pinjaman menunjukkan perkara berikut :

9.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan

Mengikut Penyata Akaun Awam, hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.06 bilion. Jumlah tersebut merupakan baki pinjaman yang terhutang oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan Projek Bekalan Air, Rumah Awam Kos Rendah, Pembentongan Najis dan Pembangunan Hutan. Pinjaman sedia ada yang diperolehi telah digunakan untuk maksud Kumpulan Wang Pembangunan seperti yang diluluskan dalam Jadual Ketiga, Seksyen 10(1)(b), Akta Acara Kewangan 1957. Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah menjelaskan bayaran balik pinjaman berjumlah RM998,143 bagi Projek Ladang Hutan. Manakala tiada sebarang pembayaran balik dilakukan terhadap pinjaman yang lain sedangkan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM100 juta bagi tujuan pembayaran ke atas Hutang Awam Negeri pada tahun 2003. Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2003 telah meningkat menjadi RM185.99 juta berbanding RM119.85 juta pada tahun 2002. Semakan Audit mendapati pengurusan rekod pinjaman pada

keseluruhannya adalah baik dan sempurna. Rekod berkaitan pinjaman seperti jadual bayaran balik dan semua perjanjian pinjaman sentiasa dikemas kini.

9.4.2 Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha membantu Agensi yang memerlukan bantuan kewangan dalam usaha untuk meningkatkan taraf pembangunan dan kemajuan penduduk di negeri ini. Sehingga tahun 2003, baki pinjaman yang boleh dituntut oleh Kerajaan Negeri daripada dua Badan Berkanun Negeri, 2 Pihak Berkuasa Tempatan dan 5 badan lain berjumlah RM337.32 juta seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Baki Pinjaman Badan Berkanun dan Badan Lain
Pada 31 Disember 2003

Peminjam	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Baki Hutang	
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)
<i>Badan Berkanun</i>			
• Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	136.49	116.80	117.01
• Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	62.61	57.87	58.22
<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>			
• Majlis Perbandaran Ampang Jaya	5.00	3.63	3.13
• Majlis Daerah Hulu Selangor	0.01	0.01	0.01
<i>Badan Lain</i>			
• Kumpulan Darul Ehsan Berhad	100.00	100.00	102.50
• Amanah Saham Selangor	25.00	25.00	20.00
• Yayasan Selangor	30.79	28.88	30.45
• Syarikat Stadium Shah Alam Sdn. Bhd	2.00	2.00	2.00
• Kolej Islam Darul Ehsan	8.00	0.00	4.00
Jumlah	369.90	344.19	337.32

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri

i) Perjanjian Pinjaman

Sehingga tahun 2003, ada 3 pinjaman tidak mempunyai perjanjian. Butiran lanjut adalah seperti berikut :

a) Syarikat Stadium Shah Alam Sdn. Bhd. (Syarikat)

Pada tahun 1995, Kerajaan Negeri telah memberikan pinjaman tanpa faedah kepada syarikat berjumlah RM2 juta. Pihak Audit telah memohon Perbendaharaan Negeri untuk mengemukakan perjanjian berhubung pinjaman tersebut tetapi masih tidak dikemukakan. Pada tahun 2002, Perbendaharaan Negeri telah memaklumkan bahawa perjanjian tersebut telah ditandatangani tetapi masih disimpan oleh syarikat kerana ingin memohon pengecualian duti setem. Perbendaharaan Negeri telah menghantar surat peringatan kepada pihak syarikat berhubung perjanjian tersebut tetapi tiada jawapan. Pada tahun 2003 pula, Perbendaharaan Negeri memaklumkan bahawa pengurusan Kompleks Sukan Shah Alam telah diserahkan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (Majlis) seperti yang telah diputuskan semasa mesyuarat yang diadakan pada bulan Januari 2003. Oleh itu, Perbendaharaan Negeri akan mlaraskan perkara berhubung pinjaman tersebut dengan Majlis.

b) Tabung Amanah Saham Selangor Berhad (Tabung)

Pada tahun 1998, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM20 juta. Pinjaman tersebut telah dipinjamkan semula oleh Kerajaan Negeri kepada Tabung bagi membiayai Skim Amanah Saham Selangor (ASAS). Semakan Audit mendapati tiada sebarang perjanjian ditandatangani mengenai pinjaman tersebut. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Audit 2001 dan 2002, tetapi masih tidak diambil tindakan. Pada tahun 2003, Perbendaharaan Negeri juga masih gagal mengemukakan surat perjanjian berkenaan kepada pihak Audit. Perbendaharaan Negeri memaklumkan bahawa pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah

memutuskan untuk menutup dan menyerahkan pengurusan Tabung Amanah Saham Selangor kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad. Oleh itu, Perbendaharaan Negeri akan menyelesaikan perkara berhubung pinjaman tersebut dengan Kumpulan Darul Ehsan Berhad.

c) **Kolej Islam Darul Ehsan (Kolej)**

Mengikut keputusan mesyuarat Kerajaan Negeri pada bulan Julai 2003, Kerajaan Negeri telah meluluskan pinjaman berjumlah RM8 juta kepada Kolej. Pinjaman tersebut bertujuan untuk membantu Kolej membiayai perbelanjaan pengurusannya. Sejumlah RM4 juta telah dibayar pada tahun 2003, manakala bakinya akan dibayar secara berperingkat-peringkat. Pihak Audit mendapati tiada perjanjian ditandatangani antara kedua belah pihak mengenai pinjaman tersebut. Pada pendapat Audit, perjanjian pinjaman perlulah ditandatangani sebelum pembayaran dibuat bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri dan mematuhi peraturan kewangan.

ii) **Penyelenggaraan Rekod**

Pemeriksaan Audit mendapati pinjaman yang dikeluarkan adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Walaupun begitu, rekod berkaitan pinjaman tersebut seperti salinan perjanjian pinjaman dan surat menyurat termasuk keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidak diselenggara dengan sempurna. Selain itu, penyesuaian baki antara rekod Perbendaharaan Negeri dengan Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan terlibat juga tidak dibuat.

iii) **Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman**

Pada tahun 2003 tunggakan bayaran balik pinjaman yang belum dijelaskan kepada Kerajaan Negeri oleh 6 Agensi

berjumlah RM216.62 juta. Sebahagian besar tunggakan ini adalah daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor berjumlah RM56.91 juta, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor berjumlah RM53.42 juta, Kumpulan Darul Ehsan Berhad berjumlah RM102.50 juta dan Yayasan Selangor berjumlah RM3.65 juta. Bagi tahun 2003, hanya Majlis Perbandaran Ampang Jaya sahaja yang telah menjelaskan ansuran bayaran balik berjumlah RM500,000 manakala peminjam lain tidak menjelaskan sebarang ansuran bayaran balik. Pihak Perbendaharaan Negeri juga tidak menghantar surat peringatan kepada peminjam bagi menuntut tunggakan tersebut.

Pada pendapat Audit, Perbendaharaan Negeri perlu mempertingkatkan penyelenggaraan rekod pinjaman. Kerajaan Negeri perlu menjelaskan tunggakan pinjaman dan membuat bayaran balik mengikut jadual. Selain itu, tindakan yang lebih berkesan perlu diambil bagi mengutip tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Agensi yang terlibat.

9.5 PENGURUSAN PELABURAN

Seksyen 8 Akta Acara Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Kumpulan Wang Hasil Disatukan ditunjuk di Lembaran Imbang. Manakala pelaburan melalui peruntukan belanja mengurus ditunjuk di Penyata Akaun Memorandum. Pada tahun 2003, pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM924.29 juta terdiri daripada simpanan tetap dan saham.

9.5.1 Simpanan Tetap

Sehingga akhir bulan Disember 2003, simpanan tetap Kerajaan Negeri berjumlah RM468.93 juta. Pelaburan ini dibuat dengan mematuhi undang-undang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan Negeri. Daftar Simpanan Tetap diselenggarakan dengan teratur dan sijil simpanan tetap disimpan dengan selamat. Simpanan tetap telah

diperbaharui mengikut tempoh yang ditetapkan dan tiada pengeluaran dibuat sebelum tempoh matang.

9.5.2 Saham

Pada tahun 2003, pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM455.36 juta iaitu sejumlah RM243.84 juta ditunjukkan di Lembaran Imbangan dan RM211.52 juta ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum. Saham di Lembaran Imbangan adalah terdiri daripada pelaburan saham oleh Tabung Warisan berjumlah RM132.82 juta manakala sejumlah RM111.02 juta adalah pelaburan Kerajaan Negeri dalam saham syarikat. Di Penyata Akaun Memorandum, sejumlah RM210.69 juta adalah pelaburan saham melalui Perbadanan Menteri Besar dan RM500,000 adalah saham dalam PERNAS dan baki RM334,042 adalah saham dalam pengurus portfolio. Rekod berkaitan saham dan penerimaan dividen telah diselenggara dengan memuaskan. Daftar Pelaburan Saham telah dikemas kini dengan teratur. Sijil saham disimpan dengan selamat beserta penyata saham oleh Malaysian Central Depository System. Selain itu, sejumlah RM22 juta bagi jualan saham SOPIC pada tahun 1997 kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor masih belum diterima oleh Kerajaan Negeri

Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan adalah baik di mana rekod serta daftar saham dan simpanan tetap telah diselenggarakan dengan kemas kini.

9.6 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH, AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

Mengikut Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957, Kumpulan Wang Amanah Negeri bagi maksud tertentu adalah ditubuhkan melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang ini mendapat peruntukan kewangan daripada Kerajaan dan perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan selaras dengan tujuan Kumpulan Wang berkenaan. Akaun Amanah pula diwujudkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 untuk

mengakaunkan sumbangan wang daripada Badan-badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Manakala Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya.

9.6.1 Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Kumpulan Wang ini ditubuhkan bertujuan untuk memberi pinjaman kepada kakitangan awam Kerajaan Negeri Selangor membeli tanah dan rumah. Bahagian Pinjaman Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertanggungjawab meluluskan pinjaman manakala Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab terhadap bayaran balik pinjaman dan penyimpanan rekod. Penyata Kewangan tahun 2003 menunjukkan jumlah keseluruhan pinjaman berbaki RM78.50 juta. Adalah didapati faedah pinjaman perumahan berjumlah RM23.07 juta masih diakaunkan di Akaun Pinjaman yang mana jumlah tersebut sepatutnya diambil kira di Akaun Hasil Disatukan. Semakan Audit juga mendapati rekod bayaran balik dan baki pinjamannya tidak dikemaskinikan pada kad lejar individu. Kebanyakan kad lejar tersebut hanya dicatat sehingga tahun 1998 menyebabkan Perbendaharaan Negeri mengemukakan senarai baki individu yang berbeza bakinya dengan Penyata Kewangan Tahun 2003. Bagaimanapun penyata penyesuaian telah dibuat bagi menyokong perbezaan tersebut.

9.6.2 Kumpulan Wang Pendahuluan Kenderaan

Sejumlah RM6 juta diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Pendahuluan Kenderaan dengan tujuan memberi kemudahan pinjaman kepada kakitangan awam membeli kenderaan. Pada tahun 2003, Akaun Pinjaman Kenderaan bagi kakitangan Jabatan Bekalan Air yang kini diperbadankan menjadi Perbadanan Urus Air Selangor telah diasingkan daripada akaun Pinjaman Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri. Keseluruhan baki yang boleh dituntut berjumlah RM4.65 juta yang mana sejumlah RM1.69 juta telah dikeluarkan dan bayaran balik

sejumlah RM2.01 juta telah diterima. Semakan Audit terhadap kesemua kad lejar pinjaman kenderaan mendapati 132 peminjam mempunyai baki hutang berjumlah RM449,574 yang tidak bergerak semenjak bulan Julai 1978. Kad lejar yang tidak bergerak adalah bagi peminjam yang antaranya telah bertukar ke Jabatan Persekutuan, bersara atau berhenti dari perkhidmatan secara pilihan. Perbendaharaan Negeri telah menghantar surat peringatan kepada mereka yang terlibat tetapi tiada maklum balas diterima.

9.6.3 Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer

Peruntukan bagi Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer adalah berjumlah RM2 juta. Pada tahun 2003, Akaun Pinjaman Komputer bagi kakitangan Jabatan Bekalan Air yang telah diperbadankan telah diasingkan dari Akaun Pinjaman bagi kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri. Sejumlah RM403,201 telah dikeluarkan dan sejumlah RM583,189 bayaran balik telah dikutip menjadikan baki pinjaman yang boleh dituntut berjumlah RM847,097. Pengauditan terhadap rekod pinjaman mendapati secara amnya pemberian pinjaman adalah teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan. Bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji dibuat dengan segera dan dikemaskinikan pada kad lejar individu.

9.6.4 Kumpulan Wang Pendahuluan Diri Dan Pelbagai

Kumpulan Wang Pendahuluan Diri diwujudkan dengan peruntukan berjumlah RM1.50 juta bertujuan memberi pendahuluan kepada anggota kerajaan untuk menampung perbelanjaan semasa menjalankan tugas rasmi. Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai pula ditubuhkan dengan peruntukan berjumlah RM3.92 juta bertujuan memberi pendahuluan kepada pegawai awam bagi membuat perbelanjaan aktiviti rasmi. Pendahuluan Diri/ Pelbagai ini perlu dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut surat kelulusan. Semakan Audit terhadap Kumpulan Wang ini mendapati pada tahun 2003, sejumlah 73 Pendahuluan Diri bagi tempoh 1975 hingga 2002 berjumlah RM616,743 dan sejumlah 30 Pendahuluan Pelbagai bagi

tempoh 1987 hingga 2003 berjumlah RM1.28 juta belum diselesaikan. Bagi Pendahuluan Diri, antara jabatan yang belum menjelaskan pendahuluan tersebut ialah Jabatan Agama Islam dan bagi Pendahuluan Pelbagai jabatan yang terlibat ialah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Usaha telah pun dilaksanakan oleh Perbendaharaan Negeri dengan menghantar surat peringatan dari semasa ke semasa kepada Jabatan yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap pendahuluan yang belum selesai.

9.6.5 Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan

Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya diwujudkan bertujuan membiayai penyelenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2003, pemberian jalan raya berjumlah RM152.75 juta diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM131.13 juta atau 86% dibelanjakan. Mengikut Penyata Kewangan berakhir pada 31 Disember 2003, baki Kumpulan Wang ini ialah RM29.07 juta.

Semakan Audit terhadap pengurusan Kumpulan Wang ini mendapati setiap perbelanjaan telah diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan dibelanjakan mengikut maksud yang diluluskan. Bagaimanapun, Daftar tidak diselenggarakan untuk merekod segala urus niaga terimaan dan bayaran bagi Kumpulan Wang ini. Oleh itu, penyesuaian antara rekod perakaunan Amanah Jabatan dengan Laporan Amanah Bulanan yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri tidak dibuat.

9.6.6 Kumpulan Wang Wawasan 2020

Kumpulan Wang ini ditubuhkan dengan peruntukan berjumlah RM6 juta bagi maksud memberi pinjaman kepada golongan yang berpendapatan rendah melabur dalam Amanah Saham Wawasan 2020. Sehingga tahun 2003 sejumlah RM1.84 juta telah dikeluarkan kepada peminjam dan sejumlah RM220,121 bayaran balik telah diterima melalui wang yang diperolehi daripada dividen hasil pelaburan tersebut. Pada akhir tahun 2003, Kumpulan Wang ini

berbaki RM4.69 juta. Semakan Audit mendapati rekod Kumpulan Wang ini diselenggarakan dengan teratur.

9.6.7 Tabung Pinjaman Amanah Saham Nasional/ Amanah Saham Bumiputra

Tabung ini diwujudkan bertujuan membolehkan rakyat berpendapatan rendah memperolehi pinjaman RM1,000 bagi melabur dalam Amanah Saham Nasional atau Amanah Saham Bumiputra. Sejumlah RM25 juta telah diperuntukkan untuk Tabung ini. Pada tahun 2003, sejumlah RM1.22 juta pinjaman telah di keluarkan dan sejumlah RM2.75 juta bayaran balik telah diterima. Baki Tabung ini pada akhir tahun 2003 ialah RM17.42 juta. Semakan Audit mendapati rekod bagi Tabung ini telah diselenggarakan dengan kemas kini.

9.6.8 Tabung Warisan

Tabung ini diwujudkan di bawah Enakmen Tabung Warisan 1991 bertujuan membolehkan Kerajaan Negeri mengasingkan sebahagian jumlah wang daripada Akaun Hasil Disatukan bagi faedah dan kesejahteraan warisan akan datang. Sehingga 31 Disember 2003 Tabung ini berjumlah RM155.45 juta. Tabung ini mempunyai pelaburan dalam saham syarikat dan simpanan tetap. Faedah dan dividen yang diterima pada tahun ini bagi pelaburannya adalah berjumlah RM3.88 juta dan menanggung kerugian sejumlah RM6.43 juta akibat daripada jualan Amanah Saham Selangor Berhad. Selain itu, sejumlah RM6.71 juta perolehan dividen dan sejumlah RM3.72 juta pengecualian cukai bagi tempoh tahun 1998 hingga 2002 masih belum diterima daripada Kumpulan Darul Ehsan Berhad yang mengurus pelaburan saham North Port Corporation walaupun telah dituntut beberapa kali. Manakala sejumlah RM342,447 telah diterima pada tahun 2003 bagi tuntutan pengecualian cukai terhadap pelaburan saham tahun 1994 hingga 2002 berjumlah RM883,841. Pengecualian cukai bagi tahun 2003 sejumlah RM897,564 masih belum dituntut. Semakan Audit terhadap Tabung ini mendapati pengurusan pelaburan dibuat dengan teratur dan semua pembelian dan penjualan saham mendapat kelulusan Lembaga Tabung ini. Rekod dan pelbagai

dokumen berkaitan dengan pelaburan telah diselenggara dengan memuaskan.

9.6.9 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam Dan Deposit

Perbendaharaan Negeri menyelenggara 5 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang terdiri daripada 88 Akaun Penyelesaian, satu Akaun Perniagaan, dua puluh enam Akaun Pinjaman, satu Akaun Kumpulan Wang Luar Jangka dan 2 Pelbagai Kumpulan Wang. Selain itu, Perbendaharaan juga menyelenggarakan 32 Akaun Amanah di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam dan 10 akaun kecil di bawah Akaun Deposit. Pegawai Pengawal telah mengemukakan senarai baki individu akaun tersebut berserta penyata penyesuaian bagi menyokong baki yang ditunjukkan dalam rekod Jabatan dengan Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun 2003. Semakan Audit mendapati Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi akaun amanah tersebut adalah disediakan dengan teratur dan lengkap.

Pada amnya, pengurusan Kumpulan Wang Amanah, Akaun Amanah dan Deposit adalah memuaskan. Walaupun begitu, pengurusan dan penyelenggaraan rekodnya masih boleh diperbaiki dan diperkemaskin. Antaranya ialah rekod bayaran balik pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer. Tindakan yang sewajarnya perlu diambil untuk mendapatkan kembali jumlah pendahuluan diri/ pelbagai yang masih belum dijelaskan. Selain itu, pengurusan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit adalah baik.

10. PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD BAGI KERAJAAN NEGERI (SPEKS)

10.1 LATAR BELAKANG

Pada bulan Januari tahun 2003, Kerajaan Negeri Selangor telah mula melaksanakan sistem perakaunan berkomputer yang baru iaitu Sistem Perakaunan Berkomputer Standard bagi Kerajaan Negeri (SPEKS). Sistem ini

dibangunkan bagi membolehkan Kerajaan Negeri mengeluarkan Penyata Kewangan yang standard, berkualiti dan disediakan pada masa yang ditetapkan. Sistem ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi pengurusan kewangan, memperbaiki kelemahan pentadbiran kewangan Kerajaan Negeri dan menjadi sumber rujukan bagi mendapatkan maklumat kewangan negeri. Selain itu, Sistem ini juga bertujuan mempersiapkan Kerajaan Negeri ke Era Kerajaan Elektronik.

10.2 OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini bertujuan untuk menilai kewujudan dan keberkesanan kawalan umum yang perlu ada pada sesuatu sistem pengkomputeran. Selain itu, pengauditan ini juga bertujuan untuk menilai perkembangan pelaksanaan Sistem ini di peringkat Kerajaan Negeri Selangor. Pengauditan ditumpukan terhadap kawalan umum sahaja dan dijalankan melalui menemuramah pihak IT Konsultan, pegawai dan pengguna yang terlibat dengan Sistem ini. Lawatan ke bilik server dan terminal pengguna juga dijalankan dari semasa ke semasa.

10.3 STATUS PELAKSANAAN SPEKS

Jadual Pelaksanaan adalah merupakan mekanisme perancangan yang perlu disediakan sebelum memulakan sesuatu sistem. Selain itu, Jadual Pelaksanaan juga penting sebagai pengukur kepada prestasi pelaksanaan sesuatu sistem. Pihak Audit mendapati Jadual Pelaksanaan tersebut tidak disediakan bagi Sistem ini. Bagaimanapun, Sistem ini yang dibangunkan dengan 10 modul akan dilaksanakan secara berperingkat. Modul Lejar Am telah dilaksanakan di Pejabat Bendahari Negeri mulai bulan Januari 2003. Manakala Modul Buku Vot dan Modul Gaji pula, masing-masing telah dilaksanakan pada bulan September dan Oktober 2003. Modul Belanjawan pula telah mula dilaksanakan di Unit Belanjawan Pejabat Perbendaharaan Negeri pada awal tahun 2004. Dengan pelaksanaan 4 Modul tersebut, ada 6 lagi Modul dalam Sistem ini yang belum dilaksanakan.

10.4 STATUS PELAKSANAAN MODUL BUKU VOT

Mengikut perancangan pelaksanaan yang dirangka pada awal tahun 2003, pelaksanaan Modul Buku Vot akan dibuat di semua pejabat yang berada di Bangunan Pentadbiran Kerajaan Negeri dan semua 9 Pejabat Daerah Dan Tanah mulai bulan Mac 2003. Manakala bagi pejabat lain, pelaksanaan akan bermula pada bulan Jun 2003. Berdasarkan perancangan tersebut, Modul ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada penghujung tahun 2003. Semakan Audit mendapati hanya Pejabat Mufti sahaja yang telah berjaya melaksanakan Modul ini pada bulan September 2003. Modul ini telah dilaksanakan di Pejabat Perbendaharaan Negeri pada bulan Januari 2004. Manakala Pejabat Dewan Undang Negeri, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pejabat Daerah Klang pula telah melaksanakan Modul ini pada bulan Julai 2004. Ekoran dari kelewatan pelaksanaan tersebut, Perbendaharaan Negeri telah membuat satu jadual pelaksanaan baru pada bulan Ogos 2004. Mengikut Jadual ini, pelaksanaan Modul Buku Vot akan dijalankan di 20 buah Pusat Tanggungjawab pada bulan Oktober 2004 dan juga akan dilaksanakan pada bulan Januari 2005 di sebanyak 38 buah Pusat Tanggungjawab. Secara keseluruhannya, telah berlaku kelewatan dalam pelaksanaan Sistem ini khususnya bagi Modul Buku Vot.

Pihak Audit dimaklumkan bahawa salah satu penyebab utama kepada kelewatan tersebut ialah masalah kemudahan rangkaian. Sistem ini boleh dilaksanakan seperti yang telah dirancang sekiranya penambahbaikan dilakukan terhadap kemudahan rangkaian. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa tempoh pelaksanaan peringkat nasional sistem ini juga telah dilanjutkan sehingga bulan Julai 2005 dan secara langsung memberi peluang kepada Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelewatan dalam pelaksanaan.

10.5 KAWALAN UMUM DALAM SPEKS

Kawalan umum adalah penting dalam persekitaran sistem berkomputer bagi memastikan kemampuan sistem tersebut mencapai objektif ia dibangunkan. Di samping itu, ia juga penting bagi menjamin kerahsiaan, keutuhan, kebolehsediaan dan kebolehpercayaan terhadap data serta pematuhan

terhadap undang-undang dan peraturan. Kelemahan kawalan umum akan menyebabkan kegagalan sistem pengkomputeran tersebut untuk mencapai tujuan dan mendedahkannya kepada ancaman pencerobohan. Ada beberapa aspek kawalan umum yang perlu dipraktikkan bagi menjamin kejayaan sesuatu pengkomputeran sistem, antaranya termasuklah Kawalan Pengurusan dan Organisasi, Kawalan Akses Logikal, Kawalan Fizikal dan Persekutaran, Kawalan Pelan Meneruskan Operasi serta Kawalan Perkhidmatan yang diberikan oleh pihak ketiga.

10.5.1 Kawalan Pengurusan Dan Organisasi

Kawalan Pengurusan dan Organisasi adalah perlu bagi memastikan pihak pengurusan peringkat tertinggi terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Sistem. Adalah diperhatikan, bahawa penglibatan pegawai tersebut dalam perancangan dan pelaksanaan sistem adalah memuaskan. Ini adalah kerana pegawai tersebut adalah merupakan pegawai yang bertanggungjawab berurusan dengan pihak pembangun sistem iaitu Jabatan Akauntan Negara mengenai hal yang berkaitan Sistem ini. Di peringkat Pusat Tanggungjawab pula, Ketua Jabatan juga adalah pegawai yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan kerana terlibat secara langsung dalam meluluskan transaksi yang akan diproses oleh sistem. Selain itu, satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Kerja SPEKS telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2002 bagi membincangkan isu berhubung Sistem ini. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan dianggotai oleh Pegawai Pengawal. Walaupun begitu, Jawatankuasa tersebut hanya bermesyuarat sekali sahaja pada tahun 2002. Isu berhubung Sistem ini lebih banyak diselesaikan secara perbincangan antara pengguna di peringkat Pejabat Perbendaharaan Negeri dengan Bendahari Negeri sebagai pengerusinya. Ini adalah kerana pada tahun 2003, sistem ini belum lagi dilaksanakan secara menyeluruh dan perbincangan hanya diadakan di kalangan pejabat yang terlibat sahaja.

10.5.2 Kawalan Akses Logikal

Kawalan Akses Logikal adalah langkah dan tatacara yang bersistematik dalam organisasi dan dalam produk aplikasi yang diguna pakai bagi mengawal sumber komputer (data, program dan terminal) daripada pencerobohan. Kelemahan kawalan ini akan mengakibatkan sistem boleh diakses oleh orang yang tidak dibenarkan dan pindaan dibuat tanpa kelulusan. Kawalan ini terbahagi kepada dua mengikut fungsinya iaitu Kawalan Akses Logikal bagi pencegahan pencerobohan dan Kawalan Akses Logikal bagi pengesahan pencerobohan.

i) Kawalan Akses Logikal Bagi Pencegahan Pencerobohan

Kawalan Pencegahan terdiri daripada pelbagai jenis. Walau bagaimanapun, untuk tujuan Sistem ini ada empat kawalan yang perlu diberi penekanan iaitu Pengenalan Pengguna, Pengesahan, Perlindungan Sumber dan beberapa jenis Kawalan Tambahan.

- a)** Pengwujudan pengenalan pengguna bagi Sistem ini dikawal oleh Akauntan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Semakan Audit mendapati tiada sebarang prosedur khas bagi pengwujudan pengenalan pengguna tetapi setiap pengenalan pengguna adalah diwujudkan secara unik. Adalah lebih selamat dan sistematik sekiranya pengwujudan pengenalan pengguna berpandukan kepada satu prosedur yang rasmi dan seragam. Umpamanya pengwujudan pengenalan pengguna menggunakan nama pertama, nama penuh dan sebagainya yang mana hendaklah diamalkan secara seragam bagi setiap pengguna.
- b)** Sistem ini menggunakan kata laluan sebagai pengesahan kepada identiti penggunanya. Kawalan terhadap kata aluan amatlah penting dalam Sistem ini kerana kelemahan kawalan kata laluan akan mendedahkan Sistem ini kepada pelbagai ancaman pencerobohan. Oleh itu, satu prosedur rasmi perlu

diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dalam mengawal kata laluan seperti mendedahkan pengguna kepada keperluan menjaga kerahsiaan kata laluan dan prosedur bagi menghapuskan kata laluan pegawai yang meninggalkan perkhidmatan. Sistem ini juga haruslah dibangunkan dengan kawalan terhadap pembentukan katalaluan termasuklah komposisi kata laluan, kombinasi kata laluan dan had minima sesuatu kata laluan. Selain itu, Sistem ini juga haruslah mampu mewajibkan penukaran kata laluan melalui cara menghalang pengguna daripada mencapai sistem sekiranya mereka tidak menukar kata laluan dalam tempoh yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati sistem ini tidak dibangunkan dengan kawalan tersebut, umpamanya pengguna boleh mengwujudkan kata laluan seminima yang mungkin. Ini adalah merupakan kelemahan pada kawalan kata laluan kerana ia akan memudahkan penceroboh untuk meneka kata laluan tersebut. Semakan Audit juga mendapati tidak ada prosedur khas diwujudkan bagi menghapuskan kata laluan pegawai yang meninggalkan perkhidmatan. Bagaimanapun oleh kerana belum ramai pengguna bagi Sistem ini, maka penghapusan kata laluan akan dibuat dengan cara membatalkan pengenalan pengguna pegawai yang telah dikenal pasti meninggalkan perkhidmatan. Semakan Audit mendapati sejumlah 20 pengenalan pengguna telah dihapuskan sejak Sistem ini dilaksanakan disebabkan pertukaran pegawai dalam Jabatan dan pegawai yang meninggalkan perkhidmatan.

- c) Kawalan Perlindungan Sumber bermaksud menghadkan akses sesuatu pengguna dalam sistem kepada sesuatu aplikasi yang berkaitan sahaja.

Semakan Audit mendapati kawalan perlindungan sumber adalah memuaskan bagi Sistem ini. Setiap pengguna diberi kebenaran akses mengikut kuasa yang ada pada jawatan yang dipegang oleh pengguna berkenaan. Contohnya, pegawai penyemak hanya dibenarkan mengakses untuk menyemak transaksi sahaja dan tidak boleh menambah, meminda atau meluluskan transaksi begitu juga sebaliknya. Selain itu, pengguna bagi sesuatu Sistem Gaji umpamanya, adalah dihadkan akses kepada Sistem Gaji sahaja dan tidak diberi kebenaran untuk membuat akses kepada sistem lain.

- d) Lain-lain Kawalan Tambahan adalah seperti Kawalan Terminal Capaian Khas, *Automatik Terminal Time Out*, Menghadkan Waktu Membuat Akses dan Mengawal Percubaan Mengakses Sistem. Semakan Audit mendapati, kawalan tersebut tidak ada dalam Sistem ini. Kawalan tersebut seharusnya ada di dalam Sistem tersebut bagi memastikan sistem selamat dan terkawal.

ii) **Kawalan Akses Logikal Bagi Pengesahan Pencerobohan**

Segala kawalan yang dimaklumkan di atas adalah berunsur pencegahan bagi memastikan orang yang tidak sepatutnya mengakses sistem. Kawalan seterusnya yang perlu ditekankan juga adalah kawalan pengesahan percubaan menceroboh dan aktiviti orang yang tidak dibenarkan. Kebiasaannya kawalan pengesahan ini dilakukan melalui cara menjelaki kronologi aktiviti yang telah dilakukan dalam log audit. Sistem yang baik mesti memiliki dua log audit iaitu log audit sekuriti dan log audit transaksi. Log audit sekuriti merekodkan maklumat berkenaan aktiviti pengguna seperti kegagalan mengakses yang dibuat terhadap fail terkawal dan penggunaan utiliti sistem dan aplikasi umpamanya aplikasi mana yang diguna, bila dan oleh siapa. Semakan Audit mendapati sistem ini tidak mempunyai log audit sekuriti yang menyebabkannya gagal mengesan

aktiviti pengguna mahupun penceroboh di dalam sistemnya.

Log audit yang kedua ialah log transaksi yang berfungsi merekodkan transaksi yang diproses dalam sistem. Sistem ini juga tidak mempunyai log audit untuk transaksi dan ini akan menyukarkan sistem mengesan semula pemprosesan transaksi yang telah dilakukan oleh sistem.

10.5.3 Kawalan Fizikal dan Persekutaran

Kawalan Fizikal dan Persekutaran adalah perlu bagi memastikan aset komputer (perkakasan, perisian dan dokumen) sentiasa terkawal dari pencerobohan fizikal dan selamat dari ancaman persekitaran demi menjaga keutuhan prosesan data. Kawalan fizikal yang perlu ada terdiri daripada kawalan lokasi fizikal bagi bilik *server* dan kawalan keselamatan di pintu keluar masuk bilik *server*. Kawalan persekitaran pula adalah terdiri daripada kawalan mengelak daripada ancaman kebakaran, banjir, serangga perosak dan seterusnya cara untuk mengatasi sekiranya berlaku ancaman tersebut seperti peruntukan *back-up* dan pelan menghadapi kecemasan.

Lawatan ke bilik *server* mendapati lokasi fizikal bilik *server* adalah pada kedudukan yang lebih tinggi daripada lantai biasa (*raised floor*), memiliki pencahayaan lampu yang mencukupi, kedudukan bilik yang terasing dan hanya memiliki satu pintu keluar masuk sahaja. Manakala bagi kawalan keselamatan di pintu masuk bilik *server* pula, adalah didapati bilik *server* tidak dikunci sepanjang masa bekerja dan hanya dikunci apabila tamat waktu bekerja sahaja. Daftar keluar masuk bilik *server* juga tidak diselenggara. Di samping itu, ada kemudahan *swipe* kad bagi individu yang dibenarkan memasuki bilik *server* tetapi kemudahan tersebut tidak digunakan. Jabatan Audit mendapati bilik *server* dilengkapi dengan kemudahan mengesan dan mencegah kebakaran iaitu alat pengesan asap dan kepanasan dan alat semburan kebakaran yang berasaskan gas Halon. Pemeriksaan terhadap peralatan tersebut dibuat sekali dalam tempoh satu bulan untuk memastikan ia berfungsi dengan baik. Di samping itu, bagi menghadapi ancaman tersebut, pihak *vendor* ada membuat *back-up*

harian, mingguan dan bulanan terhadap data dan disimpan di bilik server. Walaupun begitu, tidak ada pelan atau latihan menghadapi kecemasan yang pernah dibuat bagi menghadapi pencerobohan atau kebakaran.

10.5.4 Kawalan Perancangan Operasi Berterusan

Kawalan Perancangan Operasi Berterusan adalah jaminan kepada keupayaan sesuatu sistem untuk terus melaksanakan pemprosesan ICT sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini kepada aset komputer dan persekitarannya. Ada dua kawalan yang penting iaitu *offsite back-up* bagi data dan program komputer serta prosedur menghadapi kecurian, kehilangan, kerosakan yang disengajakan atau sebaliknya. Bagi pelaksanaan Sistem ini, *offsite back-up* bagi data adalah penting kerana data kewangan di dalam Sistem ini adalah sangat perlu untuk meneruskan pemprosesan jika berlaku gangguan di bilik server. Manakala *offsite back-up* bagi program komputer bukanlah keutamaan kerana Sistem ini adalah menggunakan program yang sama di setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Oleh itu sekiranya berlaku gangguan kepada program komputer di negeri Selangor, pemprosesan masih boleh dibuat menggunakan program yang sama di negeri lain. Prosedur *back-up* dan pemulihan yang sempurna haruslah ada dalam Sistem ini bagi membolehkan *back-up* yang dibuat lengkap dan boleh diguna pakai untuk pemulihan semula sistem apabila berlaku gangguan pada sistem komputer. Pelan atau prosedur luar jangka bagi menghadapi sebarang kemungkinan kerosakan pada data juga harus dibuat secara rasmi yang mana setiap pegawai tahu peranan masing-masing bagi membolehkan pemulihan berjalan lancar. Semakan Audit mendapati *back-up* Sistem ini dibuat secara harian, mingguan dan bulanan. Walaupun begitu, *back-up* data disimpan di bilik server dan bukannya di sesuatu tempat yang lebih selamat seperti di luar bangunan di mana bilik server ditempatkan. Ini akan mengakibatkan sekiranya berlaku sebarang kemungkinan terhadap persekitaran di mana data itu disimpan, Sistem tidak boleh dipulihkan kerana kehilangan data. Pelan luar

jangka yang rasmi juga tidak disediakan bagi menghadapi pemulihan data.

10.5.5 Kawalan Terhadap Perkhidmatan Yang Diberikan Oleh Pihak Ketiga

Kawalan Terhadap Perkhidmatan Yang Diberikan oleh Pihak Ketiga adalah perlu bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah mengikut perjanjian. Oleh itu, Kerajaan Negeri hendaklah merujuk kepada surat perjanjian dan dokumen lain yang berkaitan untuk memastikan segala perkhidmatan yang diterima adalah berdasarkan apa yang telah dipersetujui dalam surat perjanjian tersebut. Semakan Audit mendapati pihak Kerajaan Negeri tidak ada salinan perjanjian berhubung pelaksanaan Sistem ini. Tindakan hendaklah diambil untuk mendapatkan salinan surat perjanjian tersebut dan dokumen lain yang berkenaan bagi memastikan Kerajaan Negeri mendapat perkhidmatan yang sepatutnya.

Pada pendapat Audit, keseluruhan pelaksanaan sistem ini telah mengalami kelewatan. Ini adalah kerana berlakunya masalah pada kemudahan rangkaian. Oleh itu, kemudahan rangkaian perlulah dibuat penambahbaikan supaya pelaksanaan Sistem ini berjalan lancar. Selain itu, Sistem ini juga perlu dibuat penambahbaikan dari segi Kawalan Akses Logikal terutamanya Kawalan Kata laluan. Jawatankuasa khas yang ditubuhkan di peringkat negeri juga hendaklah lebih memainkan peranan dalam penyelaras dan penyeliaan supaya Sistem dapat berjalan lancar dan lebih bersistematik.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Perbendaharaan Negeri adalah bertambah baik. Walaupun begitu, tindakan yang berkesan perlu diambil bagi menangani kelemahan yang masih berulang dan dilaporkan dalam Laporan Audit terdahulu seperti penyediaan penyata penyesuaian hasil, Akaun Tunai Bulanan dan Cek Tidak Laku. Kelemahan kawalan perbelanjaan seperti peruntukan tidak dibelanja, kelewatan dalam penyediaan penyata penyesuaian dan bil lewat dijelaskan

perlu diperbaiki. Perbendaharaan Negeri perlu menjelaskan tunggakan dan bayaran balik pinjaman Persekutuan mengikut jadual serta mengutip tunggakan pinjaman yang diberi kepada Agensi. Pengurusan dan penyelenggaraan rekod Kumpulan Wang Amanah, Akaun Amanah/ Deposit perlu diperbaiki dan diperkemaskan. Antaranya ialah rekod bayaran balik pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer. Penyata tahunan, pengesahan dan penyata penyesuaian serta senarai baki individu Akaun Amanah/ Deposit perlu dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, Perbendaharaan Negeri perlu menjalankan pemantauan yang berterusan dari semasa ke semasa bagi memastikan Jabatan mematuhi undang-undang dan prosedur kewangan.

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

12. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak, Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Jabatan Mufti, Pejabat Dewan Undangan Negeri dan Pejabat D.Y.M.M Sultan Selangor. Sehingga 31 Disember 2003, jumlah hasil, perbelanjaan dan akaun amanah/deposit bagi 6 Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit Bagi
Tahun 2003

Bil	Jabatan/Pejabat	Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Deposit (RM Juta)
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	106.08	3.46	5.71
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat	95.23	2.62	6.05
3.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	0.16	3.11	-
4.	Jabatan Mufti Negeri Selangor	-	0.86	-
5.	Pejabat Dewan Undangan Negeri	-	11.57	-
6.	Pejabat D.Y.M.M Sultan Selangor	-	8.20	-
Jumlah		201.47	29.82	11.76

Sumber : Rekod Jabatan

13. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan, amanah dan deposit serta pengurusan aset. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada penyelenggaraan rekod kewangan adalah lengkap dan kemas kini.

Pemeriksaan telah dijalankan dengan menyemak rekod kewangan bagi tahun 2003 di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Antara rekod utama yang disemak ialah Buku Tunai, Buku Vot, resit, baucar bayaran, Daftar Harta Modal dan lain-lain rekod kewangan. Perbincangan dengan pegawai yang terlibat bagi mendapatkan penjelasan terhadap perkara berbangkit juga diadakan. Selain itu, pengesahan terhadap aset juga dijalankan untuk menentukan kewujudannya.

14. PENEMUAN AUDIT

14.1 KAWALAN PENGURUSAN

Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi Jabatan dijalankan dengan teratur dan sistematik. Struktur organisasi yang baik, penurunan kuasa yang teratur, panduan dan prosedur kerja yang kemas kini serta latihan dan bimbingan kerja kepada kakitangan akan membantu meningkatkan produktiviti Jabatan. Semakan Audit mendapati kebanyakan Jabatan tidak mematuhi peraturan berhubung dengan penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Kedua dokumen tersebut tidak lengkap dan tidak dikemas kini. Lima Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Bagaimanapun, Jawatankuasa tersebut tidak mengadakan mesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali mengikut kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Kedudukan kawalan pengurusan Jabatan yang diaudit adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11

Kedudukan Kawalan Pengurusan

Jabatan/ Pejabat	Kawalan Pengurusan					
	a	b	c	d	e	f
Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	/	X	X	X	/	X
Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat	/	X	/	X	/	X
Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	/	/	/	/	/	/
Jabatan Mufti Negeri Selangor	/	/	/	/	/	/
Pejabat Dewan Undangan Negeri	X	X	/	/	/	/
Pejabat D.Y.M.M Sultan Selangor	X	X	X	X	X	X

Nota : /- Mematuhi

X- Tidak Mematuhi

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali

Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja adalah penting supaya kakitangan awam dapat mengetahui tugas dan tanggungjawab masing-masing dan bagaimana tugas itu dilaksanakan. Selain itu, pusingan kerja kakitangan juga perlu dilaksanakan bagi menambah pengetahuan dan pengalaman mereka. Pusingan kerja ini tidak terhad kepada mereka yang menjalankan tugas am sahaja tetapi juga meliputi bidang pengkhususan kerana pelbagai aspek perlu diketahui dengan mendalam oleh seseorang kakitangan. Pemeriksaan Audit di Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat mendapati seramai 16 orang pegawai dalam Kumpulan Sokongan yang telah bertugas di sesuatu bahagian antara 4 hingga 11 tahun tanpa pusingan kerja. Pihak pengurusan perlu menjadualkan semula pusingan kerja pegawai terlibat bagi membolehkan mereka menjalankan tugas lain.

Pada pandangan Audit, kawalan pengurusan Jabatan perlu dipertingkatkan dengan mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja kakitangan. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu diadakan sepetimana yang ditetapkan dalam Pekeliling berkaitan.

14.2 KAWALAN HASIL

Tanggungjawab Pemungut Hasil adalah untuk memungut, menyimpan dan mengakaunkan kutipan hasil dengan sempurna dan teratur. Daripada 6 Jabatan yang diaudit, hanya 3 Jabatan/Pejabat yang memungut hasil iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak, Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat serta Jabatan Perancang Bandar Dan Desa.

Pada umumnya kawalan hasil telah dilaksanakan dengan memuaskan yang mana rekod dan dokumen kewangan telah diselenggarakan mengikut

peraturan kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun beberapa peraturan mengenai kawalan hasil tidak dipatuhi sepenuhnya seperti pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai tidak dijalankan dan penyata penyesuaian hasil tidak disediakan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Hasil

Jabatan/ Pejabat	Kawalan Pengurusan							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	/	/	/	/	/	X	/	TB
Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat	/	/	/	/	/	/	/	/
Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	/	/	/	X	/	/	X	/
Jabatan Mufti Negeri Selangor	TB	TB	TB	TB	TB	/	TB	TB
Pejabat Dewan Undangan Negeri	TB	TB	TB	TB	TB	X	TB	TB
Pejabat D.Y.M.M Sultan Selangor	TB	TB	TB	TB	TB	X	TB	TB

Nota : / - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

TB-Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
- c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini
- h. Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil

14.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan, disokong dengan sewajarnya, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaunkan dengan betul. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan bagi 6 Jabatan yang diaudit mendapat beberapa peraturan tidak diikuti. Antaranya ialah kelemahan dalam penyelenggaraan Buku Vot, pengunaan Borang Pesanan

Kerajaan serta Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan kemas kini dan tidak diperiksa oleh pegawai kanan. Penyata penyesuaian perbelanjaan bagi 5 Jabatan/Pejabat juga tidak disediakan dengan lengkap dan sempurna. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung
Dengan Kawalan Perbelanjaan

Jabatan/ Pejabat	Peraturan Kawalan Perbelanjaan						
	a	b	c	d	e	f	g
Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	/	/	X	X	/	X	X
Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat	X	X	X	X	X	X	X
Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	/	/	X	X	/	X	X
Jabatan Mufti Negeri Selangor	X	X	/	/	/	/	/
Pejabat Dewan Undangan Negeri	/	X	X	/	/	/	X
Pejabat D.Y.M.M Sultan Selangor	/	/	X	/	/	/	X

Nota : / - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

- a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
- b. Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- d. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap
- e. Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Kerajaan
- f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan bagi Jabatan yang diaudit adalah tidak memuaskan. Rekod perakaunan berkaitan tidak diselenggarakan dengan sempurna. Langkah pemantauan yang lebih berkesan akan dapat meningkatkan tahap pengurusan perbelanjaan.

14.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/ DEPOSIT

Akaun amanah diwujudkan untuk membiayai sesuatu tujuan mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan. Deposit pula merupakan

wang yang diterima bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Jabatan yang mempunyai akaun amanah/ deposit perlu menguruskan akaun berkenaan mengikut arahan dan peraturan yang berkaitan. Daripada 6 Jabatan/Pejabat yang diaudit, hanya 2 Pejabat yang ada menyelenggara akaun amanah dan deposit iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak dan Hulu Selangor. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan akaun amanah dan deposit bagi 2 Pejabat ini adalah seperti berikut :

i) Pengurusan Akaun Amanah

Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak serta Hulu Langat menyelenggara 2 Akaun Amanah iaitu Akaun Amanah Perkuburan dan Akaun Wang Panjar Bencana Khas. Akaun Amanah Perkuburan bertujuan membiayai kos penyediaan tapak perkuburan dan kos pengambilan tanah untuk perkuburan orang Islam dan bukan Islam. Akaun Wang Panjar Bencana Khas pula bertujuan untuk membiayai perbelanjaan menyelamat dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana alam yang terlibat. Semakan Audit di kedua Pejabat Daerah Dan Tanah mendapati Akaun Amanah Perkuburan telah diselenggarakan dengan memuaskan. Penyata penyesuaian bagi akaun ini juga telah disediakan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Akaun Wang Panjar Bencana Khas mendapati kedua Pejabat ini hanya menyelenggara akaun ini sehingga bulan Disember 2002. Penyata penyesuaian bagi menyesuaikan kedudukan baki wang di Buku Tunai dengan baki di bank tidak disediakan. Ini menyebabkan kesilapan dan ketinggalan urusniaga tidak dapat dikesan dan pembetulan sewajarnya tidak dapat dibuat dengan awal. Sehingga akhir Disember 2003, baki Akaun ini mengikut penyata bank bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat berjumlah RM20,082 manakala bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak berjumlah RM12,615.

ii) Pengurusan Deposit

Mengikut Arahan Perbendaharaan 156, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak dan Hulu Langat ada

menerima deposit iaitu terdiri daripada deposit tanah, lelongan awam, permit bahan batu, lelongan awam dan deposit lesen menduduki sementara. Semakan Audit di kedua pejabat ini mendapati Daftar Deposit telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Bagaimanapun, kedua pejabat ini tidak menyediakan penyata penyesuaian deposit.

Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam warta kerajaan. Jika deposit masih tidak dituntut dalam masa 3 bulan selepas pemberitahuan, deposit tersebut hendaklah dikredit kepada hasil. Pemeriksaan Audit di Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak mendapati deposit bagi tahun 1980 hingga 2002 berjumlah RM7.89 juta belum diwartakan. Di Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat pula Pejabat ini telah mengambil tindakan pewartaan terhadap deposit yang tidak dituntut sejak tahun 1979 sehingga tahun 2002 berjumlah RM5.27 juta pada akhir bulan Disember 2003.

Pada pandangan Audit, Akaun Amanah dan Deposit bagi kedua Pejabat ini telah diuruskan dengan teratur. Bagaimanapun, Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak perlu mengambil tindakan bagi mewartakan deposit yang tidak dituntut.

14.5 PENGURUSAN ASET

Urusan perolehan, penggunaan, penyelenggaraan, penyimpanan dan pelupusan aset hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan peraturan kewangan. Rekod berhubung dengannya juga perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991. Antara jenis aset yang dimiliki oleh Jabatan/ Pejabat yang diaudit ialah kenderaan, komputer, mesin fotostat, telefon bimbit, perabot dan lain-lain.

Semakan Audit di Jabatan/ Pejabat yang dipilih mendapati kebanyakkan peraturan berkaitan pengurusan aset seperti penyelenggaraan daftar, Buku Log, pemeriksaan fizikal dan tindakan pelupusan masih tidak dipatuhi sepenuhnya. Kedudukan mengenai pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Pengurusan Aset

Jabatan/ Pejabat	Peraturan Pengurusan Aset								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	X	X	X	X	/	X	X	X	X
Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	X	X	X	X	X	X	X	/	/
Jabatan Mufti Negeri Selangor	X	X	X	/	/	/	/	X	/
Pejabat Dewan Undangan Negeri	X	X	X	X	X	X	/	/	/
Pejabat D.Y.M.M Sultan Selangor	X	/	/	/	/	/	/	/	/

Nota : / - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

TB-Tidak Berkenaan

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
- c. Aset mempunyai tanda pengenal 'Hak Milik Kerajaan'
- d. Verifikasi stok dijalankan
- e. Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis
- f. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
- g. Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- h. Aset usang diambil tindakan pelupusan
- i. Pelupusan aset disegerakan

Selain dari perkara yang dinyatakan di atas, semakan lanjut telah dijalankan terhadap beberapa aspek berkaitan pengurusan aset seperti berikut :

14.5.1 Penggunaan Kad Inden Minyak Dan Kad Touch 'N' Go

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 dan 8 Tahun 1999 telah memberikan garis panduan untuk mengawal penggunaan kedua kad tersebut. Menurut pekeliling di atas pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyelenggara satu daftar untuk merekod penggunaan kad tersebut. Selain itu, kad ini hendaklah disimpan dan

dikembalikan kepada pegawai bertanggungjawab selepas digunakan. Semakan Audit mendapati hanya Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat sahaja yang telah mematuhi kehendak pekeliling yang dinyatakan di atas. Pejabat Dewan Undangan Negeri tidak menyelenggara daftar tersebut manakala daftar bagi 4 Jabatan/ Pejabat yang lain tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Daftar tersebut juga tidak diperiksa oleh pegawai bertanggungjawab dan beberapa peraturan berkaitan penggunaan Kad Inden Minyak dan Kad *Touch 'N' Go* tidak dipatuhi.

14.5.2 Pelupusan Aset

Menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1995, tujuan pelupusan aset dilakukan adalah untuk memastikan bahawa proses keusangan stok/ aset tidak berlaku. Tindakan pelupusan perlu disegerakan supaya tidak timbul masalah kesesakan ruang stor, nilai aset merosot, kerumitan dalam pengurusan stor serta mendapatkan hasil pulangan maksimum.

Semakan Audit mendapati 4 Jabatan/ Pejabat telah mewujudkan Jawatankuasa Pelupusan dan proses pelupusan sedang dilaksanakan. Bagi 2 Pejabat yang lain adalah didapati tindakan pelupusan yang dijalankan kurang berkesan dan tidak menepati kehendaki peraturan yang berkaitan. Semakan Audit di Pejabat berkenaan mendapati perkara seperti berikut :

i) Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak

Adalah didapati Lembaga Pemeriksa Pejabat ini telah melakukan pemeriksaan terhadap harta modal dan inventori yang akan dilupuskan pada tahun 2003 melibatkan komponen komputer dan kenderaan. Komponen komputer yang terlibat ialah 25 unit CPU, 14 unit pencetak, 26 unit monitor dan 3 unit *Main Power*. Sementara itu kenderaan yang hendak dilupuskan ialah sebuah Land Rover, sebuah bas dan sebuah kereta Volvo. Pejabat ini kini dalam proses mendapatkan kelulusan Lembaga Pelupusan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk

tindakan seterusnya. Pemeriksaan selanjutnya mendapati masih ada barang usang dan rosak tidak dilupuskan. Borang Inden Kerja, resit hasil, kerusi dan meja pejabat serta pendingin hawa yang rosak dilonggokkan di belakang bangunan stor pejabat. Keadaan stor juga berselerak kerana barang-barang tidak dikemas dan disusun dengan teratur. Pihak Audit juga mendapati kabinet fail bergerak yang telah rosak diletakkan di atas bumbung bangunan.

ii) Dewan Undangan Negeri

Pada tahun 2003, Pejabat ini telah menggunakan perkhidmatan 4 buah syarikat untuk kerja penyenggaraan kenderaan. Sebanyak 3 daripada 4 syarikat ini berdaftar dengan Kementerian Kewangan kecuali sebuah syarikat yang didapati mengemukakan Sijil Pendaftaran palsu dan perkara ini masih dalam siasatan Pejabat ini.

Mengikut semakan Audit, kos penyelenggaraan kenderaan bagi tahun 2002 berjumlah RM150,426. Kos ini telah meningkat menjadi RM247,589 pada tahun 2003, iaitu peningkatan berjumlah RM97,163 atau 65%. Analisis Audit menunjukkan kenderaan yang digunakan kerap mengalami kerosakan dan kos pembaikan adalah terlalu tinggi. Antaranya termasuk 3 buah kenderaan yang telah diperbaiki sebanyak 4 hingga 8 kali pada tahun 2002 dan 2003 melibatkan kos penyelenggaraan berjumlah RM141,059. Pihak Audit difahamkan Pejabat Dewan telah merujuk perkara ini kepada Jabatan Kerja Raya Negeri untuk mendapatkan laporan teknikal dan syor mengenai kenderaan yang terlibat.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset dibeberapa Jabatan/ Pejabat adalah kurang memuaskan. Tindakan yang lebih serius perlu diambil terhadap keperluan mengemas kini rekod berkaitan agar pengurusannya menjadi lebih teratur dan kemas. Pegawai Pengawal hendaklah

menjalankan pemeriksaan terhadap aset yang tidak boleh digunakan lagi supaya tindakan pelupusan dapat dijalankan.

15. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati masih ada Jabatan/ Pejabat yang tidak mematuhi beberapa peraturan berhubung dengan kawalan hasil, perbelanjaan, akaun amanah/ deposit dan pengurusan aset. Rekod perakaunan yang berkaitan juga didapati tidak diselenggarakan dengan sempurna dan kemas kini.

Bagi meningkatkan tahap pengurusan kewangan, adalah disyorkan supaya Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun memainkan peranan yang lebih aktif bagi memantau urusan kewangan Jabatan/ Pejabat. Sehubungan dengan ini, pihak pengurusan juga perlu mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan serta rekod berkaitan agar menepati kehendak peraturan kewangan yang sedia ada. Selain itu, latihan dan bimbingan yang berterusan perlu diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka.

16. PROGRAM AUDIT PRESENCE

16.1 LATAR BELAKANG

Program *audit presence* mula dilaksanakan pada tahun 2003. Program ini merupakan pemeriksa Audit terhadap Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan. Program *audit presence* memberi penekanan kepada kawalan dalaman dan penyediaan rekod kewangan terutamanya mengenai pengurusan hasil termasuk pengendalian wang panjar. Dengan *audit presence* ini Jabatan akan merasa bahawa Jabatannya kerap mendapat perhatian dan nasihat daripada pihak Audit dalam usaha mempertingkatkan tahap akauntabiliti dan pengurusan kewangan Jabatan.

16.2 OBJEKTIF PROGRAM AUDIT PRESENCE

Tujuan *audit presence* dijalankan adalah sebagai langkah pencegahan daripada berlaku kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan di Jabatan yang dilawati. Ianya dapat mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan audit mengenai pentingnya mengurus kewangan dan penyenggaraan harta benda kerajaan dengan cermat dan berhemat. Selain itu, pihak Audit dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan serta menasihati pihak audit bagi menangani kelemahan pengurusan kewangan.

16.3 PELAKSANAAN

Dalam melaksanakan program *audit presence* bagi tahun 2003, Jabatan Audit telah memilih beberapa Jabatan. Pemilihan ini dibuat mengikut keutaman dan lebih tertumpu kepada Jabatan/Pejabat yang tidak pernah diaudit atau sudah melebihi 3 tahun tidak dilawati dan merupakan cawangan yang terletak jauh dari Ibu Pejabat. Sebanyak 19 cawangan Jabatan di daerah telah dipilih dan dilawati seperti **Jadual 15**.

Jadual 15

Jabatan Dan Cawangan Yang Dilawati Bagi Program Audit Presence

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bilangan Cawangan Dilawati
1.	Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Tanah dan Galian	8
2.	Jabatan Kerja Raya	2
3.	Jabatan Perhutanan	1
4.	Jabatan Pertanian	2
5.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	1
6.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	1
7.	Mahkamah Syariah	2
8.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	1
9.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri : - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1
Jumlah		19

Sumber : Rekod Jabatan Audit Selangor

Tatacara pelaksanaan *audit presence* ini dimulakan dengan memaklumkan kepada Jabatan tujuan lawatan bagi *audit presence* serta berbincang dengan pihak audit terhadap masalah yang dihadapi berhubung dengan pengurusan kewangan Jabatan. Pengauditan dilakukan dengan menilai kawalan dalaman serta menyemak rekod kewangan dan pematuhan kepada kehendak undang-undang dan peraturan kewangan. Fokus pengauditan bergantung kepada aktiviti utama Jabatan tersebut sama ada Jabatan merupakan pemungut hasil yang besar, membuat perbelanjaan yang tinggi atau menguruskan sejumlah besar aset. Pengauditan ini mengambil masa 1 hingga 3 hari dan akan disusuli dengan surat pemerhatian audit serta perbincangan bersama pihak audit terhadap hasil pemeriksaan. Semasa perbincangan tersebut punca kelemahan dan masalah serta cara mengatasinya akan dikenal pasti.

16.4 PENEMUAN AUDIT

Ringkasan penemuan Audit mengenai kawalan hasil perbelanjaan dan aset adalah seperti di **Jadual 16**. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan menunjukkan masih wujud kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/ Pejabat yang dilawati. Kelemahan yang ketara ialah dari aspek kawalan hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset.

Jadual 16
Ringkasan Penemuan Audit Presence

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bilangan Pejabat Dilawati	Pematuhan Terhadap Peraturan					
			Kawalan Hasil		Kawalan Perbelanjaan		Aset	
			M	TM	M	TM	M	TM
1	Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Tanah dan Galian	8	6	2	2	6	-	8
2	Jabatan Kerja Raya	2	2	-	-	2	-	2
3	Jabatan Perhutanan	1	1	-	-	1	-	1
4	Jabatan Pertanian	2	1	1	-	2	-	2
5	Jabatan Kebajikan Masyarakat	1	1	-	1	-	-	TB
6	Jabatan Pengairan Dan Saliran	1	-	1	1	-	-	1
7	Mahkamah Syariah	2	1	1	TB	TB	-	2
8	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	1	TB	TB	-	1	-	1
9	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri : - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1	1	-	-	1	TB	TB

M = Memuaskan

TM = Tidak Memuaskan

TB = Tidak Berkenaan (semakan tidak dibuat)

16.4.1 Kawalan Hasil

Pemeriksaan Audit mendapati kawalan hasil di 5 Pejabat Daerah dan Tanah adalah memuaskan kecuali di Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang, Petaling Dan Hulu Selangor yang mana semakan harian tidak dibuat antara Buku Tunai dengan resit. Sementara itu, tiga buah Jabatan yang lain iaitu Pejabat Hutan Cawangan Selangor Tengah serta Pejabat Pertanian Daerah Kuala Langat dan Kuala Selangor tidak menjalankan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya 6 bulan sekali seperti yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan 309. Di Mahkamah Syariah Gombak Timur dan Kajang/ Sepang adalah didapati kutipan hasil lewat dimasukkan ke bank.

16.4.2 Kawalan Perbelanjaan

Pegawai Pengawal hendaklah mengawal peruntukan yang diberikan di bawah kawalannya supaya peruntukan tidak terlebih dibelanjakan. Selain itu, rekod kewangan hendaklah disemak untuk memastikan ia telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pemeriksaan Audit mendapati kawalan perbelanjaan di 6 Pejabat Daerah dan Tanah kecuali daerah Klang dan Sabak Bernam adalah tidak memuaskan. Ini kerana Buku Vot tidak disemak oleh pegawai penyelia, surat kuasa untuk menandatangani Pesanan Tempatan tidak disediakan dan Daftar Bil tidak diperiksa oleh pegawai kanan. Keadaan yang sama berlaku di Pejabat Hutan Cawangan Selangor Tengah serta Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Langat dan Sepang. Manakala di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, Penyata Penyesuaian Perbelanjaan tidak disediakan dan Daftar Bil adalah tidak lengkap.

16.4.3 Pengurusan Aset

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, harta modal Jabatan hendaklah diuruskan dengan baik. Pihak pengurusan perlu memastikan semua perolehan direkodkan sama ada di dalam Daftar Harta Modal, Daftar Inventori atau pun Daftar Bekalan Pejabat. Pemeriksaan Audit menunjukkan semua Pejabat Daerah Dan Tanah, Jabatan dan Pejabat kecil yang dilawati tidak menguruskan aset dengan teratur. Ini kerana Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan fizikal dan verifikasi stor tidak dijalankan terhadap harta modal dan inventori. Selain itu, tindakan pelupusan tidak diambil terhadap aset yang usang dan tidak lagi diperlukan.

16.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pemeriksaan *audit presence* menunjukkan tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan di Jabatan dan Pejabat yang dilawati masih tidak memuaskan kerana banyak prosedur kewangan yang tidak dipatuhi. Bagi mengatasi masalah ini, Pegawai Pengawal perlu mempertingkatkan

pemantauan terhadap pengurusan kewangan Jabatannya. Kursus dan latihan dalam pengurusan kewangan hendaklah diberi kepada pegawai dan kakitangan supaya mereka dapat menambah kemahiran dan kefahaman mengenai penyimpanan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Selain itu, seorang pegawai perlu ditugaskan bertanggungjawab terhadap pengurusan dan kawalan aset supaya pengurusannya dikendalikan mengikut prosedur yang ditetapkan.

17. PROGRAM ANAK ANGKAT

17.1 PENDAHULUAN

Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan pengurusan kewangan Jabatan/ Agensi Kerajaan. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan adalah didapati kelemahan dalam pengurusan kewangan Jabatan/ Agensi Kerajaan masih berlaku sungguhpun telah sering kali ditegur oleh pihak Audit. Sehubungan dengan ini, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk membantu Jabatan/ Agensi berkenaan dengan melaksanakan program Anak Angkat. Melalui program Anak Angkat beberapa Jabatan/ Agensi bermasalah dalam pengurusan kewangan akan dipilih untuk diberi bimbingan dan nasihat bagi memantapkan lagi pengurusan kewangannya.

17.2 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program ini adalah untuk membantu Jabatan/ Agensi Negeri dalam meningkatkan tahap pengurusan kewangannya terutamanya berhubung penyelenggaraan rekod kewangan dan perakaunan.

17.3 PELAKSANAAN/PENDEKATAN

Pemilihan Anak Angkat dibuat berdasarkan Jabatan/Agensi yang mempunyai kelemahan dalam pengurusan kewangan yang dikenal pasti melalui pemerhatian Audit yang sering dibangkitkan dan cadangan daripada Ketua Jabatan/ Agensi yang menunjukkan inisiatif untuk memperbaiki kelemahan

pengurusan kewangan Jabatannya. Pada tahun 2003, sebanyak 4 pejabat telah dipilih untuk dijadikan Anak Angkat iaitu 2 Jabatan Negeri, satu Badan Berkanun Negeri dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan. Jabatan dan Agensi tersebut ialah Jabatan Agama Islam Selangor, Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Majlis Daerah Kuala Selangor.

17.4 TATACARA PELAKSANAAN

Jabatan/ Agensi yang dipilih dalam Program Anak Angkat dimaklumkan melalui surat perlantikan rasmi dan satu *entrance conference* diadakan bagi memberi penjelasan lanjut mengenai program ini. Pihak Audit juga akan mendapatkan pandangan dan maklumbalas Jabatan/Agensi berkenaan mengenai aspek kelemahan yang patut diberi penekanan. Satu perancangan diadakan bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara sistematik dan mencapai objektifnya. Jadual Lawatan Program Anak Angkat disediakan meliputi aktiviti Audit, tarikh dan tempoh masa lawatan serta pegawai Audit yang terlibat. Seterusnya melalui lawatan pertama, penilaian secara menyeluruh dibuat terhadap pengurusan kewangan Jabatan/ Agensi yang dipilih untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dan puncanya. Tumpuan akan diberikan kepada kelemahan paling ketara dan punca utama wujudnya masalah dalam pengurusan kewangan. Kelemahan yang dikenal pasti dibincang bersama pihak pengurusan Jabatan/ Agensi dengan mencadangkan langkah pembetulan/ pemberian arahan. Pegawai dan kakitangan juga diberi bimbingan melaksanakan tugas pengurusan kewangan yang baik selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Bagi memastikan langkah pemberian arahan dan pembetulan diambil secara berterusan, lawatan ke Jabatan/ Agensi dibuat sekurang-kurangnya setiap 3 bulan sekali.

17.5 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Hasil lawatan Audit ke Jabatan/ Agensi di bawah program Anak Angkat beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti berikut:

- i) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak disediakan;
- ii) Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun belum ditubuhkan;

- iii) Rekod hasil tidak kemas kini atau tidak disemak oleh pegawai penyelia, antaranya buku tunai dan penyata penyesuaian hasil;
- iv) Rekod perbelanjaan tidak lengkap atau tidak disemak oleh pegawai penyelia, antaranya Buku Vot, penyata penyesuaian perbelanjaan dan Daftar Bil;
- v) Penyelenggaraan rekod aset iaitu Daftar Harta Modal dan Inventori tidak memuaskan dan aset tidak mempunyai tanda pengenalan ‘Hak Milik Kerajaan’;
- vi) Pemeriksaan aset tidak dijalankan;
- vii) Aset yang tidak diperlukan atau usang belum dilupuskan; dan
- viii) Buku log kenderaan tidak kemas kini.

17.6 TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN/AGENSI

Secara keseluruhannya Jabatan/Agensi menyambut baik program Anak Angkat dan telah memberi komitmen dan kerjasama yang sepenuhnya. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan/ Agensi antaranya adalah seperti berikut:

- i) Jabatan/Agensi telah mengemas kini struktur organisasi terutamanya di Bahagian Kewangan bagi mewujudkan pengasingan dan pembahagian tugas yang jelas. Selain itu, pegawai dan kakitangan dihantar menghadiri kursus mengenai kewangan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam tugas kewangan. Penyeliaan dan pemantauan oleh pegawai atasan terhadap pengurusan hasil, perbelanjaan dan aset Jabatan/ Agensi dipertingkatkan.
- ii) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak telah mengaktifkan semula Jawatankuasa ini bagi memantau pengurusan kewangan Jabatan/ Agensi.
- iii) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah mengambil tindakan terhadap kelemahan yang dikenal pasti dalam kawalan hasil seperti mengeluarkan surat penurunan kuasa secara bertulis,

kemasukan segera wang kutipan ke bank dan penyelenggaraan rekod perakaunan dibuat dengan kemas kini.

- iv) Jabatan Agama Islam Selangor dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah mengambil tindakan menambahbaik kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset. Penyelenggaraan rekod perbelanjaan seperti Buku Vot, Daftar Bil, pesanan kerajaan dan penyata penyesuaian telah buat dengan kemas kini. Manakala dalam pengurusan aset, daftar aset telah disediakan dan pemeriksaan fizikal telah dijalankan.

17.6.1 Pencapaian

Pada akhir tahun 2003, Jabatan Agama Islam Selangor dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menunjukkan peningkatan yang baik dalam pengurusan kewangan berbanding tahun sebelumnya. Langkah positif Jabatan Agama Islam Selangor yang sentiasa berusaha meningkatkan tahap pengurusan kewangan telah membawanya mendapat tempat kedua dalam Anugerah Pengurusan Kewangan Tahun 2003 anjuran Kerajaan Negeri Selangor. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor pula telah dapat menyediakan 13 prosedur kualiti mengenai pengurusan kewangan dan dimasukkan dalam MS ISO 9001:2000. Perbadanan juga menganggap program ini telah membantunya mewujudkan pengurusan kewangan yang baik. Bagi Majlis Daerah Kuala Selangor dan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak program Anak Angkat ini akan diteruskan pada tahun 2004 kerana Jabatan/ Agensi berkenaan masih belum mencapai tahap pengurusan kewangan yang memuaskan.

17.7 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi di bawah program 'Anak Angkat' adalah jauh lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Walaupun ada Jabatan/ Agensi yang masih kekal dalam program Anak Angkat pada tahun 2004 kerana tahap pengurusan kewangan yang belum memuaskan, Jabatan/ Agensi berkenaan telah bersetuju dengan keputusan

tersebut. Jabatan/ Agensi berkenaan memberi jaminan akan lebih komited dalam menangani kelemahan pengurusan kewangan. Bagi Jabatan/ Agensi yang telah berjaya mempertingkatkan pengurusan kewangannya melalui program Anak Angkat adalah diharapkan Jabatan/ Agensi tersebut mengekalkan prestasinya.

BAHAGIAN III

AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

18. PENDAHULUAN

Menurut Seksyen 6, Akta Audit 1957 Jabatan Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap program/aktiviti Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Bagi memenuhi kehendak itu, sebanyak 4 aktiviti telah dikaji melibatkan Jabatan Perhutanan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Aktiviti yang dikaji adalah seperti berikut :

- i) Pengurusan Pembalakan
- ii) Penswastaan Kutipan Tunggakan Cukai Tanah
- iii) Pengurusan Bantuan Am
- iv) Projek Ternakan Ayam Daging

Pemerhatian Audit hasil kajian tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian ini**.

JABATAN PERHUTANAN

PENGURUSAN PEMBALAKAN

19. LATAR BELAKANG

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (Jabatan) yang ditubuhkan sejak tahun 1898 adalah bertanggungjawab menguruskan sumber hutan di Negeri Selangor secara sistematik bagi menjamin bekalan kayu kayan yang berterusan. Secara keseluruhannya Negeri Selangor mempunyai kawasan tanah seluas 787,164 hektar. Daripada keluasan tersebut seluas 254,618 hektar iaitu 32.3%

merupakan tanah berhutan. Sebahagian besar iaitu seluas 235,456 hektar adalah Hutan Simpan Kekal. Bagaimanapun seluas 1,675 hektar daripada Hutan Simpan Kekal tersebut telah dimansuhkan untuk tujuan pembangunan dan sehingga akhir tahun 2003, keluasan Hutan Simpan Kekal ialah 233,781 hektar atau 29.7% daripada keluasan tanah negeri. Secara keseluruhan, aktiviti pembalakan menyumbang 32.3% daripada jumlah hasil Jabatan Hutan. Hasil ini terdiri daripada royalti, premium, ses, lesen dan denda kesalahan hutan. Kutipan hasil daripada aktiviti pembalakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah berjumlah RM5.66 juta.

20. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian Audit ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan pembalakan telah dirancang serta dilaksanakan dengan cekap dan berekonomi.

21. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi semakan perancangan dan pelaksanaan pengurusan pembalakan di kawasan Hutan Simpan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik bagi tahun 2001 hingga 2003. Semakan dijalankan di Jabatan Perhutanan Negeri serta dua Pejabat Perhutanan Daerah iaitu Hulu Selangor dan Selangor Tengah. Pemilihan terhadap 2 daerah ini adalah berdasarkan kepada aktiviti pembalakan yang aktif. Kawasan hutan bagi Daerah Hulu Selangor adalah seluas 109,315 hektar dan Daerah Selangor Tengah seluas 183,000 hektar. Selain itu, lawatan ke Balai Pemeriksa Hutan dan Matau Balak (kawasan pengumpulan balak sebelum melalui Balai Pemeriksa Hutan) serta temu bual dengan Pegawai Perhutanan, Pengawas Hutan dan Renjer Hutan juga dibuat.

22. PENEMUAN AUDIT

22.1 PERANCANGAN

Sektor perhutanan merupakan sumber hasil kepada Kerajaan Negeri yang perlu dipelihara. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor adalah bertanggungjawab untuk merancang, membangun, mengurus dan

memelihara kawasan hutan dengan teratur dan sistematik. Untuk menentukan kejayaannya, perancangan adalah aspek penting yang perlu diberi perhatian. Perancangan aktiviti pembalakan adalah seperti berikut:

22.1.1 Dasar dan Strategi Jabatan Perhutanan

Dasar dan strategi Jabatan Perhutanan mengenai aktiviti pembalakan adalah berasaskan kepada Dasar Perhutanan Negara 1978. Dasar ini menggariskan keperluan dari segi penubuhan Hutan Simpan Kekal, pengurusan, pengusahaan serta pembangunan sumber hutan secara saintifik dan teratur untuk menjamin bekalan kayu-kayan yang berterusan. Dasar ini adalah selaras dengan Dasar Pembangunan Negara yang mana bidang keutamaan pembangunan hutan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK 8) telah dirumus mengikut program yang antara lain meliputi pengurusan dan pembangunan sumber hutan. Program pengurusan hutan adalah untuk menguruskan sumber hutan secara cekap dan berkesan bagi menjamin pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan yang berkekalan. Manakala pembangunan sumber hutan adalah bertujuan untuk membangunkan sumber hutan yang telah diusahasil, rosak dan miskin bagi meningkatkan produktiviti dan memaksimumkan pulangan setiap hektar kawasan hutan.

22.1.2 Perundangan Dan Kaedah Perhutanan

Bagi memperkuuh dan melicinkan pelaksanaan objektif Dasar Perhutanan Negara, Jabatan Perhutanan Selangor mengguna pakai Akta Perhutanan Negara 1984. Melalui Akta ini, beberapa bidang kuasa telah diperuntukkan sama ada kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pegawai Hutan atau pun pegawai/agensi lain untuk mentadbir, mengurus dan membangunkan sumber hutan. Kaedah-kaedah Hutan Selangor 1988 telah dikeluarkan bagi menggariskan prosedur mewujudkan Hutan Simpan Kekal, rancangan pengurusan dan pembangunan hutan, prosedur kesalahan hutan, pengawalan hasil hutan dalam transit, caj hutan dan pelbagai. Manakala Kaedah-kaedah Industri Berasaskan Kayu Tahun 1990 digubal bagi

menggariskan panduan terhadap penubuhan dan pengendalian industri berasaskan kayu di Negeri Selangor.

22.1.3 Struktur Pengurusan

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mempunyai 5 bahagian utama iaitu Bahagian Operasi Dan Penguatkuasaan, Silvikultur Dan Perlindungan, Perancangan Dan Pengurusan Hutan, Perindustrian Dan Pengusahasilan dan Hutan Lipur yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pengurusan hutan. Setiap bahagian ini diketuai oleh Penolong Pengarah Perhutanan dan dibantu oleh 75 anggota sokongan. Bahagian ini bertanggungjawab untuk meluluskan permohonan lesen pembalakan yang dikemukakan oleh Pegawai Hutan Daerah.

Sementara itu, tiga Pejabat Perhutanan Daerah menguruskan permohonan lesen pembalakan, melaksanakan Inventori Hutan Sebetangan atau Pre-F dan memantau aktiviti pembalakan. Bilangan anggota bagi Daerah Selangor Tengah ialah 85 orang, Hulu Selangor 150 dan Pantai Klang 87 orang.

22.1.4 Garis Panduan

i) Manual Perhutanan Semenanjung Malaysia 1958 (Pindaan 1995)

Bagi menjamin pelaksanaan aktiviti pembalakan, Jabatan Perhutanan Selangor menggunakan pakai Manual Perhutanan yang menggariskan secara terperinci skop dan aspek berkaitan pentadbiran dan pengurusan sumber hutan ke arah pencapaian wawasan, misi dan objektif Jabatan. Manual ini terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu Pentadbiran, Operasi Hutan dan Pembangunan Hutan. Bahagian Operasi Hutan mengandungi aspek pengusahasilan hutan, kutipan hasil hutan, industri berasaskan kayu dan penguatkuasaan undang-undang. Pengusahasilan hutan adalah satu daripada aspek pengurusan hutan, khususnya bagi kawasan di dalam Hutan Simpan Kekal yang mana hanya pokok matang

diambil untuk menghasilkan pengeluaran yang optimum. Bagi kawasan di dalam Tanah Kerajaan, tanah bermilik, tanah lombong, tanah tol dan tanah rizab yang akan dibangunkan untuk tujuan pertanian, komersial, penempatan atau sebagainya, pengusahasilan dijalankan secara tebang habis. Di bawah Operasi Hutan kaedah pembalakan hutan meliputi perkara berikut:

a) Penentuan Kawasan Pembalakan

Dalam menentukan kawasan serta mengurus aktiviti pembalakan, Jabatan Hutan telah menggunakan *Selective Management System (SMS)*. Melalui sistem ini aktiviti pembalakan akan dilaksanakan secara sistematik dan fleksibel selaras dengan keperluan untuk memelihara alam sekitar serta berdasarkan permintaan pasaran balak. Sistem ini bertujuan mengekalkan sumber hutan dengan kos yang minimum serta mencapai hasil pembalakan yang optimum. Di bawah sistem ini, sebelum sesuatu kawasan pembalakan diluluskan kepada pengusaha balak, Jabatan akan melaksanakan prosedur Inventori Hutan Sebelum Tebangan atau Pre-F. Mengikut prosedur ini, Jabatan akan mengenal pasti kawasan hutan yang akan diusahakan serta anggaran isi hutan yang boleh dikeluarkan. Proses ini merupakan kerja penyediaan kawasan sebelum ia diusahasikan yang antaranya melibatkan kerja penandaan sempadan, pemeriksaan isi hutan, penentuan had batas tebangan, penandaan pokok yang boleh ditebang, penandaan pokok ibu dan sebagainya yang akan mengambil masa selama 2 tahun. Kerja Pre-F dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik dan dipantau oleh kakitangan Jabatan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, seluas 5,000 hektar telah

dirancang untuk dijalankan Pre-F. Kawasan hutan yang terlibat adalah seperti **Jadual 17**.

Jadual 17

Kawasan Dirancang Untuk Proses Pre-F

Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

Daerah	Hutan Simpan	Tahun		
		2001 (Hektar)	2002 (Hektar)	2003 (Hektar)
Hulu Selangor	Raja Musa	330	190	220
	Gading	340		140
	Batang Kali	70	200	
	Bt. Belata		210	350
Pantai Klang	Kuala Langat	160	190	170
	Bukit Cherakah	400		
Selangor Tengah	Sungai Lalang	400		320
	Gombak		210	400
	Hulu Langat		700	
Jumlah		1,700	1,700	1,600

Sumber: Rancangan Pengurusan Hutan 2001-2010

b) Pemberian Kawasan Pembalakan

Mengikut Seksyen 16 Akta Perhutanan Negara 1984, Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi kebenaran untuk mengambil hasil hutan dari Hutan Simpan Kekal atau Tanah Kerajaan dengan cara mempelawa tender, perjanjian atau mengikut cara lain yang difikirkan wajar. Selain itu, Manual Perhutanan Semenanjung 1958 juga ada menetapkan peraturan dan syarat mengenai pemberian kawasan pembalakan. Antaranya seperti pendaftaran kontraktor pembalakan, pelan lokasi yang dipohon serta dokumen yang berkaitan.

Pemberian kawasan pembalakan di Negeri Selangor akan dibuat melalui 2 kaedah iaitu secara konsesi dan

kurnia. Tempoh konsesi yang diberi kepada pengusaha balak ialah antara 10 hingga 50 tahun. Antara kriteria pemberian secara konsesi ialah syarikat yang telah stabil serta mempunyai kilang sendiri. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merupakan pihak yang berkuasa untuk memberi kelulusan. Bagi pemberian secara kurnia, individu yang berdaftar sebagai kontraktor balak adalah layak untuk memohon dan kelulusannya tertakluk di bawah kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Menteri Besar. Tempoh pemberian secara kurnia tidak ditetapkan secara khusus dan lazimnya diberikan sehingga kawasan selesai diusahasarkan.

c) Catuan Tebangan Tahunan

Bagi memastikan pengekalan hutan secara sistematis, Jabatan Perhutanan Negeri telah menetapkan jumlah Catuan Tebangan Tahunan berdasarkan keputusan Majlis Perhutanan Negara. Catuan Tebangan Tahunan ialah jumlah kawasan Hutan Simpan Kekal yang boleh diusahasarkan sebagai kawasan pembalakan pada setiap tahun. Majlis Perhutanan Negara yang bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun akan menetapkan jumlah catuan bagi setiap 5 tahun. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005, jumlah Catuan Tebangan Tahunan ialah tidak melebihi 2,021 hektar setahun. Ini bermakna, jumlah keseluruhan kawasan hutan yang akan diusahasarkan oleh semua pengusaha balak di Negeri Selangor dalam tempoh setahun adalah tidak boleh melebihi jumlah yang telah ditetapkan.

d) Pemulihan Hutan Bagi Kawasan Yang Dikerjakan

Program pemulihan hutan telah dirancang oleh Jabatan sebagai langkah pengekalan hutan simpan di

tahap 30% daripada keluasan tanah negeri. Bagi merealisasikan objektif ini, perancangan telah dibuat secara jangka panjang iaitu di dalam Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor Tahun 2001-2010 di samping rancangan tahunan Jabatan. Aktiviti yang telah dirancang ialah Inventori Selepas Tebangan (Post-F), Rawatan Silvikultur seperti penggelangan racun pokok dan pemotongan akar, tanaman mengaya serta rawatan terhadapnya. Selain itu, penyediaan tapak semai juga telah dirancang.

22.1.5 Piagam Pelanggan

Sebagai langkah untuk memastikan serta mempertingkatkan kecekapan Jabatan mengenai proses pengeluaran lesen pembalakan, satu piagam pelanggan telah ditetapkan. Antara lain piagam tersebut menetapkan bahawa lesen bagi aktiviti pengeluaran balak daripada kawasan yang telah diluluskan akan dikeluarkan dalam tempoh 6 bulan selepas permohonan dibuat.

Pada pendapat Audit, keseluruhan perancangan yang dibuat adalah memuaskan. Aktiviti pengurusan pembalakan yang dirancang telah mengambil kira keperluan dari pelbagai aspek seperti proses sebelum dan selepas aktiviti pembalakan dijalankan. Perancangan yang dibuat adalah bertepatan dengan kehendak serta prinsip pengurusan hutan berkekalan antarabangsa yang telah diterima pakai oleh Kerajaan Malaysia.

22.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan pembalakan hutan melibatkan proses pemberian kawasan, bayaran lesen dan permit serta aktiviti pembalakan yang melibatkan tebangan pokok yang matang seperti di dalam garis panduan. Selain itu, Jabatan akan memastikan balak dikeluarkan daripada sesuatu kawasan hutan mengikut peraturan, tempoh dan juga syarat tertentu yang telah ditetapkan.

22.2.1 Penentuan Kawasan Pembalakan

Mengikut Rancangan Pengurusan Hutan Tahun 2001 - 2010, sejumlah 5,000 hektar kawasan dirancang untuk proses Pre-F bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Kawasan tersebut meliputi 3 daerah di Negeri Selangor iaitu Hulu Selangor, Pantai Klang dan Selangor Tengah. Pemeriksaan Audit mendapati pelaksanaan terhadap perancangan tersebut tidak menepati sasaran. Bagi tahun 2001, seluas 238 hektar dibuat Pre-F manakala pada tahun 2002, seluas 982 hektar dan tahun 2003 seluas 334 hektar telah dilaksanakan Pre-F. Ini bermakna jumlah keluasan telah dijalankan proses Pre-F bagi tahun 2001 hingga 2003 ialah 1,554 hektar atau 31% daripada yang dirancang. Keadaan ini adalah disebabkan kawasan yang diluluskan tidak termasuk dalam kawasan yang dirancang.

Pada pendapat Audit, penentuan kawasan pembalakan tidak dibuat mengikut perancangan.

22.2.2 Pemilihan Pengusaha Balak

Manual Perhutanan Semenanjung Malaysia 1958 telah menggariskan bahawa setiap syarikat atau individu yang memohon kawasan hutan bagi maksud pembalakan hendaklah terlebih dahulu berdaftar sebagai pembalak dengan Jabatan Perhutanan. Ada 3 kategori kawasan balak di Negeri Selangor iaitu Hutan Simpan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik. Bagi Hutan Simpan Kekal kelulusan kawasan pembalakan adalah di bawah kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Bagi Tanah Kerajaan kelulusan boleh diberikan oleh Menteri Besar, manakala Tanah Milik diluluskan oleh Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Semakan Audit mendapati bilangan permohonan lesen bagi Hutan Simpan Kekal dan Tanah Kerajaan yang dikemukakan dan diluluskan bagi tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di

Jadual 18.

Jadual 18
Permohonan Dan Kelulusan Lesen Pembalakan
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

Tahun	Permohonan		Kelulusan	
	HSK	TK	HSK	TK
2001	60	42	10	5
2002	46	27	6	6
2003	80	73	9	6
Jumlah	186	142	25	17

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Pemeriksaan Audit mendapati daripada 328 permohonan lesen pembalakan yang diterima bagi tahun 2001 hingga 2003 hanya 42 permohonan atau 12.8% telah diluluskan, manakala 286 permohonan tidak diluluskan. Antara punca yang dikenal pasti permohonan tidak diluluskan adalah kerana tidak mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan.

Pada pendapat Audit, pemilihan pengusaha balak telah dibuat dengan teratur dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

22.2.3 Kaedah Pemberian Kawasan Pembalakan

- i) Pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan kawasan pembalakan secara tender, konsesi atau kurnia. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah 42 lesen pembalakan telah diluluskan secara kurnia yang melibatkan kawasan seluas 7,523.53 hektar dengan kutipan premium berjumlah RM2.99 juta. Kutipan premium adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan mengikut Kaedah-kaedah Perhutanan Negeri Selangor iaitu RM600 bagi sehektar Hutan Dara, manakala RM300 sehektar bagi Kawasan Sudah Kerja. Semakan audit mendapati lesen pembalakan telah diluluskan kepada syarikat atau individu yang berdaftar sebagai kontraktor pembalakan.

- ii) Pemberian kawasan secara konsesi pula telah diluluskan kepada 6 syarikat yang melibatkan kawasan seluas 37,659 hektar bagi tempoh 10 hingga 50 tahun. Antara kriteria syarikat yang diluluskan pemberian kawasan secara konsesi ialah syarikat yang mempunyai kilang sendiri serta berupaya untuk meningkatkan aktiviti industri kayu-kayan dengan program pembesaran seperti memproses perabot dan komponen perabot.
- iii) Semakan Audit mendapati pemberian kawasan pembalakan secara tender tidak dilaksanakan di Negeri Selangor walaupun cara ini ada diperuntukkan mengikut Seksyen 16, Akta Perhutanan Negara 1984. Tinjauan Audit terhadap 5 buah negeri di Semenanjung seperti Perak, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan mendapati pemberian kawasan pembalakan secara tender telah dapat meningkatkan hasil serta lebih menguntungkan Kerajaan Negeri. Tender yang telah dilaksanakan di Negeri tersebut bernilai antara RM2,000 hingga RM10,000 sehektar mengikut jenis kayu yang terdapat di kawasan yang berkenaan. Oleh kerana kawasan hutan di Selangor juga mempunyai beberapa jenis kayu yang bernilai tinggi antaranya Balau, Cengal, Keranji, Merbau, Tembesu dan Tempinis, Kerajaan Negeri akan mendapat hasil premium yang berganda sekiranya kawasan balak diberi secara tender. Secara anggaran, berdasarkan harga tender purata yang telah dilaksanakan di 5 buah negeri di atas iaitu RM4,000 sehektar, Kerajaan Negeri dianggarkan mendapat kutipan premium berjumlah RM30.10 juta bagi keluasan yang telah diberi secara kurnia. Berbanding dengan jumlah yang telah dikutip sejumlah RM2.99 juta, Kerajaan Negeri dianggarkan mendapat tambahan premium berjumlah RM27.11 juta sekiranya kawasan balak yang diberi secara kurnia itu ditenderkan.

Pada pendapat Audit, pemberian kawasan pembalakan secara kurnia adalah merugikan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula perkara ini untuk menggunakan sistem tender dalam pemberian kawasan pembalakan.

22.2.4 Syarat Pengambilan Hasil Balak

Pengeluaran balak hanya boleh dibuat setelah Lesen Mengambil Hasil Hutan dikeluarkan oleh Jabatan kepada pengusaha balak. Pengeluaran lesen tersebut adalah tertakluk kepada beberapa syarat tertentu mengikut kehendak Akta Perhutanan Negara Tahun 1984. Antara syarat penting yang ditetapkan ialah penentuan kawasan penebangan seperti nombor blok dan kompatmen hutan, tempoh lesen yang biasanya berkuat kuasa selama 12 bulan serta bayaran yang dikenakan terdiri daripada premium, deposit, bayaran lesen serta bayaran pentadbiran terhadap pengukuran sempadan. Selain itu, dinyatakan juga kategori pokok yang dibenarkan untuk ditebang serta jenis kesalahan yang boleh menyebabkan pengusaha balak dikenakan bayaran denda. Contoh kesalahan adalah seperti menebang atau mengeluarkan pokok yang tidak dibenarkan, gagal membaiki kerosakan jalan serta menyebabkan hakisan tanah serta pencemaran alam sekitar. Syarat tersebut bertujuan untuk memastikan pengurusan hutan yang sempurna, memelihiara kepentingan Kerajaan serta mencegah pengusaha balak daripada melanggar peraturan. Pemeriksaan Audit di Pejabat Hutan Daerah yang dilawati iaitu Pejabat Hutan Daerah Rawang dan Pejabat Hutan Daerah Cheras mendapati semua syarat dan peraturan dipatuhi oleh pengusaha balak. Perkara ini dapat disahkan dengan bayaran deposit yang dipegang oleh Jabatan. Sebarang bayaran denda akibat pelanggaran syarat yang dilakukan oleh pengusaha balak akan ditolak terus daripada deposit yang berkaitan.

Pada pendapat Audit, syarat pengambilan hasil balak telah dipatuhi dengan sepenuhnya.

22.2.5 Catuan Tebangan Tahunan

Majlis Perhutanan Negara telah menetapkan bahawa Catuan Tebangan Tahunan di Negeri Selangor berjumlah 2,021 hektar setahun bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Penetapan ini telah diperakukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor untuk diterima pakai. Berdasarkan semakan di Ibu Pejabat serta pengauditan terhadap beberapa kawasan yang dipilih yang melibatkan 2 daerah mendapat tiada berlaku kes pelanggaran syarat Catuan Tebangan Tahunan. Purata tebangan tahunan Negeri Selangor bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 ialah 1,213 hektar setahun. Berkaitan dengan ini, Jabatan mempunyai sistem kawalan dalaman yang memuaskan melalui pemeriksaan fizikal mingguan oleh Pegawai Renjer Hutan dan disahkan oleh Pegawai Hutan Daerah. Selain itu, rekod seperti Laporan Kemajuan Mingguan, Laporan Kemajuan Bulanan dan Laporan Penutupan Kawasan ada diselenggarakan.

Pada pandangan Audit, aktiviti pembalakan di Negeri Selangor belum mencapai tahap batas tebangan yang telah ditetapkan.

22.2.6 Pengawasan Jabatan

i) Penyediaan Laporan Isi Hutan

Seksyen 3.2 Bab 11, Manual Perhutanan Semenanjung Malaysia 1958 telah menggariskan bahawa Laporan Isi Hutan hendaklah disediakan sebelum memulakan aktiviti pembalakan. Laporan ini mengandungi maklumat terperinci mengenai kedudukan stok mengikut pecahan isi padu, taburan serta jenis pokok, status anak pokok serta kedudukan muka bumi. Tujuan laporan ini adalah untuk mengetahui anggaran isi hutan bagi menentukan sama ada kawasan yang berkenaan wajar dan ekonomik untuk diusahasil atau sebaliknya. Pemeriksaan Audit mendapat Laporan Isi Hutan disediakan oleh Jabatan seperti yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, laporan isi hutan telah disediakan dengan teratur.

ii) Lesen Pengeluaran Hasil Hutan

Setelah kelulusan kawasan pembalakan diberi, setiap pengusaha balak boleh memohon lesen Lesen Pengeluaran Hasil Hutan bagi membolehkan pengusaha menjalankan aktiviti pembalakan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah 42 lesen pembalakan meliputi 7,523.53 hektar kawasan Hutan Simpan Kekal dan Tanah Kerajaan telah dikeluarkan kepada pengusaha balak. Butiran terperinci adalah seperti **Jadual 19**.

Jadual 19
Bilangan Lesen Mengikut Jenis Hutan Pembalakan
Bagi Tempoh 2001 Hingga 2003

Tahun	Hutan Simpan Kekal (a)		Hutan Tanah Kerajaan (b)		Jumlah (a)+(b)	
	Bil. Lesen	Luas (hektar)	Bil. Lesen	Luas (hektar)	Bil. Lesen	Luas (hektar)
2001	10	2,511.67	5	443.88	15	2,955.55
2002	6	1,090	6	461.52	12	1,551.52
2003	9	2,185.35	6	831.11	15	3,016.46
Jumlah	25	5,787.02	17	1,736.51	42	7,523.53

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Mengikut Piagam Pelanggan Jabatan, Lesen Mengambil Hasil Hutan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi 6 bulan dari tarikh kelulusan kawasan pembalakan. Walaupun begitu, daripada 42 lesen yang diproses bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah didapati 5 lesen telah lewat dikeluarkan antara 8 hingga 21 bulan selepas tarikh kelulusan permohonan. Manakala 7 lesen belum dikeluarkan sehingga bulan Disember 2003. Lesen yang belum dikeluarkan melibatkan 1 permohonan semenjak tahun 1997 dan 6 permohonan bagi tahun 2001 hingga 2002. Antara

punca yang dikenal pasti yang menyebabkan kelewatan tersebut adalah seperti berikut:

- a) Berdasarkan Rancangan Pengurusan Hutan, Lesen Mengambil Hasil Hutan boleh dikeluarkan bagi sesuatu kawasan setelah proses Pre-F dilaksanakan. Proses ini merupakan kerja penyediaan kawasan sebelum ia diusahasaskan yang antaranya melibatkan kerja penandaan sempadan, pemeriksaan isi hutan, penentuan had batas tebangan, penandaan pokok yang boleh ditebang, penandaan pokok ibu dan sebagainya yang akan mengambil masa selama 2 tahun. Kelulusan sesuatu kawasan pula diberikan sebelum proses Pre-F dijalankan. Oleh itu, lesen tidak dapat dikeluarkan selagi kawasan yang dipohon belum menjalani Pre-F.
- b) Faktor cuaca juga mengganggu kelancaran kerja Pre-F seperti hujan lebat dan sebagainya.
- c) Beban kerja yang lebih bagi anggota Renjer Hutan yang bertanggungjawab dalam bancian hutan terutama apabila kawasan membalak diluluskan serentak bagi sesuatu daerah.

Pada pendapat Audit, piagam pelanggan Jabatan perlu disesuaikan dengan keadaan sebenar iaitu dari aspek tempoh sebenar Lesen Pengeluaran Hasil Hutan dapat dikeluarkan.

iii) **Penyediaan Laporan Penutup Kawasan**

Lesen Mengambil Hasil Hutan sah bagi tempoh 12 bulan dari tarikh pengeluarannya. Lesen tersebut akan dibatalkan dalam tempoh berkaitan apabila pengusahaisan balak tamat di kawasan yang diluluskan. Pemegang lesen dikehendaki mengosongkan kawasan serta menentukan perkara yang menyalahi syarat lesen tidak dilakukan. Sekiranya perlanggaran syarat berlaku, denda akan dikenakan dengan

menolak baki deposit pemegang lesen. Berikutnya, Laporan Penutupan Kawasan akan disediakan oleh Pegawai Renjer Hutan, Pejabat Hutan Daerah berkenaan. Antara lain, laporan tersebut mengandungi butiran berkaitan kemajuan pengusahasilan, pokok yang gagal ditebang, balak yang masih tinggal di matau (tempat balak disimpan sebelum diangkut ke kilang) serta penyata kewangan pelesen. Ini melengkapkan kaedah pembatalan lesen. Semakan Audit mendapati laporan ini disediakan dengan lengkap bagi semua lesen yang dibatalkan.

Pada pendapat Audit, aspek kawalan terhadap kerja pembalakan telah dilaksanakan dengan sempurna dan teratur.

iv) Menambah Kawasan Hutan Simpan Kekal

Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) telah menggariskan bahawa Hutan Simpan Kekal perlu dikekalkan 30% daripada keluasan tanah negeri. Untuk itu, dasar pengurusan hutan telah memberi penekanan terhadap langkah yang perlu diambil bagi mencapai maksud tersebut. Rancangan Pengurusan Hutan merupakan perancangan lengkap bagi mengekalkan sumber asli di negeri ini. Pengurusan hutan yang cekap dapat mengekalkan serta menjaga iklim dan rupa bumi yang sempurna, bekalan air bersih yang mencukupi, kesuburan tanah yang terpelihara, keadaan alam sekeliling yang stabil serta mengurangkan kesan banjir dan hakisan kepada sungai, tanah pertanian dan kawasan kediaman.

Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, seluas 1,531 hektar telah dikeluarkan daripada Hutan Simpan Kekal bagi maksud pembangunan, perumahan dan perusahaan. Ini menjadikan baki kawasan Hutan Simpan Kekal yang tinggal hanyalah 233,781.36

hektar iaitu 29.4% daripada keluasan tanah negeri. Bagi menjamin pengekalan 30% keluasan Hutan Simpan Kekal, langkah penambahan kawasan hutan simpan perlu dirancang dan dilaksanakan sebelum keadaan menjadi kritikal. Ini adalah selaras dengan Seksyen 21 Akta Perhutanan Negara 1984 yang menetapkan supaya Pihak Berkuasa Negeri menggantikan kawasan tanah yang dikeluarkan daripada Hutan Simpanan Kekal.

Pada pendapat Audit, kawasan Hutan Simpan Kekal yang telah dikeluarkan perlu digantikan untuk menjamin pengekalan kawasan hutan iaitu 30% daripada keluasan tanah Negeri.

22.2.7 Sijil Bebas Hutan

Selain daripada meluluskan kawasan untuk tujuan pembalakan, Pihak Berkuasa Negeri juga ada meluluskan kawasan Hutan Simpan Kekal untuk tujuan pembangunan. Dalam hal ini sesuatu kawasan Hutan Simpan Kekal yang ingin dibangunkan hendaklah terlebih dahulu dikeluarkan daripada kawasan Hutan Simpan Kekal dan diwartakan sebagai Tanah Kerajaan. Kelulusan boleh diberi kepada pemohon untuk memajukan kawasan tersebut setelah Sijil Bebas Hutan dikeluarkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri. Mengikut Kaedah-kaedah Hutan Selangor 1988, Sijil Bebas Hutan boleh dikeluarkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri setelah beliau berpuas hati bahawa sesuatu kawasan yang sedang dipertimbangkan untuk pembangunan tidak mempunyai sebarang kayu yang boleh diusahasarkan.

Semakan Audit mendapati Sijil Bebas Hutan tidak dikeluarkan bagi kawasan Hutan Simpan Kekal seluas 1,531 hektar yang diluluskan untuk aktiviti pembangunan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Kerajaan Negeri telah kehilangan hasil yang sepatutnya dapat dikutip sekiranya Sijil Bebas Hutan dikeluarkan. Ini kerana sebelum sijil tersebut dikeluarkan, segala hasil hutan hendaklah dikeluarkan

terlebih dahulu. Sekiranya pengeluaran hasil hutan diberikan secara tender kepada pemohon kawasan tersebut dengan kadar purata RM4,000 sehektar, maka Kerajaan Negeri akan mendapat pertambahan hasil sejumlah RM6.02 juta bagi keluasan tanah yang telah diluluskan dalam tempoh tersebut.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri telah kehilangan hasil disebabkan tidak mengeluarkan Sijil Bebas Hutan sebelum meluluskan kawasan untuk pembangunan.

22.2.8 Industri Berasaskan Kayu

Industri berasaskan kayu yang beroperasi di Negeri Selangor dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu industri pemprosesan utama yang terdiri daripada kilang papan lapis/ venir, industri pemprosesan hiliran iaitu meliputi kilang perabot/kerja kayu dan kilang kayu kumai serta industri sokongan yang merupakan loji tanur pengering kayu. Sehingga tahun 2003, ada sebanyak 126 buah kilang yang telah beroperasi terdiri daripada 36 buah kilang papan, dua kilang papan lapis/venir, lapan puluh enam kilang kayu kumai perabot dan 2 buah loji tanur pengering. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Industri Berasaskan Kayu Yang Beroperasi

Jenis Kilang	Bilangan Kilang	Hulu Selangor	Selangor Tengah	Pantai Klang	Jumlah
Kilang Papan	12	18	6		36
Kilang Papan Lapis	1	1			2
Kilang Kayu Kumai	13	17	56		86
Loji Tanur Pengering			2		2
Jumlah	26	36	64		126

Sumber : Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Adalah didapati sebanyak 49 buah kilang beroperasi tanpa mempunyai lesen yang sah daripada Pejabat Perhutanan Selangor.

Kilang tersebut ialah 29 buah di Pelabuhan Klang, sembilan buah di Kuala Langat dan 11 buah di Kuala Selangor. Pihak Audit tidak mendapat maklumat mengenai perkara tersebut bagi daerah Hulu Selangor dan Selangor Tengah. Semakan Audit juga mendapati tiada tindakan susulan diambil terhadap semua kilang haram tersebut kerana masalah kekurangan kakitangan di Bahagian Penguatkuasaan. Kewujudan kilang haram ini menyebabkan Kerajaan Negeri mengalami kerugian hasil lesen.

Pada pandangan Audit, perlu wujud koordinasi antara agensi yang terlibat dalam memberi kelulusan kemudahan kepada sesebuah kilang seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Tenaga Nasional Berhad serta Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan kilang beroperasi mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Jika tidak, masalah kewujudan kilang haram tidak akan dapat dibanteras.

22.2.9 Struktur Pengurusan

Pengauditan terhadap guna tenaga mendapati sehingga bulan September 2003, sejumlah 102 jawatan masih belum diisi. Kekosongan jawatan tersebut adalah bagi kumpulan sokongan iaitu 40 jawatan Pengawas Hutan Gred G11, sebanyak 43 jawatan Pekerja Rendah Awam Khas Gred R3, tujuh jawatan Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3, lima jawatan Renjer Hutan Gred G17, tiga jawatan Pembantu Tadbir Gred N17/ W17, dua jawatan Pembantu Tadbir Rendah N11 dan 1 jawatan Pembantu Am Rendah Gred N1 dan 1 jawatan Jaga Gred R1 masih belum diisi. Kekosongan jawatan ini telah mengakibatkan beberapa aktiviti tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sejumlah 14 perjawatan anggota Renjer Hutan Gred G22 dan G17 telah diluluskan. Sehingga tahun 2003, sembilan jawatan telah diisi manakala 5 jawatan masih kosong. Anggota Renjer Hutan di Ibu Pejabat bertanggungjawab untuk menjalankan tugas penguatkuasaan terhadap aktiviti pembalakan dan kilang serta

rondaan di seluruh Negeri Selangor. Memandangkan aktiviti pembalakan di Negeri Selangor meliputi keseluruhan daerah, maka dengan kekuatan anggota yang terhad aktiviti penguatkuasaan terutamanya rondaan dan pemantauan terhadap aktiviti kilang haram tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Pada pandangan Audit, Jabatan patut mengambil inisiatif untuk mengisi jawatan yang kosong.

4.2.10 Perlantikan Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK) Gred R10

Semakan Audit terhadap senarai tugas Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK) Gred R10 mendapati antara tugas utama jawatan tersebut ialah membantu dalam melaksanakan tugas operasi dan pembangunan hutan. Tugasan tersebut ialah kerja pembersihan kawasan hutan dan kerja Pre-F iaitu menyukat dan menanda sempadan dan penandaan pokok. Selain itu, PRAK juga bertanggungjawab menyediakan dan mencuci sempadan Hutan Simpan dan Tanah Kerajaan, sempadan Luar Hutan Simpan dan Kerja Bancian. Pihak Audit difahamkan tugasan tersebut memerlukan anggota dan kumpulan kebiasaannya seramai 6 orang bermalam di hutan bagi tempoh sekurang-kurangnya seminggu.

Pihak Audit mendapati 33 daripada 189 anggota PRAK adalah wanita. Seramai 7 orang ditempatkan di Ibu Pejabat, empat di Daerah Selangor Tengah, lapan di Daerah Pantai Klang dan 14 di Daerah Hulu Selangor. Maklum balas yang diterima semasa pengauditan menunjukkan perlantikan anggota PRAK wanita tidak bersesuaian dengan tugas yang akan dijalankan. Masalah timbul apabila kerja yang memerlukan anggota tersebut berada di hutan bagi sesuatu tempoh yang tertentu. Kebanyakan mereka tidak digalakkan untuk menyertai tugasan di hutan kerana alasan keselamatan dan sebagainya. Oleh itu, kekurangan anggota yang akan menjalankan tugas akan memberi kesan kepada perancangan Jabatan seperti kelewatan penyediaan kawasan yang

mana turut menjelaskan tempoh pengeluaran Lesen Mengambil Hasil Hutan.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mengkaji semula pengambilan anggota berdasarkan keperluan sebenar Jabatan, terutama bagi jawatan yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan juga jawatan PRAK wanita.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pengurusan pembalakan adalah kurang memuaskan terutama mengenai aspek penyediaan kawasan seperti melaksanakan kerja Pre-F yang tidak mengikut perancangan. Ini adalah disebabkan kelulusan sesuatu kawasan tidak tertakluk kepada kawasan yang telah sedia menjalani proses Pre-F. Kaedah pemberian kawasan juga perlu dikaji semula bagi memastikan Kerajaan Negeri mendapat penambahan hasil. Selain itu, usaha untuk mengisi jawatan kosong serta menambah bilangan jawatan terutama di Bahagian Penguatkuasaan perlu diberi perhatian serius kerana ia merupakan keperluan yang agak kritikal.

22.3 PEMANTAUAN

Pemantauan perlu dijalankan semasa pelaksanaan sesuatu aktiviti pembalakan sehingga aktiviti itu tamat. Ini bertujuan untuk memastikan objektif pengurusan pembalakan tercapai. Jabatan dan Pejabat Hutan Daerah ada membuat pemantauan yang berterusan terhadap kawasan pembalakan yang diluluskan. Ia bertujuan menentukan pengusaha balak mematuhi semua peraturan pembalakan. Di peringkat Ibu Pejabat, Jabatan memastikan setiap Pejabat Hutan Daerah mematuhi garis panduan aktiviti pembalakan yang dijalankan oleh pengusaha balak. Di peringkat daerah pula, Pejabat Renjer yang berkaitan memantau secara fizikal kawasan pembalakan dan menyediakan laporan tertentu seperti Laporan Penyediaan Sempadan, Laporan Bulanan dan Laporan Penutupan Sempadan. Semua laporan dihantar ke Jabatan Perhutanan Negeri untuk tindakan.

Pemantauan oleh Unit Penguatkuasaan Ibu Pejabat adalah kurang berkesan kerana kekurangan anggota. Adalah diperhatikan kekuatan anggota penguatkuasaan seramai 9 orang adalah tidak mencukupi untuk menjalankan rondaan atau pun pemeriksaan terhadap aktiviti pembalakan dan operasi kilang bagi seluruh Negeri Selangor.

Pada keseluruhannya, tindakan pemantauan terhadap aktiviti pembalakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri adalah memuaskan. Kelemahan pemantauan adalah dari aspek penguatkuasaan yang melibatkan rondaan jalanraya dan pemberantasan kilang haram.

23. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan pembalakan di Jabatan Perhutanan Negeri Selangor adalah memuaskan. Kaedah pemberian kawasan serta pengurusan hutan telah dibuat dengan sistematik dan disesuaikan dengan keadaan semasa. Walaupun begitu, ini dapat dipertingkatkan lagi sekiranya kelemahan yang wujud dapat diatasi. Memandangkan sumber hutan merupakan salah satu hasil utama Kerajaan Negeri, Jabatan perlu menimbang dengan serius keutamaan memberi kawasan pembalakan secara tender yang lebih menguntungkan Kerajaan Negeri.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

PENSWASTAAN KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH

24. LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri telah menswastakan perkhidmatan kutipan tunggakan cukai tanah di Negeri Selangor mulai bulan September 2001. Langkah ini diambil kerana Pejabat Tanah menghadapi masalah untuk mengutip tunggakan cukai tanah disebabkan sistem kutipan cukai tanah yang kurang berkesan serta kekurangan kakitangan untuk membuat tindakan susulan terhadap tunggakan. Kerajaan Negeri telah menandatangani perjanjian dengan 2 buah syarikat untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah berkuat kuasa mulai bulan September 2001, untuk tempoh 5 tahun dengan pilihan untuk sambungan bagi tempoh 2 tahun lagi setelah menilai prestasi syarikat dalam 5 tahun pertama. Di peringkat awal program ini, dua daerah telah dipilih sebagai projek perintis iaitu Petaling dan Klang mulai bulan Oktober 2001. Pada bulan Mei 2002, Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya perkhidmatan ini diperluaskan ke semua daerah di Negeri Selangor. Mengikut syarat perjanjian, syarikat bertanggungjawab untuk mengutip tunggakan mengikut daerah yang telah ditetapkan. Syarikat akan dibayar komisyen sejumlah 20% bagi tunggakan yang berjaya dikutip. Ini bermakna, bagi setiap tunggakan yang berjaya dikutip oleh syarikat, Kerajaan Negeri hanya mendapat sebanyak 80% daripada jumlah tunggakan tersebut. Selain itu, syarikat juga akan dibayar tambahan 15% bagi denda lewat yang berjaya dikutip. Syarikat dikehendaki mematuhi segala peraturan yang berkaitan dengan program penswastaan ini seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

25. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan adalah untuk menentukan sama ada penswastaan kutipan tunggakan cukai tanah telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

26. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan penswastaan kutipan tunggakan cukai tanah untuk tempoh tahun 2001 hingga 2003 bagi Pejabat Tanah Dan Daerah Klang dan Petaling. Pemilihan 2 daerah ini dibuat memandangkan daerah ini mempunyai tunggakan cukai tanah yang tertinggi di Negeri Selangor. Semakan Audit dibuat terhadap fail dan dokumen berkaitan di Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Selangor. Temu bual dengan pegawai serta kakitangan Jabatan yang terlibat telah dilakukan. Perbincangan dengan pihak syarikat swasta juga diadakan untuk mendapatkan penjelasan mengenai pelaksanaan program ini.

27. PENEMUAN AUDIT

27.1 PERANCANGAN

Bagi mencapai objektif sesuatu projek, perancangan adalah aspek penting yang perlu diberi perhatian. Tanpa perancangan, sesuatu projek tidak dapat dilaksanakan secara teratur yang akhirnya akan menjelaskan pencapaian objektifnya.

27.1.1 Kertas Cadangan Penswastaan

Pada bulan Mei dan Julai 2001, dua buah syarikat telah mengemukakan kertas cadangan mengenai penswastaan kutipan tunggakan cukai tanah kepada Kerajaan Negeri. Kedua syarikat ini telah mengenal pasti antara punca yang menyebabkan tunggakan cukai tanah semakin meningkat setiap tahun adalah disebabkan kekurangan tenaga kerja di Pejabat Tanah, sistem kutipan yang tidak berkesan, ketiadaan tindakan susulan untuk mengutip tunggakan cukai serta maklumat terperinci mengenai tunggakan cukai tidak disediakan. Kedua syarikat ini telah mencadangkan beberapa strategi untuk mengutip tunggakan cukai tanah seperti mewujudkan unit sistem pengkomputeran yang komprehensif bagi mengemas kini rekod pemilik dan bayaran yang dijelaskan serta

menggunakan khidmat guaman untuk mengemukakan tuntutan bayaran kepada pemilik tanah. Sebagai balasan kepada pelaksanaan perkhidmatan ini, kedua syarikat mencadangkan bayaran perkhidmatan dibayar kepada mereka. Syarikat yang pertama mencadangkan 20% manakala syarikat yang kedua menetapkan 22% sebagai bayaran perkhidmatan.

Pada bulan Ogos 2001, Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi, Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri telah menyediakan satu Kertas Ringkasan mengenai cadangan penswastaan ini kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Antara perkara yang dinyatakan dalam Kertas Ringkasan ini termasuklah asas pemilihan syarikat dan konsep penyelesaian. Seksyen ini juga telah meminta ulasan daripada Perbendaharaan Negeri Selangor, Penasihat Undang-undang dan Pejabat Tanah Dan Galian mengenai konsep penswastaan ini. Perbendaharaan Negeri Selangor memaklumkan bahawa mereka tiada halangan terhadap konsep penswastaan ini sekiranya pihak syarikat dapat membuktikan prestasi kutipan lebih baik daripada yang dicapai oleh Pejabat Tanah Dan Daerah. Penasihat Undang-undang Negeri juga memaklumkan bahawa mereka tiada halangan tetapi mencadangkan supaya aspek penguatkuasaan dipertingkatkan. Pejabat Tanah Dan Galian juga tiada halangan terhadap syor ini tetapi mencadangkan supaya anggaran kutipan setahun hendaklah melebihi RM30 juta.

Adalah didapati Kertas Ringkasan tersebut disediakan pada tempoh yang singkat sebelum dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Semakan Audit mendapati perkara berikut tidak diambil kira:

- i) Latar belakang kedua syarikat secara terperinci. Ini termasuk senarai projek yang telah dan sedang dilaksanakan oleh syarikat serta jumlah kos projek yang terlibat.

- ii) Prestasi projek yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kedua syarikat berkenaan.
- iii) Skop, tempoh dan had kutipan tunggakan yang sepatutnya diberi keutamaan iaitu syarikat yang mempunyai jumlah tunggakan yang besar dan telah lama tidak menjelaskan bayaran.

Pemeriksaan Audit juga mendapati Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi, Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri tidak menjalankan kajian ataupun mendapatkan laporan / maklum balas mengenai aktiviti kutipan tunggakan hasil yang dijalankan oleh syarikat ini di negeri lain. Malah, kenyataan bahawa kedua syarikat berpengalaman dalam menjalankan aktiviti ini di negeri lain sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Ringkasan adalah meragukan. Mengikut tinjauan Audit, belum ada negeri yang melaksanakan penswastaan kutipan tunggakan cukai tanah setakat ini.

Pada pendapat Audit, Kertas Cadangan penswastaan yang disediakan adalah tidak terperinci dan menyeluruh kerana tiada dokumen sokongan dan fakta yang lengkap. Keputusan untuk melaksanakan program penswastaan ini dibuat berdasarkan fakta yang diberikan oleh syarikat tanpa sebarang kajian yang mendalam.

27.1.2 Rancangan Penswastaan

Mengikut Pekeling Am Bil. 2 Tahun 1985 iaitu Garis Panduan Mengenai Penswastaan Untuk Agensi Kerajaan Negeri yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, agensi hendaklah menyediakan rancangan penswastaannya sendiri. Agensi diminta menggubal rancangan jangka pendek (satu tahun), pertengahan (lima tahun) dan jangka panjang (lebih daripada 5 tahun) dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Penswastaan. Rancangan ini akan menunjukkan bidang penswastaan di samping

menggariskan arah kerja dan kandungan program penswastaan supaya pelaksanaannya dapat dijalankan dengan sempurna.

Semakan Audit mendapati Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi, Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri tidak menyediakan sebarang rancangan ataupun pelan tindakan bagi mengenal pasti program yang boleh diswastakan. Mengikut amalan, Seksyen ini menerima cadangan penswastaan berdasarkan syor dan inisiatif daripada syarikat dan bukan melalui program yang dikenal pasti oleh pihak Kerajaan Negeri. Ketiadaan rancangan ini menyebabkan program/projek yang boleh diswastakan, tempoh penswastaan dan faedah yang dijangka diperolehi tidak dapat dikenal pasti.

Pada pandangan Audit, Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi, Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri perlu menyediakan rancangan penswastaannya sendiri sebelum mengemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan tidak hanya bergantung kepada cadangan daripada pihak swasta.

27.1.3 Pemilihan Syarikat

Semasa merancang pemilihan syarikat, Kerajaan Negeri hendaklah memastikan syarikat yang dilantik mempunyai pengalaman dalam melaksanakan perkhidmatan ini. Selain itu keupayaan syarikat dari segi bilangan sumber tenaga yang mencukupi serta mempunyai kemahiran dalam bidang komputer serta pentadbiran undang-undang tanah perlu diambil kira oleh pihak Kerajaan Negeri. Syarikat juga perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk menjalankan perkhidmatan ini.

27.1.4 Struktur Pengurusan

Dalam merancang sesuatu program penswastaan, pihak Kerajaan Negeri perlu mengambil kira aspek struktur organisasi dan sumber manusia yang diperlukan untuk melaksanakan program tersebut. Ini termasuk menentukan fungsi dan peranan bahagian, unit dan jabatan yang terlibat secara langsung dengan program ini.

Keperluan kakitangan oleh pihak Kerajaan dan syarikat swasta, kemahiran, latihan dan penempatan pegawai hendaklah dirancang dengan teratur untuk memastikan program dapat berjalan dengan lancar.

27.1.5 Aspek Perundangan

Pertimbangan yang teliti hendaklah diberi terhadap aspek perundangan dalam penswastaan bagi tujuan menentukan undang-undang dan peruntukan khusus yang boleh menghalang proses penswastaan. Untuk tujuan ini pihak Kerajaan Negeri perlu melihat tafsiran tunggakan cukai tanah dan tindakan susulan terhadap kutipan tunggakan yang dilaksanakan mengikut Kanun Tanah Negara 1965 dan undang-undang lain yang berkaitan dan berkuat kuasa masa kini. Pandangan daripada Penasihat Undang-undang Negeri yang mencadangkan supaya aspek penguatkuasaan dipertingkatkan perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri.

27.1.6 Syarat Perjanjian

Kerajaan Negeri perlu menetapkan syarat perjanjian dengan syarikat swasta yang terlibat dalam program penswastaan ini. Antara lain, perjanjian hendaklah mengandungi tempoh pelaksanaan, peranan Kerajaan Negeri dan syarikat, kaedah kutipan tunggakan, kadar bayaran, penyediaan laporan oleh syarikat dan syarat lain yang berkaitan. Penilaian program dan prestasi syarikat hendaklah dimasukkan dalam syarat perjanjian. Perjanjian juga hendaklah menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.

27.1.7 Keselamatan Dan Kesahihan Data

Program penswastaan kutipan tunggakan cukai tanah ini melibatkan keperluan penggunaan maklumat sama ada di Pusat ICT Negeri, di Pejabat Tanah ataupun oleh pihak Syarikat Swasta. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan penggunaan maklumat oleh pihak yang terlibat adalah semata-mata untuk tujuan program ini dan tidak disalahgunakan untuk tujuan lain. Oleh itu, kawalan dari segi capaian maklumat melalui komputer, kelulusan untuk

meminda data, ketepatan dan keselamatan data adalah penting dan perlu dirancang dengan lebih awal dan teliti.

27.1.8 Anggaran Kos Dan Faedah Program

Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan anggaran kos dan faedah yang diperolehi apabila menswastakan sesuatu perkhidmatan. Kos program seperti bayaran gaji pekerja tambahan, perbelanjaan operasi dan bayaran tuntutan oleh syarikat perlu diambil kira. Faedah dan kos dari segi beberapa pihak yang mempunyai kepentingan tertentu hendaklah dinilai. Faedah lain yang perlu dikenal pasti termasuk pulangan kepada Kerajaan Negeri, kadar bayaran kepada syarikat serta penambahbaikan yang boleh diperkenalkan kepada sistem yang sedia ada.

27.1.9 Garis Panduan Program

Bagi memastikan program penswastaan ini dapat dilaksanakan dengan sistematik dan teratur, Kerajaan Negeri perlu mengadakan garis panduan untuk kegunaan semua pihak yang terlibat. Garis panduan ini perlu mengandungi maklumat mengenai fungsi dan peranan setiap bahagian yang terlibat seperti Pusat ICT Negeri, Pejabat Tanah di daerah, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi. Selain itu, prosedur mengenai penyediaan laporan kutipan tunggakan bulanan dan perkara yang berkaitan dengan pengurusan tunggakan ini perlu dinyatakan dalam garis panduan ini.

Pada pendapat Audit, Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi, Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri tidak dapat menyediakan perancangan yang teratur mengenai program penswastaan ini kerana perlu dilaksanakan pada masa yang singkat. Program penswastaan dibuat berdasarkan kepada cadangan yang dikemukakan oleh syarikat.

27.2 PELAKSANAAN

Pejabat Tanah bertanggungjawab mengutip cukai tanah dan tunggakan daripada pemilik tanah. Bagaimanapun, masalah kekurangan kakitangan dan ketiadaan tindakan penguatkuasaan telah menyebabkan jumlah tunggakan cukai tanah meningkat setiap tahun. Ekoran daripada masalah ini, Kerajaan Negeri memutuskan supaya urusan kutipan tunggakan cukai tanah diswastakan. Di peringkat pelaksanaan pula, pihak Audit mendapati perkara berikut :

27.2.1 Kertas Cadangan

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri semasa mesyuaratnya pada bulan Ogos 2001 telah meluluskan pelaksanaan penswastaan kutipan tunggakan cukai tanah kepada 2 buah syarikat swasta. Keputusan ini dibuat berdasarkan kepada kertas cadangan yang disediakan oleh syarikat swasta dan dikemukakan oleh Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi, Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju supaya pihak syarikat menerima bayaran 20% daripada jumlah tunggakan yang berjaya dikutip. Selain itu, konsesi bagi kedua syarikat dibahagikan mengikut daerah yang mana syarikat pertama ditugaskan untuk mengutip tunggakan bagi daerah Petaling, Hulu Selangor, Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang. Manakala syarikat kedua pula bertanggungjawab bagi daerah Klang, Gombak, Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Bagaimanapun, di peringkat awal pelaksanaan, kedua syarikat dikehendaki menjalankan projek perintis selama 6 bulan di daerah Petaling dan Klang.

Pada pendapat Audit, Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi, Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri hendaklah membuat kajian kemungkinan mengenai program penswastaan ini sebelum dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan pelaksanaannya.

27.2.2 Struktur Pengurusan

Pemeriksaan Audit mendapati 4 bahagian terlibat secara langsung dengan program penswastaan ini, iaitu Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi, Pusat ICT, Pejabat Daerah Dan Tanah serta Unit Hasil Pejabat Perbendaharaan Negeri. Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi ditugaskan untuk memantau program dan menguruskan perjanjian. Pusat ICT pula mengeluarkan maklumat kepada syarikat manakala Pejabat Daerah Dan Tanah menjalankan kutipan hasil dan mengambil tindakan penguatkuasaan. Unit Hasil Perbendaharaan Negeri akan menguruskan tuntutan bayaran daripada syarikat swasta. Semakan Audit mendapati bilangan kakitangan yang bertugas di bahagian masing-masing adalah mencukupi untuk mengurus dan memantau program ini. Walaupun begitu, kemampuan syarikat untuk memantau 4 hingga 5 daerah sekaligus dengan bilangan kakitangan yang terhad adalah dipertikaikan.

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri adalah menepati bidang tugas yang sedia ada.

27.2.3 Pemilihan Syarikat

Semakan Audit mendapati 2 buah syarikat yang menawarkan diri dan dipilih untuk program penswastaan ini adalah syarikat milik Bumiputera 100% dan mempunyai modal berbayar masing-masing berjumlah RM200,000. Dari segi bilangan tenaga pekerja, syarikat yang melaksanakan program di Daerah Petaling mempunyai 10 orang kakitangan manakala di Daerah Klang mempunyai 12 orang kakitangan. Dari segi pengalaman pula, kedua syarikat tidak mempunyai pengalaman dalam menjalankan perkhidmatan ini sebelumnya.

Pada pandangan Audit, dengan kakitangan yang tidak melebihi 15 orang bagi setiap syarikat, kemampuan dan kemahiran syarikat khususnya dalam bidang Undang-undang Tanah untuk

memantau 4 hingga 5 daerah sekaligus adalah dipertikaikan. Selain itu, kenyataan Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi bahawa kedua syarikat ini berpengalaman dalam menjalankan program kutipan tunggakan hasil di negeri lain adalah diragui memandangkan program seperti ini tidak pernah dijalankan oleh negeri lain sebelum ini.

27.2.4 Syarat Perjanjian

Kerajaan Negeri telah menandatangani perjanjian penswastaan ini dengan kedua syarikat pada bulan September 2001 untuk tempoh 5 tahun. Semakan Audit terhadap perjanjian ini mendapati perkara berikut tidak diperincikan.

i) Tunggakan

Mengikut Kanun Tanah Negara 1965, tunggakan adalah cukai tanah tahunan yang dikenakan tetapi tidak dijelaskan oleh pemilik tanah kepada Kerajaan Negeri selepas 1 Jun setiap tahun. Perkara 2 dalam perjanjian pula menyatakan pihak syarikat bersetuju untuk menyedia, melaksana dan memberi perkhidmatan untuk membantu Kerajaan Negeri mengutip tunggakan di seluruh Negeri Selangor.

Berdasarkan kepada tafsiran ini, pihak syarikat telah mengutip tunggakan cukai tanah daripada berbagai jenis pemilik tanah sama ada individu ataupun syarikat tanpa mengambil kira nilai dan tempoh tunggakan. Kerajaan Negeri sepatutnya menetapkan skop dan had kutipan tunggakan kepada pihak syarikat dengan memberi keutamaan kepada pemilik tanah yang mempunyai tunggakan melebihi RM50,000 ke atas. Satu cara lagi ialah dengan menyediakan senarai pemilik tanah yang mempunyai tunggakan yang tinggi nilainya serta tempoh yang lama. Senarai ini yang sepatutnya disediakan oleh Pejabat Tanah hendaklah dikemukakan kepada pihak syarikat untuk tindakan selanjutnya sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling

Setiausaha Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2002. Dengan cara ini, pihak syarikat dapat memberi tumpuan untuk mengutip tunggakan berdasarkan kepada maklumat yang telah diberikan. Senarai ini juga boleh digunakan oleh Pejabat Tanah untuk mengesahkan tuntutan yang dibuat oleh pihak syarikat bagi tunggakan yang telah dijelaskan.

Pada pendapat Audit, syarat mengenai kutipan tunggakan dan skopnya tidak dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian. Oleh itu, syarat perjanjian perlulah dikaji semula oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan penambahbaikan.

ii) Sistem Komputer

Mengikut perkara 6 dalam perjanjian, pihak syarikat hendaklah membangunkan satu sistem komputer yang diperlukan bagi maksud perkhidmatan ini. Sistem komputer ini hendaklah diselenggara dan dinaik taraf dari semasa ke semasa. Pihak syarikat juga hendaklah dari semasa ke semasa mendapatkan data daripada Kerajaan Negeri serta menyemak, mengesah dan mengemas kinikan maklumat mengenai tunggakan pemilik tanah sebelum mengeluarkan notis tuntutan kepada mereka. Pihak syarikat juga hendaklah menyediakan tenaga pekerja yang secukupnya bagi melaksanakan perkhidmatan ini.

Semakan Audit mendapati kedua syarikat telah mewujudkan sistem komputer bagi tujuan kutipan tunggakan cukai tanah. Maklumat yang diperolehi daripada Pusat ICT dalam bentuk *raw data* akan diproses untuk mengeluarkan surat peringatan dan notis tuntutan kepada pemilik dan menyediakan laporan prestasi kutipan tunggakan.

Pada pandangan Audit, pihak syarikat telah mematuhi syarat untuk mewujudkan sistem komputer seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

iii) Bayaran Perkhidmatan

Mengikut perkara 3 dalam perjanjian, syarikat akan dibayar 20% daripada jumlah tunggakan yang berjaya dikutip. Bagaimanapun, syarat ini tidak menetapkan had tunggakan yang perlu dikutip dan bayaran perkhidmatan hanya boleh dituntut bagi kutipan yang dibuat atas usaha syarikat.

Semakan Audit mendapati bayaran perkhidmatan yang dituntut oleh syarikat meliputi keseluruhan kutipan walaupun ada tunggakan dibayar atas inisiatif pemilik tanah. Sebagai contoh, di daerah Klang, ada 20 syarikat yang mempunyai tunggakan berjumlah RM30.72 juta dan telah beberapa lama membuat bayaran balik secara ansuran dengan pihak Pejabat Tanah atas inisiatif mereka sendiri sebelum penswastaan dimulakan. Pihak syarikat swasta telah menghantar notis tuntutan cukai sekali kepada syarikat tersebut dan telah menuntut bayaran perkhidmatan bagi keseluruhan jumlah tunggakan yang dijelaskan oleh syarikat. Tindakan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati pihak Pejabat Tanah kerana berpendapat syarikat tidak layak menuntut bayaran perkhidmatan bagi kutipan yang dijelaskan bukan atas usaha mereka.

Ekoran daripada situasi ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada bulan Mei 2003 telah meminta Pejabat Tanah menyemak kutipan yang dibuat oleh syarikat bagi memastikan bayaran perkhidmatan dibayar berasaskan kutipan yang dibuat atas usaha syarikat sendiri.

Pada pendapat Audit, syarat mengenai bayaran perkhidmatan tidak dinyatakan dengan jelas dalam

perjanjian menyebabkan timbul percanggahan pendapat antara pihak Kerajaan Negeri dengan pihak syarikat. Syarat ini sepatutnya menetapkan bahawa bayaran perkhidmatan hanya boleh dibuat bagi kutipan yang dijelaskan atas usaha syarikat.

iv) Pengeluaran Notis Tuntutan

Mengikut Perkara 6.3 dan 6.4 dalam perjanjian, pihak syarikat hendaklah mengeluarkan notis tuntutan tunggakan cukai tanah selepas memproses maklumat dari Pusat ICT. Notis tersebut hendaklah diserahkan kepada pemilik tanah supaya menjelaskan bayaran tunggakan di Pejabat Tanah. Sepanjang tempoh program ini dilaksanakan, pihak syarikat telah mengeluarkan sebanyak 71,320 notis tuntutan bagi daerah Petaling. Daripada jumlah ini, sebanyak 2,749 notis telah dikembalikan. Bagi daerah Klang pula, sebanyak 83,446 notis telah dikeluarkan manakala 6,012 notis telah dikembalikan. Antara sebab notis tuntutan dikembalikan adalah alamat tidak lengkap, pemilik tidak dapat dikesan dan pemilik telah berpindah.

Mulai bulan Julai 2003, syarikat dikehendaki mematuhi syarat perjanjian tambahan iaitu mengeluarkan 2 surat peringatan kepada pemilik tanah terlebih dahulu sebelum notis tuntutan dikeluarkan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh bulan Julai hingga Disember 2003, sebanyak 25,242 surat peringatan telah dikeluarkan bagi daerah Petaling manakala sebanyak 23,799 telah dikeluarkan bagi daerah Klang. Pihak syarikat telah mengemukakan salinan surat peringatan dan notis tuntutan kepada Pejabat Tanah Daerah dalam bentuk cakera padat memandangkan jumlah surat yang terlalu banyak bagi menjimatkan kos, tenaga dan masa.

Pada pendapat Audit, pihak syarikat telah mematuhi syarat perjanjian ini.

v) **Perjanjian Tambahan**

Kerajaan Negeri telah menandatangani perjanjian penswastaan dengan 2 buah syarikat ini pada bulan September 2001. Mengikut perjanjian, bayaran perkhidmatan sejumlah 20% akan dibayar kepada syarikat atas tunggakan yang berjaya dikutip. Seterusnya, pada bulan Mei 2002, Seksyen Penswastaan dan Ekonomi, Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri telah mengemukakan Kertas Cadangan supaya komisen atas bayaran denda lewat sejumlah 15% dibayar kepada syarikat. Perkara ini adalah cadangan daripada syarikat supaya denda lewat dijadikan sebahagian daripada tunggakan yang boleh dituntut oleh syarikat. Cadangan ini telah dirujuk kepada Perbendaharaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri serta Pejabat Tanah Dan Galian untuk ulasan mereka. Perbendaharaan Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri tiada halangan terhadap cadangan ini. Manakala Pejabat Tanah Dan Galian berpendapat komisen sejumlah 15% adalah terlalu tinggi dan kadar yang sesuai adalah 10% sahaja. Komisen ini hanya atas tunggakan dan tidak mengambil kira bayaran denda lewat. Bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan ini pada akhir bulan Mei 2002. Satu perjanjian tambahan telah ditandatangani dengan kedua syarikat pada bulan Julai 2003 yang mengandungi peruntukan bayaran denda lewat sejumlah 15%, sama ada melalui usaha secara langsung atau tidak langsung pihak syarikat.

Pemeriksaan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2003, sejumlah RM550,881 telah dibayar kepada syarikat yang pertama berdasarkan RM3.67 juta denda lewat yang telah dikutip. Manakala syarikat yang kedua pula menerima RM617,505 sebagai bayaran daripada RM4.12 juta denda lewat yang telah dikutip.

Pada pandangan Audit, bayaran denda lewat tidak wajar dijadikan sebagai tunggakan kerana tidak ada peruntukan dalam Kanun Tanah Negara mengenai perkara ini. Selain itu, jumlah cukai tahunan, tunggakan dan denda lewat dinyatakan di dalam satu bil cukai tanah yang dikeluarkan. Berdasarkan kepada bil cukai tanah tersebut, syarikat hanya mengeluarkan satu notis tuntutan kepada pemilik tanah. Tidak ada kerja tambahan dibuat bagi tuntutan terhadap denda lewat ini. Oleh itu, bayaran sejumlah 15% kepada syarikat perlulah dikaji semula oleh Kerajaan Negeri.

27.2.5 Ketepatan Dan Kesahihan Data

Mengikut Perkara 5 dalam perjanjian, pihak Kerajaan Negeri melalui Pusat ICT hendaklah mengemukakan semua data yang diperlukan oleh syarikat bagi membolehkannya menjalankan tugas. Pihak syarikat juga boleh mendapatkan sebarang maklumat tambahan yang diperlukan dari Pusat ICT. Semakan Audit mendapati kedua pihak mematuhi syarat ini. Bagaimana pun, berdasarkan maklumat yang diperolehi, pihak syarikat menghadapi beberapa masalah dalam melaksanakan program ini. Antara masalah tersebut adalah seperti berikut :

i) Data Yang Tidak Kemas Kini

Sehingga akhir tahun 2003, data yang diterima oleh pihak syarikat ialah bagi bulan Ogos 2003. Dalam tempoh sebulan selepas ini, pihak syarikat akan memproses data ini untuk mengeluarkan notis tuntutan kepada pemilik tanah. Sementara pihak syarikat mengeluarkan notis tuntutan ini, kebanyakannya pemilik tanah telah menjelaskan bayaran mereka. Pengeluaran notis tuntutan dari pihak syarikat menimbulkan rungutan oleh pembayar cukai yang terlibat. Pihak syarikat pula tidak berpuas hati dengan keadaan ini dan merasakan usaha tersebut merugikan mereka sedangkan tindakan mereka untuk mencetak dan

mengeluarkan notis melibatkan masa dan kos. Pihak Audit telah membincangkan perkara ini dengan Pusat ICT dan mengesyorkan bagi menangani masalah ini, pihak syarikat diberikan kemudahan untuk menyemak terlebih dahulu data yang diterima dari Pusat ICT dengan Pejabat Tanah di daerah, sebelum mengeluarkan notis tuntutan. Ini untuk membolehkan syarikat mendapatkan maklumat yang terkini mengenai kedudukan tunggakan cukai pemilik tanah.

ii) Data Yang Tidak Lengkap

Pemeriksaan Audit mendapati berlaku keadaan yang mana pihak syarikat tidak dapat menyerahkan notis tuntutan kerana tidak dapat mengesahkan pemilik tanah disebabkan alamat tidak lengkap, tiada nama pemilik tanah, pemilik tanah telah berpindah dan tanah telah bertukar hakmilik. Akibatnya, notis tuntutan dikembalikan dan tunggakan tidak dapat dikutip. Bagi mengatasi masalah ini, pihak syarikat telah berusaha menghubungi Jabatan Pendaftaran Negara dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk mendapatkan alamat terkini pemilik tanah. Bagi daerah Klang, sehingga bulan Oktober 2003, sebanyak 13,215 rekod pemilik tanah telah dikemaskinikan dengan nama, alamat dan pembetulan hakmilik. Bagi daerah Petaling pula, sehingga bulan September 2003, pihak Syarikat telah mengenal pasti sebanyak 2,257 rekod yang bermasalah dan telah mengambil tindakan mengemaskinikan data terhadap 981 rekod pemilik tanah.

iii) Data Yang Tidak Tepat

Selain masalah data yang tidak lengkap, pihak syarikat juga mendapati data yang tidak tepat dari Pusat ICT. Ini termasuk jumlah tunggakan yang masih ditunjukkan walaupun tunggakan telah dijelaskan oleh pemilik tanah, jumlah tunggakan silap, tidak munasabah dan akaun bertindih serta akaun tidak wujud. Di daerah Klang, pihak

syarikat telah mengenal pasti 2,511 akaun pemilik tanah yang bermasalah seperti ini. Pihak syarikat telah mengambil tindakan untuk menyemak perkara ini hasil maklum balas daripada pemilik tanah. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 1,554 akaun pemilik tanah telah dikenal pasti untuk dikemas kini oleh Pejabat Tanah Klang. Manakala bagi daerah Petaling, sebanyak 756 rekod telah diperbetulkan.

iv) Capaian Terhadap Data

Mengikut perjanjian, pihak syarikat boleh mendapatkan data dari Pusat ICT dari semasa ke semasa untuk tujuan mengeluarkan notis tuntutan memandangkan Pusat ICT adalah pusat pengumpulan maklumat pemilik tanah. Pihak syarikat juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Pejabat Tanah dan Pusat ICT mengenai maklumat yang perlu dikemas kini. Bagaimanapun, pihak syarikat tidak dibenarkan membuat sebarang pindaan terhadap maklumat yang diperolehi. Sebarang pindaan pada data pemilik tanah hanya boleh dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa di Pejabat Tanah. Pihak Audit mendapati peraturan ini dipatuhi oleh pihak syarikat.

Mengenai pindaan terhadap maklumat, mengikut prosedur sebarang perubahan maklumat mengenai pemilikan tanah hanya boleh dibuat oleh Unit Pendaftaran di Pejabat Tanah. Perubahan maklumat ini perlu dimaklumkan ke Unit Hasil bagi membolehkan Unit Hasil menyalurkan maklumat ini ke Pusat ICT. Dengan cara ini maklumat di Pusat ICT akan dapat dikemas kini.

Pemeriksaan Audit mendapati berlaku masalah data yang tidak tepat di Pusat ICT. Ini disebabkan data di Pusat ICT tidak kemas kini kerana Unit Hasil tidak dimaklumkan mengenai perubahan maklumat pemilik tanah yang dibuat

oleh Unit Pendaftaran di Pejabat Tanah. Bagi menangani masalah ini, pihak Audit mengesyorkan sebarang perubahan maklumat pemilikan tanah yang dibuat oleh Unit Pendaftaran dimaklumkan ke Unit Hasil supaya dapat disalurkan ke Pusat ICT. Dengan cara ini, Pusat ICT kemudiannya akan dapat membekalkan data yang kemas kini kepada pihak syarikat. Ini akan membolehkan pihak syarikat melaksanakan program dengan lebih berkesan dan tunggakan cukai tanah dapat dikurangkan.

Pada pandangan Audit, Pejabat Tanah hendaklah menyelesaikan masalah penyelarasan yang berlaku antara Unit Pendaftaran dan Unit Hasil.

27.2.6 Penyediaan Laporan

Mengikut Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Penswastaan dan Ekonomi) Bil. 1 Tahun 2002, pihak syarikat bertanggungjawab menyediakan laporan prestasi kutipan secara bulanan untuk tujuan pemantauan oleh Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi, Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri. Semakan Audit mendapati Laporan Prestasi Kutipan Tunggakan ada disediakan oleh pihak syarikat, akan tetapi format laporan adalah tidak seragam. Pihak Audit mencadangkan satu format laporan yang seragam dan memberikan maklumat yang terperinci mengenai prestasi kutipan hasil serta tindakan yang diambil oleh pihak syarikat dimasukkan dalam laporan tersebut. Antara perkara yang perlu disediakan oleh syarikat termasuklah bilangan akaun dan jumlah tunggakan, kategori dan saiz akaun, pengusiaan tunggakan dan jumlah akaun, tindakan diambil oleh syarikat, masalah dalam pelaksanaan, jumlah kutipan tunggakan serta senarai syarikat yang mempunyai jumlah tunggakan yang besar.

27.2.7 Penilaian Prestasi Syarikat

Mengikut Perkara 9 dalam perjanjian, Kerajaan Negeri boleh pada bila-bila masa mengkaji prestasi syarikat yang melaksanakan perkhidmatan ini. Jika pihak Kerajaan Negeri tidak berpuas hati dengan prestasi syarikat, pihak syarikat diberi masa selama 30 hari untuk mempertingkatkan prestasinya. Selepas tempoh ini, jika didapati prestasi syarikat masih tidak memuaskan, pihak Kerajaan Negeri berhak untuk menamatkan perkhidmatan syarikat. Pemeriksaan Audit mendapati di daerah Klang, bagi tempoh tahun 2001 hingga Disember 2002, sejumlah RM13.75 juta (17.0%) telah dikutip daripada tunggakan berjumlah RM80.71 juta. Manakala bagi daerah Petaling, sejumlah RM24.66 juta (36.5%) telah dikutip daripada RM67.62 juta yang tertunggak. Butiran mengenai kutipan tunggakan adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Kutipan Tunggakan Bagi Tempoh 2001 Hingga 2002

Daerah	Tahun		Jumlah (RM Juta)
	2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)	
1. Klang	7.02	6.73	13.75
2. Petaling	8.51	16.15	24.66

Sumber : Rekod Pejabat Tanah Daerah Klang dan Petaling

Analisis Audit berdasarkan Laporan Prestasi Kutipan Tunggakan yang dikemukakan oleh pihak swasta mendapati 70% daripada tunggakan yang dijelaskan adalah terdiri daripada pemilik tanah individu yang mempunyai tunggakan antara RM45.00 hingga RM1,000. Manakala 30% adalah terdiri daripada syarikat yang mempunyai tunggakan lebih daripada RM1,000 yang melibatkan tempoh tunggakan antara 2 hingga 10 tahun.

Prestasi syarikat juga dinilai berdasarkan kepada kedudukan jumlah tunggakan sebelum dan selepas penswastaan seperti yang ditunjukkan di **Jadual 22**.

Jadual 22

Kedudukan Tuggakan Sebelum Dan Selepas Penswastaan

Daerah	Sebelum Penswastaan		Selepas Penswastaan	
	Tahun		Tahun	
	1999 RM Juta	2000 RM Juta	2001 RM Juta	2002 RM Juta
Klang	49.41	46.17	65.77	14.94
Petaling	106.21	118.53	41.80	25.82

Sumber : Rekod Pejabat Tanah Daerah Klang dan Petaling

Analisis Audit mendapati bagi daerah Klang, tuggakan cukai tanah telah meningkat daripada RM46.17 juta pada tahun 2000 menjadi RM65.77 juta pada tahun 2001 iaitu peningkatan sejumlah RM19.60 juta. Ini adalah disebabkan pertambahan pengeluaran geran baru dan pertukaran syarat penggunaan tanah selaras dengan pertumbuhan pesat sektor ekonomi khususnya sektor harta tanah dan perindustrian di daerah tersebut. Manakala bagi tahun 2002, tuggakan cukai tanah telah semakin berkurangan dengan pelaksanaan penswastaan kutipan tuggakan cukai tanah.

Bagi daerah Petaling pula, tuggakan bagi tahun 2000 berjumlah RM118.53 juta telah berkurangan menjadi RM41.80 juta pada tahun 2001 dan RM25.82 juta pada tahun 2002 .

Penurunan tuggakan cukai tanah bagi tahun 2001 dan 2002, adalah hasil promosi dan kempen yang dijalankan oleh syarikat swasta bersama Pejabat Tanah Daerah bagi memberi kesedaran kepada pemilik tanah di daerah Klang dan Petaling kepentingan membayar cukai tanah.

Ekoran daripada kedudukan tuggakan yang berkurangan bagi tahun 2001, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada bulan Mei 2002 bersetuju supaya pihak syarikat meneruskan kutipan tuggakan ini meliputi seluruh Negeri Selangor.

Pada pendapat Audit, pihak swasta hendaklah memberi tumpuan untuk mengutip tunggakan daripada syarikat yang mempunyai jumlah tunggakan yang besar dan telah lama tertunggak.

27.2.8 Bayaran Perkhidmatan

Perkara 7 dalam perjanjian menetapkan Kerajaan Negeri hendaklah membayar bayaran perkhidmatan sejumlah 20% daripada jumlah tunggakan yang berjaya dikutip oleh syarikat. Tuntutan bayaran ini hendaklah disemak dan disahkan oleh Pejabat Tanah sebelum diluluskan untuk bayaran oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri. Semakan Audit mendapati sejak program ini dilaksanakan, jumlah bayaran perkhidmatan kepada syarikat sehingga tahun 2003 bagi daerah Petaling ialah RM5.17 juta. Ini merupakan 20% daripada tunggakan berjumlah RM25.85 juta yang berjaya dikutip. Manakala bagi daerah Klang, sejumlah RM6.29 juta telah dibayar kepada syarikat iaitu 20% daripada tunggakan berjumlah RM31.47 juta yang berjaya dikutip. Tuntutan daripada syarikat hanya disemak dengan teliti oleh Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Tanah Daerah Klang sebelum disahkan oleh Pegawai Daerah. Butiran bayaran perkhidmatan kepada syarikat adalah seperti berikut:

Bayaran Perkhidmatan Bagi Kutipan Tunggakan Pejabat Tanah Petaling

Tempoh Tunggakan Dikutip	Jumlah Kutipan Tunggakan (RM)	Bayaran Perkhidmatan (RM)	Tarikh Bayaran
Disember 2001 - Januari 2002	1,801,088.82	360,217.76	12.6.2002
Februari - Mac 2002	1,341,332.20	268,266.44	16.10.2002
April - Mei 2002	5,055,740.80	1,011,148.10	21.5.2003
Disember 2001- Oktober 2002	15,494,179.05	3,098,835.81	11.11.2003
Disember 2001 - Mei 2002	2,156,982.50	431,396.50	11.12.2003
JUMLAH	25,849,323.37	5,169,864.61	

Bayaran Perkhidmatan Bagi Kutipan Tuggakan
Pejabat Tanah Klang

Tempoh Tuggakan Dikutip	Jumlah Kutipan Tuggakan (RM)	Bayaran Perkhidmatan (RM)	Tarikh Bayaran
Disember 2001- Julai 2002	7,411,548.08	1,482,309.72	September 2002
Disember 2001- Oktober 2002	12,480,650.00	2,496,130.07	November 2002
November 2002-Januari 2003	2,453,863.14	490,772.62	Mac 2003
Ogos 2002 - Oktober 2002	9,120,645.12	1,824,128.90	November 2003
JUMLAH	31,466,706.34	6,293,341.31	

Pada pandangan Audit, bayaran perkhidmatan hanya boleh diluluskan setelah pihak Kerajaan Negeri berpuas hati dengan tuntutan yang dikemukakan oleh pihak syarikat.

27.2.9 Penguatkuasaan

Mengikut Seksyen 97 dan 98 Kanun Tanah Negara, Pentadbir Tanah boleh mengeluarkan notis permintaan dalam Borang 6A kepada pemilik tanah yang mempunyai tunggakan untuk dijelaskan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh borang disampaikan. Jika tunggakan gagal dijelaskan selepas tempoh 3 bulan, Borang 8A akan dikeluarkan untuk tujuan rampasan tanah seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 100 Kanun Tanah Negara.

Pihak Audit mendapati kedua syarikat yang terlibat dengan program penswastaan ini telah mengambil tindakan mengenal pasti pemilik tanah yang mempunyai jumlah tunggakan yang besar. Maklumat ini telah diserahkan kepada Pejabat Tanah Daerah untuk tindakan pengeluaran Borang 6A. Sehingga akhir tahun 2003, sejumlah 85 syarikat yang mempunyai tunggakan berjumlah RM50.28 juta telah dikenal pasti di daerah Klang. Manakala di daerah Petaling, sejumlah 150 syarikat yang mempunyai tunggakan berjumlah RM44.44 juta telah disenaraikan oleh pihak syarikat.

Semakan Audit mendapati Pejabat Tanah Klang tidak mengambil tindakan untuk mengeluarkan Borang 6A. Bagaimanapun, Pejabat Tanah Petaling telah mengeluarkan 11 Borang 6A bernilai RM8.95 juta pada akhir tahun 2003. Daripada jumlah ini, RM3.91 juta telah dijelaskan oleh pemilik tanah yang terlibat.

Pada pendapat Audit, Pejabat Tanah sepatutnya mengambil tindakan penguatkuasaan melalui pengeluaran Borang 6A kepada pemilik tanah yang telah dikenal pasti oleh pihak syarikat. Sekiranya pemilik tanah masih enggan menjelaskan bayaran tunggakan, Borang 8A pula hendaklah dikeluarkan.

27.2.10 Garis Panduan Program

Pada bulan Jun 2002, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Penswastaan dan Ekonomi) Bil. 1 Tahun 2002 sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dengan program penswastaan ini. Antara kandungan Pekeliling ini termasuklah peranan dan tanggungjawab Pejabat Tanah di daerah serta peranan dan tanggungjawab syarikat.

Pihak Audit telah menyemak Pekeliling ini dan mendapati ada perenggan yang tidak menepati peruntukan dalam Kanun Tanah Negara 1965. Mengikut perenggan 3.4.1(d) Pekeliling ini, Pejabat Tanah bertanggungjawab untuk menentukan pemilik tanah yang akan dikeluarkan Borang 6A dan menandatangani Borang 6A yang disediakan oleh syarikat. Manakala mengikut perenggan 3.5.1 (e) dan (g) Pekeliling ini pula, syarikat bertanggungjawab memproses, menyedia dan menghantar Borang 6A/ Borang 8A yang dipersetujui dan tandatangani oleh Pejabat Tanah di daerah.

Mengikut Seksyen 97 dan 98 Kanun Tanah Negara 1965, tindakan penguatkuasaan seperti mengeluarkan Borang 6A hanya boleh dilakukan oleh Pejabat Tanah di daerah. Pihak syarikat hanya

boleh mengenal pasti dan mengesyorkan pemilik yang bertunggak kepada Pejabat Tanah untuk dikeluarkan Borang 6A/ Borang 8A. Oleh sebab itu, pihak Audit berpendapat wujud percanggahan antara perenggan 3.4.1 (d) dan 3.5.1(e) dan (g) Pekeliling ini dengan Seksyen 97 dan 98 Kanun Tanah Negara 1965.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan penswastaan perkhidmatan ini telah dapat membantu mempertingkatkan kutipan tunggakan cukai tanah. Bagaimana pun, Kerajaan Negeri perlu mengatasi masalah data tidak lengkap di Pusat ICT dan mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan melalui pengeluaran Borang 6A / 8A.

27.3 PEMANTAUAN

Bagi memastikan pelaksanaan program ini berjalan dengan sempurna, pemantauan perlu dilakukan untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan terhadap masalah yang dikenal pasti. Pemantauan terhadap program ini dibuat oleh beberapa pihak seperti berikut :

i) Jawatankuasa Penswastaan Peringkat Negeri

Jawatankuasa Penswastaan peringkat Negeri Selangor ditubuhkan berpandukan kepada Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1985 mengenai Garis Panduan Penswastaan untuk agensi kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Antara bidang tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menyelaras, mempergiat dan mempercepatkan pelaksanaan program penswastaan Negeri Selangor. Jawatankuasa ini terdiri daripada 12 orang ahli yang dipengerusikan oleh Menteri Besar. Jawatankuasa ini akan membincangkan dan mengenal pasti masalah berhubung dengan program penswastaan yang dikemukakan oleh Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi, Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri. Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2003, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 6 kali. Keputusan Jawatankuasa ini akan dimaklumkan kepada pihak syarikat seperti mengarahkannya untuk mempertingkatkan usaha mendapatkan bayaran tunggakan daripada syarikat yang besar.

ii) Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi

Seksyen Penswastaan Dan Ekonomi adalah salah satu seksyen yang diwujudkan di bawah Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri. Seksyen ini bertanggungjawab memantau pelaksanaan program ini dari segi prestasi serta penyediaan laporan kutipan bulanan oleh syarikat. Seksyen ini juga merupakan urusetia kepada Jawatankuasa Penswastaan Peringkat Negeri.

iii) Unit Hasil Perbendaharaan Negeri

Mulai bulan Jun 2003, Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya Unit Hasil Perbendaharaan Negeri mengambil alih pemantauan pelaksanaan program ini. Unit ini telah bermesyuarat sebanyak 6 kali pada tahun 2003 bersama dengan pihak syarikat serta Pejabat Tanah Daerah bagi membincangkan masalah dan prestasi kutipan tunggakan.

iv) Penyediaan Laporan Prestasi Kutipan Bulanan

Mengikut Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil.1/2002, pihak syarikat dikehendaki menyediakan Laporan Prestasi Kutipan Bulanan untuk dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. Tujuannya adalah untuk mengetahui kemajuan pelaksanaan selain mengenal pasti masalah yang berbangkit dan tindakan susulan yang telah diambil oleh pihak syarikat. Daripada laporan ini pihak Kerajaan Negeri boleh membuat penilaian dan memberi cadangan agar pihak syarikat lebih menumpukan usaha untuk mendapatkan bayaran daripada syarikat yang besar. Semakan Audit mendapati pihak syarikat ada mengemukakan laporan tersebut.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat adalah memuaskan kerana melibatkan banyak pihak. Pemantauan yang berterusan adalah perlu supaya program ini dapat berjalan dengan baik.

28. RUMUSAN DAN SYOR

Program penswastaan kutipan cukai tanah di Negeri Selangor adalah yang pertama dilaksanakan di negara ini. Program ini perlu dilaksanakan dalam masa yang singkat menyebabkan program tersebut tidak dapat disediakan dengan lengkap dan teratur. Bagaimanapun, pelaksanaan program ini telah dapat membantu mengurangkan tunggakan cukai tanah. Dalam melaksanakan program ini, masih terdapat beberapa masalah di peringkat Pusat ICT dan Pejabat Tanah Daerah yang perlu diselesaikan. Masalah data tidak lengkap di Pusat ICT belum dapat diatasi meskipun Kerajaan Negeri telah melantik sebuah syarikat untuk menyelesaiakannya. Selain itu, masalah penyelarasan antara Unit Pendaftaran dan Unit Hasil di Pejabat Tanah perlu diambil tindakan. Pejabat Tanah juga tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik tanah meskipun pihak syarikat swasta telah mengenal pasti pemilik tanah yang mempunyai jumlah tunggakan yang besar. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan pihak syarikat mematuhi semua peruntukan dalam perjanjian sebelum meluluskan bayaran. Selain itu, syarat perjanjian perlu dikaji semula supaya dapat menjaga kepentingan Kerajaan Negeri dan mematuhi peruntukan dalam Kanun Tanah Negara 1965.

Mengikut pandangan beberapa pegawai di Pejabat Tanah yang dilawati, mereka mampu untuk mengutip tunggakan cukai tanah dengan syarat pihak Kerajaan Negeri menambah bilangan kakitangan atau memberi insentif. Oleh kerana program ini merupakan projek perintis Kerajaan Negeri, kajian lanjut terhadap program ini perlulah dibuat sama ada perlu diteruskan atau sebaliknya selepas tamat tempoh 5 tahun pertama. Sekiranya Kerajaan Negeri boleh menambah kakitangan, mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kanun Tanah Negara 1965, prestasi kutipan tunggakan cukai tanah akan dapat dipertingkatkan tanpa melibatkan pihak swasta bagi tempoh 2 tahun berikutnya.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

PENGURUSAN BANTUAN AM

29. LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan sasaran tahun 2005 untuk mencapai matlamat menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri maju. Selaras dengan hasrat tersebut, pelbagai dasar, program dan aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan. Salah satu daripada agenda utama Kerajaan Negeri ialah membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat agar pembangunan negeri dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jabatan) berperanan melaksanakan tanggungjawab tersebut melalui pemberian pelbagai jenis bantuan seperti Bantuan Orang Tua, Bantuan Sekolah, Bantuan Geran Pelancaran dan Bantuan Am. Sebahagian daripada bantuan tersebut dilaksanakan melalui pemberian bantuan kewangan bagi tujuan memenuhi kehendak asas kehidupan dan salah satu bantuan yang diberikan adalah Bantuan Am. Bantuan Am diberikan kepada individu/ keluarga yang tidak berkemampuan serta berkeperluan untuk meringankan kesulitan kewangan mereka. Bantuan ini boleh diberikan bagi satu tempoh jangka masa yang panjang atau sementara waktu sehingga mereka boleh berdikari. Penerima bantuan ini terdiri daripada balu, duda, janda yang mempunyai ramai tanggungan, warga tua, orang kurang upaya, keluarga bantuan dan penerima lain yang dikategorikan sebagai tidak berkemampuan dan daif. Bagi tahun 2003, sejumlah RM5.24 juta telah dibelanjakan bagi membiayai 4,563 orang penerima Bantuan Am diseluruh Negeri Selangor.

30. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan untuk menentukan sama ada Bantuan Am diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

31. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

Kajian ini melibatkan pemeriksaan terhadap borang permohonan, fail pemohon serta dokumen lain yang berkaitan bagi tahun 2002 dan 2003. Tiga daerah telah dipilih untuk pengauditan iaitu Petaling, Hulu Langat dan Sabak Bernam. Pemilihan daerah tersebut dibuat berdasarkan kepada kategori bandar, separa bandar dan luar bandar. Selain itu, pemilihan kawasan juga dibuat berpandukan kepada bilangan penerima Bantuan Am. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab serta lawatan semasa proses siasatan dan agihan wang bantuan juga diadakan.

32. PENEMUAN AUDIT

32.1 PERANCANGAN

Dalam menyalurkan Bantuan Am ini, perancangan yang teliti perlu diwujudkan bagi memastikan mereka yang layak dapat menikmati kemudahan ini serta matlamatnya tercapai.

32.1.1 Struktur Pengurusan

Pihak pengurusan bertanggungjawab dalam menentukan operasi Jabatan dijalankan dengan teratur dan sistematik. Struktur organisasi yang baik, panduan dan prosedur kerja yang kemas kini akan membantu meningkatkan lagi produktiviti Jabatan. Selain itu, latihan dan bimbingan kerja kepada kakitangan juga penting bagi menambah kecekapan dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta memenuhi kehendak pelanggan. Bagi menguruskan Bantuan Am, setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah diketuai oleh seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat dengan dibantu oleh Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Pembantu Khidmat Masyarakat. Carta Organisasi bagi 3 daerah yang dilawati menunjukkan sebanyak 56 perjawatan telah diwujudkan bagi melaksanakan fungsi Jabatan.

32.1.2 Kriteria Kelayakan Penerima Bantuan

Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah memenuhi beberapa syarat serta kriteria yang telah ditetapkan sebelum boleh dipertimbangkan. Kriteria atau syarat kelayakan ini penting untuk memastikan bahawa penerima bantuan adalah daripada golongan yang layak.

Pada bulan Disember 1997, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah mengeluarkan satu ketetapan mengenai kriteria pemohon yang layak menerima Bantuan Am. Antara syarat yang telah ditetapkan ialah penerima bantuan hendaklah mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM400 sebulan. Selain itu, pemohon juga mempunyai tanggungan yang ramai dan menghadapi masalah seperti tidak boleh bekerja kerana penyakit yang kronik, ibu tunggal, tua serta keluarga banduan.

32.1.3 Kadar Bantuan Am

Mulai bulan Januari 1997, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan kadar Bantuan Am berjumlah RM70 hingga RM175 sebulan. Pada tahun 2001 Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah mengedarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bil. 3 Tahun 2001 mengenai Garis Panduan Perlaksanaan Kadar Bantuan Kebajikan Masyarakat Di Bawah Pakej Rangsangan Baru Ekonomi Negara. Berikutnya daripada itu, kadar bantuan yang sedia ada telah dinaikkan sebanyak 33.3%. Kenaikan kadar tersebut akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan kenaikan tersebut, kadar Bantuan Am di Selangor telah meningkat daripada RM70 hingga RM175 sebulan menjadi RM95 hingga RM235 sebulan. Kadar tersebut akan dilaksanakan semasa Pakej Rangsangan Baru Ekonomi Negara tahun 2001 dan dilanjutkan pada tahun seterusnya sehingga ada perubahan. Bantuan ini akan diberikan untuk tempoh setahun sahaja dan boleh disambung selepas siasatan semula

diadakan bagi memastikan penerima masih memerlukan bantuan berkenaan.

32.1.4 Permohonan Bantuan

Sebagai panduan dalam menguruskan Bantuan Am, Jabatan telah menggunakan pakai Buku Panduan Prosedur Permohonan Bantuan serta Prosedur Kualiti yang ditetapkan di bawah MS ISO 9002. Antara prosedur yang perlu dipatuhi dalam menguruskan permohonan Bantuan Am adalah seperti berikut :

i) Siasatan Permohonan

Sebelum sesuatu permohonan diluluskan, siasatan awal akan dijalankan oleh pegawai kes terhadap permohonan yang diterima untuk memastikan sama ada pemohon layak untuk menerima bantuan serta menentukan jenis bantuan yang sesuai. Sekiranya pemohon datang sendiri ke pejabat untuk membuat permohonan maka siasatan awal boleh dijalankan pada masa itu. Bagi permohonan yang diterima melalui telefon atau surat, pegawai kes akan menyemak Buku Indeks Permohonan Bantuan terlebih dahulu untuk memastikan pemohon belum berdaftar dengan Jabatan. Setelah dipastikan permohonan tersebut adalah permohonan baru, pegawai kes akan menghantar surat temujanji kepada pemohon untuk siasatan awal.

Siasatan terperinci pula akan diadakan selepas siasatan awal. Pegawai kes akan mengadakan lawatan ke rumah pemohon untuk menilai keadaan sosio-ekonomi serta melihat sendiri keadaan kehidupan pemohon. Pegawai kes akan mengisi borang untuk merekod pemerhatian beliau, hasil lawatan berkenaan serta mencatatkan jumlah bantuan yang disyorkan. Borang tersebut kemudiannya dikemukakan kepada Pegawai Kebajikan Daerah untuk kelulusan.

ii) Tempoh Kelulusan Permohonan

Piagam Pelanggan Jabatan telah menetapkan bahawa semua permohonan akan siap disiasat dalam tempoh 2 minggu merangkumi siasatan awal dan siasatan terperinci. Sementara itu, proses meluluskan permohonan hendaklah dijalankan dalam tempoh 2 minggu selepas siasatan diadakan. Ini bermakna permohonan Bantuan Am hendaklah diselesaikan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permohonan diterima.

32.1.5 Peruntukan Kewangan

Anggaran belanjawan bagi Bantuan Am disediakan oleh Ibu Pejabat berdasarkan kepada anggaran yang dicadangkan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah. Anggaran tersebut disediakan berpandukan kepada jumlah peruntukan yang diluluskan pada tahun sebelumnya dengan sedikit pertambahan. Bancian mengenai jumlah sebenar yang dijangka layak memohon bantuan tidak dijalankan. Bagi tahun 2002 dan 2003 Jabatan telah memohon peruntukan berjumlah RM6 juta setiap tahun untuk diagihkan kepada penerima Bantuan Am.

32.1.6 Kaedah Pengagihan Wang Bantuan

Pejabat Perbendaharaan Negeri akan mengeluarkan cek bagi Bantuan Am atas nama Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah. Cek tersebut akan dimasukkan ke satu akaun bank dan kemudiannya dikeluarkan untuk pembayaran. Agihan wang dibuat secara tunai dan penerima bantuan dikehendaki menurunkan cap jari ke atas baucer bayaran sebagai bukti terimaan. Sebelum agihan dijalankan, surat pemberitahuan mengenainya akan dihantar kepada penerima bantuan. Selain itu, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah juga akan menulis surat kepada Ketua Polis Daerah untuk mendapatkan perkhidmatan pengiring pada hari pembayaran. Pembayaran akan dibuat sama ada di pejabat, di rumah bagi penerima bantuan yang uzur atau di pusat pembayaran

seperti dewan orang ramai, balai raya atau pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri.

32.1.7 Penamatan Bantuan

Tujuan utama Bantuan Am diberikan kepada penerima adalah untuk memberi bantuan pada mereka bagi meringankan kesulitan kewangan buat sementara waktu ataupun sehingga suatu jangka masa mereka dapat berdikari. Oleh yang demikian, Jabatan telah menetapkan bahawa setiap bantuan yang diluluskan adalah bagi tempoh 1 tahun.

Siasatan semula akan diadakan sebelum tamat tempoh dengan tujuan untuk mempertimbangkan sama ada bantuan akan dilanjutkan atau sebaliknya. Selain itu, melalui siasatan semula juga pegawai kes boleh menentukan sama ada kadar bantuan yang diberikan adalah sesuai atau perlu dikaji semula berdasarkan taraf kehidupan penerima. Bantuan boleh ditamatkan atas sebab berdikari, berkahwin, anak bekerja, meninggal dunia atau berpindah dan tidak dapat dikesan.

32.1.8 Ulangkaji Kes

Pada bulan Disember 1997, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah mengeluarkan arahan supaya kes yang menerima bantuan lebih daripada 5 tahun dikaji semula. Tujuannya adalah bagi mengenalpasti kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh penerima bantuan sehingga menyebabkan mereka terus bergantung kepada Bantuan Am dalam jangka waktu yang panjang. Ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada penerima Bantuan Am memerlukan perkhidmatan lain bagi membantu mereka berdikari. Antara perkhidmatan yang dimaksudkan ialah bantuan latihan kepada belia dan beliwanis dalam Latihan Aprendis serta Bantuan Sekolah. Selain daripada itu, ulangkaji kes juga dijalankan bagi memastikan sama ada jenis bantuan yang diberikan bersesuaian dengan keadaan kehidupan semasa penerima Bantuan Am.

i) Bantuan Latihan

Bantuan kepada belia dan beliawanis dalam latihan Aprendis diwujudkan untuk membantu belia/ beliawanis terutamanya anak-anak penerima bantuan kebajikan yang tercicir daripada persekolahan atau menganggur, belia atau beliawanis yang di bawah seliaan lanjut dari Sekolah Akhlak dan Pusat Perlindungan Wanita Dan Gadis serta mereka yang cacat. Kadar elaun untuk bantuan kepada belia dan beliawanis Latihan Aprendis adalah RM250 sebulan.

ii) Bantuan Sekolah

Bantuan Sekolah pula diberikan kepada pelajar yang mempunyai keluarga yang tidak berkemampuan agar mereka dapat meneruskan persekolahan. Salah satu daripada syarat kelayakan ialah pendapatan ibubapa hendaklah tidak melebihi RM500 sebulan serta tidak berkemampuan menanggung persekolahan anak mereka kerana perbelanjaan keluarga yang tinggi. Bantuan diberi berdasarkan bayaran sebenar yang perlu dijelaskan oleh pelajar seperti bantuan yuran sekolah dan bantuan yuran peperiksaan. Kadar bagi bantuan lain seperti bantuan buku kerja, bantuan pakaian seragam dan bantuan tambang pengangkutan akan ditetapkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada setiap tahun.

iii) Bantuan Orang Tua

Penerima Bantuan Am yang berusia 60 tahun ke atas boleh dicadangkan untuk menerima Bantuan Orang Tua dengan kadar RM135 sebulan. Antara syarat kelayakan bagi Bantuan Orang Tua ialah pemohon berusia 60 tahun ke atas dan tiada keluarga atau keluarga tidak berkemampuan untuk menyara mereka.

32.1.9 Penyimpanan Rekod

Sistem penyimpanan rekod yang sistematik dapat memudahkan pihak pengurusan memantau bilangan permohonan, tindakan yang perlu diambil serta mengetahui status permohonan pada sesuatu masa. Sebarang pertanyaan atau aduan daripada pelanggan dapat ditangani dengan segera sekiranya fail berkaitan disimpan dengan teratur.

Prosedur kualiti di bawah MS ISO 9002 telah memperkenalkan Sistem Kad Perakam Kajian Semula Bantuan sebagai panduan dalam menyelenggara rekod serta fail berkaitan Bantuan Am. Sistem tersebut menghendaki supaya setiap fail kes disertakan kad perakam yang disediakan mengikut warna yang melambangkan jenis bantuan seperti Bantuan Am menggunakan kad perakam berwarna merah. Kad berkenaan akan dimasukkan ke dalam kotak mengikut bulan bantuan diluluskan. Tujuan kad ini adalah untuk merekod tarikh kajian semula kes perlu diadakan. Jabatan juga mewujudkan satu sistem di mana fail Bantuan Am ditandakan dengan pelekat berwarna merah di tepi fail agar mudah dikesan.

Pada pendapat Audit, perancangan yang disediakan oleh Jabatan adalah teratur serta bersesuaian dengan fungsi Jabatan. Selain itu, dengan adanya pengiktirafan ISO proses kerja Jabatan menjadi lebih tersusun dan sistematik.

32.2 PELAKSANAAN

32.2.1 Struktur Pengurusan

Pembahagian tugas pegawai kes ditentukan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah. Beliau akan membahagikan tugas kepada pegawai kes mengikut keperluan di daerah masing-masing. Semakan Audit mendapati Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling menugaskan 2 orang Pembantu Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk menyelia Bantuan Am sahaja dengan

pembahagian kepada beberapa kawasan. Sementara di Daerah Sabak Bernam hanya Pembantu Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberikan kawasan tertentu untuk menyelia Bantuan Am manakala Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat pula menyelia semua jenis bantuan tanpa mengikut kawasan. Keadaan berbeza pula berlaku di Daerah Hulu Langat yang mana semua Pembantu dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat diperuntukkan kawasan masing-masing. Mereka bertanggungjawab menyelia semua jenis bantuan untuk kawasan mereka.

Selain Bantuan Am, Pegawai Kes juga bertanggungjawab terhadap kes akhlak yang perlu diselesaikan di mahkamah. Tugas ini pada kebiasaannya memakan masa dan mengakibatkan tugas berkaitan Bantuan Am seperti siasatan terperinci, siasatan semula dan lain-lain urusan berkaitan tertunda. Keadaan sedemikian juga mengakibatkan permohonan lewat diproses. Semakan Audit mendapati bagi Daerah Hulu Langat dan Sabak Bernam, sebanyak 1,030 permohonan untuk pelbagai jenis bantuan telah diterima pada tahun 2003. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 703 permohonan telah dikenal pasti layak diberikan Bantuan Am. Pegawai kes perlu menyelesaikan semua permohonan tersebut bukan sahaja untuk Bantuan Am tetapi juga bantuan lain yang diuruskan oleh Jabatan.

Pada pandangan Audit, pembahagian tugas kakitangan di setiap daerah perlu dikaji semula supaya fungsi Jabatan dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

32.2.2 Peruntukan Kewangan

Pada tahun 2003 peruntukan bantuan am sejumlah RM6.25 juta telah diluluskan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Kebajikan Daerah Petaling, Hulu Langat dan Sabak Bernam menerima peruntukan sejumlah RM1.46 juta. Sehingga bulan Disember 2003, ketiga Pejabat Kebajikan ini telah menyalurkan Bantuan Am kepada 1,384 orang penerima dengan

perbelanjaan berjumlah RM1.51 juta. Butiran lanjut seperti **Jadual 23.**

Jadual 23
Jumlah Perbelanjaan Bantuan Am

Daerah	Bilangan Penerima	Jumlah Perbelanjaan (RM)
Sabak Bernam	763	736,302
Hulu Langat	312	394,490
Petaling	309	381,230
Jumlah	1,384	1,512,022

Sumber: Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat

Pada pandangan Audit, Jabatan telah membelanjakan peruntukan yang diterima dengan baik.

32.2.3 Kadar Bantuan Am

Di bawah Pakej Rangsangan Baru Ekonomi Negara 2001, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM100 juta bagi tujuan menaikkan kadar Bantuan Am. Bagi Negeri Selangor, kadar minimum telah dinaikkan daripada RM70 sebulan menjadi RM95 manakala kadar maksimum daripada RM175 menjadi RM235 sebulan. Semakan Audit mendapati Pegawai Kebajikan Masyarakat akan meluluskan permohonan berdasarkan jumlah yang difikirkan sesuai tertakluk kepada had minimum dan maksimum yang telah ditetapkan.

Setiap daerah yang dilawati menggunakan kaedah yang berbeza dalam menentukan kadar bantuan kepada pemohon. Penentuan kadar ini adalah berdasarkan arahan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, berpandukan kepada Manual Prosedur Kerja yang lama dan budi bicara pegawai kes sendiri atau merujuk kepada pegawai kes yang lebih berpengalaman. Semakan Audit terhadap kaedah penetapan kadar bantuan di tiga Pejabat Kebajikan Daerah mendapati perkara berikut :-

i) **Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat**

Pegawai kes di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat hanya bergantung kepada budi bicara masing-masing atau merujuk kepada Manual Prosedur Kerja tahun 1985 dalam menentukan kadar bantuan yang akan diberikan kepada pemohon tertakluk kepada had yang telah ditetapkan. Selain itu, pegawai kes yang baru ditempatkan di pejabat ini lebih bergantung kepada amalan pegawai yang lama serta merujuk kepada kes sebelumnya sebagai panduan dalam menentukan kadar bantuan.

ii) **Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sabak Bernam**

Pegawai kes yang bertugas di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sabak Bernam hanya bergantung kepada budi bicara serta pertimbangan masing-masing dalam menentukan kadar berkenaan. Ini adalah kerana tiada sebarang rujukan yang disediakan kepada pegawai kes terutamanya untuk pegawai kes yang baru.

iii) **Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling**

Bagi Daerah Petaling, pegawai kes menggunakan surat arahan daripada Ibu Pejabat yang dikeluarkan pada bulan Julai 1997 sebagai panduan untuk menentukan kadar bantuan. Surat berkenaan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor berkaitan kenaikan kadar Bantuan Am kepada had maksimum RM175 sebulan. Menurut syarat pengagihan di dalam surat tersebut penentuan kadar adalah RM40 bagi setiap ahli keluarga. Jika seseorang pemohon tinggal bersendirian, kadar yang layak diterima ialah RM40 sebulan. Memandangkan kadar minimum ialah RM75 sebulan, pemohon akan dibayar kadar tersebut. Jika ahli keluarga pemohon melebihi 4 orang, kadar maksimum yang layak diterima ialah RM175 sebulan.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mewujudkan satu kaedah yang seragam dalam menetapkan kadar bantuan.

32.2.4 Memproses Permohonan Bantuan

Semakan Audit telah dijalankan terhadap 1,075 fail pemohon Bantuan Am bagi tahun 2002 dan 2003. Pemilihan fail dibuat bagi 3 daerah yang dilawati berdasarkan kategori permohonan yang telah diluluskan dan dalam proses sebanyak 634 fail, kes yang menerima Bantuan Am melebihi 5 tahun sebanyak 351 fail dan kes yang ditamatkan sebanyak 90 fail. Penemuan Audit adalah seperti berikut:

i) Borang Permohonan

Prosedur kualiti di bawah MS ISO 9002 telah menetapkan supaya setiap pemohonan Bantuan Am dikehendaki mengisi borong permohonan kecuali bagi kes yang dirujuk oleh hospital, wakil rakyat, ahli politik, badan kerajaan dan bukan kerajaan. Sebanyak 634 fail pemohon telah diluluskan telah disertakan borong permohonan seperti yang dikehendaki. Walaupun begitu, sebanyak 55 kes yang dirujuk oleh hospital, wakil rakyat, ahli politik atau badan bukan kerajaan, pegawai kes terus menjalankan penyiasatan kerana pemohon tidak dikehendaki mengisi borong permohonan.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah mewujudkan satu sistem kawalan yang memuaskan terhadap pemberian bantuan dengan memastikan hanya kes yang disertakan borong permohonan sahaja layak dipertimbangkan. Walaupun begitu, kawalan ini akan lebih baik sekiranya kes yang dirujuk oleh hospital atau pihak lain juga dikehendaki mengisi borong permohonan sebagai dokumen sokongan.

ii) Siasatan Permohonan

Menurut Piagam Pelanggan Jabatan, setiap permohonan hendaklah selesai disiasat dalam tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan diterima. Walaupun begitu, semakan Audit di tiga buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah mendapati wujud kelewatan dalam proses siasatan antara 1 hari hingga 2 tahun bagi 96 kes. Semakan selanjutnya mendapati kelewatan ini disebabkan oleh kegagalan pemohon menghadirkan diri ke pejabat untuk temu duga bagi siasatan awal kerana tidak menerima surat panggilan temu duga. Masalah ini biasanya timbul apabila pemohon tinggal di kawasan yang terpencil atau kampung yang mempunyai hanya satu peti surat yang dikongsi bersama oleh penduduk kawasan tersebut.

Jika pemohon gagal menghadiri temu duga di pejabat, pegawai kes akan membuat lawatan ke rumah pemohon untuk menjalankan siasatan awal dan terperinci. Walaupun begitu, semasa lawatan ini pegawai kes juga menghadapi masalah untuk menemui pemohon kerana rumah pemohon tidak dapat dikesan berdasarkan alamat yang diberikan pada borang permohonan atau pemohon tiada di rumah. Selain itu, pegawai kes juga meminta pertolongan daripada penduduk atau pemimpin di kawasan berkenaan untuk membantu mengesan pemohon serta membuat temu janji untuk siasatan.

Pemeriksaan Audit di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat mendapati selain masalah berkaitan dengan pemohon, pembahagian tugas juga merupakan faktor yang menyebabkan tempoh masa siasatan tidak dapat memenuhi kehendak Piagam Pelanggan Jabatan. Pegawai kes dikehendaki mengendalikan semua jenis bantuan dalam kawasan yang dikhaskan kepada mereka. Secara tidak langsung mereka tidak dapat menumpukan perhatian

sepenuhnya kepada Bantuan Am kerana banyak kes bantuan lain yang juga perlu disiasat. Keadaan ini menyebabkan ada kes yang tertinggal untuk disiasat.

iii) Kelulusan Permohonan

Kelewatan dalam proses siasatan akan juga mengakibatkan kelewatan dalam proses kelulusan. Semakan Audit terhadap 97 fail mendapati kelulusan lewat dikeluarkan sehingga 33 minggu. Ini tidak menepati kehendak Piagam Pelanggan yang mengatakan bahawa kelulusan akan selesai dalam tempoh 2 minggu selepas siasatan. Secara keseluruhan, proses kelulusan untuk Bantuan Am mengambil masa satu bulan dari tarikh permohonan dikemukakan.

iv) Pemilihan Penerima Bantuan

Salah satu daripada syarat pemohon yang layak menerima Bantuan Am ialah mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM400 sebulan. Semakan Audit mendapati 20 pemohon tidak menepati syarat kelayakan kerana berpendapatan antara RM450 hingga RM1,000 sebulan. Mengikut penjelasan Pegawai Kebajikan yang terlibat, pemohon yang tidak menepati syarat kelayakan gaji tetapi masih diluluskan Bantuan Am berdasarkan budi bicara atas sebab lain yang difikirkan sesuai seperti mempunyai tanggungan yang ramai atau mengidap penyakit yang berpanjangan dan memerlukan kos rawatan yang tinggi. Temu bual yang diadakan dengan Pegawai Kebajikan mendapati banyak aduan yang diterima mengenai syarat kelayakan gaji tersebut kerana tidak bersesuaian dengan taraf hidup yang telah meningkat serta kos perbelanjaan harian yang tinggi.

Pihak Audit berpendapat Jabatan perlu mengkaji semula syarat kelayakan pendapatan isi rumah yang sedia ada

supaya selaras dengan taraf hidup penduduk pada masa kini memandangkan syarat tersebut telah diluluskan pada tahun 1997.

32.2.5 Pengagihan Wang Bantuan

i) Kaedah Pengagihan Wang Bantuan

Semakan Audit mendapati Jabatan telah mengagihkan wang bantuan kepada penerima bantuan sebaik sahaja cek diterima daripada Perbendaharaan Negeri. Agihan wang dibuat secara tunai dan penerima bantuan akan menurunkan cap jari sebagai bukti terimaan.

Pada pandangan Audit, agihan wang bantuan telah dilaksanakan dengan baik dan mengikut peraturan.

ii) Bantuan Tidak Dituntut

Arahan Perbendaharaan 96 membenarkan Ketua Jabatan membuat bayaran secara tunai dengan menggunakan baucer yang disokong dengan senarai nama penerima. Sekiranya bayaran tidak diagihkan dalam tempoh 21 hari, wang yang tidak dapat dibayar hendaklah dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri. Sehingga bulan Disember 2003, wang Bantuan Am berjumlah RM20,645 melibatkan 245 kes di Daerah Sabak Bernam, Hulu Langat dan Petaling tidak dapat diagihkan dalam tempoh yang ditetapkan. Wang tersebut kemudiannya telah dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri. Mengikut penjelasan Pegawai Kebajikan Masyarakat, perkara ini berlaku atas sebab berikut:

- a) Surat pemberitahuan mengenai tarikh agihan hanya dapat dikeluarkan kepada penerima apabila cek bantuan diterima daripada Perbendaharaan Negeri. Oleh yang demikian, ada penerima bantuan yang mendapat surat tersebut selepas tarikh agihan.

Penerima tersebut akan datang untuk mendapatkan bantuan mereka walaupun melebihi tempoh 21 hari yang ditetapkan.

- b) Bagi kes tertentu, Pegawai Kebajikan akan melawat sendiri ke rumah penerima untuk menyerahkan bantuan yang tidak diambil. Walaupun begitu, seringkali bantuan gagal disampaikan kerana penerima tiada di rumah atau alamat tidak dapat dikesan.

Pada pandangan Audit, Jabatan telah menjalankan berbagai usaha untuk mengesan dan menyerahkan bantuan yang belum dituntut oleh penerima. Walaupun begitu, peraturan supaya mengembalikan wang baki ke Perbendaharaan Negeri mengikut tempoh yang ditetapkan tidak dapat dipatuhi kerana terdapat berbagai halangan di luar kawalan Jabatan.

iii) Keselamatan Semasa Pengagihan Wang

Menurut Manual Prosedur Kualiti tentang Pengendalian Bantuan Kewangan Am, sebelum pengagihan wang diadakan Pegawai Kebajikan hendaklah menulis surat kepada Ketua Balai Polis untuk mendapatkan perkhidmatan pengiring ke pusat pembayaran seperti Dewan Orang Ramai, Balai Raya atau pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri. Lawatan Audit ke 3 daerah yang dipilih mendapati perkara berikut:

a) Pejabat Kebajikan Masyarakat

Daerah Hulu Langat

Pegawai Kebajikan Masyarakat ada menghantar surat pemberitahuan kepada pihak polis untuk mendapatkan pengiring pada hari pengagihan wang bantuan. Walaupun begitu, semasa pihak Audit menyertai pegawai kes melakukan pengagihan wang bantuan di kawasan Semenyih dan Beranang, tiada

pegawai polis yang turut serta. Pihak polis hanya menyediakan perkhidmatan pengiring kepada pegawai semasa mereka mengeluarkan wang di bank sehingga pegawai kembali ke pejabat sahaja. Menurut pegawai kes, pihak polis tidak dapat menyediakan perkhidmatan pengiring ke pusat pengagihan kerana kekurangan kakitangan. Pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Langat telah mengarahkan pegawai polis di balai yang berdekatan dengan pusat pengagihan untuk mengawasi pusat berkenaan.

b) Pejabat Kebajikan Masyarakat

Daerah Sabak Bernam

Pegawai kes yang akan menjalankan pengagihan wang ada mengemukakan surat kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam untuk mendapatkan perkhidmatan pengiring. Pegawai polis yang bertugas di balai atau pondok polis yang berdekatan dengan kawasan pengagihan wang bantuan akan menyertai pegawai kes ke pusat pengagihan wang bantuan.

c) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling

Adalah didapati Pejabat Kebajikan Masyarakat Petaling telah mendapat kerjasama sepenuhnya dari Balai Polis berdekatan semasa pengagihan wang atau menghantar wang bantuan kepada penerima yang tidak mampu untuk bergerak. Setiap kali pengagihan wang bantuan diadakan seorang pegawai polis akan ditugaskan untuk turut serta.

Pada pandangan Audit, keselamatan kakitangan yang menjalankan agihan wang bantuan perlu diberi keutamaan.

32.2.6 Ulangkaji Kes

Ulangkaji kes akan diadakan setahun sekali bagi memastikan sama ada bantuan boleh diteruskan atau ditamatkan apabila memenuhi syarat. Pegawai kes biasanya akan menjalankan siasatan beberapa bulan sebelum tarikh bantuan tamat. Pada bulan Disember 1997, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah membangkitkan beberapa kelemahan seperti kes tidak diulang kaji pada tempoh yang ditetapkan menyebabkan bantuan diteruskan walaupun penerima sudah mampu berdikari. Selain itu, ada juga penerima yang menerima bantuan melebihi 5 tahun tanpa diberikan perkhidmatan lain untuk meningkatkan taraf hidup. Adalah dinyatakan juga bahawa pegawai penyelaras peringkat negeri dikehendaki melawat Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah untuk memastikan perkara yang dibangkitkan diambil tindakan.

i) Penamatan Bantuan

Semakan Audit mendapati pihak Jabatan ada menjalankan siasatan semula terhadap kes yang sepatutnya. Pada tahun 2003, bilangan Bantuan Am yang diluluskan untuk Daerah Hulu Langat, Sabak Bernam dan Petaling adalah sebanyak 206 kes manakala 90 kes telah ditamatkan. Daripada 90 kes yang ditamatkan ini, sebanyak 42 kes adalah akibat kematian, dua puluh satu kes berpindah manakala 27 kes lagi kerana penerima bantuan telah berdikari. Semakan selanjutnya menunjukkan sebanyak 439 kes merupakan bantuan yang melebihi 5 tahun. Butiran lanjut seperti di **Jadual 24.**

Jadual 24
Perbandingan Kes Bantuan Am Yang Diluluskan,
Ditamatkan Dan Melebihi 5 Tahun

Daerah	Tahun 2003		Bantuan Am Melebihi 5 Tahun
	Bilangan Diluluskan	Bilangan Ditamatkan	
Hulu Langat	43	12	106
Sabak Bernam	88	62	244
Petaling	75	16	89
Jumlah	206	90	439

Sumber : Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat

Daripada temu bual yang dijalankan dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat, adalah didapati sehingga kini Jabatan belum mengambil sebarang tindakan susulan untuk mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh penerima bantuan sehingga menyebabkan mereka terus bergantung kepada bantuan ini. Jabatan juga tidak mempunyai inisiatif bagi menyediakan perkhidmatan lain untuk membantu mereka berdikari.

Pada pandangan Audit, Jabatan boleh membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penerima bantuan dengan menghantar mereka menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Jabatan lain seperti kursus dibawah Program Industri Kecil dan Sederhana.

ii) Bantuan Tambahan

Selain Bantuan Am, Jabatan juga ada menyediakan beberapa jenis bantuan lain untuk membantu meningkatkan taraf hidup penerima bantuan yang sedia ada. Antara bantuan tersebut ialah:

a) Bantuan Kepada Belia dan Belianwas Dalam Latihan Aprendis (Bantuan Latihan)

Semakan Audit mendapati hanya 2 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang dilawati iaitu Sabak Bernam dan Petaling yang melaksanakan bantuan latihan kepada anak penerima bantuan atau mereka yang layak. Walaupun begitu, semua pelatih untuk skim bantuan ini tidak dihantar atau ditawarkan latihan di pusat kemahiran tertentu sebaliknya ditempatkan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berkenaan. Mereka diberi latihan berkaitan tugas di pejabat tanpa kemahiran yang khusus.

Semakan Audit juga mendapati latihan diberikan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah untuk membantu pegawai Jabatan dalam melaksanakan tugas harian seperti menerima permohonan, menjaga kaunter, menyusun fail dan membuat salinan dokumen. Sementara itu, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat tidak melaksanakan skim ini kerana lokasi pejabat jauh daripada tempat kediaman penerima bantuan serta melibatkan kos pengangkutan awam yang tinggi.

Pihak Jabatan sepatutnya menghantar pelatih ini ke pusat kemahiran, kilang, kedai atau bidang tertentu untuk mendapatkan kemahiran seperti di pusat latihan komputer, menjahit dan bengkel. Pendedahan berkaitan bidang tertentu kepada belia/ belianwas ini akan dapat meningkatkan kemahiran dan boleh digunakan untuk mereka berdikari dan membantu keluarga. Pendekatan ini juga secara langsung akan membuka peluang pekerjaan kepada mereka.

Pihak Audit berpendapat jika pendekatan ini berjaya dilaksanakan maka pembangunan masyarakat dapat dilakukan serta jumlah penerima bantuan yang dapat berdikari akan meningkat. Pihak Jabatan dapat mengurangkan jumlah penerima bantuan terutama yang melebihi 5 tahun dan menyalurkan bantuan kepada penerima lain yang lebih memerlukannya.

b) Bantuan Sekolah

Anak-anak penerima Bantuan Am boleh juga diberikan Bantuan Sekolah untuk meringankan bebanan mereka. Penerima Bantuan Sekolah ini terdiri daripada mereka yang mempunyai tanggungan atau anak bersekolah yang ramai atau tidak mampu untuk menyekolahkan anak mereka. Semakan Audit mendapati Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat dan Petaling ada menawarkan Bantuan Sekolah kepada penerima Bantuan Am iaitu masing-masing sebanyak 31 kes dan 55 kes.

Pihak Audit berpendapat bantuan sekolah ini telah dilaksanakan dengan baik.

c) Bantuan Orang Tua

Bantuan Orang Tua diberikan bertujuan untuk membolehkan seorang warga tua hidup dalam masyarakat dipersiarannya dan menikmati kehidupan yang dilaluinya. Warga tua yang berumur 60 tahun keatas, tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup dan tiada keluarga atau mempunyai keluarga yang tidak berkemampuan untuk memberi sumbangsan layak dipertimbangkan untuk Bantuan Orang Tua. Semakan Audit mendapati seramai 13 penerima yang berusia melebihi 60 tahun, mempunyai

keluarga tetapi tidak dipedulikan atau keluarga tidak mampu kerana mempunyai tanggungan yang ramai telah diberikan Bantuan Am dan bukannya Bantuan Orang Tua.

Pada pendapat Audit, mereka sepatutnya diberikan Bantuan Orang Tua bagi meringankan beban mereka memandangkan kadarnya adalah lebih tinggi iaitu RM135 sebulan berbanding RM95 bagi Bantuan Am.

32.2.7 Penyimpanan Rekod

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah menguatkuasakan penggunaan Sistem Kad Perakam Kajian Semula Bantuan. Dengan adanya sistem ini, penyimpanan fail kes akan lebih teratur kerana setiap fail ditandakan dengan warna berbeza bagi memudahkan pengesahan fail mengikut jenis bantuan.

Semakan Audit di 3 daerah yang dipilih mendapati hanya Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling masih meneruskan penggunaan sistem ini. Sementara itu, Daerah Sabak Bernam dan Hulu Langat yang menggunakan sistem ini pada mulanya tetapi telah diberhentikan. Keadaan ini menyebabkan penyimpanan dokumen di Daerah Hulu Langat tidak tersusun serta menyukarkan pegawai mengesan fail yang dikehendaki. Walaupun begitu, di Daerah Sabak Bernam, setiap fail kes bantuan diberi pengenalan menggunakan label yang berbeza mengikut jenis bantuan.

Pada pandangan Audit, sistem penyimpanan rekod perlu diseragamkan bagi semua daerah.

32.2.8 Stor Penyimpanan Fail Kes

Prosedur kualiti di bawah MS ISO 9002 telah menetapkan bahawa tindakan pelupusan hendaklah diambil terhadap fail kes yang telah ditutup melebihi tempoh 5 tahun. Lawatan Audit mendapati

keadaan stor di Daerah Sabak Bernam dan Petaling adalah teratur dan tersusun kerana tindakan pelupusan telah dijalankan. Walaupun begitu, di Daerah Hulu Langat tiada pelupusan dilakukan terhadap fail kes yang ditutup melebihi 5 tahun menyebabkan ruangan stor terlalu sempit dan tidak teratur serta menyukarkan pencarian fail.

Pada pandangan Audit, Jabatan perlu memastikan setiap daerah mempunyai sistem fail yang sempurna bagi memudahkan urusan Bantuan Am. Bagi fail kes yang telah ditutup, tindakan pelupusan hendaklah diambil dengan segera.

32.2.9 Susunatur Dan Kemudahan Pejabat

Susunatur pejabat yang selesa dan sesuai dengan objektif Jabatan merupakan satu faktor yang penting dalam menyumbang kepada keberkesanan perkhidmatan yang dilaksanakan. Selain itu, peralatan yang mencukupi membolehkan kakitangan menjalankan tugas dengan sempurna dan lancar.

Lawatan Audit ke Pejabat Kebajikan Daerah Petaling mendapati susunatur Pejabat tersebut agak teratur. Tiga buah bilik kaunseling telah disediakan bagi membincangkan kes yang sensitif. Berlainan pula keadaan di Daerah Sabak Bernam dan Hulu Langat, di mana Pejabat berkenaan terlalu sempit dan tiada ruangan khas untuk Pegawai Kebajikan menjalankan temu duga dan khidmat nasihat.

Foto 1 menunjukkan ruang pejabat yang sempit dan temu duga dijalankan secara terbuka.

Foto 1
Temuduga Diadakan Di Tempat Terbuka



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Selangor
Tarikh : 25 September 2003
Lokasi : Pejabat Kebajikan Masyarakat Hulu Langat

Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 10 Tahun 1991, kemudahan yang sesuai dan mencukupi perlu disediakan untuk pelanggan. Antaranya termasuklah ruang tempat menunggu yang selesa serta sistem giliran yang teratur. Lawatan Audit ke Daerah Petaling, Hulu Langat dan Sabak Bernam mendapati kesemua Pejabat tersebut mempunyai ruang menunggu yang sempit serta tidak cukup untuk kemudahan penerima bantuan terutama semasa pengagihan wang bantuan dibuat. Di Daerah Sabak Bernam, tiada ruang menunggu khas disediakan. Penerima bantuan terpaksa menunggu di luar pejabat (kaki lima) dan keadaan ini mengganggu laluan awam serta Jabatan lain di sekitarnya. Bagi Daerah Hulu Langat pula, kedudukan pejabat di tingkat 2 adalah tidak sesuai bagi penerima bantuan yang uzur dan cacat. Selain itu, adalah didapati semua pejabat tersebut tidak mempunyai sistem giliran yang sistematik menyebabkan penerima

berebut dan berkumpul di hadapan kaunter. **Foto 2** dan **Foto 3** menunjukkan ruang menunggu yang sempit dan keadaan semasa pengagihan wang diadakan.

Pada pandangan Audit, keselesaan tempat bekerja untuk kakitangan dapat mempengaruhi kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan.

Foto 2
Ruang Menunggu Yang Kurang Selesa



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Selangor
Tarikh : 29 Januari 2004
Lokasi : Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling*

Foto 3
Keadaan Penerima Bantuan Di Kaunter



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Selangor

Tarikh : 29 Januari 2004

Lokasi : Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling

Hasil temu bual dengan kakitangan di semua pejabat yang diaudit juga menunjukkan peralatan seperti komputer dan pencetak tidak mencukupi. Bilangan yang terhad menyebabkan kakitangan terpaksa berkongsi dan menyulitkan tugas mereka. Penggunaannya amat penting dalam menyediakan laporan bukan sahaja untuk Bantuan Am tetapi juga bantuan lain yang diuruskan oleh Jabatan. Selain itu mesin penyalin juga adalah dari jenis lama dan sering rosak serta memerlukan kos pembaikan yang tinggi. Bagi menyelesaikan masalah ini, Jabatan perlu mengemukakan kertas cadangan kepada Kerajaan Negeri bagi mendapatkan ruang pejabat yang lebih selesa untuk kakitangan serta dapat melaksanakan tanggungjawab memberikan perkhidmatan kepada orang awam dengan lebih baik.

Pada pandangan Audit, Jabatan telah melaksanakan tanggungjawab menguruskan Bantuan Am dengan baik. Walaupun begitu, beberapa perkara berkaitan dengan pengurusan fail, kelewatan dalam memproses permohonan serta kemudahan kepada kakitangan dan penerima bantuan perlu dipertingkatkan bagi menambah keberkesanannya.

32.3 PEMANTAUAN

Sistem pemantauan yang rapi dan berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan sesuatu program menepati kehendak pelanggan serta mencapai sasaran. Seorang Penolong Pengarah di peringkat Ibu Pejabat bertanggungjawab untuk memantau semua jenis bantuan yang diuruskan oleh Jabatan. Tanggungjawab memantau pengurusan Bantuan Am di setiap daerah diserahkan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat. Kaedah pemantauan seperti kajian semula kes adalah berkesan dalam membantu Jabatan mengenal pasti penerima yang layak untuk menerima bantuan selanjutnya. Semakan Audit mendapati pegawai penyelaras bantuan tidak mengadakan lawatan ke daerah bagi memantau pelaksanaannya serta mengenal pasti masalah yang dihadapi. Walaupun begitu, mesyuarat mengenainya antara Ibu Pejabat dengan daerah terlibat sering diadakan.

Pada pandangan Audit, sistem pemantauan Jabatan perlu dipertingkatkan. Aspek tertentu seperti penyelenggaraan fail, tempoh menjalankan siasatan dan meluluskan permohonan perlu diberi penekanan. Walaupun begitu, pemantauan terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada penerima bantuan adalah baik. Sistem agihan dan khidmat nasihat yang dijalankan dengan teratur telah berjaya menangani masalah berkaitan Bantuan Am.

33. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dilaksanakan dengan memuaskan. Walaupun ada beberapa kelemahan di peringkat pelaksanaan namun matlamat Jabatan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial ini telah tercapai. Bagi meningkatkan lagi keberkesanannya, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut :

- i) Mengkaji semula syarat kelayakan pendapatan isi rumah dan kadar bantuan supaya selaras dengan taraf hidup masa kini.
- ii) Bancian dijalankan bagi mendapatkan statistik yang lebih tepat mengenai golongan yang layak menerima bantuan serta memohon peruntukan berdasarkan bancian tersebut.
- iii) Bantuan tambahan yang boleh diberikan kepada penerima Bantuan Am atau keluarga mereka dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi membantu meningkatkan keupayaan mereka untuk keluar daripada senarai penerima bantuan.
- iv) Mengkaji semula struktur organisasi dan keperluan kakitangan.
- v) Jabatan perlu mengemukakan kertas cadangan kepada Kerajaan Negeri bagi mendapatkan ruang pejabat yang lebih selesa untuk kakitangan. Peralatan pejabat juga hendaklah dibekalkan bersesuaian dengan keperluan tugas.
- vi) Jabatan perlu menjalankan kajian untuk menukar sistem pembayaran bantuan secara tunai kepada pembayaran melalui bank seperti yang diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan dan beberapa negeri lain.

JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN

PROJEK TERNAKAN AYAM DAGING

34. LATAR BELAKANG

Projek ternakan ayam daging adalah salah satu daripada projek pembangunan ternakan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor (Jabatan) dalam RMK7 dan RMK8 bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan domestik terutamanya di Negeri Selangor. Pertumbuhan penduduk dan sektor industri yang pesat serta permintaan yang tinggi dari pengguna merupakan antara faktor utama projek ini diadakan.

Pelaksanaan projek ini dijalankan melalui 2 konsep. Konsep pertama ialah kaedah penternakan ayam di dalam reban yang dibina secara terbuka. Manakala konsep kedua ialah kaedah pembinaan reban secara tertutup. Semasa RMK7 Jabatan telah memberi tumpuan kepada pembinaan reban secara terbuka. Konsep ini merupakan satu sistem penternakan ayam secara tradisional yang mana ayam diternak di dalam reban terbuka yang tidak mempunyai sistem persekitaran dan pembetungan najis yang bersih dan sempurna.

Semasa RMK8 kaedah penternakan ayam secara terbuka telah ditamatkan selaras dengan hasrat Jabatan untuk memodenkan perusahaan ayam ke tahap piawaian yang ditentukan serta memastikan industri ternakan negara adalah bersih, suci dan selamat untuk pemakanan manusia. Jabatan telah merancang untuk memulakan satu sistem penternakan moden ayam daging iaitu melalui kaedah pembinaan reban secara tertutup. Konsep ini berdasarkan sistem penternakan yang dijalankan secara tertutup dengan menyediakan semua kemudahan penternakan di dalam satu kawasan yang jauh dari persekitaran manusia. Konsep ini adalah bersesuaian dengan cara hidup masa kini yang mementingkan kebersihan, mesra alam dan penggunaan kemudahan teknologi moden. Reban ini akan dilengkapi dengan sistem pengudaraan dan sistem pembetungan najis yang sempurna dan sesuai untuk memastikan kebersihan dan mengelakkan pencemaran alam sekitar.

35. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk memastikan sama ada projek ini telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

36. SKOP DAN KAEDEH PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek ternakan ayam daging di Taman Agroteknologi, Kuala Selangor dan Sepintas, Sabak Bernam bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Pemeriksaan Audit dijalankan dengan menyemak rekod, fail, laporan kemajuan dan dokumen berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai di Ibu Pejabat dan Pejabat Haiwan Daerah, penternak dan pihak pertubuhan peladang kawasan juga turut diadakan untuk mendapatkan keterangan mengenai projek ini dengan lebih mendalam. Lawatan juga telah dibuat ke kawasan terbabit untuk mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai projek ini.

37. PENEMUAN AUDIT

37.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting bagi memastikan projek yang akan dilaksanakan berjalan lancar dan tersusun. Semakan Audit telah dijalankan terhadap perancangan Jabatan melaksanakan projek ini melalui dua konsep yang dicadangkan iaitu konsep terbuka di Taman Agroteknologi, Kuala Selangor manakala konsep tertutup di Sepintas, Sabak Bernam.

37.1.1 Projek Ternakan Ayam Taman Agroteknologi, Kuala Selangor (Konsep Terbuka)

Di bawah RMK7, Jabatan merancang untuk mengadakan ternakan ayam daging bagi memenuhi permintaannya yang terus meningkat. Sehingga akhir tahun 2000, sebanyak 5 buah reban dengan konsep terbuka telah siap dibina di Taman Agroteknologi, Kuala Selangor.

Semakan Audit terhadap beberapa aspek perancangan seperti kajian awal, pemilihan lokasi, peruntukan kewangan dan kaedah pembinaan reban tidak dijalankan kerana projek berkenaan telah siap sepenuhnya pada tahun 2000. Bagaimanapun pengauditan telah dijalankan terhadap aspek perancangan berkaitan dengan penggunaan reban selepas disiapkan iaitu mulai tahun 2001.

i) Kaedah Pelaksanaan

Dalam melaksanakan rancangan ini, Jabatan akan melantik kontraktor untuk membina reban serta menyediakan kemudahan infrastruktur asas yang diperlukan oleh penternak. Reban tersebut kemudiannya disewakan kepada penternak untuk diusahakan. Jabatan juga turut berperanan sebagai penasihat kepada penternak dalam aspek kesihatan dan pengurusan ternakan manakala penternak bertanggungjawab bagi memastikan usaha yang dijalankan mencapai kejayaan.

Selain Jabatan dan penternak, projek ini juga akan melibatkan *Integrator* iaitu pihak yang akan membekalkan anak ayam, makanan dan ubatan secara kredit kepada penternak. Penternak akan memelihara anak ayam sehingga tempoh pembesaran iaitu lebih kurang 45 hari. Selepas tempoh tersebut, *Integrator* akan mula membeli ayam daging mengikut peringkat berat ayam. Pada kebiasaannya *Integrator* akan mula membeli ayam apabila purata berat melebihi 1.6 kilogram. Tugas pemasaran selanjutnya akan diuruskan oleh *Integrator* tersebut.

ii) Komponen Projek

Bagi melaksanakan projek tersebut, Jabatan akan menjalankan kerja awal pembangunan seperti pembersihan kawasan dan pembinaan jalan ladang. Kawasan ini juga akan dipagar dan dibekalkan dengan kemudahan elektrik dan air. Sebagai langkah tambahan dan keselamatan kepada

ternakan ayam, generator juga akan dipasang untuk memastikan bekalan tenaga sentiasa berfungsi. Selaras dengan itu, Jabatan akan mengeluarkan sebut harga untuk memilih kontraktor yang berkemampuan menjalankan projek pembinaan reban di kawasan yang dipilih.

iii) Pemilihan Penternak

Sebuah Jawatankuasa Pemilihan akan ditubuhkan oleh Jabatan untuk memilih penternak yang sesuai untuk menjalankan projek ini. Jabatan telah menetapkan antara kriteria utama pemilihan penternak ialah mereka yang berkemampuan dari segi kewangan, berpengalaman dalam industri ternakan dan yang paling utama berkebolehan untuk maju dan berdaya saing dalam menjalankan ternakan ayam ini.

iv) Kadar Sewaan

Mengikut perancangan, setiap reban ayam akan dapat menghasilkan ternakan untuk 5 pusingan dalam setahun. Satu pusingan akan berjalan dalam tempoh lebih kurang 45 hari. Kadar sewaan yang ditetapkan oleh Jabatan ialah 15 sen bagi setiap ekor ayam bersamaan RM1,500 bagi setiap reban. Ini berdasarkan perkiraan sejumlah 10,000 ekor ayam yang boleh diternak dalam setiap pusingan. Ini akan menjana pendapatan sejumlah RM7,500 untuk Jabatan bagi setiap reban yang disewakan setahun berdasarkan 5 pusingan yang telah ditetapkan.

v) Sasaran Produktiviti

Mengikut perancangan projek ini dijangka mampu menampung sebanyak 250,000 ekor ayam setahun. Dengan pelaksanaan projek ini, Jabatan telah mensasarkan peningkatan pengeluaran daging ayam sejumlah 350 tan metrik setahun. Jabatan juga telah menetapkan berat bersih ayam daging mestilah tidak kurang daripada 1.35 kilogram

seekor sebelum dijual kepada *Integrator*. Kadar kematian ayam mestilah kurang daripada 10% atau sejumlah 25,000 ekor bagi keseluruhan 5 pusingan dalam setahun. Sasaran ini akan menjamin pulangan yang baik kepada penternak.

vi) Khidmat Perundingan/ Susulan/ Kawalan Penyakit

Jabatan akan bertanggungjawab terhadap semua urusan pembinaan reban dan menyerahkan pengurusan reban kepada penternak yang dipilih. Jabatan juga akan turut menyediakan khidmat veterinar/ kawalan penyakit kepada penternak. Selain itu, pihak penternak akan berurusan dengan *Integrator* dalam semua aspek berkaitan ternakan ayam.

vii) Pemilihan *Integrator*

Penternak akan memilih sendiri *Integrator* yang sesuai untuk menjalankan projek ini bersama mereka. Kriteria utama pemilihan ialah *Integrator* yang boleh memberikan syarat kontrak yang lebih baik serta mempunyai kemampuan pasaran, rangkaian serta pengurusan yang mantap dan cekap. Selain itu, *Integrator* tersebut mestilah mempunyai pengalaman dalam industri ternakan sekaligus mampu memberikan nasihat yang berguna dalam proses ternakan bagi memberikan pulangan yang lebih baik kepada penternak.

**37.1.2 Projek Ternakan Ayam Sepintas,
Sabak Bernam (Konsep Tertutup)**

Memandangkan keperluan ayam daging yang sentiasa meningkat terutama di Lembah Klang, Jabatan perlu mengambil langkah untuk meningkatkan pengeluaran. Selain daripada itu, isu pencemaran yang semakin mendapat perhatian masyarakat perlu ditangani oleh Jabatan supaya tidak menjadi lebih kritikal. Selaras dengan tanggungjawab tersebut, Jabatan telah merancang untuk meneruskan projek ternakan ini ke RMK8. Bagaimanapun kaedah

pelaksanaannya telah ditukar kepada sistem penternakan secara yang lebih moden. Di bawah kaedah ini, pembinaan reban dibuat secara tertutup yang dapat mengatasi masalah pencemaran alam dan kawalan penyakit. Aspek perancangan seperti yang dinyatakan di atas masih digunakan bagi meneruskan rancangan ini melalui konsep tertutup.

i) **Pemilihan Lokasi**

Projek ternakan ayam daging melalui konsep tertutup ini akan dijalankan di tanah milik Jabatan di Padang Ragut Sepintas, Sabak Bernam. Lokasi tersebut adalah bersesuaian dengan kedudukannya yang jauh dari persekitaran manusia serta kurangnya aktiviti ternakan ayam daging di daerah tersebut.

ii) **Kajian Awal Projek**

Jabatan telah menyediakan satu perancangan yang baik untuk memastikan kejayaan projek ini. Projek ini juga dijangka dapat menjurus ke arah penyusunan semula industri penternakan ke arah pengamalan pendekatan pengeluaran yang berteknologi tinggi dan mesra alam sekitar sekaligus mengukuhkan daya saing negara dengan penghasilan produk ternakan yang berkualiti, suci, selamat digunakan dan bebas dari penyakit.

Berdasarkan statistik pengeluaran dan permintaan ayam di Selangor yang telah disediakan oleh Jabatan bagi tahun 2001 hingga 2003 mendapati permintaan untuk daging ayam meningkat setiap tahun manakala kadar pengeluaran domestik tidak dapat menampung kadar permintaan yang tinggi.

Statistik di **Jadual 25** menunjukkan bahawa pengeluaran ayam daging tempatan masih tidak dapat memenuhi permintaan yang terus meningkat. Pergantungan kepada

import ayam dari luar negara telah menyebabkan pengaliran wang tempatan ke luar negeri. Memandangkan keperluan ayam yang sentiasa meningkat, Jabatan perlu mengambil langkah untuk menstabilkan pengeluaran berdasarkan tahap kemampuan yang sedia ada.

Jadual 25

Statistik Pengeluaran dan Permintaan Komoditi Ternakan Ayam Tahun 2001 Hingga 2003 Bagi Negeri Selangor Darul Ehsan

Tahun	Tahun 2001 (Juta Tan Metrik)	Tahun 2002 (Juta Tan Metrik)	Tahun 2003 (Juta Tan Metrik)
Permintaan	12.59	13.09	13.63
Pengeluaran	3.29	3.55	3.83
Kekurangan Bekalan	9.3	9.54	9.8

Sumber: *Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan*

iii) Peruntukan Kewangan

Berdasarkan kertas cadangan yang disediakan di bawah RMK8, Jabatan memerlukan peruntukan berjumlah RM1.83 juta untuk melaksanakan projek ternakan ayam ini melalui konsep tertutup. Anggaran kos tersebut adalah bagi kerja pembangunan infrastruktur asas termasuk pembersihan, pemagaran kawasan, bekalan air, elektrik dan pembinaan reban.

iv) Struktur Pengurusan

Projek ternakan ayam daging ini adalah di bawah kawalan Pengarah Perkhidmatan Haiwan dan Penyelaras Unit Unggas Jabatan. Beberapa aspek berkaitan perancangan seperti permohonan anggaran serta perlantikan kontraktor diuruskan di peringkat Ibu Pejabat. Apabila perjanjian ditandatangani, pihak Ibu Pejabat akan menyerahkan tanggungjawab memantau pelaksanaan projek kepada Pegawai Perkhidmatan Haiwan Daerah. Segala masalah

yang dihadapi di peringkat pelaksanaan dan kemajuan kerja akan dimaklumkan kepada Ibu Pejabat.

v) **Perlantikan Juruperunding**

Bagi melaksanakan projek ternakan ayam daging dengan konsep tertutup ini, Jabatan bercadang untuk melantik sebuah syarikat juruperunding swasta bagi menyediakan pelan dan reka bentuk reban.

Pihak Audit berpendapat Jabatan mempunyai perancangan yang memuaskan dalam menjayakan projek ini. Jabatan juga telah menyusun beberapa strategi yang mantap dalam usaha meningkatkan pengeluaran ayam daging sekaligus membantu mengurangkan import ayam dari luar negara.

37.2 PELAKSANAAN

Bagi menjamin kejayaan rancangan ternakan ini, segala perancangan yang dinyatakan di atas hendaklah disusuli dengan pelaksanaan yang berkesan. Kajian Audit terhadap aspek pelaksanaan bagi projek ternakan ayam daging di Taman Agroteknologi, Kuala Selangor dan Sepintas, Sabak Bernam mendapati perkara seperti berikut :

37.2.1 Projek Ternakan Ayam Taman Agroteknologi, Kuala Selangor (Konsep Terbuka)

Sebanyak 5 buah reban ayam menggunakan konsep terbuka telah disiapkan pada tahun 2000. Pada tempoh RMK8 beberapa perancangan Jabatan mengenai penggunaan reban tersebut telah dilaksanakan seperti berikut :

i) **Pemilihan Penternak**

Sebanyak 5 buah reban ayam terbuka telah mula beroperasi pada tahun 2000. Reban ini telah pun mengeluarkan hasil ternakan dengan jayanya dan diuruskan oleh sebuah pertubuhan peladang kawasan yang telah diberikan kontrak

oleh Jabatan. Pemilihan penternak bagi projek ini telah dilakukan oleh Jawatankuasa Pemilihan Jabatan. Pertubuhan peladang yang dipilih sebagai penternak merupakan sebuah organisasi yang mantap dari segi pengurusan, kewangan dan mempunyai pengalaman berkaitan dalam industri ternakan. Kontrak dilakukan setahun sekali di antara Jabatan dan pertubuhan tersebut.

Pada pandangan Audit pemilihan penternak yang berpengalaman dalam bidang penternakan dapat menjamin kejayaan projek ini.

ii) Kadar Sewaan

Menurut perancangan Jabatan, kadar sewaan yang ditetapkan ialah 15 sen bagi seekor ayam yang diternak. Sebuah reban pula boleh memuatkan sebanyak 10,000 ekor ayam ternakan untuk satu pusingan dan 50,000 ekor ayam bagi keseluruhan 5 pusingan. Pihak pertubuhan peladang yang diberikan kontrak untuk menguruskan kesemua 5 buah reban ayam milik Jabatan telah meminta pengurangan jumlah kepada 9,000 ekor ayam sahaja bagi sebuah reban untuk satu pusingan. Permintaan ini telah dipersetujui oleh Jabatan setelah mengambil kira kemampuan penternak tersebut. Semakan Audit mendapati pihak penternak telah menjelaskan bayaran sewa yang ditetapkan menurut kontrak yang dipersetujui dengan pihak Jabatan.

Pada pendapat Audit, kadar sewa yang dikenakan adalah berpatutan.

iii) Sasaran Produktiviti/ Pendapatan Penternak

Pihak Audit hanya menerima Laporan Kemajuan Rancangan Ayam bagi tahun 2002 sahaja. Oleh yang demikian perbandingan kemajuan dengan tahun sebelumnya tidak dapat dibuat. Setelah menyemak Laporan Kemajuan

Rancangan Ayam bagi tahun 2002, pihak Audit mendapati projek ini hampir mencapai sasaran Jabatan iaitu dengan menghasilkan pengeluaran daging ayam sebanyak 337.50 tan metrik bagi tahun tersebut berbanding sasaran pengeluaran sebanyak 350 tan metrik. Ini telah memberikan pulangan keuntungan bersih sejumlah RM181,858 bagi 5 pusingan selepas ditolak semua perbelanjaan bagi pertubuhan peladang tersebut dan ahlinya yang menguruskan kesemua 5 buah reban ayam terbuka di kawasan tersebut. Pencapaian projek bagi tahun 2003 belum dapat ditentukan kerana Jabatan belum membuat penilaian mengenainya.

Menurut laporan kemajuan tersebut, pihak *Integrator* telah membekalkan sejumlah 222,500 ekor anak ayam kepada penternak dan setelah tamat kesemua 5 pusingan, pihak penternak telah menjual kembali kepada *Integrator* sejumlah 200,442 ekor ayam pedaging untuk dipasarkan. Jumlah kematian yang dicatatkan ialah 22,058 ekor ayam atau 10% daripada jumlah keseluruhan ayam yang dibekalkan. Ini menunjukkan bahawa penternak telah berjaya menepati sasaran Jabatan mengawal kadar kematian ayam ternakan.

Pada pendapat Audit, Jabatan tidak mempunyai mekanisma yang jelas untuk mengukur pencapaian pelaksanaan projek ini.

iv) Khidmat Perundingan/ Susulan/ Kawalan Penyakit

Sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan rancangan ini, Jabatan merupakan penasihat utama kepada penternak dalam aspek kesihatan dan pengurusan ternakan. Walaupun begitu, mengikut penjelasan pihak Jabatan, lawatan untuk tujuan tersebut akan dijalankan sekali sekala mengikut keperluan. Kekerapan lawatan tersebut tidak dapat ditentukan kerana Jabatan tidak mempunyai rekod

mengenainya. Selain Jabatan, pihak *Integrator* juga mempunyai pakar tersendiri yang menjalankan khidmat veterinar bagi memastikan kawasan ternakan bebas daripada penyakit.

Pada pendapat Audit, khidmat rundingan yang dijalankan oleh Jabatan perlu direkodkan supaya Jabatan dapat menilai keberkesanannya menjayakan projek ini.

v) **Penilaian Terhadap *Integrator***

Pemilihan *Integrator* dilakukan sendiri oleh penternak. Bagi projek ternakan ayam daging Taman Agroteknologi, Kuala Selangor, penternak telah memilih sebuah syarikat untuk menjadi *Integrator*. Pemilihan ini dibuat berdasarkan syarikat ini telah memberikan syarat kontrak yang lebih baik berbanding syarikat lain seperti pemberian kredit yang lebih menarik dan *fleksibel* serta jaminan pasaran dan khidmat pengurusan yang memuaskan. Selain itu, syarikat ini juga mempunyai sistem pemasaran yang tetap dan kukuh serta mempunyai rangkaian perniagaan yang meluas. Temu bual yang diadakan dengan penternak mendapati mereka amat berpuashati dengan khidmat yang diberikan oleh pihak *Integrator*.

Pada pendapat Audit, pemasaran secara terus kepada *Integrator* akan memudahkan penternak kerana masalah kelewatan memasarkan hasil ternakan dapat diatasi.

vi) **Penyelenggaraan Reban**

Pembinaan reban adalah di bawah tanggungjawab Jabatan. Setelah siap, Jabatan akan menyerahkan penggunaan reban kepada penternak. Bagaimanapun kerja penyelenggaraan reban masih di bawah tanggungjawab Jabatan. Hasil temu bual yang diadakan dengan wakil Jabatan, adalah didapati sehingga kini kerja

penyelenggaraan seperti penambakan tanah merah, pembangunan jalan yang rosak serta membaiki kerosakan reban dilakukan sendiri oleh pihak penternak. **Foto 4** menunjukkan reban yang telah siap dan diusahakan oleh sebuah pertubuhan peladang.

Pada pandangan Audit, kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh Jabatan serta penternak telah dapat mengelakkan reban daripada mengalami kerosakan yang lebih teruk.

Foto 4

Reban Ayam Terbuka di Taman Agroteknologi, Kuala Selangor



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Selangor
Tarikh : 21 Januari 2004

37.2.2 Projek Ternakan Ayam Sepintas, Sabak Bernam (Konsep Tertutup)

i) Struktur Pengurusan

Semakan Audit mendapati Pegawai Perkhidmatan Haiwan Daerah bertanggungjawab terhadap pelaksanaan projek ini secara keseluruhannya. Antara tugas yang dijalankan termasuk memantau kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh

pihak kontraktor yang terlibat dalam pembinaan reban. Beliau juga berperanan sebagai penasihat kepada penternak dari aspek kesihatan dan pengurusan ternakan. Oleh kerana reban ini disewakan kepada penternak, maka tenaga kerja tetap dari Jabatan tidak diperlukan.

Pada pendapat Audit, tanggungjawab memantau pelaksanaan Projek Ternakan Ayam Daging ini oleh seorang Pegawai Perkhidmatan Haiwan Daerah adalah mencukupi.

ii) Perlantikan Juruperunding

Sebuah syarikat Juruperunding telah dilantik oleh Jabatan untuk membantu pembinaan reban tertutup ini. Syarikat ini telah dilantik berdasarkan bantuan mereka kepada Jabatan dalam menjayakan projek pembinaan reban ayam kampung di Taman Agrotek, Sepang.

Pihak Audit berpendapat perlantikan juruperunding telah dibuat dengan teratur.

iii) Status Fizikal Projek

Jabatan telah mengeluarkan sebut harga pembinaan sebuah reban tertutup pada awal bulan September 2002. Sebanyak 6 syarikat kontraktor Kelas F telah menghantar sebut harga untuk pertimbangan Jabatan. Kos pembinaan sebuah reban dianggarkan berjumlah RM199,095. Kontrak pembinaan reban telah diberikan kepada sebuah syarikat kontraktor yang menawarkan harga terendah dengan nilai tawaran berjumlah RM171,454 atau 13.9% lebih rendah daripada anggaran kos Jabatan. Kontraktor diberi masa selama 7 minggu untuk menyiapkan pembinaan reban tertutup ini iaitu mulai dari pertengahan bulan November 2002 hingga awal bulan Januari 2003. Adalah didapati kerja pembinaan terbengkalai setelah sebahagian bayaran tuntutan kemajuan

kerja dibuat kepada pihak kontraktor. Bayaran yang telah dibuat sehingga bulan Januari 2003 berjumlah RM105,821 atau 61.7% daripada nilai kontrak. Kontrak telah ditamatkan pada awal bulan Mei 2003 setelah Jabatan mengeluarkan beberapa surat amaran dan melakukan lawatan ke tapak projek pembinaan reban bersama pihak juruperunding. Pihak kontraktor yang gagal menyiapkan projek tersebut tidak dikenakan denda memandangkan peruntukan mengenai denda tidak dinyatakan dalam perjanjian. Adalah difahamkan pihak Jabatan hanya menahan bon pelaksanaan kontraktor iaitu sejumlah RM8,573 atau 5% daripada nilai kontrak. Walaupun begitu, Jabatan telah merujuk perkara ini kepada Pusat Khidmat Kontraktor dan Syarikat berkenaan telah disenaraihitamkan.

Jabatan telah mengeluarkan sebut harga baru untuk menyambung kerja pembinaan reban yang terbengkalai ini pada pertengahan Julai 2003 iaitu 3 bulan selepas kontrak pertama ditamatkan. Selepas tarikh tutup iaitu pada awal bulan Ogos 2003, sebanyak 6 syarikat kontraktor Kelas F telah menawarkan sebut harga. Anggaran kos Jabatan untuk menyiapkan kerja terbengkalai ini berjumlah RM122,987.

Jabatan telah memilih sebuah syarikat kontraktor yang telah menawarkan harga terendah berjumlah RM142,675 untuk menyiapkan pembinaan reban tersebut. Tawaran yang dikemukakan oleh kontraktor ini ialah 16% lebih tinggi daripada anggaran kos Jabatan. Ini mengakibatkan Jabatan terpaksa menampung tambahan perbelanjaan berjumlah RM77,042 setelah mengambil kira nilai kontrak terdahulu dan pembayaran yang telah dilakukan. Kerja pembinaan reban telah disiapkan akhirnya oleh kontraktor yang baru pada bulan Disember 2003.

Pada pendapat Audit, Jabatan tidak mempunyai asas pemilihan kontraktor yang sesuai untuk menjalankan projek ini. Status perintis projek ini menyukarkan Jabatan memilih kontraktor yang benar-benar berkemampuan melaksanakan pembinaan reban.

iv) Pemilihan Penternak

Jabatan masih belum memilih penternak untuk mengusahakan projek ternakan ayam di Sepintas, Sabak Bernam kerana pembinaan sebuah reban tertutup baru saja disiapkan. Jabatan menjangkakan pemilihan penternak dan operasi reban akan dilakukan pada awal 2004. Oleh yang demikian penilaian terhadap pencapaian prestasi projek ini belum dapat dilaksanakan.

Pihak Audit berpendapat kelewatan pembinaan reban telah menyebabkan kelewatan pemilihan penternak untuk menjayakan projek ini.

v) Prestasi Kewangan

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM755,010 untuk projek ternakan ayam ini. Jumlah yang telah dibelanjakan bagi tempoh tersebut ialah RM572,190. **Jadual 26** menunjukkan pecahan perbelanjaan berkaitan.

Jadual 26
Perbelanjaan Projek Tahun 2001 Hingga 2003

Bil	Jenis Kerja	Jumlah (RM)
1.	Kerja Ukur Sempadan	2,986
2.	Pembersihan Kawasan	28,200
3.	Penambakan Tanah Merah Untuk 5 Lot tapak Reban	140,000
4.	Pembelian Pokok Lanskap	3,810
5.	Pemagaran Kawasan	59,872
6.	Penambakan Tanah Merah Untuk Lot No 2	4,050
7.	Pembinaan 1 Unit Reban Ayam Tertutup	105,821
8.	Seminar Industri Ternakan 2002	25,950
9.	Pembersihan Kawasan	24,961
10.	Pemindahan 3 Kubur Lama	9,150
11.	Kerja Sambungan Pembinaan 1 Unit Reban Ayam Tertutup	142,675
12.	Yuran Juruperunding	15,555
13.	Pembelian Peralatan Ladang	9,160
Jumlah		572,190

Sumber : Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan

Pada pendapat Audit, Jabatan telah membelanjakan peruntukan dengan baik.

vi) Perancangan Masa Depan

Pada peringkat awal RMK8, Jabatan telah merancang untuk membina 3 buah reban tertutup di dalam kawasan penternakan yang terlibat. Dengan siapnya pembinaan sebuah reban tertutup di Sepintas, Sabak Bernam, Jabatan akan meneruskan perancangan pembinaan 2 buah reban lagi iaitu di Sepintas, Sabak Bernam dan sebuah lagi di Taman Agroteknologi, Kuala Selangor.

Pihak Audit berpendapat Jabatan tidak mempunyai kepakaran, pengetahuan teknikal dan pengalaman untuk pembinaan reban tertutup. Projek ini merupakan program perintis di Malaysia dan Jabatan tidak mempunyai *benchmark* untuk dijadikan

rujukan. Kesukaran mengenal pasti konsep reban tertutup yang sesuai dan masalah dalaman kontraktor menjadi punca utama projek ini menghadapi masalah dan projek pembinaan reban terbengkalai di Sepintas, Sabak Bernam. Ini mengakibatkan Jabatan terpaksa menambah perbelanjaan untuk menyiapkan reban tersebut. Jabatan juga terpaksa meminta khidmat nasihat dan bantuan teknikal dari penternak persendirian untuk menyiapkan reban yang sesuai dengan konsepnya.

37.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang sistematik dan berterusan adalah penting bagi memastikan aktiviti yang dirancang dilaksanakan dengan berkesan dan masalah yang timbul boleh dikenal pasti dan diatasi segera supaya objektif projek tercapai.

37.3.1 Pemantauan Terhadap Pelaksanaan Rancangan

Semakan Audit mendapati Jabatan ada menugaskan pegawai tertentu bagi memantau kemajuan projek ini terutama di Taman Agroteknologi, Kuala Selangor di mana program ini telah pun lama beroperasi. Walaupun begitu, apabila projek ini diserahkan kepada penternak yang berkenaan, pemantauan oleh Jabatan hanya dilakukan melalui penerimaan Laporan Kemajuan Rancangan dari penternak dan lawatan apabila diperlukan.

37.3.2 Pemantauan Khusus Terhadap Kawalan

Penyakit Selsema Burung

Penyakit selsema burung telah melanda beberapa negara Asia terutamanya Vietnam, China, Hong Kong, Indonesia dan Thailand. Virus yang menyebabkan penyakit ini boleh menjangkiti ayam, itik, puyuh, angsa dan pelbagai jenis keluarga burung. Penyakit ini bukan sahaja menyebabkan kematian kepada ternakan bahkan juga manusia. Ia juga boleh menyebabkan kerugian yang besar kepada industri ternakan ayam, pengguna dan perdagangan

antarabangsa. Jabatan sedang berusaha untuk menghindari penyakit ini dari merebak dan mengancam ternakan ayam di Negeri Selangor. Antara langkah yang diambil ialah pencegahan pengimportan ayam dari negara yang dijangkiti wabak tersebut. Selain sekatan import, Jabatan juga menjalankan pemantauan berkala ke setiap ladang, kedai burung, pusat penyembelihan dan pasar awam serta mengambil sampel untuk ujian makmal. Usaha bersepada bagi mencegah penyeludupan ternakan haiwan dari negara luar terutama negara yang menghadapi wabak tersebut juga telah dijalankan untuk memastikan penyakit berbahaya ini tidak menular ke negara ini. Jabatan juga telah menempatkan anggotanya di pelabuhan untuk mengawasi dan mengkuarantin haiwan yang diimport.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan projek ternakan ayam adalah baik. Walaupun begitu, pemantauan tersebut akan lebih berkesan sekiranya Laporan berkaitan pengeluaran ayam dikemaskinikan dan dinilai dari semasa ke semasa bagi mengetahui prestasi kejayaan projek ini.

38. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Projek Ternakan Ayam Daging Jabatan Perkhidmatan Haiwan merupakan satu tindakan jangka panjang untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan domestik dan mengurangkan penggantungan import ayam dari luar negeri dan sekaligus mengurangkan pengaliran wang negara. Adalah didapati beberapa masalah semasa yang terpaksa dihadapi oleh Jabatan seperti masalah kontraktor, peruntukan, masalah teknikal/ konsep reban dan yang terbaru wabak penyakit selsema burung yang sedang melanda beberapa negara Asia. Jabatan telah berusaha untuk mengatasi semua masalah ini dengan segala keupayaan yang ada. Selain itu, projek ini merupakan program perintis di Malaysia. Kejayaan projek ini akan memberi kesan jangka panjang yang besar terhadap industri ternakan ayam daging di negara ini. Dengan pelaksanaan projek ini, Jabatan telah berjaya merealisasikan hasrat di bawah Dasar Pertanian Negara untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta dan mengubah corak penternakan secara individu

kepada penternakan secara komersial. Ini juga melibatkan penggunaan peralatan berteknologi tinggi dan mesra alam. Secara keseluruhannya, matlamat projek ini telah dapat dicapai dan akan diteruskan ke kawasan lain yang telah dikenal pasti. Walaupun begitu, pihak Audit mengesyorkan supaya Jabatan mewujudkan satu mekanisma bagi mengukur tahap pencapaianya.

BAHAGIAN IV
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM
DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

39. PENDAHULUAN

Selain mengesahkan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri, menjalankan pengauditan pengurusan kewangan dan melaksanakan kajian khas terhadap aktiviti Jabatan Negeri, pihak Audit juga menjalankan pengauditan ke atas Akaun Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kumpulan Wang. Pelaksanaan pengauditan juga meliputi pemeriksaan pengurusan kewangan dan kajian khas ke atas aktiviti agensi tersebut.

40. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Di Negeri Selangor ada 7 Badan Berkanun Negeri, lima Kumpulan Wang, satu Majlis Agama Islam dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, Seksyen 7 (3) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik mana-mana orang yang difikirkan kompeten untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Selaras dengan itu, firma audit swasta telah dilantik menjalankan pengauditan Penyata Kewangan bagi 6 Badan Berkanun Negeri, sebanyak 12 Pihak Berkuasa Tempatan dan 2 Kumpulan Wang. Manakala pengauditan terhadap 1 Badan Berkanun Negeri, tiga Kumpulan Wang dan Majlis Agama Islam Selangor masih dijalankan oleh Jabatan Audit Negara sendiri. Pemantauan terhadap firma audit swasta diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan lebih awal dan berkesan.

41. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyerahan Penyata Kewangan oleh Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk diaudit adalah memuaskan. Semua Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Kumpulan Wang dan Majlis Agama Islam telah menyerahkan Penyata Kewangan tahun 2002 dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kedudukan penyerahan Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran III**.

42. PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2003 sebanyak 24 Penyata Kewangan tahun 2002, enam Penyata Kewangan tahun 2001 dan 2 Penyata Kewangan tahun 2000 telah diaudit dan dikeluarkan sijil. Sebanyak 19 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran manakala 13 lagi telah memperolehi Sijil Audit Berteguran. Butiran lanjut seperti di **Lampiran IV**. Sijil Audit Berteguran dikeluarkan kepada Badan Berkanun Negeri, Kumpulan Wang dan Pihak Berkuasa Tempatan kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta penyelenggaraan rekod perakaunan yang tidak memuaskan antaranya baki siberhutang cukai taksiran tidak dapat disahkan kerana baki di lejar am berbeza dengan senarai individu, baki aset tetap tidak dapat disahkan kerana tiada senarai harta tetap disediakan, perbelanjaan tidak diakaunkan mengikut asas akruan dan sebagainya.

43. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Agensi Negeri dibentang dalam Dewan Undangan Negeri. Enakmen Penubuhan bagi 5 Badan Berkanun Negeri dan Seksyen 60(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga memperuntukan supaya Penyata Kewangan yang telah diperakui oleh Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan yang sama. Kedudukan pembentangan Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran V**.

44. PRESTASI KEWANGAN

44.1 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 menunjukkan 4 Badan Berkanun Negeri, lima Kumpulan Wang dan 6 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengakhiri tahun kewangan dengan memperolehi lebih pendapatan berbanding perbelanjaan. Manakala 3 Badan Berkanun Negeri, enam Pihak Berkuasa Tempatan serta Majlis Agama Islam telah mengalami defisit pada tahun 2002 berikutan peningkatan perbelanjaan tidak seimbang dengan peningkatan pendapatan. Seterusnya prestasi kewangan tahun 2002 menunjukkan keseluruhan 6 Badan Berkanun Negeri, lima Kumpulan Wang dan sepuluh Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam memperolehi lebih Aset Semasa yang mengukur keupayaan Agensi dalam memenuhi tuntutan dan tanggungan jangka pendek. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan berasaskan Penyata Kewangan bagi tahun adalah seperti di **Jadual 27(a)** dan **Jadual 27(b)**.

Jadual 27 (a)
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan
Majlis Agama Islam Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

Bil	Agensi	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2002			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2002		
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
A)	BADAN BERKANUN NEGERI						
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	541.19	473.84	67.34	1,409.75	597.69	812.06
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	66.19	29.78	36.41	182.19	72.14	110.05
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	10.17	10.04	0.13	4.27	0.67	3.60
4.	Majlis Sukan Negeri Selangor	0.13	10.58	(10.45)	44.08	12.08	32.0
5.	Lembaga Muzium Negeri Selangor	3.53	6.02	(2.49)	0.018	1.10	(1.11)
6.	Lembaga Urus Air Selangor	2.90	2.78	0.12	5.41	2.0	3.41
7.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	0.05	0.65	(0.60)	1.07	0.04	1.03
B)	MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR	63.55	70.29	(6.72)	57.77	5.53	52.23

Jadual 27 (b)
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

Bil.	Nama PBT	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2002			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2002		
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	154.17	184.57	(30.40)	148.25	98.15	50.10
2.	Majlis Perbandaran Petaling Jaya	150.03	153.41	(3.38)	130.73	86.65	(44.08)
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	127.74	129.70	(1.96)	120.04	40.61	79.43
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	92.18	91.37	0.81	62.69	20.05	42.64
5.	Majlis Perbandaran Selayang	70.58	69.66	0.92	39.37	28.30	11.07
6.	Majlis Perbandaran Klang	122.24	148.56	(26.32)	70.19	69.49	0.69
7.	Majlis Perbandaran Kajang	51.02	49.20	1.82	55.99	30.52	25.47
8.	Majlis Daerah Sepang	21.07	14.52	6.55	45.93	1.91	44.02
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	19.85	22.03	(2.18)	5.49	4.61	0.88
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	16.90	19.29	(2.39)	2.26	8.85	(6.59)
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	36.59	29.75	6.84	33.77	8.03	25.74
12.	Majlis Daerah Kuala Selangor *	20.53	16.10	4.43	13.59	7.42	6.16

* Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 2002 belum disahkan.

44.2 ANALISIS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pada keseluruhannya, sepuluh daripada 11 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri yang mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2002 telah mengalami peningkatan tunggakan cukai taksiran antara 2% hingga 42% berbanding tahun 2001. Walaupun begitu, Majlis Daerah Sabak Bernam mampu mengurangkan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2002 sebanyak

7%. Kedudukan tunggakan cukai taksiran berdasarkan Penyata Kewangan bagi tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Analisis Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)	Peratus Peningkatan/ (Penurunan)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	34.62	43.22	8.60	24.84
2.	Majlis Perbandaran Petaling Jaya	27.66	29.22	1.56	5.64
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	42.58	45.57	2.99	7.02
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	27.13	30.80	3.67	13.53
5.	Majlis Perbandaran Selayang	17.58	17.94	0.36	2.05
6.	Majlis Perbandaran Klang	19.75	24.55	4.80	24.30
7.	Majlis Perbandaran Kajang	20.65	21.08	0.43	2.08
8.	Majlis Daerah Sepang	4.89	6.96	2.07	42.33
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	2.19	2.35	0.16	7.31
10	Majlis Daerah Sabak Bernam	1.28	1.19	(0.09)	(7.03)
11	Majlis Daerah Hulu Selangor	13.41	18.54	5.13	38.26
12	Majlis Daerah Kuala Selangor *	5.75	7.33	1.58	27.48
	Jumlah	211.74	241.42	29.68	15.65

* Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 2002 belum disahkan.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

PENGURUSAN KEWANGAN

45. LATAR BELAKANG

Majlis Perbandaran Shah Alam (Majlis) telah ditubuhkan pada tahun 1978 serentak dengan pengisytiharan Shah Alam sebagai ibu negeri Selangor. Walaupun begitu pentadbiran Majlis hanya mula beroperasi pada bulan Januari 1979. Apabila Shah Alam telah mendapat status bandaraya pada bulan Oktober 2000, Majlis dikenali sebagai Majlis Bandaraya Shah Alam. Majlis Bandaraya Shah Alam adalah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran kepada penduduk di bawah seliaannya. Shah Alam meliputi keluasan 290.3 km persegi dengan kepadatan penduduk seramai 400,000 orang. Hasil utama Majlis ialah cukai taksiran. Hasil lain ialah sewa bangunan, kompaun dan hasil pelesenan. Mengikut rekod Majlis, jumlah pendapatan pada tahun 2003 ialah RM162.28 juta dan perbelanjaan pula ialah RM210.94 juta.

Majlis Bandaraya Shah Alam dianggotai oleh 23 orang Ahli Majlis dan dipengerusikan oleh Datuk Bandar. Visi Majlis Bandaraya Shah Alam adalah untuk menjadikan Shah Alam sebuah bandaraya bestari yang indah, berdaya maju, harmonis dengan alam sekitar ke arah mewujudkan masyarakat madani melalui nilai pembangunan yang mampan. Majlis mempunyai 13 Jawatankuasa Tetap, antaranya Jawatankuasa Kewangan Dan Pembangunan, Jawatankuasa Perancang dan Meluluskan Pelan dan Jawatankuasa Pelesenan Dan Kesihatan sebagai mekanisma dalam mencapai visi Majlis. Untuk memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa konsisten dan berterusan ke arah penambahbaikan, Majlis telah melaksanakan Fasa 1 ISO 9002 yang meliputi 4 aktiviti iaitu Proses Permohonan Lesen dan Permit, Proses Permohonan Sijil Menduduki Bangunan (CF), Proses Permohonan dan Rayuan Pelan Tatatur dan Pembangunan Tanah serta pengurusan Tender dan Kontrak. Aktiviti tersebut telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9002.

46. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Shah Alam adalah mematuhi peraturan dan undang-undang serta rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan telah dijalankan di Bahagian Kewangan dan Hasil serta Bahagian Pentadbiran Majlis dengan menyemak fail, rekod kewangan dan daftar bagi tahun 2003. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan beberapa orang pegawai Majlis juga diadakan.

47. PENEMUAN AUDIT

47.1 KAWALAN PENGURUSAN

Kawalan pengurusan yang cekap dan berkesan dapat menyumbang kepada pencapaian objektif organisasi dan memenuhi keperluan pelanggannya. Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi Majlis dijalankan dengan teratur dan sistematik. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

47.1.1 Struktur Organisasi

Majlis Bandaraya Shah Alam diketuai oleh Datuk Bandar dan dibantu oleh seorang Setiausaha. Majlis mempunyai 10 Jabatan iaitu Jabatan Kewangan, Jabatan Penilaian, Jabatan Perancang, Jabatan Lanskap, Jabatan Pentadbiran, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Pelesenan Dan Penguatkuasaan dan Jabatan Kemasyarakatan. Jabatan ini masing-masing bertanggungjawab terhadap fungsi yang telah ditentukan. Jabatan Kewangan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Majlis diketuai oleh seorang Pengarah Kewangan dan dibantu oleh 2 orang Akauntan daripada Unit Perbelanjaan dan Unit Akaun.

Secara keseluruhannya kedudukan perjawatan dapat dilihat dalam carta organisasi yang disediakan oleh Majlis. Carta organisasi Majlis adalah lengkap dan kemas kini serta dapat membantu pihak pengurusan Majlis membuat penyusunan, pengagihan tugas di kalangan kakitangan serta melaksanakan penyeliaan dan pemantauan. Selain itu, Majlis mempunyai sistem personel berkomputer untuk memudahkan pengurusan perjawatan.

Kakitangan dan pegawai yang mencukupi serta mempunyai kelayakan yang bersesuaian dengan tugas merupakan antara faktor yang penting menentukan keberkesanan dan kecekapan sesebuah Jabatan. Berdasarkan senarai perjawatan bagi tahun 2003, Majlis telah diluluskan peruntukan perjawatan bagi 672 jawatan bertaraf tetap dan 539 jawatan bertaraf kontrak. Kedudukan perjawatan Majlis pada tahun 2003 adalah seperti

Jadual 29.

Jadual 29
Kedudukan Perjawatan Majlis

Kumpulan	Peruntukan		Diisi		Kosong	
	Tetap	Kontrak	Tetap	Kontrak	Tetap	Kontrak
A	40	28	38	9	2	19
B	96	84	80	38	16	46
C	255	292	221	117	34	175
D	281	135	232	50	49	85
Jumlah	672	539	571	214	101	325

Sumber : Rekod Majlis Bandaraya Shah Alam

Daripada jadual di atas adalah didapati kekosongan sebanyak 101 jawatan tetap dan 325 jawatan kontrak. Untuk mencapai objektif dan memperkuatkan pengurusan organisasinya, Majlis telah mengambil seramai 129 pekerja sambilan bagi berbagai kategori jawatan. Jabatan Kewangan diperuntukan 40 jawatan tetap dan

33 jawatan kontrak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 37 jawatan tetap dan 24 jawatan kontrak telah diisi. Selebihnya 6 jawatan telah diisi dengan pegawai sambilan dan 6 jawatan lagi masih kosong.

Pihak Audit berpendapat Majlis hendaklah berusaha mengisi sepenuhnya kekosongan jawatan bagi meningkat kecekapannya.

47.1.2 Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 memberi penekanan kepada penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi kakitangan. Dengan penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja kakitangan awam dapat mengetahui tugas dan tanggungjawab masing-masing dan bagaimana tugas ini dilaksanakan. Pemeriksaan Audit mendapati Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja ada disediakan untuk pegawai di Bahagian Hasil dan Kewangan Majlis.

47.1.3 Kursus dan Latihan

Kakitangan yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran perlu diberi kursus dan latihan yang sesuai bagi mempertingkatkan kefahaman, kemahiran dan pengetahuan agar urusan kewangan dan pentadbiran berjalan dengan lancar. Program latihan dan kursus bagi kakitangan/ pegawai Majlis diuruskan oleh Unit Latihan Dan Kualiti di bawah Jabatan Pentadbiran. Semakan Audit terhadap Buku Rekod Perkhidmatan dan temu bual dengan kakitangan di Bahagian Hasil dan Kewangan, mendapati mereka telah diberikan kursus sewajarnya serta kursus yang berkaitan dengan pengendalian sistem perakaunan berkomputer.

47.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu diwujudkan selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Antara objektif penubuhannya adalah untuk memantau pengurusan kewangan dan akaun Jabatan dan Agensi Kerajaan. Majlis Bandaraya Shah Alam ada menubuhkan Jawatankuasa ini. Sehingga akhir 2003 Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali. Mengikut pekeliling tersebut di atas, mesyuarat Jawatankuasa perlu diadakan sebanyak 6 kali setahun.

Pada pandangan Audit, kawalan pengurusan Majlis pada keseluruhannya adalah memuaskan.

47.2 KAWALAN HASIL

Hasil Majlis antaranya ialah cukai taksiran, lesen perniagaan, bayaran pelan, bayaran kompaun, sewaan kedai dan gerai. Sehingga akhir 2003 sejumlah RM132.01 juta telah dikutip daripada sumber tersebut. Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada hasil Majlis dengan kutipan berjumlah RM107.33 juta. Semakan Audit terhadap kawalan hasil Majlis mendapati perkara berikut:

47.2.1 Pengasingan Tugas Dan Penurunan Kuasa

Pengasingan tugas merupakan antara ciri penting kawalan dalaman bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan. Tugas seperti kutipan wang, penyerahan wang ke bank, merekodkan hasil kutipan ke dalam Buku Tunai dan penyediaan penyata penyesuaian bank bulanan hendaklah dibuat oleh pegawai yang berasingan. Pihak Audit mendapati Jabatan Kewangan Majlis Bandaraya Shah Alam ada membuat pengasingan tugas terhadap pegawai yang menjalankan tugas penerimaan wang awam.

Walaupun begitu, pihak Audit mendapati Arahan Perbendaharaan 69 tidak dipatuhi kerana tiada kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan diberikan kepada pegawai yang menerima wang awam di kaunter. Pihak Majlis disarankan mematuhi Arahan Perbendaharaan tersebut dengan mengeluarkan surat kebenaran bertulis kepada kakitangan berkenaan.

47.2.2 Buku Tunai

Majlis menggunakan sistem kutipan hasil dan perakaunan berkomputer. Semua pungutan diperakaunkan terus ke dalam sistem Buku Tunai Berkomputer. Jumlah pungutan disesuaikan dengan resit dan dimasukkan ke bank pada setiap hari. Di dalam keadaan jumlah pungutan berbeza dengan jumlah Buku Tunai, pelarasian akan dibuat dengan segera. Melalui sistem berkomputer ini Buku Tunai Majlis diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta dipantau dari semasa ke semasa oleh pegawai bertanggungjawab.

47.2.3 Kawalan Buku Resit dan Lain-Lain

Borang Hasil Terkawal

Kebanyakan pungutan dibuat di kaunter Majlis dan direkodkan secara berkomputer. Resit cetakan komputer diberi kepada pembayar sebagai bukti penerimaan. Bagaimanapun, Majlis masih menyimpan dan menggunakan resit Kew. 38 bagi pungutan hasil di luar kaunter Majlis, seperti kutipan sewa tapak pasar dan gerai. Pemeriksaan Audit mendapati penggunaan resit tersebut adalah dikawal dengan baik serta mematuhi kehendak Arahan Perbendaharaan 66(a) yang menghendaki setiap pemungut menyimpan semua stok resit, lesen dan lain-lain yang belum digunakan dalam stok serta dikunci dengan selamat di bawah kawalannya atau oleh seorang pegawai kanan.

47.2.4 Serahan Wang Ke Bank Dan Keselamatan Wang Pungutan

Arahan Perbendaharaan 78(a) menghendaki semua pungutan dibankkan dengan segera. Semakan Audit mendapati kutipan telah dibankkan dengan segera. Prosedur yang ditentukan di dalam Arahan Perbendaharaan telah dipatuhi dalam urusan serahan wang ke bank. Di dalam keadaan yang mana wang pungutan tidak dapat dibankkan pada hari yang sama, wang tersebut akan disimpan di dalam peti besi.

47.2.5 Daftar Mel

Arahan Perbendaharaan 71(a) menghendaki sebuah daftar diselenggara bagi merekod terimaan melalui pos. Semakan Audit mendapati Majlis ada menyediakan daftar terimaan cek melalui pos dan diselenggarakan dengan kemas kini. Walaupun begitu ruangan tandatangan dan nama pegawai yang membuat catatan pada daftar tersebut tidak diisi dan tiada bukti semakan telah dibuat oleh pegawai bertanggungjawab.

47.2.6 Pengurusan Cek Tidak Laku

Majlis ada menyediakan daftar untuk merekodkan cek tidak laku. Pihak Audit mendapati semakan dari semasa ke semasa ada dibuat oleh pegawai bertanggungjawab terhadap daftar yang telah disediakan. Tindakan yang diambil terhadap cek tidak laku adalah dengan menghantar surat peringatan meminta bayaran semula dibuat. Pada tahun 2003 Majlis telah menerima 280 cek tidak laku bernilai RM5.81 juta. Tindakan telah diambil ke atas semua cek tersebut. Walaupun begitu 87 cek bernilai RM0.14 juta masih belum diganti dan resit mengenainya telah dibatalkan.

47.2.7 Pemeriksaan Mengejut

Mengikut Arahan Perbendaharaan 309, Ketua Jabatan hendaklah menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap peti besi, peti wang tunai atau bekas lain untuk wang dalam jagaannya sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. Semakan Audit dan temu

bual dengan pegawai bertanggungjawab mendapati pemeriksaan mengejut ada dijalankan, namun tiada bukti pemeriksaan tersebut dilakukan sepanjang tahun 2003 kerana Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan.

47.2.8 Tunggakan Cukai Taksiran

Tunggakan cukai taksiran pada akhir tahun 2002 adalah berjumlah RM34.36 juta. Ini merupakan 73% daripada keseluruhan tunggakan hasil Majlis berjumlah RM46.74 juta. Pada akhir tahun 2003 tunggakan ini telah berkurangan sejumlah RM6.71 juta menjadi RM27.65 juta.

Majlis telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan tunggakan antaranya menghantar notis, waran tahanan dan sita. Selain itu Majlis juga ada melantik 6 syarikat pengutip hutang untuk berurus dengan 2,543 pemegang harta yang mempunyai tunggakan. Adalah didapati daripada sejumlah RM10.44 juta tunggakan cukai taksiran bagi tempoh Januari hingga Ogos 2003 hanya RM1.70 juta sahaja telah dapat dikutip oleh 6 syarikat berkenaan. Memandangkan kepada prestasi kutipan cukai tunggakan yang lemah ini, pihak Audit mencadangkan agar pengurusan Majlis mencari alternatif lain bagi menangani isu ini supaya peratus tunggakan ini dapat diminimumkan.

Pada pendapat Audit, kawalan hasil Majlis pada keseluruhannya adalah teratur dan mematuhi prosedur kewangan yang ditetapkan.

47.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Setiap Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengawal dan menentukan segala perbelanjaan dibuat mengikut peruntukan yang diluluskan selaras dengan undang-undang dan peraturan. Bagi melaksanakan program dan aktivitinya, sehingga akhir tahun 2003, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM150.23 juta bagi tujuan mengurus dan RM60.72 juta bagi pembangunan.

47.3.1 Penyelenggaraan Buku Vot

Penyelenggaraan Buku Vot yang lengkap dan kemas kini dapat memastikan kesempurnaan kawalan terhadap peruntukan serta urusan perbelanjaan. Majlis Bandaraya Shah Alam menggunakan sistem Buku Vot Berkomputer yang merupakan komponen daripada Sistem Perakaunan Berkompputer yang digunakan oleh pihak Majlis. Semakan Audit mendapati semua peruntukan telah diambil kira ke dalam Buku Vot. Setiap perbelanjaan dan tanggungan dicatatkan ke dalam Buku Vot oleh pegawai bertanggungjawab. Laporan perbelanjaan ada dicetak untuk semakan dari semasa ke semasa.

47.3.2 Pesanan Tempatan

Kebanyakan perolehan Majlis yang kurang dari RM20,000 setahun dibuat melalui pembelian terus dengan menggunakan Pesanan Tempatan. Sebagai kawalan, Majlis menetapkan semua pembelian hendaklah yang dibuat melalui Unit Bekalan Am di bawah Jabatan Pentadbiran.

Sebelum borang Pesanan Tempatan dikeluarkan, maklumat perolehan akan dimasukkan terlebih dahulu ke dalam Sistem Stok Inventori. Melalui sistem ini cetakan nombor siri akan dibuat pada borang Pesanan Tempatan dan nilai perolehan akan terus ditanggungkan ke dalam Sistem Buku Vot. Semakan Audit terhadap 608 salinan Pesanan Tempatan yang telah digunakan dengan nilai perolehan berjumlah RM3.63 juta mendapati salinan borang Pesanan Tempatan berkenaan telah difailkan dengan kemas kini dan memudahkan semakan semula dibuat. Selain itu, sebanyak 16 Pesanan Tempatan yang telah dibatalkan dikepulkan bersama dengan salinan asal dalam fail yang sama.

47.3.3 Inden Kerja

Inden kerja dikeluarkan bagi kerja penyelenggaraan Wisma MBSA, gerai, taman serta pelaksanaan projek kecil di kawasan Majlis. Perolehan melalui inden kerja diuruskan oleh Jabatan yang memerlukan. Adalah didapati semua Jabatan kecuali Jabatan Kemasyarakatan mengeluarkan inden kerja. Pemilihan kontraktor daripada senarai kontraktor yang berdaftar dengan Jabatan tersebut dibuat terus oleh Pengarah Jabatan berkaitan.

Pemeriksaan Audit terhadap 500 inden kerja mendapati beberapa kerja telah dipecahkecilkan kepada beberapa kontraktor walaupun kerja dilakukan di tempat, masa dan jenis kerja yang sama. Selain itu ada juga kerja diberi secara terus kepada kontraktor melalui pengeluaran beberapa inden kerja yang bernilai melebihi RM20,000. Mengikut Arahan Perbendaharaan 180 bagi kerja yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM100,000 pemilihan kontraktor hendaklah dibuat secara adil seperti undi atau pusingan atau sebut harga dikalangan kontraktor kelas F. Antara kerja Jabatan Kejuruteraan yang dipecahkecilkan adalah kerja mengecat dan membaiki pondok bas dan kiosk bernilai RM0.2 juta telah diberikan kepada 5 kontraktor melalui 41 inden kerja. Satu kontraktor yang lain diberikan 45 kerja kecil dengan nilai kerja berjumlah RM0.4 juta. Selain itu, dua kontraktor lain masing-masing telah mendapat 30 dan 29 kerja bernilai RM227,858 dan RM322,553.

47.3.4 Tender dan Sebut Harga

Majlis mewujudkan Bahagian Tender Dan Ukur Bahan di bawah Jabatan Pentadbiran. Bahagian ini mengurus proses tender dan sebut harga. Mengikut laporan tender dan sebut harga yang dikeluarkan oleh Bahagian Tender Dan Ukur Bahan, sehingga akhir tahun 2003 sebanyak 89 tender dan 163 sebut harga yang masing-masing bernilai RM42.53 juta dan RM17.23 juta telah diuruskan. Semakan Audit terhadap 10 tender dan 77 sebut harga bagi tahun

2003 mendapati 75.9% dari tender dan sebut harga berkenaan iaitu 8 tender dan 58 sebut harga telah dilaksanakan secara rundingan terus. Mengikut Arahan Perbendaharaan 170 hingga 172 penganugerahan tender atau sebut harga secara terus hanya dibenarkan dalam suasana darurat yang mana kesan daripada kelewatan perolehan akan menjaskan perkhidmatan dan kepentingan awam atau sekiranya hanya ada satu pembekal sahaja yang boleh membekalkan barang yang diperlukan. Semakan Audit terhadap perolehan yang dibuat secara rundingan terus mendapati tidak semua sebut harga/ tender memenuhi kriteria yang melayakkan berbuat demikian. Sungguhpun begitu semua perolehan ini telah mendapat kelulusan Datuk Bandar dan Lembaga Tender.

47.3.5 Penyelenggaraan Daftar Bil

Mengikut Arahan Perbendaharaan 103, Ketua Jabatan hendaklah menyelenggara Daftar Bil bagi merekod semua bil yang diterima dan juga bertujuan memudahkan pihak Jabatan memantau pembayaran terhadap sesuatu bil supaya tidak melangkaui tempoh 30 hari dari tarikh penerimaannya. Pegawai yang diberikuasa perlu memeriksa Daftar Bil ini sekurang-kurangnya 1 bulan sekali sebagaimana yang dikehendaki oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2002.

Pemeriksaan Audit mendapati Bahagian Kewangan selaku pejabat pembayar bagi Majlis tidak menyelenggara Daftar Bil. Pada kebiasaannya Jabatan lain akan menerima invois dan bil daripada pembekal atau kontraktor. Jabatan berkenaan akan melengkapkan dokumen yang perlu serta mendapatkan kelulusan daripada pegawai bertanggungjawab untuk pembayaran. Setelah itu invois dan bil tersebut akan dikenakan kepada vot yang berkaitan sebelum dihantar ke Bahagian Kewangan. Penghantaran invois dan bil ini dibuat bersama dengan 2 slip akuan penerimaan invois. Satu salinan slip ini yang telah dicop tarikh terima oleh Bahagian

Kewangan akan dipulangkan kepada Jabatan asal dan satu lagi disimpan di Bahagian Kewangan sebagai bukti penyerahan invois/bil. Slip akuan itu juga mengandungi ruangan untuk mencatatkan tarikh baucar disediakan, nombor cek dan tarikh cek kepada penerima, namun ianya tidak digunakan. Majlis boleh memanfaatkan penggunaan slip akuan sebagai satu cara kawalan terhadap bil yang perlu dibayar.

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Majlis perlu dipertingkatkan lagi terutama dalam pengeluaran inden kerja, menentukan kaedah penawaran tender atau sebut harga supaya lebih telus dan adil.

47.4 PENGURUSAN PELABURAN

Pada akhir tahun 2003, Majlis telah melabur dalam bentuk simpanan tetap berjumlah RM30 juta di dalam beberapa bank tempatan. Semakan Audit mendapati pengurusan simpanan tetap dibank diselenggara oleh seorang pembantu tadbir dengan baik dan kemas kini. Setiap pelaburan disimpan dalam fail yang berasingan. Sijil simpanan tetap juga disimpan selamat dan teratur.

47.5 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT

Majlis menguruskan akaun deposit, pinjaman kenderaan dan pinjaman komputer. Semakan Audit mendapati perkara berikut :

47.5.1 Pengurusan Deposit

Majlis menyelenggara 11 jenis deposit berjumlah RM74.18 juta pada akhir tahun 2003. Antaranya adalah Deposit Sewa Bangunan MBSA dan Gerai, Deposit Pelan Bangunan, Deposit Lesen Perniagaan, Deposit Tender/Sebut Harga dan Deposit Pinjaman Jentera. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyelenggarakan akaun deposit ini dengan lengkap dan kemas kini. Senarai baki

individu dan penyata penyesuaian deposit bagi setiap hujung tahun ada disediakan. Sungguhpun begitu, Majlis tidak mengambil tindakan mewartakan deposit yang telah lama tersimpan dalam akaun yang sepatutnya dipulangkan kepada pendeposit.

47.5.2 Pengurusan Pinjaman Kenderaan

Pada tahun 2003 Majlis telah memberi pinjaman kenderaan kepada 10 orang pegawai dan kakitangannya. Buku Daftar Pinjaman diselenggara dengan baik dan kemas kini. Penyesuaian juga dibuat pada penghujung tahun. Namun begitu maklumat mengenai pinjaman kenderaan tersebut tiada dalam fail individu pegawai. Semakan terhadap 10 fail individu mendapati hanya satu fail sahaja yang lengkap menyertakan maklumat kenderaan yang dibeli, insuran dan salinan kad kenderaan bagi memastikan catatan Hak Milik Majlis ada dilakukan. Majlis perlu memastikan maklumat kenderaan disimpan dalam fail individu dan catatan Hak Milik Majlis ada dibuat bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

47.5.3 Pengurusan Pinjaman Komputer

Pekeling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 menghendaki sebuah buku daftar mengenai pembiayaan komputer yang diluluskan diselenggara oleh Majlis. Pada tahun 2003 seramai 7 orang pegawai/kakitangan telah diberi pinjaman komputer berjumlah RM26,000. Semakan Audit mendapati daftar pinjaman ada diselenggara dengan kemas kini, namun semakan pada 8 fail peminjam mendapati maklumat kelulusan pinjaman tidak disimpan dalam fail individu 3 daripada pegawai tersebut di atas. Bagi menjaga kepentingan Majlis, maklumat tersebut sepatutnya disimpan dalam fail individu berkaitan.

Pada pendapat Audit, Majlis telah menyelenggara akaun deposit dengan memuaskan.

47.6 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, setiap perolehan harta modal, inventori dan bekalan pejabat hendaklah direkod di dalam Daftar Harta Modal, Daftar Inventori atau Daftar Bekalan Stok Pejabat. Kawalan ke atas pengurusan harta ini adalah penting untuk menentukan harta dan inventori yang diperolehi direkod, diguna dan diselenggara dengan sempurna mengikut peraturan yang ditetapkan. Antara jenis harta yang dimiliki oleh Majlis ialah kenderaan, peralatan pejabat, perabot dan lain-lain. Semakan Audit terhadap pengurusan harta Majlis mendapati perkara berikut:

47.6.1 Daftar Harta Modal Dan Daftar Inventori

Pembelian setiap barang yang bernilai lebih dari RM500 hendaklah direkodkan ke dalam Daftar Harta Modal, manakala barang yang bernilai kurang dari RM500 direkodkan di dalam Daftar Inventori. Pengurusan harta modal Majlis dibuat oleh Bahagian Pentadbiran Majlis. Semakan Audit mendapati Daftar Harta Modal dan Inventori ada disediakan. Walaupun begitu tiada bukti pemeriksaan harta modal dibuat oleh pegawai bertanggungjawab. Majlis adalah disarankan supaya mematuhi Tatacara Pengurusan Stor perenggan 238 yang menghendaki pemeriksaan dibuat 2 tahun sekali.

47.6.2 Pengurusan Kenderaan

Bagi memastikan kenderaan diurus dengan baik, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menggariskan beberapa tatacara berhubung dengan penggunaan kenderaan Kerajaan, penjagaan dan penyelenggaraan kenderaan, pelantikan Pegawai Pengangkutan, penyelenggaraan Buku Log, pemberian kenderaan, tugas pemandu kenderaan serta prosedur pelupusan. Majlis mempunyai 201 buah kenderaan terdiri dari 40 buah lori, tiga buah bas, dua belas buah kereta, sebanyak 47 buah van, sembilan belas buah pacuan 4 roda dan 35 buah motosikal serta 45 buah jentera

berat. Pemandu yang sedang berkhidmat adalah seramai 137 orang dan kekosongan 24 jawatan. Penyelenggaraan fizikal dan rekod kenderaan Majlis dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Mekanikal. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan kenderaan Majlis mendapati Pembantu Teknik Mekanikal ada dilantik khusus untuk penyelenggaraan kenderaan.

Bagi kenderaan yang menggunakan bahan petrol, sejumlah 86 kad inden diuruskan oleh Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pentadbiran. Daftar diselenggara dengan kemas kini sebagai kawalan terhadap pembelian petrol. Bagi kenderaan yang menggunakan diesel sebagai bahan bakar, Majlis menyediakan depoh minyak diesel sendiri bagi memudahkan penggunaanya. Sejumlah 5 keping kad Touch ‘N’ Go diselenggara oleh Jabatan Pentadbiran untuk penggunaan perjalanan Jabatan tersebut.

Pemeriksaan Audit terhadap sampel yang diambil mendapati setiap kenderaan ada disediakan dengan Buku Log dan dikemas kini setiap masa. Selain dari itu Majlis melengkapkan Jabatan Mekanikal dengan sistem pengurusan kenderaan berkomputer. Sistem ini menyediakan maklumat setiap kenderaan secara terperinci antaranya meliputi tarikh pembelian, pemandu bertanggungjawab, jadual pembaikan dan kos pembaikan. Melalui sistem ini juga penggunaan kenderaan direkod secara terperinci dalam sistem.

47.6.3 Pelupusan

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 tahun 1995, tindakan pelupusan hendaklah diambil terhadap aset yang tidak boleh digunakan lagi. Pegawai bertanggungjawab perlu memastikan adanya program pelupusan dan hapus kira dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Pada tarikh pengauditan dibuat di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Majlis Bandaraya Shah Alam,

adalah didapati 11 kenderaan terdiri daripada lori, *backhoe*, penggelek jalan dan traktor telah dimasukkan dalam cadangan pelupusan tahun 2002, namun sehingga kini kelulusan Jawatankuasa Pelupusan masih belum diperolehi.

Pada keseluruhannya penyelenggaraan rekod mengenai aset, inventori dan kenderaan adalah memuaskan kecuali tindakan pelupusan bagi aset yang tidak lagi dapat digunakan hendaklah disegerakan.

48. RUMUSAN DAN SYOR

Pengurusan kewangan Majlis boleh dipertingkatkan lagi dengan mengatasi beberapa kelemahan yang dilaporkan berhubung dengan kawalan perolehan. Majlis perlu melaksanakan peraturan penawaran tender atau sebut harga semasa membuat perolehan supaya lebih telus dan adil. Selain itu tiada kelemahan ketara dalam pengurusan kewangan Majlis.

PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

PENGURUSAN KEWANGAN

49. LATAR BELAKANG

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (Perbadanan) adalah sebuah Agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri di bawah Enakmen No.12 Tahun 1972 (Pindaan 1982). Perbadanan telah diberi kuasa untuk memajukan industri pertanian di Negeri Selangor dengan melaksanakan projek pembangunan pertanian berskil besar termasuk beberapa projek pembangunan kawasan ladang dan pembukaan tanah baru untuk pertanian bercorak komersial. Perbadanan juga melabur untuk aktiviti komersial berdasarkan pertanian yang berdaya maju bertujuan menambah pendapatan bagi mengukuhkan kewangan Perbadanan. Selain itu Perbadanan juga bergiat bagi pengurusan perladangan, penternakan dan perkilangan serta perkhidmatan perundingan landskap dan seni taman melalui perlaburan di dalam syarikat subsidiari. Pada tahun 2003, jumlah hasil yang dikutip oleh Perbadanan berjumlah RM52 juta manakala perbelanjaan yang dibuat adalah sejumlah RM28.47 juta bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM7.43 juta bagi perbelanjaan pembangunan.

50. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Perbadanan adalah mematuhi peraturan dan undang-undang serta wujud sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, amanah, aset dan inventori. Pengauditan juga dijalankan bagi menentukan rekod yang berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Skop pengauditan meliputi pemeriksaan terhadap rekod dan daftar bagi tahun 2003 yang seperti buku resit, Buku Vot, baucar bayaran, penyata penyesuaian bank, Daftar Pelaburan, Daftar Harta Modal dan sebagainya. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai Perbadanan juga diadakan.

51. PENEMUAN AUDIT

51.1 KAWALAN PENGURUSAN

Kawalan pengurusan yang cekap dapat menyumbang kepada pencapaian objektif Perbadanan. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan pengurusan menunjukkan perkara berikut:

51.1.1 Struktur Organisasi

Pengurusan Perbadanan diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 61 pegawai dan kakitangan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 59 jawatan telah diisi secara tetap manakala 3 jawatan lagi diisi secara kontrak. Struktur organisasi Perbadanan mengandungi 4 bahagian utama iaitu Bahagian Kewangan, Pentadbiran Dan Perhubungan Awam, Korporat dan Kesetiausahaian Dan Perundangan. Bahagian Kewangan dianggotai oleh 7 pegawai yang terdiri daripada 1 Pengurus Kanan Kewangan, satu Akauntan, satu Penolong Akauntan, satu Pembantu Tadbir (Kewangan) Kanan dan 3 Pembantu Tadbir Kewangan. Pada pandangan Audit, Perbadanan mempunyai struktur organisasi yang bersesuaian dengan fungsi dan aktiviti semasanya. Pihak Audit dimaklumkan Perbadanan sedang melaksanakan penstrukturran semula perjawatan bagi menghadapi peningkatan aktiviti dan pertumbuhan sektor pertanian di Negeri Selangor. Penstrukturran semula perjawatan telah pun diluluskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Kerajaan Negeri Selangor dan akan dibentangkan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan untuk kelulusan rasmi sebelum dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

51.1.2 Manual Prosedur Kerja

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 antara lain menetapkan setiap Jabatan/Agensi perlu menyediakan Manual Prosedur Kerja. Manual ini menjadi rujukan rasmi yang

mengandungi objektif dan fungsi Perbadanan, prosedur dan proses kerja yang jelas serta pegawai yang melaksanakan setiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Semakan Audit mendapati Perbadanan belum menyediakan Manual berkenaan.

51.1.3 Fail Meja dan Senarai Tugas

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 memberikan panduan mengenai Fail Meja. Panduan tersebut menghendaki semua anggota dan pegawai menyimpan dan menyelenggarakan fail meja masing-masing dengan sempurna. Semakan Audit mendapati peraturan ini belum dikuatkuasakan oleh Perbadanan terhadap semua pegawainya. Walaupun senarai tugas ada disediakan bagi semua pegawai di Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Kewangan tetapi senarai tugas tersebut tidak ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, adalah didapati kakitangan Bahagian Kewangan turut menjalankan tugas kewangan dan perakaunan syarikat subsidiari Perbadanan. Pihak Audit berpendapat Perbadanan sewajarnya hanya menjalankan pengawasan dan pemantauan terhadap pengurusan dan aktiviti syarikat subsidiari bagi menjaga kepentingan Perbadanan. Tugas kewangan dan perakaunan syarikat subsidiari adalah lebih sesuai dilaksanakan oleh kakitangan syarikat subsidiarinya sendiri.

51.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Keperluan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun digariskan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Bidang tugas Jawatankuasa ini adalah untuk membincang dan memantau perkara berkaitan pengurusan perbelanjaan, perakaunan, pungutan dan tunggakan hasil, penyediaan serta pembentangan Penyata Kewangan dan laporan tahunan, teguran Ketua Audit Negara, Unit Audit Dalam dan perancangan latihan untuk pegawai dan kakitangan yang melaksanakan tugas kewangan. Pihak Audit mendapati

Perbadanan tidak mewujudkan Jawatankuasa ini yang mana perkara berkaitan pengurusan kewangan dibincangkan terus semasa mesyuarat Lembaga Pengarah.

51.1.5 Kursus Dan Latihan

Kursus dan latihan yang berterusan hendaklah diberi kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan bagi meningkatkan tahap kecekapan dan kualiti serta produktiviti kerja. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada menyediakan perancangan kursus/latihan kepada kakitangan pada setiap tahun sejak tahun 2002. Pada tahun 2003 seramai 25 pegawai dan kakitangan telah menghadiri pelbagai kursus meliputi kursus teknikal dan motivasi, termasuk kursus kewangan yang dihadiri oleh 5 daripada 8 pegawai Bahagian Kewangan. Kursus yang dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Perbadanan dianjur oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan pihak swasta.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya kawalan pengurusan perlu diperkemaskan dengan mengambil langkah pemberian yang proaktif ke atas kelemahan yang dibangkitkan. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun hendaklah ditubuhkan bagi meningkatkan pengurusan kewangan Perbadanan melalui pemantauan yang dibuat dari semasa ke semasa.

51.2 KAWALAN HASIL

Hasil utama Perbadanan terdiri daripada yuran khidmat korporat, sewaan tanah dan bangunan, terimaan faedah daripada pelaburan, dividen saham, keuntungan projek komersil dan pelupusan serta penjualan tanah. Sehingga akhir bulan Disember 2003, pendapatan sebenar Perbadanan berjumlah RM52 juta. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

51.2.1 Kawalan Borang Hasil

Peraturan Perakaunan Dan Kewangan Perbadanan, Peraturan 38(a) telah menetapkan Daftar Borang Hasil yang dikawal diselenggarakan oleh seorang Pegawai Kanan. Buku resit hendaklah diperiksa dan diturunkan tandatangan di belakang helai pertama salinan pejabat sebagai perakuan bahawa siri nombor borang resit berpendua/berpeniga adalah betul. Semakan Audit mendapati arahan ini tidak dipatuhi oleh Perbadanan. Walaupun begitu, pengeluaran buku resit daripada stok bagi tahun 2003 telah diturunkan tandatangan oleh Pegawai yang mana keluaran itu dibuat.

51.2.2 Penyelenggaraan Buku Tunai

Pada tahun 2003, Perbadanan menyelenggarakan Buku Tunai Hasil secara berkomputer. Buku Tunai ini telah diselenggara dengan sempurna dan kemas kini. Pemeriksaan terhadap Buku Tunai dilakukan oleh 2 pegawai yang bertanggungjawab. Mengikut Peraturan Perakaunan Dan Kewangan Perbadanan, Peraturan 50(a) dan 51 kutipan hasil hendaklah dibankkan pada hari yang sama atau jika lewat diterima dibankkan pada hari kerja berikutnya dan slip bayar masuk bank hendaklah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Bagaimanapun, arahan ini tidak dipatuhi yang mana berlaku kelewatan memasukkan wang ke bank antara 4 hingga 8 hari pada bulan Mac hingga Jun 2003. Di samping itu, tiada bukti menunjukkan pemeriksaan telah dibuat terhadap slip bayar masuk bank.

51.2.3 Daftar Mel

Daftar Mel hendaklah diselenggarakan bagi merekod terimaan wang dan dokumen atau barang berharga yang diterima melalui pos seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Perakaunan Dan Kewangan Perbadanan. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada menyelenggarakan daftar tersebut. Walaupun begitu, tiada

bukti menunjukkan ianya telah disemak oleh pegawai bertanggungjawab.

51.2.4 Pemeriksaan Mengejut

Mengikut Arahan Perbendaharaan 309, Ketua Jabatan hendaklah menjalankan pemeriksaan mengejut secara berkala terhadap semua wang di bawah jagaannya sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Satu daftar hendaklah diselenggarakan bagi tujuan tersebut. Walaupun begitu pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan terhadap pemeriksaan mengejut kerana daftar berkenaan tidak dikemukakan.

51.2.5 Tunggakan Hasil

Antara hasil utama Perbadanan ialah penjualan tanah miliknya kepada syarikat. Dalam proses penjualan tanah, beberapa syarat ditetapkan antaranya pembeli perlu menjelaskan bayaran dalam tempoh tertentu seperti yang ditetapkan dalam perjanjian yang ditandatangani. Semakan Audit terhadap beberapa fail jualan tanah menunjukkan pembeli tidak menjelaskan bayaran mengikut jadual yang ditetapkan. Akaun Siberhutang Tanah pada 31 Disember 2003 menunjukkan tunggakan berjumlah RM35.31 juta, yang mana sejumlah RM20.24 juta merupakan tunggakan sejak tahun 1996 hingga 2002. Bagi mengutip tunggakan tersebut, Perbadanan telah mengambil tindakan susulan dengan menghantar surat peringatan kepada para pembeli dan membuat penjadualan semula dengan menandatangani perjanjian baru.

Syarat lain yang terkandung dalam perjanjian ialah pembeli akan dikenakan faedah mengikut kadar yang ditetapkan sekiranya gagal membuat bayaran sehingga tamat tempoh pembayaran. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah mengenakan faedah terhadap setiap pembeli yang gagal atau lewat membuat bayaran sepetimana perjanjian.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya kawalan dalam pengurusan hasil adalah lemah. Perbadanan hendaklah memperbaiki kelemahan yang telah dibangkitkan di samping meningkatkan pemantauan dan mengambil tindakan tegas bagi memungut tunggakan jualan tanah.

51.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Pada tahun 2003 Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM28.47 juta bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM7.43 juta bagi perbelanjaan pembangunan.

51.3.1 Kuasa Meluluskan Pembayaran

Peraturan Perakaunan Dan Kewangan Perbadanan, Peraturan 80 menghendaki Pengurus Besar mengemukakan nama pegawai yang diberi kuasa memperakui baucar bayaran berserta contoh tandatangan kepada Bahagian Kewangan. Adalah didapati peraturan ini tidak dipatuhi melainkan hanya kuasa dan contoh tandatangan cek sahaja yang ada dikemukakan ke Bahagian Kewangan.

51.3.2 Buku Vot

Buku Vot hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta disemak oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan. Ini dapat mengawal perbelanjaan yang dilakukan supaya tidak melebihi anggaran yang diluluskan. Semakan Audit mendapati Buku Vot berkomputer telah diselenggarakan dengan kemas kini oleh kakitangan yang dibenarkan. Walaupun begitu tiada bukti menunjukkan semakan ada dibuat oleh pegawai atasan bagi mengesahkan pembayaran yang dibuat.

51.3.3 Penyata Penyesuaian Bank

Adalah didapati penyesuaian dengan urus niaga bank dibuat secara berkomputer dan telah diselenggarakan dengan kemas kini

pada setiap bulan. Penyata penyesuaian yang disediakan telah disemak dan disahkan oleh pegawai atasan. Semakan Audit mendapati sebanyak 18 cek berjumlah RM319,224 yang telah tamat tempoh lakunya seperti di penyata penyesuaian bank pada 30 September 2003 masih belum dipelaraskan.

51.3.4 Kawalan Perolehan

Kawalan perolehan adalah merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Peraturan Perakaunan Dan Kewangan Perbadanan telah menggariskan tatacara pengurusan sebut harga, tender dan pesanan tempatan bagi memastikan kawalan perolehan dilaksanakan secara teratur. Semakan Audit terhadap kawalan perolehan mendapati Perbadanan telah mengikut garis panduan yang ditetapkan. Pada tahun 2003 tiada pembelian secara sebut harga dan kerja secara tender dilakukan oleh Perbadanan. Bagi pembelian kecil yang mana kontrak formal tidak sesuai dibuat, Perbadanan telah mengeluarkan dan mengawal pesanan tempatan. Adalah didapati kawalan terhadap pesanan tempatan memuaskan. Walaupun begitu tiada surat penurunan kuasa dikeluarkan oleh Pengurus Besar kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk menandatangani pesanan tempatan.

51.3.5 Daftar Bil

Peraturan Perakaunan Dan Kewangan Perbadanan, Peraturan 82 menetapkan Daftar Bil perlulah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan bil yang diterima daripada pembekal dijelaskan dalam tempoh sebulan atau 30 hari daripada tarikh ianya diterima. Semakan Audit mendapati tiada Daftar Bil diselenggarakan oleh Bahagian Kewangan. Bil yang diterima daripada pembekal terus dimasukkan ke dalam sistem vot berkomputer. Sebanyak 33 invois yang disemak tidak dicopkan tarikh penerimaan oleh bahagian yang menerimanya dan Bahagian Kewangan. Selain itu pihak Audit juga mendapati pada tarikh

pemeriksaan, sebanyak 13 bil berjumlah RM153,685 yang diterima pada tahun 2003 telah melebihi 30 hari masih belum dijelaskan.

51.3.6 Kawalan Buku Cek

Buku cek hendaklah diperiksa serta merta apabila ianya diterima daripada pihak bank. Pegawai yang menerima hendaklah memperakui di belakang kaunterfoil yang akhir bahawa pemeriksaan telah dibuat dan buku cek diterima dengan sempurna. Perkara ini ditetapkan di dalam Peraturan Perakaunan Dan Kewangan Perbadanan, Peraturan 97. Semakan Audit mendapati tiada catatan di buku cek sebagai bukti pemeriksaan telah dibuat dengan sewajarnya.

Pada pandangan Audit, tindakan segera dan sewajarnya hendaklah diambil terhadap kelemahan yang dibangkitkan bagi memastikan kawalan perbelanjaan dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

51.4 PENGURUSAN PELABURAN

Pada akhir tahun 2003, pelaburan Perbadanan berjumlah RM132.85 juta meliputi ekuiti dalam syarikat subsidiari, syarikat sekutu, pelaburan portfolio, saham tersiar harga, pelaburan di luar negara dan simpanan tetap. Hasil semakan Audit mendapati perkara berikut:

51.4.1 Prosedur Dan Tatacara Pelaburan

i) Jawatankuasa Pelaburan

Perbadanan ada mewujudkan Jawatankuasa ini bagi tujuan membincang, mengkaji dan memantau aktiviti pelaburannya. Namun demikian, pihak Audit mendapati Jawatankuasa ini tidak aktif sejak tahun 2002 hingga akhir 2003. Pengurusan pelaburan akan dibawa terus ke mesyuarat Lembaga Perbadanan yang bermesyuarat 6 bulan sekali. Memandangkan Perbadanan mempunyai nilai pelaburan yang

tinggi dan aktif maka adalah wajar Jawatankuasa ini diaktifkan semula bagi memantau aktiviti dan prestasi pelaburan serta bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 bulan sekali berbanding dengan mesyuarat Lembaga yang hanya bermesyuarat 2 kali setahun. Seterusnya keputusan yang diperolehi di peringkat Jawatankuasa akan dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah.

ii) Garis Panduan Pelaburan

Enakmen Perbadanan memperuntukkan pelaburan dibuat berdasarkan lebihan aset yang tidak dibelanjakan. Peraturan Perakaunan Dan Kewangan Perbadanan tidak memperuntukkan garis panduan khusus dalam pengurusan pelaburan. Garis panduan ini perlu disediakan bagi membantu pihak pengurusan Perbadanan mengurus pelaburan dengan lebih cekap dan berkesan. Antaranya memudahkan penentuan sektor yang menjadi keutamaan untuk dilaburkan, pegawai yang dipertanggungjawabkan mengikut had yang dibenarkan, tanggungjawab syarikat subsidiari, pengurus portfolio, penyelenggaraan rekod yang diperlukan dan sebagainya. Semakan Audit mendapati daripada sejumlah RM132.85 juta keseluruhan pelaburan, sejumlah RM27.47 juta dilaburkan dalam aktiviti kewangan iaitu pasaran saham dan simpanan tetap. Manakala sejumlah RM10.15 juta dilaburkan di luar negara dan sejumlah RM95.23 juta telah dilaburkan dalam ekuiti syarikat subsidiari dan syarikat sekutu dalam menjana aktiviti pertanian selaras dengan fungsinya. Aktiviti dan prestasi syarikat subsidiari di peringkat pengurusan Perbadanan dibincangkan dalam mesyuarat Tindakan Pengurusan Perbadanan yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar Perbadanan. Mesyuarat ini diadakan 2 bulan sekali dan ahlinya terdiri daripada pegawai kanan Perbadanan dan wakil syarikat subsidiari.

iii) Kelulusan Pelaburan

Enakmen Perbadanan memperuntukkan bahawa Perbadanan mendapatkan kelulusan daripada Menteri Kewangan bagi setiap pelaburan termasuk penubuhan dan pengembangan syarikat. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah mematuhi peraturan ini yang mana kelulusan Menteri Kewangan telah diperolehi bagi setiap pelaburan yang dibuat.

51.4.2 Rekod Pelaburan

Semakan juga telah dibuat terhadap sijil pelaburan yang terdiri daripada simpanan tetap di bank serta saham di syarikat subsidiari dan syarikat sekutu bagi menentukan kesahihan pemilikannya oleh Perbadanan. Pihak Audit mendapati sijil pelaburan dan dokumen mengenainya disimpan dengan teratur, kemas kini dan selamat oleh Pengurus Kanan Kewangan dan bersamaan dengan kos pelaburan yang dinyatakan dalam rekod pelaburan. Perbadanan juga menyelenggara Daftar Pelaburannya dengan lengkap dan kemas kini.

51.4.3 Pengurus Portfolio

Pada akhir bulan September 2003, pelaburan Perbadanan melalui pengurus portfolio berjumlah RM8.85 juta meliputi 3 institusi kewangan. Perlantikan institusi kewangan tersebut diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Perjanjian mengenai perlantikan sebagai pengurus portfolio ada ditandatangani dan disimpan dengan selamat oleh Bahagian Kewangan. Semakan Audit mendapati pengurus portfolio telah mematuhi syarat perjanjian dengan sewajarnya. Penyata dan laporan aktiviti pelaburan ada dikemukakan dan disimpan dengan teratur dan sempurna.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya aktiviti pelaburan Perbadanan adalah memuaskan dan telah diuruskan dengan baik.

51.5 PENGURUSAN PINJAMAN

Pada tahun 2003, Perbadanan mempunyai baki pinjaman daripada Kerajaan Negeri Selangor dan institusi kewangan berjumlah RM74.05 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM59.05 juta adalah pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Negeri secara berperingkat pada tahun 1989, 1990, 1992, 1993, 1999 dan 2001. Pinjaman ini bertujuan membiayai pembinaan bangunan Perbadanan, kompleks pasar borong, pusat penyelidikan dan pembangunan ikan air tawar, projek komersial Perbadanan dan pelaksanaan Rancangan Revolusi Hijau. Manakala sejumlah RM15 juta pula diperolehi daripada dua buah bank pada tahun 2000 bagi membiayai projek pembinaan rumah sembelih. Daripada jumlah tersebut pinjaman sejumlah RM10 juta daripada sebuah bank telah selesai dijelaskan pada tahun 2003.

51.5.1 Kelulusan Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi adalah mengikut maksud dan kuasa meminjam yang diperuntukkan dalam Enakmen Perbadanan. Selain itu, Perbadanan juga dikehendaki mendapatkan kelulusan bertulis daripada Menteri Kewangan sebelum membuat sebarang pinjaman. Pihak Audit dimaklumkan peruntukan Enakmen ini tidak melibatkan pinjaman dengan Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu tiada persetujuan bertulis mengenainya diminta daripada Menteri Kewangan. Bagi pinjaman dengan pihak lain yang melebihi nilai RM5 juta, persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan perlu diperolehi oleh Perbadanan. Semakan Audit mendapati pinjaman yang bernilai RM10 juta daripada sebuah bank pada tahun 2001 tidak memperolehi kelulusan Menteri Kewangan. Walaupun begitu pinjaman tersebut telah diselesaikan pada bulan Disember 2003.

51.5.2 Surat Perjanjian

Surat perjanjian ada dimeterai antara Perbadanan dengan Kerajaan Negeri dan 2 buah bank berkaitan. Semakan Audit mendapati syarat perjanjian adalah memuaskan dan memelihara

kepentingan Perbadanan. Salinan surat perjanjian disimpan dengan sempurna oleh pegawai Bahagian Kewangan yang bertanggungjawab manakala surat perjanjian asal disimpan oleh Pegawai Undang-undang Perbadanan.

51.5.3 Daftar Pinjaman

Perbadanan tidak menyelenggara daftar pinjaman bagi setiap pinjaman yang diperolehnya. Bayaran balik pinjaman terus direkodkan ke dalam lejar pinjaman individu. Daftar perlu diselenggarakan kerana ia mengandungi maklumat lengkap mengenai pinjaman yang diperolehi seperti tarikh pinjaman, jumlah pinjaman pokok, kadar faedah dan jumlah faedah, tempoh pinjaman, kadar dan syarat bayaran balik serta jadual bayaran balik. Daftar pinjaman yang lengkap akan memudahkan semakan dibuat bagi memastikan bayaran balik pinjaman mengikut kadar, syarat dan tempoh yang ditetapkan.

51.5.4 Bayaran Balik Pinjaman

i) Pinjaman Kerajaan Negeri

Jadual bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri ditetapkan dalam setiap perjanjian yang ditandatangani. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak mematuhi syarat bayaran balik pinjaman seperti yang ditetapkan. Sehingga akhir bulan Disember 2003, Perbadanan sepatutnya membuat bayaran balik pinjaman pokok berjumlah RM62.97 juta termasuk bayaran faedah. Walaupun begitu hanya sejumlah RM9.55 juta pinjaman pokok telah dibayar kepada Kerajaan Negeri. Pada tahun 2002 Kerajaan Negeri telah bersetuju pada dasarnya untuk menjadual semula pinjaman yang diberi dari tahun 1989 hingga tahun 1993 berjumlah RM53.68 juta. Perbadanan telah diminta menyediakan perjanjian penjadualan semula bayaran balik pinjaman tersebut. Walaupun begitu, sehingga bulan Disember 2003 perjanjian penjadualan semula masih dalam peringkat perbincangan. Selain itu pada tahun 2003,

Perbadanan ada membiayai projek pembinaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri iaitu projek landskap dan pengubahsuaian ruang legar bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang berjumlah RM7.84 juta. Perbelanjaan ini telah dipersetujui untuk dipelaraskan secara kontra dengan akaun pinjaman Kerajaan Negeri.

ii) Pinjaman Bank

Semakan Audit juga mendapati Perbadanan ada mematuhi jadual bayaran balik pinjaman dengan pihak bank berjumlah RM5 juta. Bayaran balik pinjaman pokok yang telah dijelaskan adalah berjumlah RM2.99 juta dan bayaran faedah berjumlah RM1.07 juta.

51.5.5 Penyesuaian Pinjaman

Semakan Audit terhadap rekod pinjaman Perbadanan yang disediakan pada 31 Disember 2003 mendapati baki pinjaman pokok yang ditunjukkan berjumlah RM59.05 juta berbeza dengan baki pinjaman oleh Kerajaan Negeri yang berjumlah RM53.68 juta. Penyata Penyesuaian perlu disediakan dengan segera dan kemas kini bagi mengenal pasti punca perbezaan. Selain itu bagi mengesahkan baki pinjaman pada 31 Disember 2003, Perbadanan ada meminta pengesahan daripada Kerajaan Negeri tetapi masih belum menerima maklum balas.

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman telah dibuat dengan memuaskan. Walaupun begitu, penambahbaikan hendaklah dibuat bagi memperkemaskan pengurusan pinjaman Perbadanan.

51.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

Perbadanan ada menyelenggara 2 Kumpulan Wang Amanah bagi Pinjaman Kenderaan dan Komputer serta 1 Akaun Amanah. Selain itu, Perbadanan juga ada mengutip beberapa deposit seperti sewa tapak perniagaan, sewa

pajakan tanah, sewa bangunan dan deposit pengeluaran kayu balak. Pada akhir tahun 2003, baki akaun Kumpulan Wang Amanah bagi kenderaan dan komputer berjumlah RM468,884, manakala Akaun Amanah berjumlah RM118,545 dan baki Akaun Deposit pula berjumlah RM1.38 juta.

51.6.1 Akaun Amanah

Akaun ini diselenggarakan oleh Perbadanan untuk mengakaunkan peruntukan yang diterima antara tahun 2001 hingga 2002 bagi pembiayaan projek Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu Projek Premis Bengkel/ Kilang IKS Kuala Selangor, Projek Desa Kampung Kancung Darat, Banting Selangor dan Program Perkhidmatan Guru-guru Perdagangan Dan Perakaunan. Pada tahun 2003, akaun ini menunjukkan baki berjumlah RM118,545 iaitu bagi Program Perkhidmatan Guru-guru Perdagangan Dan Perakaunan sahaja manakala bagi 2 projek lagi, pembiayaannya telah pun dijelaskan oleh Perbadanan mengikut peruntukan yang diterima. Semakan Audit menunjukkan pengurusan akaun amanah ini telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

51.6.2 Akaun Kumpulan Wang Amanah

i) Pinjaman Kenderaan

Mengikut perenggan 12.4 Pekeliling Perpendaharaan Bil. 7 Tahun 1993, telah menggariskan panduan pengurusan pinjaman kenderaan. Pada tahun 2003, seramai 7 pegawai Perbadanan telah diluluskan pinjaman kenderaan yang berjumlah RM129,229. Semakan Audit terhadap pengurusan pinjaman mendapati Daftar Pinjaman Kenderaan telah diuruskan dengan kemas kini. Bagaimanapun, daripada 7 fail yang disemak 5 daripadanya tidak disertakan salinan kad pendaftaran kereta sebagai bukti kad tersebut telah dicap “Hak Milik Dituntut Perbadanan” sehingga pinjaman selesai sepenuhnya.

ii) Pinjaman Komputer

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992, menghendaki sebuah buku daftar mengenai pembiayaan komputer yang diluluskan diselenggarakan oleh Ketua Jabatan. Sehingga akhir tahun 2003, seramai 6 pegawai telah diluluskan pinjaman yang berjumlah RM23,638. Pemeriksaan Audit mendapati daftar dan fail individu telah diurus dengan teratur dan kemas kini.

51.6.3 Pengurusan Deposit

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah menyelenggara akaun deposit dengan lengkap dan kemas kini secara berkomputer. Pada setiap tahun senarai baki individu ada disediakan. Walaupun begitu akaun individu tidak diselenggara bagi merekod setiap deposit yang diterima. Pada tahun 2003, deposit Perbadanan menunjukkan baki berjumlah RM1.38 juta.

Pada keseluruhannya, pengurusan akaun amanah dan deposit adalah memuaskan. Bagaimanapun, tindakan perlu diambil bagi menyelenggarakan akaun individu bagi deposit.

51.7 PENGURUSAN ASET

Setiap perolehan aset, inventori dan bekalan pejabat perlu direkodkan dalam Daftar Harta Modal, Daftar Inventori dan Daftar Bekalan Pejabat seperti yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991. Pada tahun 2003, sejumlah RM14.37 juta telah dibelanjakan bagi pembelian aset. Antara aset yang dimiliki oleh Perbadanan ialah tanah, bangunan, kenderaan, perabot, kelengkapan pejabat, komputer dan sebagainya. Pemeriksaan Audit terhadap aset Perbadanan menunjukkan perkara berikut:

51.7.1 Daftar Harta Modal Dan Inventori

Pemeriksaan Audit mendapati Perbadanan tidak menyelenggara Daftar Harta Modal dan Inventori bagi merekod butiran perolehan aset dan inventorinya. Sebaliknya Perbadanan merekodkan butiran aset di dalam Senarai Daftar Harta Tetap. Walaupun begitu, tiada kos penyelenggaran direkodkan dalam senarai berkenaan. Kegagalan merekodkan maklumat penyelenggaraan terutamanya aset kenderaan yang dimiliki akan menyukarkan pihak pengurusan mendapatkan maklumat yang tepat apabila pelupusan hendak dibuat.

51.7.2 Lembaga Pemeriksa

Mengikut Peraturan Perakaunan Dan Kewangan Perbadanan, Peraturan 194, Pengurus Besar hendaklah mengatur supaya pemverifikasi stok fizikal yang bebas dilakukan tidak boleh kurang daripada sekali setahun terhadap barang, kelengkapan dan peralatan lain yang telah digunakan dan dianggap tidak berguna atau tidak bernilai kepada sesuatu jabatan. Semakan Audit mendapati kali terakhir pemeriksaan dibuat ialah pada tahun 2002 dan tiada bukti bahawa pemeriksaan telah dibuat pada tahun 2003. Pemeriksaan ini perlu dibuat setiap tahun dan satu laporan mengenainya hendaklah dikeluarkan bersama syor pelupusan jika perlu.

51.7.3 Bekalan Pejabat

Semakan Audit terhadap stor bekalan pejabat mendapati ianya tidak disusun dengan kemas dan teratur. Selain itu, Perbadanan tidak meletakkan nama pada rak di mana bekalan pejabat ditempatkan supaya memudahkan bekalan pejabat diperolehi apabila perlu. Semakan fizikal secara sampel di stor bekalan pejabat mendapati Daftar Bekalan Pejabat bagi beberapa item bekalan pejabat tidak kemas kini.

51.7.4 Pengurusan Kenderaan

Perbadanan mempunyai 20 buah kenderaan yang terdiri pelbagai jenis. Semakan Audit mendapati 10 daripadanya diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran manakala selebihnya digunakan oleh syarikat subsidiari untuk menguruskan projek Perbadanan.

i) Buku Log Kenderaan

Daripada 20 kenderaan yang diselenggarakan oleh Perbadanan hanya 5 Buku Log sahaja telah dikemukakan untuk pengesahan Audit. Ini bertentangan dengan Peraturan Perakaunan Dan Kewangan Perbadanan, (Peraturan 212(a) di mana Buku Log hendaklah diselenggarakan bagi setiap kenderaan yang dimiliki. Selain itu, semakan Audit terhadap Buku Log tersebut mendapati ianya tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

ii) Penggunaan Kad Inden Minyak

Pekeliling Perpendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 telah menggariskan panduan berhubung dengan penggunaan kad inden minyak. Pada tahun 2003, Perbadanan mempunyai 15 kad inden untuk digunakan bagi pembelian minyak. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak mematuhi Pekeliling ini. Antaranya daftar tidak disediakan bagi mengawal pergerakan kad inden minyak. Kad tersebut tidak disimpan di Bahagian Pentadbiran sebaliknya disimpan oleh pemandu pada setiap masa. Pegawai yang bertanggungjawab juga tidak membuat semakan ke atas pembelian minyak dan hanya melekatkan resit pembelian pada Buku Log manakala penyata yang diterima akan terus dibuat bayaran oleh Bahagian Kewangan.

iii) Penggunaan Kad *'N' Go*

Semakan Audit mendapati Perbadanan memiliki 5 kad *'N' Go* bagi pemandu guna sama. Mengikut Pekeliling Perpendaharaan Bil. 8 Tahun 1999, satu daftar penggunaan

kad hendaklah diselenggarakan dan disimpan selamat oleh Pegawai Kenderaan. Walaupun begitu arahan tersebut tidak dipatuhi oleh Perbadanan.

51.7.5 Pelupusan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1995 dan Bil. 2 Tahun 1997 memberikan garis panduan mengenai tatacara pelupusan aset Kerajaan. Perbadanan ada membuat pelupusan terhadap asetnya pada tahun 2002 dan 2003. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kaedah pelupusan aset bagi tahun 2002 yang berjumlah RM724,345 bagi peralatan pejabat, peralatan komputer dan perabot. Kaedah pelupusan boleh ditetapkan oleh Pegawai Pengawal atau pegawai lain yang telah diperwakilkan kuasa meluluskan pelupusan aset dan barang. Pada tahun 2003 pula, Perbadanan telah melupuskan sebuah kenderaan secara tender. Pelupusan ini telah dibuat mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Pada keseluruhannya penyelenggaraan rekod berkaitan harta modal dan kenderaan serta pengurusan stor adalah kurang memuaskan. Perbadanan hendaklah mengambil tindakan segera untuk memperkemaskan lagi supaya semua prosedur pengurusan aset dipatuhi.

52. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan Perbadanan boleh dipertingkatkan lagi dengan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Adalah disyorkan supaya Perbadanan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun supaya dapat memantau dan berbincang untuk meningkatkan tahap pengurusan kewangan dengan lebih baik lagi.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

PROGRAM PENEMPATAN SEMULA SETINGGAN

53. LATAR BELAKANG

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (Perbadanan) ditubuhkan pada 1 Ogos 1964 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor No. 4 tahun 1964. Ia merupakan Agensi pelaksana pembangunan peringkat negeri berpandukan dasar Kerajaan Negeri Selangor. Program Penempatan Semula Setinggan telah dilaksanakan oleh Perbadanan sejak penubuhannya lagi. Walaupun begitu setinggan yang diberi penempatan semula hanya meliputi setinggan yang mendiami tanah milik Perbadanan.

Antara matlamat Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk mencapai kadar setinggan sifar menjelang tahun 2005. Ia sebagai usaha untuk mengurangkan masalah dan memperbaiki taraf hidup setinggan dengan menyediakan kediaman yang lengkap dengan kemudahan asas yang mampu dimiliki dan dibeli oleh setinggan yang kebanyakannya berpendapatan rendah. Bagi mencapai sasaran setinggan sifar, Perbadanan turut diberi tanggungjawab untuk melaksanakan penempatan semula setinggan di tanah milik Kerajaan Negeri. Ini berdasarkan Perbadanan telah mencatatkan berbagai kejayaan untuk pembangunan Negeri ini malah telah berjaya meraih pengiktirafan MS ISO 9002 bagi bidang pembinaan rumah. Bagi menjayakan program ini Kerajaan Negeri telah menganugerahkan Perbadanan 11 bidang tanah seluas 338.84 ekar untuk dibangunkan sebagai kawasan perumahan dan menempatkan semula setinggan. Rumah kos rendah yang dibina untuk penempatan semula setinggan dijual kepada setinggan pada harga subsidi. Sehingga bulan Disember 2003 sejumlah 20,017 keluarga setinggan yang menduduki tanah Perbadanan telah berjaya dipindahkan dan diberi penempatan semula. Pemindahan ini melibatkan subsidi jualan rumah berjumlah RM100.10 juta. Manakala bagi setinggan yang menduduki tanah Kerajaan Negeri, Perbadanan akan menanggung kos subsidi jualan rumah sekurangnya berjumlah RM48.50 juta.

54. OBJEKTIF AUDIT

Kajian Audit adalah untuk menentukan sama ada Program Penempatan Semula Setinggan oleh Perbadanan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

55. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program Penempatan Semula Setinggan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Ia meliputi proses dan pengurusan penempatan semula setinggan yang menduduki tanah milik Perbadanan dan tanah Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan kepada Perbadanan. Kajian ini melibatkan pemeriksaan terhadap rekod, fail, laporan kemajuan dan dokumen berkaitan di Pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Selain itu, temu bual dengan pegawai di Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan Shah Alam juga turut diadakan untuk mendapatkan keterangan lanjut. Lawatan telah dibuat ke kawasan perumahan baru yang telah siap dibina untuk penempatan semula setinggan Kerajaan Negeri iaitu di perumahan Seri Perantau, Pelabuhan Klang dan kawasan yang masih diduduki setinggan di Kampung Seri Perantau. Kawasan perumahan yang menempatkan bekas setinggan Perbadanan yang dilawati adalah kawasan perumahan di Kota Damansara, Kampung Lindungan, Kampung Kerinci dan Shah Alam. Rumah di kawasan perumahan ini telah dibeli oleh bekas setinggan melebihi 5 tahun tetapi masih belum memperolehi hak milik strata dan masih di bawah penyelenggaraan Perbadanan. Dua kawasan perumahan sementara yang telah dilawati ialah kawasan perumahan Bandar Sultan Suleiman dan Sungai Sireh, di daerah Klang.

56. PENEMUAN AUDIT

56.1 PERANCANGAN

Perbadanan merupakan jentera pelaksana dasar pembangunan Kerajaan Negeri. Perbadanan turut berperanan merancang serta berusaha untuk

merealisasikan dasar setinggan sifar Kerajaan Negeri Selangor menjelang tahun 2005. Semakan Audit terhadap proses perancangan ini telah menemui perkara seperti berikut:

56.1.1 Program Penempatan Semula Setinggan

Kajian Audit mendapati bahawa program ini telah pun dirancang oleh Perbadanan sejak penubuhannya lagi. Melalui program ini, Perbadanan merancang untuk menempatkan semula setinggan yang menduduki tanah miliknya dengan menyediakan perumahan kos rendah melalui penggunaan tanah secara ekonomik. Proses pemindahan setinggan akan dibuat secara berperingkat mengikut kawasan perumahan yang akan dimajukan oleh Perbadanan. Penempatan semula hanya melibatkan setinggan di sekitar daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak, Wilayah Persekutuan dan Klang.

Sebagai Agensi pembangunan negeri, Perbadanan turut terlibat secara langsung untuk menjayakan Program Setinggan Sifar menjelang tahun 2005 yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi RMK8. Perbadanan telah dipertanggungjawabkan untuk memindah dan menempatkan semula 3,464 keluarga setinggan yang menduduki tanah Kerajaan Negeri ke 11 kawasan perumahan yang tetapkan. Keputusan pemindahan setinggan tersebut dibuat melalui mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor secara berperingkat mulai tahun 2001. Kawasan setinggan yang terlibat adalah kawasan perumahan penempatan setinggan yang terbengkalai sama ada dimajukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau pihak swasta. Oleh itu, Perbadanan tidak menyediakan pelan pembangunan yang khusus mengenai program setinggan sifar meliputi kajian kemungkinan, anggaran kos projek, sumber pembiayaan dan lain lagi.

56.1.2 Struktur Pengurusan

Perbadanan menyusun struktur organisasinya dengan teliti bagi memastikan aktiviti yang dirancang dapat berjalan lancar dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Bagi melaksanakan program ini dengan berkesan, proses dan pembahagian tugas akan dibuat di beberapa bahagian. Antara bahagian tersebut, Bahagian Tanah dan Bahagian Perumahan adalah merupakan bahagian utama. Manakala Bahagian Perancangan, Bahagian Kewangan, Bahagian Pengurusan Harta dan Unit Keselamatan adalah sebagai bahagian sokongan. Bahagian Penyelaras Projek akan diwujudkan di 5 kawasan pembangunan projek iaitu Ibu Pejabat, Shah Alam, Kota Damansara, Bandar Sultan Suleiman dan Bangi yang akan bertanggungjawab memantau projek pembinaan yang dilaksanakan di kawasan masing-masing. Seterusnya, Bahagian Korporat pula akan berperanan sebagai penyelaras program dengan semua bahagian yang terlibat dan bertanggungjawab menyediakan laporan kepada pihak pengurusan atasan Perbadanan dan Jawatankuasa Pemantauan Setinggan. Kemajuan program akan dilaporkan semasa mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri.

56.1.3 Bilangan Rumah

- i) Bagi tempoh RMK8 (2001 – 2005), Perbadanan merancang untuk membina pelbagai jenis rumah dianggarkan berjumlah 24,635 unit di Negeri Selangor yang mana sejumlah 5,641 unit (23%) adalah rumah kos rendah untuk penempatan semula setinggan Perbadanan. Bilangan rumah kos rendah yang dijangka akan siap dibina bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah berjumlah 4,232 unit seperti **Jadual 30**.

Jadual 30
Rancangan Pembinaan Rumah Kos Rendah
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003

Kawasan	Bilangan Projek	Bilangan Rumah
Kota Damansara	3	2,512
Shah Alam	1	960
Klang	1	200
Bangi	1	560
Jumlah	6	4,232

Sumber : RMK 8 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

- ii) Selain itu, bagi merealisasikan dasar Kerajaan Negeri terhadap Program Setinggan Sifar, Perbadanan telah membuat perancangan tambahan bagi membina rumah kos rendah yang mencukupi menjelang akhir tahun 2005. Perancangan tambahan ini akan dapat menempatkan semula 3,464 keluarga setinggan Kerajaan Negeri.

56.1.4 Pemilihan Tapak Projek

Bagi menjaga kebijakan dan menjalankan tanggungjawab sosial terhadap setinggan, Perbadanan juga merancang untuk menempatkan setinggan di kawasan perumahan bercampur yang bersesuaian dan berdekatan. Perancangan penempatan semula akan mengambil kira pelbagai keperluan setinggan termasuk kedudukan dan jarak tempat kerja serta penyediaan kemudahan asas yang mencukupi termasuk sekolah dan kemudahan riadah.

Bagi setinggan tanah Kerajaan Negeri pula, pembangunan kawasan perumahan akan dilaksanakan di 11 tapak perumahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk dimajukan oleh Perbadanan.

56.1.5 Anggaran Kos Projek

Perbadanan telah menganggarkan sejumlah RM90 juta diperlukan untuk membiayai projek pembinaan rumah kos rendah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Pembinaan rumah kos rendah tersebut akan dibangunkan melalui pembangunan kawasan perumahan bercampur meliputi kawasan Shah Alam, Bangi, Kota Damansara, Bandar Sultan Suleiman dan lain lagi.

56.1.6 Kaedah Pelaksanaan

Pembangunan kawasan perumahan akan dilaksanakan menerusi 3 kaedah seperti berikut:

i) Pelaksanaan projek oleh Perbadanan sendiri

Kontraktor dipilih secara tender atau projek diusahakan sendiri oleh syarikat subsidiari Perbadanan. Pemilihan syarikat akan dibuat melalui tender terbuka dan diluluskan oleh mesyuarat Jemaah Ahli Perbadanan.

ii) Pelaksanaan projek secara penswastaan

Pemilihan kontraktor dibuat berdasarkan syarikat yang menawarkan peratus pulangan tertinggi dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penswastaan Perbadanan dan mesyuarat Jemaah Ahli Perbadanan.

iii) Pelaksanaan projek secara usahasama

Projek diusahakan secara bersama dengan kontraktor swasta melalui perjanjian usahasama mengikut jaminan keuntungan minima kepada Perbadanan. Pemilihan berdasarkan kontraktor yang mempunyai kedudukan kewangan yang teguh dan berpengalaman. Pemilihan kontraktor projek usahasama diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan dan disahkan oleh mesyuarat Jemaah Ahli Perbadanan.

56.1.7 Penetapan Harga Rumah

Melalui program ini Perbadanan akan menyediakan rumah pangsa yang mampu dibeli oleh setinggan khususnya yang berpendapatan rendah. Bagi menjayakan rancangan ini adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk memberi bantuan subsidi harga rumah kos rendah kepada setinggan dan perlu dipatuhi oleh semua Agensi pelaksana. Melalui RMK8 Kerajaan Negeri menetapkan harga siling rumah kos rendah yang dijual kepada setinggan bandaran adalah RM42,000 seunit manakala kepada setinggan insitu sejumlah RM35,000 seunit. Ini bermakna Perbadanan akan menanggung kos subsidi sekiranya kos pembinaan melebihi nilai siling rumah kos rendah yang dijual kepada setinggan.

56.1.8 Pembiayaan Projek

Perbadanan merancang agar kos subsidi itu dapat ditampung daripada keuntungan projek penswastaan dan projek usahasama, hasil jualan tanah dan rumah serta pembiayaan melalui pinjaman daripada institusi kewangan. Lebihan pendapatan bersih yang akan diperolehi bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti **Jadual 31**.

Jadual 31

**Anggaran Lebihan Pendapatan
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003**

	Tahun		
	2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)
Anggaran Pendapatan	875	825	829
Anggaran Perbelanjaan	738	724	792
Kelebihan / (kurangan) Pendapatan	137	101	37
Bayaran Faedah/Pinjaman	131	94	36
Anggaran Lebihan Pendapatan Bersih	6	7	1

Sumber: Bajet Tahunan PKNS

Perbadanan tidak menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi membiayai projek penempatan semula setinggan. Walaupun begitu, Kerajaan Negeri melalui kelulusan mesyuarat EXCO bersetuju menganugerahkan tanah kepada Perbadanan untuk dimajukan sebagai projek perumahan bercampur dan untuk penempatan semula setinggan. Perbadanan menjangkakan akan memperolehi keuntungan jangka panjang daripada pembangunan kawasan perumahan tersebut apabila kawasan perumahan siap dibina dan dijual.

56.1.9 Kaedah Pengagihan Rumah

Program penempatan semula setinggan ini akan dilaksanakan melalui beberapa tapisan oleh pihak pengurusan Perbadanan termasuk daripada Kerajaan Negeri sendiri. Ini adalah bagi memastikan supaya setiap peringkat pelaksanaan program ini dapat berjalan dengan lancar dan telus.

- i) Bagi mengenal pasti jumlah keluarga setinggan yang menduduki tanah milik Perbadanan, proses bancian akan dijalankan oleh Bahagian Tanah dan dibantu oleh Bahagian Penguatkuasaan Perbadanan. Melalui proses bancian tersebut, maklumat peribadi setinggan akan direkodkan. Laporan bancian akan dikemukakan kepada Bahagian Perumahan Perbadanan untuk proses penempatan dan pengagihan rumah. Setinggan akan didaftarkan untuk dipanggil temu duga bagi memastikan ketepatan data yang diperolehi melalui proses bancian. Bagi memastikan kesahihan maklumat yang dikemukakan oleh setinggan, pengesahan akan dibuat dengan pihak ketiga seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Negeri Selangor. Hanya setinggan yang menepati kriteria yang ditetapkan akan ditawarkan rumah kos rendah pada harga subsidi. Di antara kriteria yang ditetapkan ialah setinggan hendaklah warganegara Malaysia, telah berkahwin, pendapatan isi rumah tidak melebihi

RM2,500 sebulan dan belum memiliki rumah. Melalui proses temu duga, Perbadanan juga akan mendapatkan persetujuan bertulis daripada setinggan untuk berpindah ke kawasan perumahan yang ditetapkan.

- ii) Bagi setinggan di tanah Kerajaan Negeri pula, proses bancian dan pemilihan setinggan diurus oleh Majlis Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan daerah yang berkenaan. Senarai setinggan yang menduduki tanah Kerajaan Negeri akan dikemukakan kepada Bahagian Perumahan Perbadanan untuk proses penempatan semula dan pengagihan rumah.

56.1.10 Penempatan Sementara

Perbadanan akan memindahkan setinggan daripada tapak setinggan yang akan dimajukan ke kawasan transit atau penempatan sementara yang terdiri daripada rumah pangsa kos sederhana milik Perbadanan. Setiap keluarga setinggan akan dikenakan bayaran sewa pada harga subsidi sekurang-kurangnya sejumlah RM55 sebulan. Sekiranya tiada rumah transit dapat disediakan kepada setinggan, Perbadanan akan memberi subsidi sewa rumah sejumlah RM300 sebulan kepada setiap keluarga setinggan berkenaan sehingga rumah kos rendah yang ditetapkan siap dibina. Setinggan yang bersetuju menyewa penempatan sementara ini akan menandatangani surat perjanjian sewa dengan Perbadanan. Tiada tempoh tertentu dihadkan kepada setiap keluarga setinggan yang menyewa di penempatan sementara. Walaupun begitu biasanya setinggan akan dikehendaki berpindah ke kawasan perumahan setelah siap dibina.

56.1.11 Standard Perumahan Kos Rendah

Penempatan Semula Setinggan

Bagi memberi keselesaan kepada setinggan, projek perumahan kos rendah yang dibangunkan hendaklah mengikut standard yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Rumah kos rendah hendaklah mempunyai ruang tamu, 3 buah bilik tidur, dapur dan bilik air

dengan keluasan tidak kurang daripada 650 kaki persegi. Bagi rumah pangsa kos rendah yang melebihi 5 tingkat maka kemudahan lif hendaklah disediakan. Selain itu, persekitaran kawasan perumahan kos rendah hendaklah disediakan dengan kemudahan dewan orang ramai, kawasan perniagaan, masjid atau surau dan tempat riadah. Ini merupakan perancangan dan strategi sosial bagi meningkatkan kualiti dan taraf hidup setinggan.

56.1.12 Kawalan Pencerobohan Semula Tapak Setinggan

Perbadanan akan membersihkan tapak setinggan yang dikosongkan dan memasang pagar di tanah berkenaan supaya ianya tidak dicerobohi semula sehingga pelaksanaan projek di tanah tersebut dijalankan. Tanah tersebut akan diletakkan papan pemberitahuan bahawa ianya adalah tanah hak milik Perbadanan. Proses meroboh penempatan setinggan dan kawalan pencerobohan semula akan dilaksanakan oleh Bahagian Tanah Perbadanan. Bagi memastikan proses meroboh tersebut dijalankan dengan selamat maka Perbadanan akan mendapatkan bantuan daripada pihak polis dan Pihak Berkuasa Tempatan.

56.1.13 Mekanisma Pemantauan Program

Bagi memastikan pelaksanaan program berjalan dengan lancar dan berkesan, Perbadanan akan mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan Setinggan yang akan bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek pembinaan rumah kos rendah bagi penempatan setinggan. Jawatankuasa ini juga akan bertanggungjawab menjalankan penyelaras program setinggan sifar menjelang 2005 dengan Kerajaan Negeri.

Pada pandangan Audit, Perbadanan mempunyai perancangan yang baik bagi penempatan semula setinggan yang menduduki tanah miliknya. Walaupun begitu, Perbadanan tidak menyediakan perancangan yang lebih khusus meliputi semua aspek iaitu peruntukan kewangan, gunatenaga dan mekanisma pemantauan bagi penempatan

semula setinggan Kerajaan Negeri kerana ianya diluar jangkaan Perbadanan. Keputusan melaksanakan projek penempatan semula setinggan ditanah Kerajaan Negeri diluluskan secara berperingkat mulai tahun 2001.

56.2 PELAKSANAAN

Bagi menjamin kejayaan sesuatu program maka pelaksanaan perlulah dibuat mengikut perancangan dan peraturan yang ditetapkan. Kajian Audit mengenai pelaksanaan program menunjukkan perkara berikut:

56.2.1 Tapak Perumahan

Perbadanan telah memajukan tanahnya sebagai kawasan perumahan bercampur termasuk membina rumah kos rendah. Ini bagi memastikan Perbadanan mempunyai rumah kos rendah yang mencukupi untuk penempatan semula setinggan. Bagi penempatan semula setinggan Kerajaan Negeri melalui mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Selangor, Perbadanan telah dianugerahkan 11 bidang tanah seluas 338.84 hektar untuk dimajukan sebagai kawasan perumahan. Semakan Audit mendapati 2 tanah anugerah yang dimajukan tidak mempunyai perumahan kos rendah untuk penempatan semula setinggan. Ini disebabkan projek perumahan di tanah tersebut adalah untuk menampung kos pembinaan rumah kos rendah bagi baki 9 tapak perumahan berkenaan. Kelulusan pindaan tanah daripada rumah kos rendah kepada pembangunan kawasan perumahan bercampur telah diluluskan oleh Pejabat Tanah Daerah. Sejumlah 157 keluarga setinggan yang sepatutnya ditempatkan di tapak perumahan tersebut akan dipindahkan ke kawasan perumahan di Shah Alam milik Perbadanan. Semakan Audit juga mendapati 9 tapak perumahan yang dimajukan itu telah dilakukan ujian tanah bagi memastikan kesesuaian tanah sebagai tapak perumahan. Butiran lanjut mengenai tapak perumahan penempatan semula setinggan Kerajaan Negeri seperti **Jadual 32**.

Jadual 32
Tapak Perumahan Untuk Penempatan Semula Setinggan

Bil	Nama Kawasan	Jumlah Keluarga	Keluasan (Hektar)
1	Lot 9803, Kg. Seri Perantau, Pelabuhan Klang	1,622	182.63
2	Matang Pagar & Lot 19695, Kg. Seri Indah, Rawang	510	82.0
3	Lot 13824 & 13825, Mkm. Damansara (Danaharta)	45	26.6
4	Seksyen 16, Bangi (Council Home)	200	10.8
5	Lot 27710, Taman Permai Jaya, Ampang	135	9.15
6	Lot 6118, Tmn. Selayang Indah, Mkm. Batu (Skill Serve)	130	7.64
7	Bt. 15, Bkt. Kundang, Hulu Langat	109	5.5
8	Lot 3240, Jln PJS 1/50, Petaling Jaya Selatan	400	5.12
9	Kg. Seri Kenangan, Jln. Mohd Sidin	112	4.38
10	Lot 7142, Jln. Kwang Tung, Sg. Chua, Kajang	86	3.14
11	Kg. Baru Cina, Semenyih	115	1.88
Jumlah		3,464	338.84

Sumber : Laporan Pemantauan Setinggan Sifar

Pada pandangan Audit, tapak perumahan telah disediakan mengikut perancangan dan sesuai.

56.2.2 Pemilihan Kontraktor

Semua projek pembinaan rumah kos rendah di bawah Program Setinggan Sifar bagi tempoh RMK8 dilaksanakan oleh syarikat subsidiari Perbadanan. Perbadanan memaklumkan pemilihan syarikat subsidiari untuk projek ini adalah bagi mempercepatkan proses pembinaan disebabkan ia merupakan projek '*Fast Track*' dan syarikat subsidiari tidak terikat dengan birokrasi penawaran tender. Pihak Audit mendapati pada tahun 2003, sebanyak 8 projek perumahan yang dimajukan untuk setinggan Kerajaan Negeri telah ditawarkan kepada 3 syarikat subsidiari Perbadanan. Nilai kos

kontrak bagi 8 projek perumahan tersebut adalah berjumlah RM155.14 juta manakala 1 projek lagi pemilihan kontraktor belum ditetapkan.

Pada pandangan Audit, pemilihan anak syarikat bagi membangunkan kawasan perumahan penempatan setinggan dapat membantu Perbadanan melancarkan proses pembinaan menjelang tahun 2005.

56.2.3 Pembinaan Rumah

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Perbadanan merancang membina 4,232 unit rumah kos rendah untuk penempatan semula setinggan Perbadanan di sekitar Lembah Klang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,792 unit (90%) telah siap dibina pada 2003. Rancangan untuk membina 200 unit rumah kos rendah di Shah Alam dan Bandar Sultan Sulaiman, Klang telah dibatalkan kerana masalah pengambilan balik tanah manakala 240 unit rumah di Kota Damansara yang sepatutnya siap dibina pada tahun 2003 hanya dapat disiapkan pada awal tahun 2004. Kelewatan disebabkan oleh kontraktor menghadapi masalah aliran tunai.

Selain itu, daripada 3,792 unit rumah kos rendah yang telah siap dibina, sebanyak 3,525 unit telah dijual kepada setinggan Perbadanan manakala 267 unit masih dalam proses agihan. Sebanyak 183 unit daripada baki 267 rumah kos rendah tersebut sedang ditawarkan kepada setinggan yang menduduki penempatan sementara manakala 84 unit rumah lagi akan ditawarkan kepada setinggan Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Selain itu, bagi penempatan semula setinggan Kerajaan Negeri, Perbadanan masih dalam proses membina 4,115 unit rumah kos rendah lagi di 9 tapak perumahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk 3,464 keluarga setinggan.

Pada pandangan Audit, Perbadanan berupaya menyediakan bilangan rumah yang mencukupi untuk penempatan semula setinggan sekiranya projek pembinaan yang dirancang berjalan lancar.

56.2.4 Prestasi Projek

Pada tahun 2003 Perbadanan sedang memajukan 9 kawasan perumahan bagi menempatkan semula 3,464 keluarga setinggan. Analisis Audit terhadap prestasi pelaksanaan projek tersebut sehingga akhir tahun 2003 adalah seperti berikut:

- i) Semakan Audit mendapati 3 projek yang sepatutnya siap pada tahun 2003 tidak disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Walaupun begitu tempoh kelewatannya adalah tidak ketara. Satu projek perumahan iaitu Kampung Seri Perantau, Pelabuhan Klang telah siap dibina pada akhir tahun 2003 dan pemindahan setinggan ke kawasan perumahan tersebut dibuat pada bulan Januari 2004. Manakala 2 projek lagi telah disiapkan pada bulan Februari 2004. Kelewatannya menyatakan projek mengikut jadual adalah disebabkan kerja pembinaan lewat dimulakan kerana kelulusan pelan infrastruktur dan bangunan hanya diperolehi pada awal tahun 2003. Butiran lanjut seperti **Jadual 33**.

Jadual 33
Prestasi Projek Pembinaan Rumah

Bil	Nama Projek	Unit Rumah	Tempoh Siap Sepatutnya	Tempoh Siap Sebenar
1.	Lot 9803, Kg. Seri Perantau, Klang.	768 (Fasa 1)	September 2003	November 2003
2.	Lot 7142, Jalan Kwang Tung, Kajang	100	November 2003	Februari 2004
3.	Seksyen 16, Bangi (Council Homes)	200 (Fasa 1)	November 2003	Februari 2004

Sumber: Laporan Pemantauan Setinggan Sifar

Foto 5 adalah contoh projek yang siap.

Foto 5

**Perumahan Baru Program Setinggan Sifar
Kampung Seri Perantau Pelabuhan Klang.**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 13 Januari 2004*

- ii) Enam projek perumahan penempatan semula setinggan termasuk 1 projek perumahan fasa 2 akan siap dibina pada bulan November 2004. Semakan Audit mendapati 4 projek menunjukkan prestasi yang memuaskan manakala 2 projek lagi tidak mengikut jadual yang ditetapkan. Walaupun begitu kelewatan projek adalah tidak ketara iaitu antara 1% hingga 10%. Semakan Audit mendapati daripada 6 projek tersebut, tiga projek dijangka siap pada akhir tahun 2004 iaitu menghampiri tahun sasaran setinggan sifar. Butiran lanjut seperti di **Jadual 33(a)**.

Jadual 33 (a)
Prestasi Projek Pembinaan Rumah
Yang Dijangka Siap Tahun 2004

Bil.	Nama Projek	Unit Rumah	Tempoh Kontrak	Status Projek
1.	Kg. Baru Cina, Semenyih	115	November 2002 hingga Jun 2004	Sepatutnya:70% Sebenar: 71%
2.	Lot 22710, Taman Permai Jaya, Ampang	190	September 2002 hingga Mac 2004	Sepatutnya:93% Sebenar: 97%
3.	Seksyen 16, Bangi (Council Homes)	500 (Fasa 2)	November 2002 hingga November 2004	Sepatutnya:49% Sebenar: 59%
4.	Batu 15, Bukit Kundang, Hulu Langat	110	Jun 2003 hingga November 2004	Sepatutnya:25% Sebenar: 27%
5.	Lot 6118, Taman Pinggiran Indah, Mukim Batu	140	April 2003 hingga November 2004	Sepatutnya:21% Sebenar: 20%
6.	Lot 32480, Jalan PJS 1/50, Petaling Jaya	400	Jun 2002 hingga April 2004	Sepatutnya:99% Sebenar: 94%

Sumber: Laporan Pemantauan Setinggan Sifar

- iii) Seterusnya 1 projek perumahan iaitu Projek Matang Pagar, dan Kampung Seri Indah, Rawang untuk menempatkan 510 keluarga setinggan masih belum dimulakan. Projek ini diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan untuk dimajukan pada bulan Oktober 2003.
- iv) Selain itu, satu projek perumahan iaitu Kampung Seri Perantau Fasa II untuk penempatan semula 854 keluarga setinggan dijangka siap pada September 2005 iaitu melebihi tahun sasaran setinggan sifar.

Pada pandangan Audit, Perbadanan telah mengembeleng tenaga bagi memastikan projek pembinaan penempatan semula setinggan berjalan lancar mengikut tempoh yang ditetapkan. Perbadanan perlu terus berusaha dan mempertingkatkan penyeliaan terutamanya terhadap projek pembinaan yang akan siap

pada akhir tahun 2004 dan projek pembinaan yang belum bermula.

56.2.5 Permohonan Tanah

Kelulusan memajukan tanah hanya diperolehi secara dasar melalui mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor. Oleh itu, kelulusan memiliki dan memajukan tanah perlu diperolehi daripada Pejabat Tanah sebelum pembangunan dibuat. Ini bagi menjamin kepentingan Perbadanan terhadap tanah yang dimajukan dan mengelak sebarang risiko. Pihak Audit mendapati tanah anugerah Kerajaan Negeri telah dimajukan sebagai projek perumahan walaupun kelulusan rasmi mengenai syarat tanah dan bayaran premium belum diperolehi daripada Pejabat Tanah. Memandangkan program ini perlu dilaksanakan dengan segera bagi menepati tempoh sasaran menjelang tahun 2005, Perbadanan terpaksa memulakan pembangunan walaupun kelulusan rasmi mengenainya belum diperolehi. Walaupun begitu bagi mengurangkan risiko, Perbadanan telah membuat semakan awal dengan Pejabat Tanah mengenai status tanah anugerah bagi memastikannya tidak mempunyai bebanan (*encumbrance*). Semakan Audit mendapati 2 daripada 9 tanah yang dimajukan untuk penempatan semula setinggan, masih belum mendapat kelulusan daripada Pejabat Tanah walaupun tindakan susulan sentiasa diambil oleh Perbadanan. Satu daripadanya iaitu kawasan perumahan Kg. Seri Perantau, Pelabuhan Klang telah siap dibina pada awal tahun 2004 bagi menempatkan sekurang-kurangnya 968 keluarga setinggan tetapi masih belum memperolehi kelulusan daripada Pejabat Tanah.

Pada pendapat Audit, Perbadanan telah menanggung risiko membangunkan kawasan perumahan sebelum mendapatkan kelulusan hak milik tanah daripada Pejabat Tanah. Usaha hendaklah diteruskan bagi memperolehi kelulusan rasmi

permohonan tanah terutamanya bagi tanah yang sedang dimaju dan telah siap dibina.

56.2.6 Anggaran Kos Projek

Anggaran kos pembinaan rumah kos rendah yang diluluskan bagi tempoh tahun 2001 hingga tahun 2003 berjumlah RM90 juta adalah bagi membiayai pembinaan rumah kos rendah untuk penempatan semula setinggan yang menduduki tanah milik Perbadanan. Bagaimanapun tambahan sejumlah RM94.1 juta lagi telah diluluskan melalui mesyuarat Jemaah Ahli Perbadanan bagi membiayai kos projek perumahan penempatan semula setinggan Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati jumlah perbelanjaan sebenar bagi projek pembinaan rumah kos rendah untuk penempatan semula setinggan bagi tahun 2001 hingga 2003 adalah berjumlah RM247.50 juta. Ini menunjukkan kos projek telah melebihi daripada yang dianggarkan sejumlah RM63.4 juta. Lebih perbelanjaan disebabkan tambahan projek pembinaan untuk penempatan semula setinggan Kerajaan Negeri. Perbadanan tidak memperolehi sebarang bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri dan semua kos projek pembinaan dibiayai sendiri oleh Perbadanan melalui sumber pendapatannya dan melalui kemudahan pinjaman daripada sebuah institusi kewangan.

Pada pandangan Audit, Perbadanan perlu mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi membiayai kos projek Perbadanan. Ini bagi memastikan projek tidak tergendala dan mampu disiapkan menjelang tahun 2005.

56.2.7 Penetapan Harga Rumah

Kerajaan Negeri menetapkan harga jualan rumah kos rendah tidak melebihi RM42,000 satu unit. Ini bermakna kos pembinaan rumah tidak melebihi RM42,000 satu unit. Jika pembinaan melebihi kos ini, Perbadanan akan menanggung lebihannya sebagai subsidi.

Semakan Audit mendapati kos pembinaan sebenar yang ditanggung oleh Perbadanan ialah sejumlah RM56,000 satu unit iaitu berdasarkan harga kontrak pembinaan yang ditawarkan kepada kontraktor. Pertambahan kos pembinaan disebabkan peningkatan kos infrastruktur seperti kos penambakan tanah bagi kawasan perumahan yang dimajukan. Ini menunjukkan harga subsidi jualan rumah yang perlu ditanggung oleh Perbadanan adalah sejumlah RM14,000 seunit. Berdasarkan kepada 3,464 setinggan tanah Kerajaan Negeri yang perlu diberi penempatan semula menjelang tahun 2005, Perbadanan dijangka akan menanggung subsidi berjumlah RM48.50 juta.

Sebelum ini Perbadanan telahpun menanggung sejumlah RM100.10 juta harga subsidi jualan rumah bagi setinggan yang menduduki tanah Perbadanan.

56.2.8 Kaedah Pengagihan Rumah

Perbadanan menawarkan rumah kos rendah pada harga subsidi kepada setinggan berdasarkan syarat dan kriteria kelayakan pembeli rumah kos rendah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Antara kriteria yang ditetapkan ialah pendapatan isi rumah pembeli adalah kurang daripada RM2,500 sebulan dan merupakan pembelian rumah pertama. Ia bertujuan untuk menyelaraskan dan mengawal penjualan rumah kos rendah hanya kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri tersebut maka setinggan yang telah dibenci dan didaftar oleh Bahagian Tanah dipanggil temu duga oleh Bahagian Perumahan untuk mengesahkan kesahihan maklumat. Biasanya temu duga dilaksanakan dalam tempoh sebulan selepas laporan bancian diterima. Proses temu duga akan dijalankan dengan segera sekiranya terdapat rumah kos rendah yang telah siap dibina atau sedang dalam pembinaan. Analisis Audit mendapati proses dan daftar bancian telah diselenggara dengan sempurna manakala proses temu duga telah dijalankan pada situasi yang munasabah.

Bagi memastikan penjualan rumah kos rendah hanya kepada pembeli yang menepati syarat yang ditetapkan maka Kerajaan Negeri menetapkan pembeli rumah kos rendah perlu disahkan oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Negeri Selangor. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada mengemukakan senarai nama pembeli rumah kos rendah untuk mendapat pengesahan Lembaga berkenaan. Walaupun begitu, bagi Program Setinggan Sifar, Kerajaan Negeri menetapkan semua setinggan yang menduduki tanah Kerajaan Negeri ditawarkan rumah kos rendah. Syarat dan kriteria kelayakan pembeli rumah kos rendah tidak digunakan. Analisis Audit terhadap senarai temu duga setinggan bagi 4 kawasan setinggan iaitu Kampung Seri Perantau, Kampung Hijrah Lama, Medan Pulau dan Peransang Permai yang meliputi 591 keluarga mendapati sekurang-kurangnya sebanyak 148 keluarga setinggan tidak layak membeli rumah kos rendah pada harga subsidi. Antaranya adalah disebabkan setinggan tersebut telah memiliki rumah, bujang atau pendapatan isi rumah melebihi RM2,500 sebulan.

Pada pandangan Audit, rumah kos rendah dijual pada harga subsidi kepada setinggan yang menepati kriteria pembeli rumah kos rendah dan rakyat yang berpendapatan rendah. Setinggan yang melebihi syarat kelayakan dan berkemampuan sewajarnya ditawarkan selain rumah kos rendah tanpa mendapat harga subsidi.

56.2.9 Standard Perumahan Kos Rendah

Lawatan Audit telah dibuat ke kawasan perumahan baru di bawah program setinggan sifar yang telah siap dibina iaitu Kg. Seri Perantau di Pelabuhan Klang. Lawatan ini bagi memastikan rumah dan kemudahan yang disediakan menepati standard yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Hasil lawatan Audit ke kawasan perumahan tersebut mendapati kualiti rumah dan kemudahan yang

disediakan adalah mengikut standard yang ditetapkan. Temubual dengan beberapa setinggan memaklumkan mereka berpuas hati dengan kawasan perumahan baru dan bersedia dipindahkan.

Pada pandangan Audit, kawasan perumahan baru untuk penempatan semula setinggan adalah mengikut *standard* yang ditetapkan dan dilengkapi dengan kemudahan awam serta infrastruktur yang memuaskan.

56.2.10 Penempatan Sementara

Penempatan sementara biasanya melibatkan setinggan insitu yang mana kawasan setinggan akan dijadikan tapak perumahan. Bagi menjaga kebijakan setinggan maka Perbadanan menyediakan penempatan sementara iaitu rumah pangsa kos sederhana untuk disewakan dengan kadar subsidi iaitu RM55 sebulan berbanding kadar sebenarnya sekurang-kurangnya RM270 sebulan. Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2003, masih ada 199 keluarga setinggan yang menduduki penempatan sementara. Daripada jumlah tersebut seramai 173 keluarga telah menduduki penempatan sementara antara 5 hingga 17 tahun disebabkan tidak bersetuju dengan kawasan perumahan kos rendah yang ditawarkan atau kelewatan menyiapkan satu projek perumahan yang ditetapkan. Walaupun begitu, Perbadanan sedang dalam proses menawarkan untuk menjual rumah penempatan sementara kepada setinggan tersebut. Bagi yang tidak berkemampuan, Perbadanan sedang berusaha untuk memindahkan setinggan ke kawasan perumahan yang sesuai. Analisis Audit mendapati kelewatan memindahkan 173 keluarga setinggan tersebut ke kawasan perumahan kos rendah sehingga akhir tahun 2003 menyebabkan Perbadanan telah menanggung subsidi seawaan sekurang - kurangnya sejumlah RM8.09 juta.

Pada pandangan Audit, Perbadanan telah menjalankan pelbagai usaha untuk memberikan penempatan kekal kepada

bekas setinggannya yang masih mendiami penempatan sementara. Walaupun begitu usaha masih perlu diteruskan bagi mengurangkan bebanan Perbadanan menanggung subsidi sewa.

56.2.11 Pengurusan Penyewaan Rumah Penempatan Sementara

Setinggan yang bersetuju menyewa penempatan sementara dikehendaki menandatangani perjanjian sewaan dengan Perbadanan. Antara syarat penting yang ditetapkan dan perlu dipatuhi oleh setinggan ialah membayar ansuran bulanan pada 7 haribulan pada setiap bulan, membayar cagaran sewa, menjelaskan bil elektrik dan air dengan teratur dan rumah tidak boleh disewakan kepada orang lain. Semakan Audit mendapati ada setinggan yang menyewa gagal mematuhi jadual bayaran ansuran yang ditetapkan. Analisis Audit terhadap senarai tunggakan sewa mendapati sehingga akhir tahun 2003, jumlah tunggakan sewa oleh setinggan yang menduduki penempatan sementara adalah berjumlah RM130,000. Pihak Audit dimaklumkan Perbadanan telah mengambil pelbagai tindakan susulan untuk mendapatkan tunggakan sewa melalui tindakan undang-undang atau menjual rumah yang disewakan itu. Perbadanan juga telah memberi kemudahan kepada bekas setinggan menjelaskan tunggakan secara ansuran.

Pada pandangan Audit, Perbadanan telah menjalankan pengurusan penyewaan rumah penempatan semula dengan memuaskan.

56.2.12 Keberkesanan Program

Kemiskinan dan perumahan adalah dua isu utama yang dikaitkan dengan kewujudan kawasan penempatan setinggan. Antara matlamat yang disasarkan melalui program ini ialah untuk membasi kemiskinan dan memperbaiki taraf hidup setinggan dengan menyediakan kediaman yang lengkap dengan kemudahan

asas. Sebagai Agensi pembangunan yang turut terlibat membangunkan kawasan perumahan, Perbadanan berkeupayaan menyediakan rumah kos rendah yang diperlukan. Perbadanan juga mempunyai guna tenaga yang mencukupi dan berpengalaman. Ini disebabkan program ini adalah antara aktiviti utama Perbadanan dan telah dilaksanakan secara berperingkat sebelum RMK8.

Mengikut Perbadanan, kejayaan program ini hanya dapat dinilai setelah setinggan berjaya dipindahkan dan kawasan setinggan berjaya dibersihkan dan dibangunkan dengan segera sama ada sebagai kawasan perumahan bercampur atau sebagai kawasan industri. Pembangunan ini telah menyumbang kepada penambahan pendapatan Perbadanan. Walaupun Perbadanan berupaya menyediakan rumah kos rendah yang mempunyai kemudahan asas namun semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2003 sebanyak 10,374 bekas setinggan masih belum mempunyai hak milik strata. Perbadanan sedang berusaha mengambil tindakan bagi mendapatkan hak milik strata bagi rumah yang telah dijual dan diduduki oleh bekas setinggan. Antaranya melantik 17 syarikat swasta bagi membantu Perbadanan mendapatkan hak milik strata dengan segera. Kelewatan memperolehi hak milik strata disebabkan proses permohonan yang mengambil masa yang lama dan melibatkan pihak ketiga seperti Pejabat Pentadbir Tanah, Jabatan Ukur dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Lawatan Audit ke 4 kawasan perumahan yang telah didiami oleh bekas setinggan melebihi 5 tahun mendapati kawasan persekitaran perumahan tidak bersih, rosak dan bangunan telah kelihatan buruk. Proses mendapatkan hak milik strata yang lambat menyebabkan Perbadanan terpaksa menanggung kos penyelenggaraan sekurang-kurangnya RM4 juta setahun. Selain itu, kegagalan penduduk menjelaskan bayaran perkhidmatan

mengikut jadual turut menyebabkan Perbadanan telah menanggung tunggakan bayaran perkhidmatan yang tinggi. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2003, tunggakan bayaran perkhidmatan bagi rumah kos rendah yang diduduki bekas setinggan adalah berjumlah RM1.8 juta. Penyelenggaran kawasan perumahan akan diserahkan kepada penduduk kawasan perumahan dan Pihak Berkuasa Tempatan setelah hak milik strata diperolehi.

Pada pandangan Audit, Perbadanan telah berusaha merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai setinggan sifar menjelang tahun 2005. Antara matlamat yang disasarkan adalah untuk membasmi kemiskinan dan menyediakan kediaman yang selesa dan mampu dimiliki oleh setinggan. Walaupun begitu, Perbadanan masih perlu meneruskan usahanya mendapatkan hak milik strata bagi rumah yang telah dijual kepada bekas setinggan. Kelewatan mendapatkan hak milik strata menyebabkan Perbadanan menanggung kos penyelenggaraan dan tunggakan bayaran perkhidmatan yang tinggi. Selain itu pihak ketiga yang terlibat seperti Pejabat Pentadbir Tanah, Jabatan Ukur dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu memberi kerjasama yang sewajarnya kepada Perbadanan bagi melancarkan pelaksanaan program ini dan membantu mengurangkan bebanan Perbadanan.

56.3 PEMANTAUAN

Perbadanan telah menwujudkan beberapa peringkat pemantauan bagi memastikan program ini dilaksanakan dengan berkesan selaras dengan dasar Kerajaan Negeri.

56.3.1 Jawatankuasa Pemantauan Setinggan Sifar

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengurus Besar Perbadanan dan dianggotai oleh Ketua Bahagian yang terlibat secara langsung terhadap Program Setinggan Sifar. Jawatankuasa ini berfungsi untuk memantau perkembangan projek pembinaan dan masalah yang dihadapi khusus kepada penempatan semula setinggan di tanah Kerajaan Negeri Selangor. Jawatankuasa ini bermesyuarat pada setiap minggu bagi memastikan tindakan segera dapat diambil terhadap masalah yang dihadapi. Antara perkara yang dibincangkan adalah status terkini projek pembinaan, status permohonan tanah dan perkara berbangkit mengenai penempatan setinggan. Untuk mendapatkan maklum balas segera mengenai status projek maka pihak pemaju turut dipanggil untuk memberi keterangan lanjut kepada Jawatankuasa. Ini menyebabkan segala masalah yang dihadapi dapat diatasi dengan segera. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini telah bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan dan laporan perkembangan projek disediakan pada setiap minggu.

56.3.2 Jawatankuasa Penyelaras Projek

Jawatankuasa ini berfungsi bagi memantau pelaksanaan projek pembinaan di bawah program penempatan semula setinggan. Ini bagi memastikan projek pembinaan yang dilaksanakan dapat disiapkan oleh pihak kontraktor mengikut tempoh dan standard yang ditetapkan. Jawatankuasa ini bermesyuarat sebulan sekali dengan dipengerusikan oleh Pengurus Kanan Khidmat Teknikal dan ahlinya terdiri daripada semua Ketua Jurutera dan wakil setiap bahagian yang terlibat daripada peringkat perancangan dan pelaksanaan projek. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini telah bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan dan perkembangan projek dipantau secara terperinci mengikut kawasan perumahan yang dimajukan.

56.3.3 Pemantauan Oleh Kerajaan Negeri

Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor telah mewujudkan koordinasi dengan semua Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat untuk memantau pelaksanaan program ini secara menyeluruh. Ini bagi memastikan Kerajaan Negeri berjaya merealisasikan matlamatnya untuk mencapai taraf setinggan sifar menjelang tahun 2005. Pemantauan dibuat melalui mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor yang bermesyuarat pada setiap minggu dengan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Pada pendapat Audit, Perbadanan mempunyai program pemantauan yang memuaskan. Ini kerana pemantauan dibuat terus oleh Kerajaan Negeri, pihak pengurusan atasan Perbadanan dan semua bahagian yang terlibat. Walaupun begitu, aspek pemantauan perlu dipertingkatkan lagi memandangkan ada projek pembinaan untuk penempatan semula setinggan akan siap pada akhir tahun 2004.

57. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri Selangor maju dan bebas daripada masalah setinggan haruslah disanjung tinggi. Perbadanan sebagai Agensi pembangunan peringkat negeri telah dipertanggungjawabkan membantu memberi penempatan semula kepada setinggan yang menduduki tanah Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Program ini seharusnya dilaksanakan berdasarkan matlamatnya untuk membasmi kemiskinan dan memperbaiki taraf hidup dengan memberi kediaman yang lengkap dengan kemudahan asas. Oleh itu peluang membeli rumah kos rendah pada harga subsidi seharusnya diberikan kepada semua rakyat yang berpendapatan rendah selepas melalui tapisan sewajarnya. Selain itu, keberkesanaan program perlulah dilihat bagi tempoh jangkamasa panjang dan memerlukan penglibatan dan komitmen semua pihak iaitu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pejabat tanah, institusi kewangan dan penduduk setempat termasuk setinggan. Keindahan dan kebersihan kawasan perumahan yang menjadi penempatan semula setinggan seharusnya dijaga dan dikekalkan selaras dengan matlamat Selangor maju menjelang tahun 2005.

MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA

PROJEK KOMUNITI IT

58. LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri Selangor mensasarkan tahun 2005 sebagai tahun pencapaian negeri maju berdasarkan Wawasan 2020 dan Wawasan Selangor Maju 2005. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor berusaha membentuk masyarakat Negeri Selangor supaya celik IT melalui program pembudayaan dan kesedaran IT dengan mewujudkan Pusat Komuniti IT (PKIT) di setiap peringkat negeri terutamanya untuk penduduk kawasan luar bandar. Penubuhan pusat ini akan ditaja oleh Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan swasta. Tujuan penubuhannya adalah untuk mendedahkan masyarakat Negeri Selangor khususnya di luar bandar dengan teknologi maklumat.

Pada penghujung tahun 2001, Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya menubuhkan sebanyak 18 buah PKIT di mana 7 buah PKIT menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri, empat buah PKIT di bawah tajaan Pihak Berkuasa Tempatan dan 7 buah PKIT di bawah tajaan pihak swasta.

59. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek komuniti IT telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

60. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap PKIT yang ditubuhkan oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya (Majlis) dan juga anjuran Kerajaan Negeri yang diseliakan oleh Majlis untuk tahun 2001 hingga 2003. Semakan Audit dijalankan terhadap rekod dan fail berkaitan di Majlis dan di Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu, temu bual dengan pegawai

Majlis dan penyelaras PKIT serta lawatan ke lokasi beberapa PKIT telah dibuat untuk mendapatkan kemajuan sebenarnya.

61. PENEMUAN AUDIT

61.1 PERANCANGAN

Bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan sempurna, Majlis telah membuat perancangan seperti berikut:

61.1.1 Kajian Awal

Majlis menetapkan objektif bagi program ini yang bertujuan untuk merapatkan jurang digital di kalangan penduduk setempat selain memberi kemudahan alternatif pembelajaran kepada pelajar sekolah/kolej dan orang dewasa serta memudahkan penyebaran maklumat. Pada bulan April tahun 2000, Majlis bersama penduduk Taman Dato' Harun telah menu buhkan pusat IT di kawasan tersebut. Majlis mengubahsuai bangunan balairaya Taman Dato' Harun dan pihak swasta menyumbang peralatan komputer serta perabot. Pusat ini dijadikan sebagai projek perintis kepada penubuhan PKIT di lokasi yang lain. Pengurusan PKIT ini diserahkan kepada Persatuan Penduduk untuk dikendalikan. Persatuan Penduduk menyediakan tenaga pengajar dan menyelia operasi pusat ini. Bayaran pendaftaran untuk menjadi ahli dikenakan sejumlah RM10 dan yuran bulanan RM20 untuk menyertai kelas komputer yang dianjurkan. Wang kutipan ini digunakan untuk membayar bil telefon, bil elektrik, bil air dan alat tulis komputer seperti dakwat pencetak serta kertas.

61.1.2 Struktur Pengurusan

Dalam merancang sesuatu projek, aspek struktur pengurusan dan sumber manusia memainkan peranan utama agar projek dapat dilaksana dengan lancar dan mencapai matlamat yang ditentukan. Ini termasuk menentukan fungsi dan peranan individu, Bahagian

atau Jawatankuasa yang terlibat secara langsung dengan projek ini. Sehubungan dengan itu, pengagihan tanggungjawab dipisahkan mengikut tajaan seperti berikut:

i) PKIT Tajaan Majlis

Bahagian Teknologi Maklumat, Majlis diberi tanggungjawab menubuh dan menyelaras semua PKIT anjuran Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Pada tahun 2001, Majlis merancang menubuhkan 3 PKIT di kawasannya, iaitu di SS9A/8 Seri Setia, Kota Damansara dan di Lembah Subang di samping meneruskan operasi PKIT Taman Dato' Harun. Pembiayaan pembinaan dan pengubahsuaian bangunan akan dikenakan kepada peruntukan Majlis.

Perjawatan yang diluluskan di bawah Bahagian Teknologi Maklumat adalah seramai 23 orang terdiri daripada 16 jawatan tetap dan 7 jawatan kontrak. Semua jawatan telah diisi kecuali 1 kekosongan jawatan tetap Penolong Pegawai Sistem Maklumat (F32). Semua Pegawai Sistem maklumat (4 orang) dan Penolong Pegawai Sistem Maklumat (8 orang) bertanggungjawab menyelia PKIT, seperti yang dinyatakan dalam Senarai Tugas masing-masing. Majlis merancang menempatkan kakitangannya untuk mengendalikan operasi 3 PKIT anjuran Majlis yang bakal ditubuhkan.

ii) PKIT Kerajaan Negeri Dengan Tajaan Pihak Swasta

Majlis juga merancang menyediakan 5 lokasi yang lain untuk menempatkan PKIT anjuran Kerajaan Negeri. Lokasi yang dipilih adalah di Taman Megah, Kampung Tunku, Bukit Gasing, Taman Medan dan di Kelana Jaya.

Majlis diarah menyediakan bangunan yang sesuai untuk menempatkan PKIT tersebut sama ada mengubahsuai bangunan yang sedia ada ataupun membina bangunan baru. Kempen celik IT yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri telah

berjaya menarik penajaan syarikat swasta bagi membiayai pembinaan ataupun pengubahsuaian bangunan serta membekalkan perabot dan perkakasan komputer.

Pentadbiran PKIT ini dirancang akan diserahkan kepada ADUN kawasan tersebut yang akan menentukan pihak yang akan mengendalikannya, sama ada Persatuan Penduduk, kakitangan Perpustakaan Daerah/Desa ataupun kakitangan KEMAS.

61.1.3 Kaedah Pelaksanaan

Dalam melaksanakan projek ini, Majlis menetapkan pendekatan yang berbeza antara PKIT anjuran Majlis dengan PKIT anjuran Kerajaan Negeri seperti berikut:

i) Anjuran Majlis

- a)** Majlis akan membiayai pembelian perkakasan komputer dan perabot.
- b)** Keahlian PKIT dibuka kepada semua penduduk setempat dan bayaran akan dikenakan kepada penguna. Wang kutipan ini dirancang untuk digunakan bagi membayar kos utiliti dan pembelian alat tulis komputer.
- c)** Majlis merancang menyediakan pegawai petugas dan tenaga pengajar untuk memberi latihan di pusat IT. Tenaga pengajar akan diberi imbuhan sejumlah RM30 sejam dari peruntukan Majlis. Latihan atau kursus komputer dirancang diadakan 2 jam sehari dan 4 kali seminggu.

iii) PKIT Anjuran Negeri

Perkakasan komputer dan perabot bagi PKIT anjuran Negeri akan ditaja oleh syarikat swasta yang dipilih oleh Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri menyediakan panduan kepada penaja mengenai keperluan

bagi setiap PKIT merangkumi perabot, perkakasan komputer termasuk perisian Microsoft Office 2000.

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Teknologi Maklumat Bil.5 Tahun 2001 menetapkan tanggungjawab membayar bil telefon, air, elektrik serta internet, kos penyelarasan dan penambahbaikan PKIT anjuran Kerajaan Negeri adalah bergantung kepada lokasi pusat itu. Dengan itu Majlis bertanggungjawab menjelaskan bil yang dikenakan terhadap 5 PKIT Kerajaan Negeri termasuk PKIT Taman Medan (walaupun ditempatkan di dalam Bangunan KEMAS).

Latihan dan kursus akan dikelolakan oleh pegawai dari Pusat ICT Negeri.

61.1.4 Pemilihan Lokasi

Kerajaan Negeri mengeluarkan panduan untuk memilih lokasi yang sesuai bagi menukuhan PKIT. Panduan ini diguna pakai oleh Majlis sebagai asas dalam proses penubuhan PKIT anjuran Majlis dan anjuran Kerajaan Negeri. Mengikut panduan tersebut, lokasi yang hendak dipilih haruslah berhampiran atau di dalam Perpustakaan Desa/Daerah. Ini bertujuan supaya tugas penyeliaan dan penyelaras PKIT tersebut boleh dilakukan oleh pustakawan. Apa yang perlu dilakukan hanyalah mendedahkan pustakawan tersebut dengan teknologi maklumat dan komputer. Jika lokasi lain dipilih ia hendaklah di dalam bangunan atau di bawah pengawasan Majlis. Di lokasi ini, seorang penyelia yang bertanggungjawab akan ditempatkan bagi memantau setiap aktiviti PKIT tersebut.

61.1.5 Reka Bentuk Pusat IT

Kerajaan Negeri juga telah mengeluarkan panduan keluasan minima bagi sesebuah PKIT. Panduan tersebut menetapkan bahawa bangunan PKIT hendaklah mempunyai ruang yang cukup bagi memuatkan sekurang-kurangnya 7 perkakasan komputer, dua pencetak, satu pengimbas dan 1 rak untuk menempatkan hub,

modem dan *internet server*. Selain itu, ia sesuai untuk menempatkan perabot yang terdiri daripada 13 kerusi, tujuh meja dan 2 rak. Bangunan PKIT juga mestilah mempunyai kemudahan asas seperti talian elektrik, telefon dan jeriji besi bagi menjamin keselamatan perkakasan komputer. Majlis mengguna pakai panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dalam merancang menyediakan pusat IT sama ada anjuran Majlis ataupun anjuran Negeri.

61.1.6 Promosi Program

Untuk menjayakan sesuatu program, pihak bertanggungjawab perlu merancang bentuk dan jenis promosi yang akan dijalankan. Bagi program ini, promosi melalui media massa, brosur, hebahan oleh Persatuan Penduduk dan sepaduk boleh dilaksanakan oleh pihak Majlis. Ini penting untuk menarik perhatian orang ramai serta sebagai makluman kepada mereka mengenai kewujudan program ini.

61.1.7 Golongan Sasaran

Pihak Majlis menetapkan golongan sasaran bagi semua pusat IT adalah pelajar sekolah/kolej dan penduduk setempat. Untuk mencapai matlamat tersebut, pihak Majlis perlu merancang strategi yang dapat menarik minat golongan sasaran mendekati PKIT. Di antara strategi yang akan dilaksanakan adalah dengan memberi peluang golongan tersebut mengenali kebaikan dan faedah yang boleh diperolehi dengan menjadi pengguna PKIT selain dari mengwujudkan suasana mesra IT.

61.1.8 Anggaran Kos Projek

i) PKIT Anjuran Majlis

Majlis menganggarkan sejumlah RM103,400 diperlukan bagi menubuhkan sebuah PKIT yang boleh menempatkan 15 buah komputer serta perkakasannya. Ini tidak termasuk anggaran

pengubahsuaian bangunan berjumlah RM30,000 dan kos operasi bulanan berjumlah RM1,180.

ii) PKIT Anjuran Negeri

Manakala Kerajaan Negeri pula menganggarkan kos sebuah PKIT adalah berjumlah RM76,000. Ini termasuk perbelanjaan 7 buah komputer serta perkakasannya berjumlah RM39,380, rangkaian dan perisian komputer RM15,980, kos perabot berjumlah RM5,640 dan kos pengubahsuaian bangunan RM15,000. Panduan keperluan sesebuah PKIT juga menetapkan perisian yang perlu bagi setiap komputer adalah *Microsoft Office 2000* dan pendaftaran *TM Net* bagi capaian internet.

Pada pendapat Audit, Majlis tidak membuat perancangan yang terperinci dan menyeluruh yang merangkumi semua aspek terutama peruntukan kewangan dan guna tenaga.

61.2 PELAKSANAAN

Sesuatu program yang dirancang perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin mengikut perancangan yang ditetapkan. Di peringkat pelaksanaan, pihak Audit mendapati perkara berikut :-

61.2.1 Kajian Awal

Pada awal penubuhan, operasi PKIT Taman Dato' Harun berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk dan pelajar di sekitarnya. Pada bulan pertama beroperasi, seramai 22 orang penuntut telah mengikuti kelas latihan komputer yang diadakan 3 sesi pada setiap hari Sabtu dan Ahad. Bilangan penuntut bertambah menjadi 48 orang mulai bulan ketiga. Tenaga pengajar juga telah ditambah daripada 2 orang menjadi 5 orang bagi menyelia 5 sesi kelas komputer yang diadakan 6 hari seminggu bagi memberi peluang semua penuntut dapat menghadiri

2 kelas seminggu. Antara mata pelajaran yang diajar adalah pengenalan kepada peralatan komputer dan Internet, asas menggunakan Microsoft Word 98 dan 2000 serta Microsoft Excel.

Setelah beroperasi selama 8 bulan, pengurusan PKIT ini mulai menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar dan kewangan bagi menampung perbelanjaan operasi dan bayaran kepada tenaga pengajar. Adalah didapati Persatuan Penduduk memohon bantuan daripada Majlis dalam bentuk kewangan untuk membayar elaun tenaga pengajar atau Majlis menyediakan tenaga pengajar dari kalangan kakitangan Majlis. Namun begitu permohonan tersebut tidak dilayan kerana Majlis tidak menyediakan peruntukan bagi perbelanjaan sedemikian dan kakitangan Majlis juga terikat dengan tugas di pejabat MPPJ. Akhirnya pada penghujung tahun 2000, Persatuan Penduduk Taman Dato' Harun telah memberhentikan operasi pusat ini kerana tidak berupaya menyelesaikan masalah tenaga pengajar dan sumber kewangan yang terhad.

Pada pendapat Audit, pihak Majlis perlu memberi sokongan dan bantuan kepada usaha Persatuan Penduduk supaya PKIT Taman Dato' Harun terus berjaya memberi faedah kepada masyarakat sebelum merancang menu buhkan PKIT di lain lokasi.

61.2.2 Pengurusan Pusat IT

i) PKIT Anjuran Majlis

Majlis merancang menu buhkan 3 PKIT pada tahun 2001. Namun begitu, setakat tarikh audit hanya PKIT Kota Damansara berjaya ditubuhkan. Bagi 2 lagi PKIT yang dirancang di Sri Setia dan Lembah Subang belum ditubuhkan kerana Majlis belum dapat mengenal pasti tapak yang sesuai untuk tujuan ini. Bahagian Projek Khas, Majlis Perbandaran Petaling Jaya telah mengubahsuai tingkat bawah bangunan

rumah pangsa PKNS untuk dijadikan ruang PKIT dan perpustakaan Kota Damansara.

PKIT Kota Damansara telah siap dibina pada tahun 2002 dan mula beroperasi pada awal tahun 2003. Majlis mengambil tanggungjawab menguruskan operasi pusat tersebut dengan menyediakan 6 orang pegawai yang bertugas secara bergilir di pusat ini. Pusat ini berjaya beroperasi untuk beberapa bulan tetapi akhirnya terpaksa ditutup. Mengikut alasan yang diberikan oleh pegawai Majlis, PKIT ini gagal terus beroperasi disebabkan kekurangan pegawai yang mana penggiliran tugas tidak dapat diteruskan walaupun pusat ini hanya dibuka 2 hari seminggu iaitu hari Selasa dan Khamis.

Penggiliran tugas di PKIT Kota Damansara tidak mendapat kerjasama dan sokongan penuh daripada Bahagian Teknologi Maklumat Majlis. Ini kerana pegawai di Bahagian tersebut lebih memberi keutamaan kepada tugas di Majlis berbanding tugas di PKIT. Bahagian ini juga tidak dapat menyediakan tenaga pengajar di pusat tersebut dengan imbuhan RM30 sejam sebagaimana dirancang. Ini disebabkan Majlis tidak menyediakan peruntukan khusus untuk tujuan tersebut dalam bajet tahun 2001 hingga 2003.

Sebagai perbandingan, Bahagian Teknologi Maklumat di Majlis Perbandaran Selayang mempunyai 16 orang kakitangan tetapi berjaya menggerakkan Pusat Siber Rakyat 1 di Bandar Baru Selayang. Pusat tersebut dibuka 7 hari seminggu mulai jam 12 tengah hari hingga 10 malam. Diperhatikan Pusat Siber Rakyat 1 di Selayang ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Sila lihat **Foto 6**.

Foto 6
Sambutan Yang Menggalakan Di Pusat Siber Rakyat 1
Di Majlis Perbandaran Selayang



Penjelasan Gambar : Pusat Siber Rakyat Majlis Perbandaran Selayang

Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Selangor

Tarikh : 6 Julai 2004

Pada pandangan Audit, sekiranya Majlis tidak dapat menyediakan kakitangan secukupnya, penyeliaan PKIT Kota Damansara bolehlah diserahkan kepada kakitangan Perpustakaan untuk mengendalikannya.

Operasi PKIT Taman Dato' Harun telah ditutup lebih dari 3 tahun bermula dari awal tahun 2001 sehingga tarikh lawatan Audit ke pusat tersebut pada bulan Februari 2004. Pada tarikh lawatan adalah didapati pusat tersebut telah dipecah masuk melalui siling dan 9 buah komputer telah hilang. Kejadian ini hanya ketahui oleh pihak Majlis pada tarikh lawatan bersama pasukan Audit. Kerugian akibat pencerobohan ini dianggarkan berjumlah RM27,000 tidak termasuk kerosakan bangunan.

Pada pendapat Audit, sepatutnya selepas Persatuan Penduduk menyerahkan kembali PKIT tersebut kepada Majlis, perabot dan perkakasan komputer dipindahkan segera ke pejabat MPPJ bagi mengelakkan kehilangan dan sebagainya.

ii) PKIT Anjuran Negeri

Majlis juga dikehendaki menyediakan bangunan yang sesuai bagi membantu Kerajaan Negeri menubuhkan 5 PKIT di bawah DUN kawasan Petaling. Empat tempat telah dikenal pasti dan pengubahsuaian telah dibuat pada tahun 2001 iaitu di Bangunan *Squash* di Taman Megah, Dewan Masyarakat di Kelana Jaya, Dewan Serbaguna Kampung Tunku (SS9/1 Sri Setia) dan bangunan Pusat Sumber KEMAS di Taman Medan Baru. Selain itu, pada tahun 2002 Majlis telah membina sebuah Balai Raya di Seksyen 17, Bukit Gasing dengan tajaan syarikat swasta untuk digunakan sebagai PKIT.

Setakat akhir tahun 2003 hanya 2 daripada 5 buah PKIT tersebut telah dibuka iaitu PKIT di Taman Medan dan di Kelana Jaya. Pengurusan PKIT di Taman Medan dijalankan oleh seorang kakitangan KEMAS dan pengurusan di PKIT Kelana Jaya diuruskan oleh Persatuan Penduduk.

Walaupun telah ditetapkan bahawa kos utiliti seperti bil elektrik, air, telefon dan internet bagi PKIT anjuran Kerajaan Negeri adalah tanggungjawab Majlis untuk menjelaskannya, namun pihak Majlis masih mempertikaikannya. Merujuk kepada Mesyuarat Khas antara Majlis dengan Ahli Jawatankuasa PKIT Taman Medan yang dipengerusikan oleh Yang DiPertua Majlis pada awal bulan Oktober 2001, persetujuan telah dicapai bahawa PKIT Taman Medan adalah di bawah tanggungjawab pihak KEMAS memandangkan ia terletak di dalam bangunan KEMAS. Oleh itu, semua bil berkaitan PKIT hendaklah dijelaskan pembayarannya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Namun begitu pihak KEMAS tidak bersetuju untuk

membayar bil penggunaan internet dan bil tersebut dibayar oleh MPPJ.

Lawatan Audit ke PKIT di 5 lokasi mendapati semua pusat tersebut telah dilengkапkan dengan perabot dan komputer kecuali PKIT di Bukit Gasing. Perkakasan komputer yang ditaja oleh syarikat swasta disusun di atas meja. Walau bagaimanapun, komputer dan perkakasannya di PKIT Kampung Tunku (Dewan Serbaguna Seri Setia) dikumpulkan di suatu sudut di atas lantai dan di atas meja. Pihak Audit diberitahu bahawa pusat tersebut tidak beroperasi sebagai PKIT tetapi telah digunakan untuk kegiatan politik di kawasan tersebut. Sila lihat **Foto 7**.

Foto 7

**Perabot dan Perkakasan Komputer Tersadai
Tidak Digunakan Di PKIT Kampung Tunku**



Penjelasan Gambar : Komputer yang ditaja oleh pihak swasta tidak digunakan.
Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Selangor
Tarikh : 11 Februari 2004

Kesemua kunci bangunan dan kunci pagar bagi 4 dari 5 PKIT yang dilawati adalah di bawah jagaan Persatuan Penduduk,

hanya 1 PKIT di bawah jagaan penyelia KEMAS. Dengan itu, secara tidak langsung keselamatan harta benda dan bangunan PKIT adalah di bawah tanggungjawab Persatuan Penduduk dan KEMAS.

Pada pendapat Audit, Majlis telah berjaya menyediakan tempat untuk kesemua pusat IT anjuran Negeri tetapi kurang berjaya menyediakan pusat IT anjuran sendiri.

61.2.3 Prestasi Projek

i) PKIT Anjuran Majlis

Pada tahun 2001, Majlis tidak menyediakan peruntukan khusus untuk perbelanjaan PKIT. Sungguhpun begitu, sejumlah RM45,000 daripada peruntukan Bahagian Projek Khas Majlis Perbandaran Petaling Jaya telah digunakan untuk mengubahsuai tingkat bawah rumah pangsa PKNS di Kota Damansara untuk dijadikan PKIT dan perpustakaan. Perabot PKIT ini seperti meja, kerusi, almari dan penghawa dingin diperolehi daripada peruntukan Projek Khas Majlis. Selain itu, Majlis telah membelanjakan lebih kurang RM132,822 daripada peruntukan Bahagian Teknologi Maklumat bagi membeli 15 buah set komputer dan 1 mesin pencetak untuk dibekalkan ke pusat ini.

Pusat ini mula beroperasi pada bulan Februari 2003. Pada awal pembukaan PKIT Kota Damansara, pelajar dikenakan bayaran RM2 bagi setiap jam bagi menggunakan komputer dan internet. Oleh kerana kurang sambutan, pihak Majlis telah 2 kali mengurangkan bayaran masuk kepada RM1 sejam dan yang terakhirnya RM0.50 sejam. Pengurangan bayaran masuk kepada RM0.50 sejam telah berjaya menarik ramai pelajar menggunakan PKIT ini. Namun demikian, petugas tidak mampu mengendalikan PKIT tersebut walaupun hanya dibuka 2 hari seminggu iaitu pada hari Selasa dan Khamis dari jam 9

pagi hingga 4 petang. Akhirnya selepas beberapa bulan beroperasi PKIT Kota Damansara terpaksa ditutup.

Jumlah kutipan yang telah dipungut dari pelajar tidak dapat ditentukan kerana maklumat mengenainya tidak disimpan oleh petugas PKIT Kota Damansara. Keadaan yang berbeza berlaku di Majlis Perbandaran Selayang di mana Majlis telah dapat mengumpulkan sejumlah RM4,642 pada tahun 2001, RM11,544 pada tahun 2002 dan RM30,689 bagi kutipan tahun 2003 daripada perkhidmatan di Pusat Siber Rakyat 1. Pusat ini juga mengenakan RM0.50 sejam kepada pelajar yang menjadi ahli.

ii) PKIT Anjuran Negeri

Majlis juga bertanggungjawab menyediakan ruang untuk menubuhkan PKIT anjuran Kerajaan Negeri. Dua daripada 5 tempat yang telah dikenal pasti untuk dijadikan ruang PKIT merupakan bangunan milik Majlis iaitu Gelanggang Squash MPPJ dan Dewan Masyarakat MPPJ di Kelana Jaya. Majlis telah mengubahsuai bangunan tersebut untuk dijadikan PKIT Taman Megah dan PKIT Kelana Jaya. Dua syarikat swasta telah menaja pembinaan 2 buah bangunan PKIT iaitu di Kampung Tunku (SS9A/1, Seri Setia) dan Bukit Gasing. Sebuah PKIT lagi ditempatkan di Pusat Sumber KEMAS di Taman Medan. Pada tahun 2003, semua PKIT yang dirancang telah sedia untuk digunakan.

PKIT Bukit Gasing yang telah dirancang sejak tahun 2001, hanya dapat disiapkan bangunannya pada tahun 2003. Lawatan Audit pada bulan Februari 2004 mendapati pusat ini masih belum dibekalkan lagi dengan perkakasan komputer. Pihak Audit diberitahu perkakasan komputer hanya diterima oleh PKIT ini pada bulan April 2004 dan ini menyebabkan PKIT ini belum beroperasi.

PKIT di bangunan KEMAS di Taman Medan telah dirasmikan pada bulan Jun 2001 dan terus beroperasi sehingga kini. PKIT di Taman Megah masih belum beroperasi sehingga akhir bulan Februari 2004, walaupun pengubahsuaian telah siap dan komputer serta perabot telah dibekalkan oleh syarikat swasta pada bulan Mei 2002. Pihak Audit diberitahu bahawa punca pusat ini masih belum dibuka adalah kerana kegagalan Persatuan Penduduk mencari petugas sukarela untuk menyelia pusat ini. PKIT Kampung Tunku dan Kelana Jaya telah siap pembinaannya dan telah dibekalkan komputer serta perabot oleh syarikat swasta. Mengikut penjelasan pegawai Majlis kedua PKIT ini yang dikendalikan oleh Persatuan Penduduk pernah beroperasi tetapi dalam tempoh yang singkat. Ini disebabkan pihak Persatuan Penduduk tidak begitu aktif memainkan peranan dalam operasi PKIT yang ditubuhkan. Pihak Audit juga mendapati tiada bukti pihak Majlis telah menjalankan tanggungjawab sewajarnya bagi merealisasikan matlamat penubuhan PKIT setelah pusat ini diserahkan kepada Persatuan Penduduk. Lawatan Audit ke lokasi PKIT Kampung Tunku dan Kelana Jaya mendapati pusat tersebut telah digunakan untuk kegiatan politik.

Lawatan Audit ke lokasi PKIT mendapati semua PKIT menyediakan jeriji besi pada pintu dan tingkap bagi menjaga keselamatan perkakasan komputer.

iii) **Kedudukan Keseluruhan PKIT**

Kedudukan keseluruhan PKIT di kawasan MPPJ adalah seperti **Jadual 34**.

Jadual 34
Kedudukan PKIT Setakat Bulan Mei 2004

Bil	PKIT	Status Fizikal	Kos Komputer Dan Perabot	Status Terkini
	Anjuran Majlis			
1.	Taman Dato' Harun	Lengkap	RM27,000 (komputer)	Tutup
2.	Kota Damansara	Lengkap	RM146,262	Tutup
3.	Seri Setia	Tiada	Tiada	-
4.	Lembah Subang	Tiada	Tiada	-
	Anjuran Negeri			
1.	Taman Megah	Lengkap	RM61,000 (anggaran)	Tutup
2.	Kampung Tunku	Lengkap	RM61,000 (anggaran)	Tutup
3.	Bukit Gasing	Perabot	RM5,640 (anggaran)	Tutup
4.	Taman Medan	Lengkap	RM64,820 (anggaran)	Buka
5.	Kelana Jaya	Lengkap	RM64,820 (anggaran)	Tutup

Sumber : Hasil Lawatan Audit

Kegagalan 5 PKIT iaitu Kota Damansara, Taman Megah, Kampung Tunku, Bukit Gasing dan Kelana Jaya beroperasi sebagaimana yang dirancang merupakan pembaziran yang tidak sepatutnya berlaku. Adalah dianggarkan kos pembelian komputer yang dibiayai oleh Majlis tidak termasuk kos bangunan berjumlah RM146,262, manakala tajaan syarikat swasta pula berjumlah RM192,460. Sila lihat **Foto 8** dan **Foto 9** yang memaparkan pusat IT yang telah lengkap tapi tidak digunakan.

Foto 8

PKIT Kota Damansara



Penjelasan Gambar: Peralatan Komputer PKIT Kota Damansara

Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Selangor
Tarikh : 29 Januari 2004

Foto 9

PKIT Kelana Jaya



Penjelasan Gambar: Peralatan Komputer PKIT Kelana Jaya

Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negeri
Tarikh: 11 Februari 2004

Pada pendapat Audit, Majlis masih boleh mengelakkan pembaziran terus berlaku dengan mengambil tindakan segera bersama Persatuan Penduduk membuka PKIT tersebut.

61.2.4 Pemilihan Lokasi

Pemilihan lokasi yang sesuai amat penting untuk menentukan kejayaan program ini. Pihak Audit mendapati semua bangunan yang dipilih untuk dijadikan PKIT mempunyai keluasan menepati kriteria yang ditetapkan bagi sesebuah PKIT. PKIT Taman Dato' Harun ditempatkan di Balai Raya taman tersebut. Lokasi ini dipilih kerana kedudukannya yang strategik dalam lingkungan kawasan perumahan kos rendah dan sederhana rendah yang padat dengan penduduk. Ini selaras dengan matlamat PKIT untuk mendedahkan pelajar sekolah kepada teknologi maklumat dengan kos yang rendah.

Kedudukan PKIT Kota Damansara di tingkat bawah bangunan rumah pangsa yang padat dengan penduduk juga memberi kelebihan kepada PKIT ini untuk mencapai matlamatnya merapatkan jurang digital di kalangan penduduk setempat selain

memberi kemudahan pembelajaran alternatif kepada pelajar. PKIT ini telah siap diubah suai pada awal tahun 2002.

Kedudukan PKIT Taman Medan di dalam Pusat Sumber KEMAS memberi banyak faedah kepada pengunjung PKIT daripada berbagai aspek seperti tempat berehat/berbincang serta bahan-bahan bacaan Pusat Sumber KEMAS yang boleh digunakan bersama.

Pada pendapat Audit, lokasi yang sesuai dan selamat boleh membantu kepada kejayaan pusat IT.

61.2.5 Promosi Program

Pihak Majlis ada menjalankan promosi untuk program ini dengan meletakkan banner di PKIT Taman Medan dan Taman Dato' Harun semasa pelancaran dibuat. Jawatankuasa Penduduk juga ada membuat hebatan kepada penduduk setempat mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun tiada bukti promosi untuk PKIT di Kota Damansara, Taman Megah, Kampung Tunku dan Kelana Jaya telah dilakukan.

61.2.6 Golongan Sasaran

Pemilihan lokasi di kawasan perumahan dan berhampiran sekolah adalah bertujuan untuk memudahkan pelajar sekolah memanfaatkan PKIT. Pemeriksaan Audit dan temubual dengan pegawai Majlis dan penyelia PKIT mendapati hampir 100% pengunjung PKIT yang telah dibuka seperti di Taman Dato' Harun, Kota Damansara dan Taman Medan adalah terdiri daripada pelajar sekolah, walaupun keahlian adalah terbuka kepada semua peringkat umur. Kemungkinan tiada pengunjung daripada kalangan orang dewasa adalah kerana PKIT hanya menyediakan komputer yang terhad, ruang legar yang sempit, tidak menyediakan tempat rehat serta tempat untuk berbincang dan tidak ada bahan rujukan komputer yang sesuai untuk orang dewasa.

Namun demikian, pihak Audit mendapat maklumat bahawa golongan dewasa juga menjadi pengunjung Pusat Siber Rakyat 1 (PSR) di Bandar Baru Selayang. Tarikan yang ketara adalah kerana Pusat ini dibuka dari jam 9 pagi hingga jam 10 malam setiap hari. Tempoh waktu operasi yang panjang memberi peluang golongan dewasa mengunjungi Pusat ini selepas waktu bekerja. Selain itu, Pusat ini menyediakan ruang rehat dengan set sofa serta televisyen dan tempat berbincang yang selesa. Ruang yang luas dan suasana selesa menjadikan pusat ini digemari pengunjung daripada berbagai peringkat umur.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan program PKIT ini tidak mengikut perancangan adalah kerana tidak ada komitmen yang jitu daripada semua pihak terutama pihak pengurusan Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Persatuan/ Jawatankuasa Penduduk yang mengendalikan operasi.

61.3 PEMANTAUAN

61.3.1 PKIT Anjuran Majlis

Program PKIT ini dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Majlis. Ketua Bahagian ini bertanggungjawab memastikan program PKIT Majlis dilaksanakan sebagaimana dirancang selain berperanan sebagai penyelaras kepada PKIT anjuran Kerajaan Negeri. Pemantauan terhadap program PKIT anjuran Majlis hanya dilakukan oleh pegawai Majlis. Antara mesyuarat yang sepatutnya membincangkan program PKIT adalah Mesyuarat Ketua Jabatan Majlis yang diadakan setiap bulan tetapi tiada perkara mengenai perkembangan PKIT dibincangkan. Mesyuarat Dalaman Bahagian Teknologi Maklumat Majlis yang dipengerusikan oleh Ketua Bahagian ini telah juga diadakan beberapa kali setahun. Dalam mesyuarat ini kadang kala ada dibangkitkan mengenai perkembangan PKIT Kota Damansara. Selain itu, pegawai di

Bahagian ini tidak mengadakan lawatan berkala ke PKIT di Taman Dato' Harun dan Kota Damansara bagi memastikan keselamatan perkakasan komputer serta mencari penyelesaian kepada masalah yang timbul di PKIT tersebut.

61.3.2 PKIT Anjuran Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat sepatutnya bertanggungjawab secara langsung terhadap semua penubuhan dan aktiviti PKIT di kawasan Majlis. Pemantauan terhadap PKIT ini seharusnya berterusan dari peringkat awal mengenal pasti lokasi sehingga selepas penyerahan bangunan PKIT kepada Persatuan Penduduk. Namun begitu adalah didapati pegawai Majlis tidak mengetahui perkembangan PKIT anjuran Kerajaan Negeri kerana lawatan tidak dilakukan ke lokasi dan tiada mesyuarat dengan Persatuan/Jawatankuasa Penduduk yang mengendalikan pusat tersebut.

Pemantauan terhadap PKIT anjuran Kerajaan Negeri juga dijalankan melalui beberapa mesyuarat yang dianjurkan oleh Pusat ICT Negeri Selangor. Antaranya ialah Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Teknologi Maklumat. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dengan dihadiri oleh semua wakil daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan wakil Jabatan di Negeri Selangor yang terlibat dengan ICT. Sepanjang tahun 2001 hingga 2003 Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 6 kali pada setiap tahun. Selain itu, Mesyuarat Penyelaras PKIT yang dihadiri oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan, pegawai dari Pejabat Tanah, pegawai dari Perpustakaan dan wakil dari syarikat swasta yang terlibat dengan penajaan PKIT di seluruh Negeri Selangor untuk membincangkan masalah dan perkembangan PKIT. Mesyuarat ini diadakan 4 kali pada tahun 2001, lima kali tahun 2002 dan sekali pada tahun 2003.

Pada pandangan Audit, pemantauan yang dijalankan oleh Bahagian Teknologi Maklumat terhadap program PKIT anjuran Majlis tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan lagi supaya mencapai matlamat penubuhannya. Begitu juga pemantauan oleh Majlis dan Bahagian ICT Negeri/Daerah terhadap PKIT anjuran Negeri.

62. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Program PKIT ini merupakan program sosial yang tidak berdasarkan keuntungan. Hasil pengauditan menunjukkan program PKIT tidak mencapai objektif yang ditentukan. Faktor yang menyebabkan kegagalan ialah strategi perancangan yang tidak teratur dan tidak merangkumi semua aspek, pelaksanaan program yang kurang cekap serta kurang pemantauan. Kelemahan ini mengakibatkan PKIT di kawasan Majlis tidak dapat terus beroperasi. Pihak Audit mengeysorkan:

- i) Majlis hendaklah menyediakan peruntukan kewangan yang mencukup bagi perbelanjaan operasi termasuk bayaran utiliti, eluan petugas dan tenaga pengajar, penyelenggaraan perkakasan komputer dan promosi.
- ii) Majlis perlu mempromosi secara menyeluruh kepelbagaiannya kemudahan dan faedah yang boleh diperolehi dengan menjadi ahli PKIT. Selain itu menambah tempoh operasi kepada 7 hari seminggu bagi menggalakkan pelajar menghabiskan masa di pusat ini.
- iii) Majlis perlu mengambil kakitangan untuk bertugas sepenuh masa untuk menjaga dan menyelia PKIT bagi memastikan pusat ini sentiasa dibuka pada waktu yang ditetapkan.

BAHAGIAN V
PERKARA AM

63. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Pejabat dan Agensi berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut :

- i) Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002.
- ii) Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai.

64. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2002

64.1 PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN DAN AGENSI NEGERI

Pada tahun 2002 Jabatan Audit telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pergairan Dan Saliran, Mahkamah Syariah, Majlis Perbandaran Kajang dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Antara perkara yang dilaporkan adalah seperti berikut :

- i) Manual Prosedur, Fail Meja dan senarai tugas tidak disediakan atau tidak dikemas kini.

- ii) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak diwujudkan atau jika ada tidak mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.
- iii) Aspek kawalan hasil seperti pemeriksaan mengejut tidak dibuat. Penyata penyesuaian hasil tidak disediakan dan kebenaran bertulis untuk mengutip wang tidak dikeluarkan kepada kakitangan yang memungut hasil.
- iv) Buku Vot tidak disesuaikan dengan Laporan Perbelanjaan Bulanan Perpendaharaan. Tanggungan tidak direkod dalam Buku Vot, Daftar Bil tidak diselenggara dengan kemas kini dan penggunaan borang pesanan tempatan tidak teratur.
- v) Kumpulan Wang Amanah dan deposit tidak disesuaikan dengan rekod Perpendaharaan. Ada beberapa akaun deposit lama tidak dituntut dan diambil tindakan sewajarnya.
- vi) Pengurusan aset dan inventori tidak memuaskan. Harta modal dan inventori tidak direkod dalam Daftar Harta Modal atau Daftar Inventori. Rekod penyelenggaraan kenderaan tidak kemas kini dan tindakan tidak diambil untuk melupuskan barang usang dan tidak ekonomi untuk dibaiki.

Kedudukan Masa Kini

Jabatan dan Agensi terlibat telah mengambil tindakan untuk menyelenggarakan dan mengemas kini semua rekod kewangan supaya lengkap dan teratur. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah diwujudkan dan mesyuarat telah diadakan seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan. Pemeriksaan mengejut telah dijalankan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang diberi kuasa. Daftar Harta Modal dan Inventori telah disediakan dan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Tindakan sewajarnya sedang diambil untuk melupuskan barang usang atau tidak ekonomi untuk dibaiki.

64.2 AKTIVITI PEJABAT DAN KAJIAN KHAS

64.2.1 JABATAN KERJA RAYA:

Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri

Jabatan Kerja Raya Selangor bertanggungjawab merancang dan melaksanakan kerja penyelenggaraan jalan negeri. Kajian Audit mendapati kerja penyelenggaraan jalan seperti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan baik oleh Jabatan Kerja Raya kerana kekurangan sumber kewangan. Bagi melaksanakan kerja penyelenggaraan jalan dengan cekap dan berkesan Jabatan Kerja Raya memerlukan peruntukan kewangan yang mencukupi. Memandangkan peruntukan yang diluluskan jauh lebih rendah daripada peruntukan yang diperlukan, Jabatan Kerja Raya tidak berupaya melaksanakan kerja penyelenggaraan seperti mana yang dirancang. Oleh itu, kerja penyelenggaraan jalan telah dilaksanakan mengikut keutamaan dan disesuaikan dengan peruntukan yang diterima.

Kedudukan Masa Kini

Peruntukan penyelenggaraan jalan adalah tidak mencukupi berbanding peruntukan yang diperlukan oleh Jabatan Kerja Raya. Penyelenggaraan jalan negeri tidak dapat dibuat mengikut perancangan disebabkan peruntukan yang dikehendaki tidak diperolehi. Oleh itu kerja penyelenggaraan jalan masih dilaksanakan mengikut keutamaan dan peruntukan yang ada.

64.2.2 PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI:

Program Pembangunan Usahawan Dan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS)

Program Pembangunan Usahawan dan IKS telah dirancang dengan teliti dan mengambil kira semua aspek seperti matlamat, golongan sasaran, sumber kewangan, spesifikasi serta strategi pelaksanaan. Walaupun begitu, perancangan terhadap program ini

masih boleh dipertingkatkan dengan mengadakan promosi yang lebih agresif melalui Dataran Usahawan Selangor. Maklumat terhadap aktiviti promosi dan sebagainya yang dilaksanakan oleh Dataran Usahawan Selangor hendaklah disampaikan kepada pengusaha dengan cepat, jelas dan berkesan untuk memastikan setiap pengusaha IKS mendapat maklumat yang kemas kini terhadap aktiviti Dataran Usahawan Selangor. Selain itu, prestasi pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan dan IKS boleh dipertingkatkan dengan menambah bilangan anggota di Seksyen Pembangunan Usahawan.

Kedudukan Masa Kini

Seksyen Pembangunan Usahawan dan IKS telah mengambil tindakan menambahbaik aspek perancangan. Seksyen ini telah merancang 18 kursus bagi tahun 2004. Produk IKS sedang giat dipasarkan di pasaraya tempatan dan ke luar negara. Seramai 3 orang usahawan telah berjaya bersaing di peringkat global. Seminar/bengkel kepada penghulu telah dilaksanakan bagi menyampaikan maklumat mengenai keusahawanan dan peranan Dataran Usahawan Selangor terhadap usahawan di Negeri Selangor. Bagi mempergiatkan lagi aktiviti IKS peruntukan berjumlah RM2.1 juta telah diluluskan pada 2004 berbanding sejumlah RM1.9 juta pada tahun 2002.

64.2.3 JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN:

Program Pencegahan Banjir

Jabatan Pengairan Dan Saliran telah merangka satu Pelan Tindakan bagi menangani masalah banjir di Negeri Selangor. Kajian Audit terhadap 2 program mencegah banjir menunjukkan beberapa masalah dalam pelaksanaan yang mengakibatkan projek lewat disiapkan. Jabatan ini telah menghadapi masalah halangan di tapak projek semasa projek dilaksanakan. Selain itu, bayaran kemajuan lewat dijelaskan dan projek yang telah siap tidak diselenggarakan. Perancangan yang lebih teliti hendaklah dilakukan sebelum

melaksanakan sesuatu projek serta penyelenggaraan hendaklah dibuat setelah projek selesai.

Kedudukan Masa Kini

Pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran telah mengambil tindakan memastikan halangan di tapak projek diselesaikan. Jajaran parit telah dialihkan mengikut kesesuaian tapak dan pagar dipasang untuk keselamatan. Jabatan juga akan memastikan kontraktor merancang dan mengkaji kerja yang hendak dijalankan di masa akan datang. Pegawai tapak juga telah diarahkan supaya mengemas kini Buku Harian Tapak bagi tujuan pemantauan. Perakuan Siap Kerja terhadap Projek Mencegah Banjir Sri Muda telah dikeluarkan pada bulan Jun 2002 dan pembayaran telah diselesaikan pada bulan September 2003. Kelewatan adalah disebabkan peruntukan yang tidak mencukupi dan terhad. Penyelenggaraan parit selepas projek selesai juga telah diambil tindakan.

64.2.4 MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR:

Pembinaan Dan Pengurusan Pusat Renang

Projek pembinaan Pusat Renang Negeri Selangor adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan sukan renang yang lengkap serta diiktiraf oleh badan sukan negeri dan peringkat antarabangsa. Pusat renang ini yang dijangka siap pada tahun 1995 hanya diserahkan kepada Majlis pada tahun 1998. Kajian Audit mendapati pelaksanaan projek ini tidak dibuat dengan sempurna dan menepati spesifikasi dan piawaian antarabangsa.

Kedudukan Masa Kini

Pihak Majlis Sukan Negeri bersetuju dengan perkara yang dilaporkan oleh Jabatan Audit. Walaupun begitu, tidak ada sebarang perkembangan terkini mengenai perkara ini dan pihak Majlis belum mengambil tindakan untuk memperbaikkan keadaan ini.

64.2.5 MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR:

Pengurusan Kutipan Dan Agihan Zakat

Sejak penubuhan Majlis, sistem pungutan dan agihan zakat telah ditadbir dan diurus oleh Majlis. Pada tahun 1994, pengurusan zakat telah dikorporatkan bertujuan untuk memantap dan mempertingkatkan kecekapan pengurusan zakat. Kajian Audit mendapati pengkorporatan pengurusan zakat telah berjaya meningkatkan kutipan zakat melalui usaha dakwah dan promosi zakat yang telah memberi kesedaran kepada umat Islam.

Kedudukan Masa Kini

Bagi memastikan pengurusan kutipan zakat dilaksanakan dengan teratur, Majlis sedang menyediakan Tatacara Kutipan Zakat bagi mengawal selia semua perkara yang berhubung dengan pungutan dan agihan zakat. Majlis dan anak syarikatnya MAIS Zakat Sdn. Bhd. telah merangka sasaran bilangan pembayar zakat harta dengan mewujudkan ‘Manual Perancangan Operasi’ untuk digunakan oleh Jabatan Dakwah dan Pemasaran. Promosi dan aktiviti dakwah telah dipertingkatkan meliputi daerah bagi meningkatkan hasil kutipan zakat. Contohnya penggunaan SMS dan kemudahan membayar zakat melalui kad kredit. Sistem permohonan bantuan agihan zakat juga telah dikemaskinikan dan diurus dengan sistematik selaras dengan perkembangan teknologi maklumat masa kini. Mulai bulan Jun 2003, proses permohonan bantuan agihan dilaksanakan mengikut prosedur kualiti ISO 9001 tahun 2001.

Pengagihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin dibuat mengikut keperluan jangka pendek dan jangka panjang. Bantuan jangka pendek diberikan dalam bentuk saguhati, bantuan perubatan dan lain-lain. Manakala bantuan jangka panjang adalah dalam bentuk projek pembangunan untuk fakir miskin.

64.2.6 MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA:

Aktiviti Pelesenan Dan Penguatkuasaan

Kajian terhadap aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan Majlis Perbandaran Subang Jaya mendapati perancangannya adalah selaras dengan peruntukan akta, undang-undang dan undang-undang kecil mengenainya. Aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan telah dilaksanakan mengikut Piagam Pelanggan dan Manual Prosedur Kerja. Walaupun begitu tindakan hendaklah diambil terhadap kelemahan yang diperhatikan seperti ketiadaan koordinasi antara Bahagian Undang-undang, Bahagian Kewangan dan Bahagian Pelesenan dalam melaksanakan penguatkuasaan dan keselamatan komputer dan sijil lesen yang belum digunakan.

Kedudukan Masa Kini

Majlis akan mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan tindakan penguatkuasaan akan dipertingkatkan dengan mengadakan koordinasi antara Jabatan tertentu. Juga akan memastikan kawalan keselamatan yang perlu wujud dalam setiap aplikasi komputer dan keselamatan lesen yang akan dikeluarkan.

65. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI

TAHUN 2000

65.1 JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN:

Rancangan Ternakan Tenusu

Rancangan Ternakan Tenusu bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran susu segar dan bilangan penternak tenusu, seterusnya peningkatan kepada taraf hidup penternak. Matlamat projek ini belum dapat dicapai sepenuhnya. Semakan Audit mendapati tidak ada seorang pun daripada 20 penternak yang mengusahakan rancangan ini yang berjaya mencapai taraf komersil.

Kedudukan Masa Kini

Jabatan akan memantau prestasi peserta yang menyertai program ini dan memastikan syarat perjanjian yang ditandatangani diikuti sepenuhnya. Kemudahan seperti khidmat nasihat dan kemudahan pemasaran akan diberi kepada peserta bagi memastikan rancangan ini berjaya.

65.2 PEJABAT TANAH DAN DAERAH HULU LANGAT: Pengurusan Tukar Syarat Kegunaan Tanah

Kajian Audit terhadap pengurusan tukar syarat kegunaan tanah di Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat menunjukkan berlaku kelewatan dalam memproses permohonan tukar syarat kegunaan tanah. Ini disebabkan oleh kelewatan pihak tertentu dan penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat kegunaan tanah tidak dilaksanakan.

Kedudukan Masa Kini

Manual Kualiti dan Prosedur Kualiti akan dipatuhi. Sistem pemantauan melalui mesyuarat kajian semula setiap 6 bulan akan diadakan dan penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat akan dilaksanakan dengan teratur.

65.3 PEJABAT TANAH DAN GALIAN: Pelaksanaan Sistem Geografi Darul Ehsan

Sistem Maklumat Geografi Darul Ehsan ialah sebuah pangkalan data yang dibangunkan untuk mengumpul maklumat geografi tanah di negeri Selangor. Projek ini gagal dilaksanakan kerana kajian awal tidak dijalankan dengan teliti, latihan yang sesuai tidak diberi dan kurang pemantauan oleh pihak yang terlibat. Sistem ini tidak dapat disempurnakan kerana kegagalan pihak pembekal menyiapkan aplikasi sistem seperti dipersetujui.

Kedudukan Masa Kini

Pihak berkuasa membuat keputusan supaya sistem ini ditamatkan oleh sebab Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan untuk membayar kerja pembangunan yang telah disiapkan. Selain itu, penglibatan pejabat daerah yang kurang memuaskan menyebabkan kelewatan dalam proses pembangunan sistem.

65.4 MAJLIS AGAMA ISLAM: Pengurusan Tanah Kurnia

Majlis Agama Islam Selangor mempunyai 20 bidang tanah kurnia seluas 437.33 ekar yang dikurniakan oleh Kerajaan Negeri. Hak milik bagi tanah tersebut masih belum diperolehi. Tujuan kurniaan tersebut adalah untuk Majlis mengurus dan membangunkannya bagi faedah dan kepentingan umat Islam khususnya dan secara tidak langsung kepada Majlis sendiri. Pemeriksaan menunjukkan tidak satu pun daripada tanah ini telah siap dibangunkan secara fizikal untuk dinikmati oleh umat Islam.

Kedudukan Masa Kini

Pihak Majlis akan memastikan proses pemberimilikan tanah akan segera dilaksanakan. Ini bagi memastikan tanah dimiliki untuk tujuan pembangunan masa hadapan. Pihak Majlis akan memastikan projek yang sesuai dan pemaju yang berwibawa dipilih untuk membangunkan tanah Majlis.

65.5 PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR: Projek Penswastaan Perumahan Di Kota Damansara

Pelaksanaan Projek Penswastaan Perumahan di Kota Damansara oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor bertujuan mengukuhkan kedudukan aliran tunainya semasa kegawatan ekonomi di samping dapat bersama-sama dengan pihak swasta menyiapkan projek perumahan mengikut perancangan. Kajian Audit menunjukkan harga jualan rumah telah dinaikkan berbanding dengan harga asal semasa cadangan penswastaan

dikemukakan dan kuota untuk Bumiputera telah diberikan kepada bukan Bumiputera.

Kedudukan Masa Kini

Program penswastaan PKNS dilaksanakan berdasarkan prinsip perkongsian untung. Mengenai kenaikan harga rumah PKNS dan kuota untuk Bumiputera diberikan kepada bukan Bumiputera, perkara tersebut telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa PKNS kerana kekurangan pembeli Bumiputera.

TAHUN 1999

65.6 PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR: Kajian Pembelian Dan Penjualan Tanah

Syarikat Shah Alam Properties Holding Berhad gagal menjelaskan harga penjualan tanah di Air Hitam dan Air Terentang kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor berjumlah RM153.13 juta.

Kedudukan Masa Kini

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor telah menerima bayaran tetapi tidak mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan.

TAHUN 1998

65.7 PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK: Pengurusan Kewangan

Kegagalan pihak Perbendaharaan Negeri memantau penyerahan akaun tunai bulanan oleh Pejabat Tanah Gombak telah mengakibatkan kehilangan hasil berjumlah RM627,384.

Kedudukan Masa Kini

Perkara ini masih dalam siasatan pihak Polis. Walaupun begitu, jumlah tersebut telah dibayar oleh pihak bank kepada Bendahari Negeri.

65.8 PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR: Kajian Sistem Kutipan Royalti Bahan Batu

Kadar yang berlainan dalam pertukaran daripada tan ke meter padu oleh Pejabat Tanah Daerah bagi kutipan bayaran royalti bahan batu mengakibatkan hasil royalti kurang dikutip.

Kedudukan Masa Kini

Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah mengeluarkan arahan supaya menggunakan kadar 2.65 tan bagi satu meter padu. Royalti berjumlah RM5.09 juta yang terkurang dikutip oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling masih belum dikutip hingga kini.

66. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN NEGERI

Menurut Seksyen 16(2) Akta Acara Kewangan 1957, Penyata Kewangan hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera yang boleh, selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara. Perkara 107(2) Perlembagaan pula menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2002 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri pada 16 Ogos 2004.

67. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Sehingga Mac 2004, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Awam Kerajaan

Negeri Selangor tahun 2001. Jawatankuasa juga telah bermesyuarat 5 kali pada tahun 2003 membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2000 dan 2001. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 35**. Jawatankuasa belum membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002.

Jadual 35
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam
Negeri Selangor Sepanjang Tahun 2003

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
27.02.2003	Majlis Perbandaran Petaling Jaya Majlis Daerah Kuala Langat	Laporan Audit 2000 Pengurusan Kewangan – Kawalan Hasil Pengurusan Landskap
08.05.2003	Majlis Agama Islam Jabatan Agama Islam Jabatan Pertanian Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling Majlis Daerah Sabak Bernam	Laporan Audit 2000 Pengurusan Tanah Wakaf Di Negeri Selangor Pembinaan Dan Pengurusan Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (ILDAS) Taman Agroteknologi Pertanian } Pengurusan Kewangan: 1) Kawalan Hasil 2) Pengurusan Akaun Amanah 3) Pengurusan Aset Dan Inventori
03.07.2003	Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor Pejabat Dewan Undangan Negeri Majlis Daerah Hulu Selangor	Laporan Audit 2000 Pengurusan Akaun Amanah Pencen Terbitan Pengurusan dan Kawalan Perbelanjaan Pihak Berkuasa Tempatan Pelaksanaan Program Penswastaan Projek di Negeri Selangor Pengurusan Kewangan: 1) Kawalan Pengurusan 2) Kawalan Perbelanjaan 3) Pengurusan Pinjaman 4) Pengurusan Harta Modal Laporan Audit 2001 Pengurusan Kewangan: 1) Kawalan Hasil 2) Kawalan Perbelanjaan 3) Pengurusan Aset Dan Inventori

Tarikh	Jabatan/Agenzi	Perkara
28.08.2003	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Jabatan Perhutanan Negeri Pejabat Tanah Dan Galian Negeri	Laporan Audit 2001 Pengurusan Kewangan: } 1) Kawalan Pengurusan } 2) Kawalan Hasil } 3) Kawalan Perbelanjaan } 4) Pengurusan Harta Modal Pelaksanaan Sistem Maklumat Geografi Darul Ehsan
30.10.2003	Jabatan Agama Islam Perbendaharaan Negeri Perbadanan Kemajuan Negeri Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	Laporan Audit 2001 Pengurusan Kewangan: } 1) Kawalan Pengurusan } 2) Kawalan Hasil } 3) Kawalan Perbelanjaan } 4) Pengurusan Aset Dan Inventori Projek Penswastaan Perumahan Di Kota Damansara Pembinaan dan Pengurusan Perpustakaan Awam Gombak

PENUTUP

Secara keseluruhannya ada kemajuan dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad, garis panduan yang tidak lengkap dan ketiadaan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Jabatan/Agenzi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

3 September 2004



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2003 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2003.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

3 September 2004

NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

LEMBARAN IMBANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2003


Penyata	Nota	2003	2002
		RM	RM
ASET			
A Wang Tunai	8	342,555,839.70	465,853,626.93
B Pelaburan	8	366,765,841.41	364,041,330.67
		709,321,681.11	829,894,957.60
JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI			
C Akaun Hasil Disatukan	9-11	536,842,152.10	650,234,439.65
D Akaun Amanah Disatukan	12-17	172,479,529.01	179,660,517.95
E Akaun Pinjaman Disatukan	18	0.00	0.00
		709,321,681.11	829,894,957.60

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata-penyata yang dikembarkan

PERBENDAHARAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

14 JULAI 2004


(SITI FATIMAH BT JALAL)
BENDAHARI NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN


(DATUK HJ MANSUR BIN RAMLI)
D.S.S.A., A.M.N.

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

PENYATA AKAUN MEMORANDUM SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2003

PENYATA	ASET	NOTA	2003 (RM)	2002 (RM)
E3	PINJAMAN BOLEH DITUNTUT (BADAN-BADAN BERKANUN)	19	337,316,297.41	334,189,758.65
	KEDUDUKAN PORTFOLIO			
	PORTFOLIO MANAGER			
	PEGANGAN SAHAM SEPERTI			
	BERIKUT :-			
	RASHID HUSSAIN ASSET	8	334,041.88	322,571.07
	MANAGEMENT SDN BHD			
	PEMBELIAN SAHAM PERNAS	8	500,000.00	500,000.00
	ATAS NAMA PKNS			
	PEGANGAN-PEGANGAN SAHAM	8	210,686,657.00	210,686,657.00
	OLEH PERBADANAN			
	MENTERI BESAR SELANGOR (PMB)			
F	AKAUN BELUM TERIMA (ABT)	3	356,261,433.31	113,598,756.58
	PENJUALAN SAHAM 'SOPIC'	8	22,000,000.00	22,000,000.00
			<u>927,098,429.60</u>	<u>681,297,743.30</u>
	TA NGGUNGAN			
E2	HUTANG KERAJAAN NEGERI	20	<u>1,055,761,208.55</u>	<u>1,056,759,351.62</u>

PERBENDAHARAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

14 JULAI 2004

(SITI FATIMAH BT JALAL)

BENDAHARI NEGERI

SELANGOR DARUL EHSAN

D.S.S.A., A.M.N

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

SELANGOR DARUL EHSAN

NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

C PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

<i>Perihal</i>	<i>Belanjawan</i> RM	<i>2003</i>		<i>2002</i>	
		<i>Sebenar</i> RM	<i>Belanjawan</i> %	<i>Sebenar</i> RM	<i>Belanjawan</i> %
BAKI PADA 1 JANUARI		650,234,439.65		1,026,295,225.56	
C1 HASIL					
Hasil Cukai	310,000,000.00	340,347,663.55	35.45	332,388,115.03	38.18
Hasil Bukan Cukai	407,001,780.00	412,971,668.86	43.02	403,692,625.76	46.37
Terimaan Bukan Hasil	330,000,000.00	206,676,579.06	21.53	134,447,737.80	15.44
JUMLAH HASIL	1,047,001,780.00	959,995,911.47	100.00	870,528,478.59	100.00
C2 PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	148,063,588.06	143,521,185.40	13.37	140,668,293.50	11.28
Perkhidmatan Dan Bekalan	197,177,481.94	189,279,832.03	17.63	477,680,024.09	38.32
Aset	13,962,488.00	8,472,626.98	0.79	8,988,859.70	0.72
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	848,438,192.00	730,326,055.99	68.04	602,335,654.66	48.32
Perbelanjaan Lain	4,360,030.00	1,788,498.62	0.17	16,916,432.55	1.36
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	1,212,001,780.00	1,073,388,199.02	100.00	1,246,589,264.50	100.00
LEBIHAN/(DEFISIT) BAGI TAHUN		(113,392,287.55)		(376,060,785.91)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		536,842,152.10		650,234,439.65	

**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
Agenzi Negeri Sehingga 31 Julai 2004**

Bil	Agenzi	Penyata Kewangan Terakhir Diakui	Penyata Kewangan Sedang Diaudit	Penyata Kewangan Belum Terima
A)	<u>BADAN BERKANUN NEGERI</u>			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	2002		2003
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	2002		2003
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	2002		2003
4.	Majlis Sukan Negeri Selangor	2002		2003
5.	Lembaga Muzium Negeri Selangor	2002		2003
6.	Lembaga Urus Air Selangor	2002		2003
7.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	2002		2003
B)	<u>KUMPULAN WANG</u>			
1.	Kumpulan Wang Biasiswa King George V Silver Jubilee	2002		
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Institiut Victoria	2003		
3.	Kumpulan Wang Amanah Sir Henry Gurney	2003		
4.	Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	2002	2003	
5.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	2003		
C)	<u>MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR</u>	2001	2002	2003
D)	<u>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</u>			
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2002		2003
2.	Majlis Perbandaran Kajang	2002		2003
3.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2002		2003
4.	Majlis Perbandaran Selayang	2002		2003
5.	Majlis Perbandaran Klang	2002	2003	
6.	Majlis Perbandaran Petaling Jaya	2002	2003	
7.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2002		2003
8.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2001	2002	2003
9.	Majlis Daerah Sepang	2002		2003
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	2002		2003
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2002	2003	
12.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2002		2003

Pensijilan Penyata Kewangan Pada Tahun 2003

Bil	Agenzi	Tahun Akaun	Jenis Sijil	
			Tanpa Teguran	Berteguran
A)	<u>BADAN BERKANUN NEGERI</u>			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	2002	Tanpa Teguran	
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	2000 2001 2002	Tanpa Teguran Tanpa Teguran Tanpa Teguran	
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	2001 2002		Berteguran Berteguran
4.	Majlis Sukan Negeri Selangor	2001 2002		Berteguran Berteguran
5.	Lembaga Muzium Negeri Selangor	2000 2001 2002		Berteguran Berteguran Berteguran
6.	Lembaga Urus Air Selangor	2002	Tanpa Teguran	
7.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	2002	Tanpa Teguran	
B)	<u>KUMPULAN WANG</u>			
1.	Kumpulan Wang Biasiswa King George V Silver Jubilee	2002	Tanpa Teguran	
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Institut Victoria	2002	Tanpa Teguran	
3.	Kumpulan Wang Amanah Sir Henry Gurney	2002	Tanpa Teguran	
4.	Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	2001 2002		Berteguran Berteguran
5.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	2002	Tanpa Teguran	
C)	<u>MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR</u>	2001 2002	Tanpa Teguran Tanpa Teguran	

Bil	Agensi	Tahun Akaun	Jenis Sijil	
			Tanpa Teguran	Berteguran
D)	<u>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</u>			
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2002	Tanpa Teguran	
2.	Majlis Perbandaran Kajang	2002	Tanpa Teguran	
3.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2002		Berteguran
4.	Majlis Perbandaran Selayang	2002		Berteguran
5.	Majlis Perbandaran Klang	2002	Tanpa Teguran	
6.	Majlis Perbandaran Petaling Jaya	2002		Berteguran
7.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2002	Tanpa Teguran	
8.	Majlis Daerah Sepang	2002		Berteguran
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	2002	Tanpa Teguran	
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2002	Tanpa Teguran	
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2002	Tanpa Teguran	

**Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan
Agenzi Negeri Sehingga 31 Julai 2004**

Bil	Agensi	Akaun Terakhir Dibentangkan		Akaun Belum Dibentangkan
		Tahun Akaun	Tarikh Dibentangkan	
A)	<u>BADAN BERKANUN NEGERI</u>			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	2001	28.04.2003	2002
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	2000	28.04.2003	2001
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	TB	-	-
4.	Majlis Sukan Negeri Selangor	TB	-	-
5.	Lembaga Muzium Negeri Selangor	2000	28.07.2003	2001 dan 2002
6.	Lembaga Urus Air Selangor	2001	28.04.2003	2002
7.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	-	-	2002
B)	<u>KUMPULAN WANG</u>			
1.	Kumpulan Wang Biasiswa King George V Silver Jubilee	TB	-	-
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Institiut Victoria	TB	-	-
3.	Kumpulan Wang Amanah Sir Henry Gurney	TB	-	-
4.	Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	TB	-	-
5.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	TB	-	-
C)	<u>MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR</u>	2001	30.04.2004	1422H
D)	<u>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</u>			
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2001	24.05.2004	2002
2.	Majlis Perbandaran Kajang	2001	24.05.2004	2002
3.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2001	24.05.2004	2002
4.	Majlis Perbandaran Selayang	2001	24.05.2004	2002
5.	Majlis Perbandaran Klang	2001	24.05.2004	2002
6.	Majlis Perbandaran Petaling Jaya	2001	24.05.2004	2002
7.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2001	24.05.2004	2002
8.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2001	24.05.2004	-
9.	Majlis Daerah Sepang	2001	24.05.2004	2002
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	2001	24.05.2004	2002
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2001	24.05.2004	2002
12.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2001	24.05.2004	2002

* TB - Tidak Berkenaan